Pada tahun 2022, Institut Sains Samudera dan Bumi atau *Institute Ocean and Earth Sciences* (IOES) meneruskan kecemerlangan sebagai pusat penyelidikan terujuk dengan pemantapan pencapaian sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) Fasa II, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam bidang nic Interaksi Udara – Laut – Darat. Di bawah naungan Program HICoE Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, IOES melaksanakan penyelidikan bagi tujuan memajukan pemahaman kita dalam bidang nic “Interaksi Udara-Laut-Darat” di bawah iklim dan pemandu bukan iklim, dan cara pemandu ini mempengaruhi cuaca dan kebolehubahan keadaan lautan fizikal. Perubahan ini akan memberi kesan kepada proses biota dan ekologi, menjejaskan keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan tekanan ini. Penyelidikan ini adalah kritikal kerana ia menyumbang pengetahuan saintifik kepada pembangunan strategi, teknologi dan dasar yang bertujuan untuk mengurangkan atau menyesuaikan diri dengan kesan perubahan dan tekanan ini. Kecemerlangan pencapaian IOES dalam program HICoE Fasa II telah membolehkan IOES berjaya memeperolehi geran peruntukan padanan sebanyak satu juta ringgit Malaysia (RM1,000,000.00) daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Geran Padanan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) Fasa II IOES.

YAB Tan Sri Zarinah Anwar, Pengerusi, Lembaga Pengarah Universiti Malaya telah mengadakan sesi lawatan ke makmal-makmal penyelidikan IOES di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) pada 8 Februari 2022. Ketibaan beliau ke IOES telah diiringi oleh Prof Ir. Dr Shaliza Ibrahim (Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)), Profesor Madya Dr. Chai Lay Ching (Ketua Pusat Perkhidmatan Penyelidikan) dan Prof. Madya Dr. Nahrizul Adib Kadri. Pengarah dan Timbalan Pengarah IOES, Prof Dr Sumiani Yusoff dan Prof Dr Lim Phaik Eem seterusnya memberi taklimat ringkas mengenai projek HICoE IOES dan beberapa projek penyelidikan terpilih oleh para penyelidik IOES seperti projek Zero Waste, sub program HICoE – penyelidikan gas halocarbon, projek PULIH, HPLC analyser, projek GlobalSeaweed STAR dan juga beberapa projek penyelidikan oleh pelajar pascasiswazah IOES. Buku-buku, siri monograf dan buletin terbitan IOES turut diperlihatkan kepada beliau di samping beberapa anugerah dan kejayaan yang diraih oleh para penyelidik dan pelajar pascasiswazah IOES di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Di samping itu, beliau turut dibawa melawat Makmal Penyelidikan Alga yang diketuai oleh Emeritus Prof. Dr Phang Siew Moi dan diterangkan mengenai beberapa hasil penyelidikan alga dan produk. Antara projek yang diterang adalah projek penjanaan bioelektrik daripada algal biophotovoltaic (BPV) dan projek SATREPS UTM-UM-Saga University mengenai pembangunan pengkulturan rumpair laut dengan air laut dalam yang sejuk.



Selain daripada itu, kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan teknologi sains marin oleh para pakar IOES juga dikenal pasti dan dipilih oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk terlibat sebagai pempamer Festival of Ideas (FOI) yang berlangsung dari 3-5 Oktober 2022 di perkarangan lobi Kementerian Pengajian Tinggi. IOES telah membahagikan pameran kepada beberapa bahagian iaitu *Climate Change: Resiliency, Adaptation and Mitigation* pada hari pertama; *Algal Biophotovoltaic (BPV) Device*; *Air-Land-Biota Interactions: Towards a better understanding of the drivers and their interactions that influence the coastal ecosystem under a changing climate*

pada hari kedua dan *Green products towards Environmental Sustainability: Cocos Adsorbent*, dan *Kappa plastic* pada hari ketiga. Melalui pameran ini, para penyelidik IOES bukan sahaja dapat berkongsi ilmu hasil kajian bersama komuniti awam tetapi juga dapat menerokai kolaborasi baru.



IOES telah dijemput untuk menyertai Galeri Pameran Penyelidikan “Universiti Malaya Research Gallery” yang dianjurkan oleh portfolio Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) melalui Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan pada 7 September hingga 7 Oktober 2022. Galeri Penyelidikan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Zarinah Anwar (Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya) pada 14 September 2022. Dalam pameran penyelidikan ini, IOES telah memaparkan hasil penyelidikan dalam bidang kajian Marin Bioteknologi; Biodiversiti Marin dan Kajian Persisiran Pantai; Kajian Interaksi Udara-Lautan-Bumi & Perubahan Iklim dan sebagainya. Antara bahan specimen menarik yang dipamerkan oleh IOES adalah obor-obor, tulang dugong, terumbu karang, karang lembut, spesimen ikan, spesies rumpai laut baharu di Malaysia dan sebagainya. Disamping itu, Dato’ Ami Moris, Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya dan wakil dari MRANTI turut melawat ke gerai penyelidikan IOES di UM Research Gallery pada 5 Oktober 2022 dan 7 Okt 2022.



Di samping itu, Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) telah menganjurkan Karnival Pendidikan UM pada 28-29 September 2023 berempat di Stesen Penyelidikan Marin Bachok, IOES, UM, Bachok, Kelantan. Pihak BMRS, IOES juga telah mengadakan pameran booth IOES di Karnival Pendidikan UM ini dan Prof Ir. Dr. Shaliza Ibrahim juga melawat BMRS pada hari tersebut dan berkesempatan mengunjungi pameran booth IOES dan makmal di BMRS.



Kecemerlangan penyelidikan para penyelidik IOES juga turut mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat dalam dan luar negara. Antara pengiktirafan yang terkemuka adalah seperti yang berikut:

- **Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) 2022** - Profesor Ir Dr Shaliza Ibrahim FASc, telah dilantik sebagai felo baharu Akademi Sains Malaysia (ASM) baru-baru ini di atas pencapaian yang cemerlang dalam bidang Sains Kejuruteraan. Majlis Penganugerahan Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) telah diadakan pada 20 September 2022 di EQ Equatorial Plaza, Kuala Lumpur.
- **Pingat Tokoh Antartika Kebangsaan** – Profesor Dato’ Dr Azizan Abu Samah, Felo Penyelidik Kanan IOES telah dianugerahkan Pingat Tokoh Antartika Kebangsaan atas pencapaian dan sumbangan beliau dalam penyelidikan berkaitan perubahan iklim dan penyelidikan antartika di peringkat tempatan dan antarabangsa.



World Top 2% Scientists by Stanford University - Emeritus Professor Dr Phang Siew Moi and Professor Dr Sumiani Yusoff telah disenarakan sebagai the World's Top 2% Scientists 2022 masing-masing dalam bidang Biologi Marin & Hidrobiologi dan Sains Alam Sekitar.

Di samping itu, pelbagai aktiviti penyelidikan/ siri seminar IOES/ mesyuarat kolaborasi penyelidikan/ bengkel/ lawatan penyelidikan telah dilaksanakan pada tahun 2022 dalam usaha memantapkan pencapaian penyelidikan IOES di peringkat global. Ini termasuklah Siri Seminar Sainifik/ Webinar IOES seperti yang berikut:

Webinar 1: Traffic Pollutants and The Near-Road Environment - Webinar sulung IOES pada tahun 2022 telah dimulakan oleh by Emeritus Prof. Dr. Peter Brimblecombe daripada National Sun Yat-sen University, Taiwan pada 25 Mac 2022. Beliau membentangkan hasil kajian mengenai pencemaran lalu lintas bandar (urban traffic pollution) dan seramai 20 orang peserta daripada Malaysia, China, Taiwan dan Hong Kong telah menyertai webinar ini.

Webinar 2: Numerical Modelling of Urban Air Quality yang disampaikan oleh Prof Dr Keith Ngan dari City University of Hong Kong berkenaan pencemaran udara bandar pada 28 Mac 2022. Seramai 21 orang peserta daripada pelbagai negara seperti Malaysia, China, Taiwan, Hong Kong dan Singapura telah menyertai webinar ini yang dijalankan menerusi platform Zoom. Webinar ini juga merupakan perintis kepada kolaborasi penyelidikan yang akan datang dalam bidang pemodelan pencemaran udara bandar.


Workshop on Generic Mapping Tools (GMT) telah dianjurkan secara bersama oleh Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES) dan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan pada 28 September 2022. Bengkel ini telah mendapat tajaan daripada FIO-UM Joint Center of Marine Science and Technology dan berjaya menarik penyertaan daripada 20 orang peserta yang terdiri daripada ahli akademik, penyelidik dan pelajar pascasiswazah.

Bengkel Biosekuriti dan Konservasi telah dianjurkan bersama oleh IOES dan Jabatan Perikanan Sabah pada 20 Okt 2022 di Sabah. Bengkel ini diadakan sebagai salah satu aktiviti pembangunan kapasiti di dalam projek ASTEC yang ditaja oleh Department for Environment, Food and Rural Affairs (DEFRA), UK melalui Natural History Museum (NHM) UK. Topik yang diketengahkan di dalam bengkel ini adalah Conservation and Management of Wild Stocks oleh Prof. Juliet Brodie dari NHM dan Biosecurity for the Eucheumatoid seaweed farming industry oleh Prof Elizabeth Cottier-Cook dari Scottish Association for Marine Science (SAMS), UK.

Bengkel "International Workshop on Plastic Pollution: From the Pacific to The Pole" telah dianjurkan bersama antara Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC), Universiti Malaya dengan kerjasama British Antarctic Survey (BAS), British High Commission, Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES), Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP), Universiti Malaysia Terengganu; Institut Pengajian Termaju, Universiti Malaya dan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) pada 1 Disember 2022 bertempat di The Cube, Kompleks Pengajian Termaju, Universiti Malaya sempena Hari Antartika. Bengkel ini merangkumi 10 pembantangan oral yang mengenai isu-isu plastik global, terutama sekali berkaitan pengaruh pencemaran plastik dari rantau Pasifik hingga ke kawasan kutub, masalah pencemaran plastik dari aspek sains, polisi dan governan, disusuli dengan perbincangan meja bulat. Bengkel ini telah dihadiri oleh 40 orang peserta secara hibrid yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah, ahli penyelidik, ahli akademik, industri, kementerian dan NGO.

Selain daripada itu, satu Bengkel Perancangan Strategik IOES telah diadakan pada 17 November 2022 bagi membincangkan dan merancang hala tuju IOES. Semua staf akademik dan penyelidik IOES telah memberikan idea dan input bagaimana untuk lebih memajukan IOES daripada aspek pentadbiran dan penyelidikan.

Tanggungjawab dan komitmen IOES dalam menyumbang dalam pembangunan kertas kerja polisi negara serta memberi pendedahan kepada komuniti dan pihak awam berkenaan kepentingan bidang pengajian sains marin sentiasa dititikberatkan. Laporan teknikal yang bertajuk “Position Paper on Blue Economy: Unlocking the Value of The Oceans 216 pp. (ISBN 978-983-2915-95-9) (<https://www.akademisains.gov.my/asm-publication/position-paper-on-blue-economy-unlocking-the-value-of-the-oceans/>) telah diterbitkan dibawah Akademik Sains Malaysia pada Disember 2022. Laporan teknikal ini diketuai oleh Emeritus Profesor Dr Phang Siew Moi sebagai pengerusi ASM Special Interest Group on Blue Economy dan dihasilkan bersama-sama pakar kebangsaan termasuk Profeseor Dr Sumiani Yusuff, Profesor Dr Lim Phaik Eem, Dr Pong Sze Wan dan Dr Yeong Hui Yin daripada Institut Sains Samudera dan Bumi, Universiti Malaya.



3.8 PUSAT PENYELIDIKAN FOTONIK (PRC)

Pada tahun 2022, Pusat Penyelidikan Fotonik (PRC) telah menerima sejumlah RM1.204 juta dana dalam bentuk geran penyelidikan. Daripada jumlah tersebut 75% adalah daripada pihak industri dan selebihnya iaitu 25% adalah daripada sumber kerajaan. Sebagai sebuah pusat penyelidikan yang diiktiraf sebagai HICOE oleh pihak KPT, PRC juga terus giat dalam menghasilkan penerbitan di dalam jurnal antarabangsa. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 69 artikel daripada PRC telah berjaya diterbitkan dalam jurnal WOS

Pada tahun 2022, PRC telah bekerjasama dengan Sime Darby Research Sdn. Bhd. (SDR) dalam 2 lagi projek penyelidikan iaitu *Development of High Power Laser in the Wavelength Region of 1.55 and 2.0 micron for Palm Oil Fresh Fruit Bunches Harvesting* dan *Laser Remote Sensor for the Assessment of Oil Pal Fruit*. Projek-projek penyelidikan yang mencecah nilai hampir RM903,000 dibiayai sepenuhnya oleh pihak SDR telah mempelopori penggunaan teknologi fotonik terutamanya laser dalam industri perladangan kelapa sawit. Ia selari dengan usaha SDR dalam mengautomasi beberapa aktiviti perladangan yang bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Projek-projek ini merupakan kesinambungan daripada satu projek yang dimulakan pada tahun 2021.

Kerjasama PRC dengan pihak industri bukan sahaja terbatas dalam bidang penyelidikan tetapi juga dalam pembangunan sumber manusia. Pada tahun 2022, pusat ini telah bekerjasama dengan Coherent Inc., sebuah syarikat mutinasional yang berpangkalan di Amerika Syarikat dan kini beroperasi di Ipoh dan Pulau Pinang. Kerjasama ini melibatkan 35 jurutera syarikat tersebut dalam program Sarjana (Penyelidikan) di Universiti Malaya. Program yang bertujuan untuk menaiktaraf kelayakan pendidikan dan kemahiran jurutera-jurutera tersebut amat penting bagi memastikan jurutera-jurutera syarikat tersebut di Malaysia adalah kompeten dan dapat berdaya saing di peringkat antarabangsa.

PRC telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa secara atas talian iaitu “2nd International Conference of Innovative Optical Sensors 2022” yang berlangsung selama dua hari pada 18-19 Julai 2022. Persidangan ini dianjurkan bersama-sama dengan dua rakan kerjasama

PRC iaitu *City, University of London* dan *University of Southampton* dan ia ditaja sepenuhnya oleh MIGHT di bawah dana Newton Ungku Omar Fund (NUOF). Seramai lebih daripada 100 peserta dari dalam dan luar negara telah turut mengikuti persidangan ini secara maya.

3.9 PUSAT PENYELIDIKAN BIOTEKNOLOGI PERTANIAN (CEBAR)

Penubuhan CEBAR pada tahun 2005 adalah selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara (2005 - 2020) yang telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk menjadikan bioteknologi sebagai enjin ekonomi baharu untuk Malaysia. Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, Universiti Malaya adalah antara peneraju utama bidang penyelidikan bioteknologi pertanian di negara ini. Justeru, CEBAR komited untuk memastikan setiap penyelidikan yang dijalankan selari dengan perkembangan terkini dalam bidang penyelidikan bioteknologi moden dan berimpak tinggi.

Antara bidang utama penyelidikan CEBAR adalah sekuriti makanan. CEBAR banyak menjalankan kolaborasi dalam bidang penyelidikan bagi menghasilkan teknologi moden yang penting untuk meningkatkan produktiviti hasil sektor pertanian dan perikanan demi menjamin sekuriti makanan negara. Kerjasama ini penting untuk menangani isu keselamatan makanan global yang kini amat kritikal disebabkan oleh cabaran seperti pandemik, perubahan iklim dan konflik antarabangsa, sekaligus membolehkan CEBAR mendukung visi UM ke arah menjadi universiti yang memberi impak di peringkat global.

Tanggungjawab dan komitmen CEBAR dalam memberikan sumbangan dan impak ke arah pembangunan rakyat secara lestari bukan sahaja tertumpu kepada warga kampus, malah melibatkan komuniti dan sektor awam. Bersesuaian dengan kepakaran sedia ada warga CEBAR, the Global Institute for Tomorrow (GIFT) telah memilih CEBAR untuk menjadi sebahagian daripada program kepimpinan yang tertumpu kepada kepada bidang sekuriti makanan. GIFT adalah badan pemikir bebas pan-Asia yang secara meluas menganjurkan program kepimpinan bagi pelbagai syarikat besar Malaysia. Seramai lebih dari 10 peserta yang terdiri daripada pengurus dan pemimpin muda dari Maxis telah menyertai program ini yang dikoordinasi bersama oleh beberapa penyelidik CEBAR.



Gambar: Seramai lebih daripada 10 peserta yang terdiri daripada pengurus dan pemimpin muda dari Maxis telah menyertai program kepimpinan bidang sekuriti makanan yang dikoordinasi bersama beberapa penyelidik CEBAR pada 7 November 2022.

Jadual 3.9.1: Perbandingan pencapaian HICOE dan UMCOE Bagi Tahun 2021 dan tahun 2022

HICOE/UMCOE	PENERBITAN HASIL PENYELIDIKAN (ISI-WoS Index)		GERAN PENYELIDIKAN (RM)	
	2022	2021	2022	2021
Centre for Research in Biotechnology for Agriculture (CEBAR)	46	50	1,174,355.67	966,746.00

Jadual 3.9.2: Pengiktirafan / Anugerah Yang Diterima Oleh HICoE/UMCoE Bagi Tahun 2022

BIL.	PENERIMA	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH		PERINGKAT
1	Prof. Dr. Jennifer Ann Harikrishna	MSMBB Distinguished Scientist Awards	CEBAR	Kebangsaan
2	Prof. Dr. Subha Bhassu	Ahli Majlis Professor Negara	CEBAR	Kebangsaan
3	Prof. Dr. Subha Bhassu	Ahli British Publishing House (BPH)	CEBAR	Antarabangsa
4	Prof. Dr. Subha Bhassu	Bronze Award Winner at the PECIPTA 2022	CEBAR	Kebangsaan
5	Associate Prof. Ir. Dr. Poo Balan A/L Ganesan	World's 2% Top Researchers	CEBAR	Antarabangsa
6	Associate Prof. Ir. Dr. Poo Balan A/L Ganesan	Ahli British Publishing House	CEBAR	Antarabangsa
7	Associate Prof. Dr. Geok Yuan Annie Tan	UKM Knovasi 2022 tema: pendekatan memperkasakan masyarakat (Emas)	CEBAR	Kebangsaan
8	Associate Prof. Dr. Geok Yuan Annie Tan	Invention, Innovation & Design on e-Learning: Bronze Medal	CEBAR	Kebangsaan
9	Associate Prof. Dr. Yusmin binti Mohd Yusuff	Best Poster Presentation Award	CEBAR	Kebangsaan
10	Dr. Rosazlin Abdullah	Hadiah Merit, Kategori B (Kertas Separa/Bukan Teknikal)	CEBAR	Kebangsaan
11	Dr. Rosazlin Abdullah	HIAF Award at Tech Plan Demo Day in Malaysia 2022	CEBAR	Kebangsaan
12	Dr. Norhidayah Mohd Taufek	Swiss Innovation Challenge 2021/2022 (first and second pitching)	CEBAR	Kebangsaan
13	Dr. Purabi Mazumdar	Advisory Board of ORESKO PLANTATION SDN BHD	CEBAR	Kebangsaan
14	Dr. Fiqri Dizar Khaidizar	Top Downloaded Paper of IJMS	CEBAR	Antarabangsa
15	Dr. Chua Kah Ooi	5th Prize for the Young Researcher Award International Microbiome Diagnostic Forum	CEBAR	Kebangsaan

3.10 PUSAT PENYELIDIKAN NANOTEKNOLOGI DAN PEMANGKINAN (NANOCAT)

NANOCAT singkatan bagi Pusat Penyelidikan Nanoteknologi dan Pemangkinan adalah sebuah PTJ yang diperbadankan oleh UM pada tahun 2012, iaitu UMCoE. Misinya adalah untuk menjadi pemimpin dunia dalam “pemangkinan dan nanoteknologi”, penyambungan dan teknologi hijau. Teras penyelidikan NANOCAT ialah menggunakan pemangkin untuk menyokong tenaga, sintesis kimia, pencemaran alam sekitar dan pengurangan pemanasan global serta merancang bahan pintar sebagai bahan pemangkin, sensor, salutan nano, dan nanokomposit. Nanocat diberi status potensi HICOE pada tahun 2013, dalam pemangkin. Pusat ini telah berusaha untuk mencapai status kebangsaan untuk Hicoe (MOHE) serta *Nanocentre* (NNC, MOSTI) dengan sokongan dan komitmen yang kuat daripada Universiti Malaya. Pada tahun 2022, NANOCAT terus mempamerkan kecemerlangan sebagai pusat penyelidikan bagi semua aspek.

Jadual 3.10.1: Pencapaian Keseluruhan Penerbitan Nanocat Bagi Tahun 2018 – 2022

KATEGORI	2018	2019	2020	2021	2022
Penerbitan dalam <i>ISI Web of Science</i> (*)	152	177	197	190	168
Penerbitan dalam <i>Scopus</i> (*)	-	-	193	196	186
Penerbitan buku penyelidikan dan bab dalam buku (**)	11	26	33	15	25
Kertas polisi (**)	-	-	-	-	-
Lain-lain Penerbitan (kajian kes, laporan teknikal, artikel dalam majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan daripada persidangan, digital atau media cetak) (**)	-	-	-	-	-

(Sumber: UM Library)

Jadual 3.10.2: Bilangan Penerbitan berimpak tinggi yang diterbitkan dalam Tahun 2022

KATEGORI	2022
Penerbitan dalam Tier Q1	68 - 40.5%
Penerbitan dalam Tier Q2	65 - 38.7%
Peratusan bagi penerbitan Q1 & Q2	133 - 79.2%

(Sumber: UM Library)

Jadual 3.10.3: Sumber geran penyelidikan dan penerbitan di NANOCAT dan perbandingan pencapaian bagi tahun 2021 dan 2022

JUMLAH PERUNTUKAN GERAN (RM)		JUMLAH PENERBITAN HASIL PENYELIDIKAN (ISI-WoS Index)	
2021	2022	2021	2022
4,509,271.16	4,361,712.57	190	168

(Sumber Penerbitan hasil penyelidikan: UM Library)

Pada tahun 2022, NANOCAT menerima peruntukan geran penyelidikan universiti seperti IIRG, UMRG, GC dan RU (kluster) berjumlah sebanyak RM1,408,064.00 menurun berbanding tahun 2021 iaitu berjumlah sebanyak RM2,099,769.00. Selain itu, NANOCAT turut menerima geran daripada agensi kerajaan yang lain dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1,039,942.00 meningkat berbanding tahun 2021 iaitu berjumlah sebanyak RM706,600.00. Ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2021 yang telah menerima sebanyak RM333,342.00. Antara geran agensi kerajaan yang diterima oleh Nanocat adalah daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui geran penyelidikan universiti seperti, FRGS dan PRGS.

NANOCAT turut menerima dana geran penyelidikan dari badan industri bagi tahun 2022 sebanyak RM1,587,005.31 di mana berlaku peningkatan berbanding tahun 2021 (RM1,457,005.31). Antara geran badan industri dan swasta yang diterima oleh Universiti adalah KW PNC (JIM), Synergy Lite Sdn Bhd, Titanium World Technology Sdn Bhd, Karex Industries Sdn. Bhd., dan MyBiomass Sdn Bhd.

Bagi geran antarabangsa pada tahun 2022 pula, jumlah peruntukan yang diterima juga meningkat iaitu secara keseluruhannya menerima peruntukan berjumlah RM326,701.26 berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak RM245,896.85. Antara geran penyelidikan antarabangsa yang berjaya diterima oleh penyelidik Universiti adalah META, Nippon Sheet Glass Foundation, King Khalid University dan lain-lain lagi.

Manakala, penerbitan pada tahun 2022 adalah sebanyak 168 dengan jumlah penerbitan Q1 dan Q2 adalah sebanyak 79.2%, manakala Q3 dan Q4, sebanyak 20.8%. Jumlah penerbitan hasil kajian bagi Q1 dan Q2 adalah meningkat sebanyak tujuh kali ganda berbanding tahun sebelumnya.

3.10.1 ANUGERAH

Pada tahun 2022, Pusat Penyelidikan Nanoteknologi dan Pemangkinan telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2022 bagi kategori HICoE dan UMRCoE cemerlang. Anugerah ini merupakan pengiktirafan tertinggi dicapai oleh NANOCAT pada tahun 2022.



Selain itu, pencapaian dalam bentuk pengiktifan dan anugerah turut diterima oleh para penyelidik NANOCAT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti di Jadual 3.10.4 dan Jadual 3.10.5:

Jadual 3.10.4: Pengiktirafan / Anugerah Yang Diterima Oleh NANOCAT Bagi Tahun 2022

BIL	NAMA	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH	PERINGKAT
1	Prof. Dr. Sharifah Bee O.A Abd Hamid (Allahyarhamah)	Top 2% scientist in the world	Elsevier, Clarivate	Antarabangsa
2	Prof. Dr. Mohd Rafie Johan	Top 2% scientist in the world	Elsevier, Clarivate	Antarabangsa
3	Prof. Dr. Wan Jeffrey Basirun	Top 2% scientist in the world	Elsevier, Clarivate	Antarabangsa
4	Prof. Madya Dr. Juan Joon Ching	Top 2% scientist in the world	Elsevier, Clarivate	Antarabangsa
5	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei	World's Top 2% Scientists (Career-long & Single Year)	Stanford University, United States	Antarabangsa
6	Prof. Madya Dr. Nurhidayatullaili Muhd Julkapli	Top 2% scientist in the world	Elsevier, Clarivate	Antarabangsa
7	Prof. Madya Dr. Lee Hwei Voon	Top 2% scientist in the world	Elsevier, Clarivate	Antarabangsa

BIL	NAMA	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH	PERINGKAT
8	Prof. Madya Dr. Suresh Sagadevan	<i>Top 2% scientist in the world</i>	Elsevier, Clarivate	Antarabangsa
9	Dr. Lee Kian Mun	Top 2% scientist in the world	Elsevier, Clarivate	Antarabangsa
10	Dr. Zaira Zaman Chowdhury	Top 2% scientist in the world	Elsevier, Clarivate	Antarabangsa
11	Prof. Madya Dr. Suresh Sagadevan	Wikipedia citation follow up,	Wikipedia, 2022	Antarabangsa
12	Prof. Madya Dr. Suresh Sagadevan	Highly Cited My Special Issues from the Section Catalytic Reaction Engineering	Catalysts, MDPI journal	Antarabangsa
13	Prof. Madya Dr. Suresh Sagadevan	My Article is in the Top 100 Chemistry Scientific Reports papers published in 2022	Scientific Reports, Nature Journal	Antarabangsa
14	Prof. Madya Dr. Nader Ghaffari Khaligh	<i>Top 2% scientist in the world</i>	Elsevier	Antarabangsa
15	Prof. Madya Dr. Nader Ghaffari Khaligh	World's Top 2% Scientist Career-Long Citation Impact	Stanford University	Antarabangsa
16	Prof. Madya Dr. Nader Ghaffari Khaligh	<i>World's Top 2% scientists Single Year Impact</i>	Stanford University	Antarabangsa
17	Prof. Madya Dr. Nader Ghaffari Khaligh	<i>Top 10000 Scientists</i>	AD Scientific Index	Antarabangsa
18	Prof. Madya Dr. Nader Ghaffari Khaligh	<i>Top Cited Article 2021-2022</i>	Wiley CHEMBIOENG REVIEWS	Antarabangsa
19	Prof. Madya Dr. Nader Ghaffari Khaligh	<i>Top Cited Article 2021-2022</i>	Wiley HELVETICA CHIMICA ACTA	Antarabangsa
20	Prof. Madya Dr. Suresh Sagadevan	Award for 2022 ACS Publications Peer reviewer	American Chemical Society (ACS)	Antarabangsa
21	Prof. Madya Dr. Nader Ghaffari Khaligh	Hot Topic: Chemical Reactions & Catalysis for a Sustainable Future	Frontier in Chemistry	Antarabangsa
22	Prof. Madya Dr. Nader Ghaffari Khaligh	<i>Top Reviewer</i>	ACS Publication	Antarabangsa

BIL	NAMA	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH	PERINGKAT
23	Dr. Zaira Zaman Chowdhury	Research Excellence Award in Nanocatalysis, 2022.	International Multidisciplinary Research Institute, India and Genovasi University, Malaysia, 5 th July 2022.	Antarabangsa
24	Dr. Zaira Zaman Chowdhury	International Women of the Year in Nanotechnology, 16 th March, 2022, Center for Professional Advancement Continuous Education.	CPAEC, West Midland, UK and INDIA	Antarabangsa
25	Dr. Zaira Zaman Chowdhury	UAE - INDO Heinrich Rohrer Academic Excellence Award in Nanotechnology,	20-21 st , September 2022, Omega International, Dubai	Antarabangsa
26	Dr. Yasmin Abdul Wahab	<i>Senior Member of IEEE</i>	<i>Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE)</i>	Antarabangsa
27	Dr. Yasmin Abdul Wahab	<i>Best Paper Award</i>	<i>2022 IEEE International Conference on Semiconductor Electronics (IEEE EDS, 2022)</i>	Antarabangsa
28	Dr. Yasmin Abdul Wahab	<i>Best Paper Award FIRST PRIZE</i>	<i>Malaysian Catalysis-An International Journal (MCIJ), 2022</i>	Antarabangsa
29	Dr. Yasmin Abdul Wahab	<i>Best Paper Award SECOND PRIZE</i>	<i>Malaysian Catalysis-An International Journal (MCIJ), 2022</i>	Antarabangsa
30	Dr. Marlinda Ab Rahman	<i>Best Paper Award SECOND PRIZE</i>	<i>Malaysian NANO An International Journal (MNIJ), 2022</i>	Antarabangsa

BIL	NAMA	ANUGERAH	BADAN PEMBERI ANUGERAH	PERINGKAT
31	Prof. Madya Dr. Suresh Sagadevan	Highly cited Research paper (Science), University of Malaya	University of Malaya, Malaysia, 2022	Kebangsaan
32	Prof. Madya Dr. Suresh Sagadevan	Published papers in the top 10% Web of Science (WoS) Indexed Journals	University of Malaya, Malaysia, 2022	Kebangsaan
33	Prof. Dr. Mohd Rafie Johan	Published papers in the top 10% Web of Science (WoS) Indexed Journals	University of Malaya, Malaysia, 2022	Kebangsaan
34	Prof. Madya Dr. Lee Hwei Voon	Published papers in the top 10% Web of Science (WoS) Indexed Journals	University of Malaya, Malaysia, 2022	Kebangsaan
35	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei	IMechE Best Young Member Award 2022	Institution of Mechanical Engineers (IMechE), Malaysia Branch	Kebangsaan
36	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei	Britishpedia's Successful People in Malaysia	British Publishing House, London, United Kingdom	Kebangsaan

Jadual 3.10.5: Anugerah Dalam Pameran Penyelidikan Dan Ekspo Tahun 2022

BIL	NAMA	ANUGERAH	TAJUK PENYELIDIKAN	PAMERAN/EKSPLO
1	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei	Gold award	A Novel Polyacrylamide Based Drilling Fluid	Carnival of Research and Innovation (CRI 2022)
2	Prof. Madya Dr. Juan Joon Ching	Gold award	Smart Photoactive Air Purification Curtain Fabric (Fresh Air Curtain)	International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA 2022)
3	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei	Gold award & Outstanding Award	Infinite Purity Technology	Malaysia Technology Expo (MTE) - The International Innovation Awards 2022
4	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei	Silver award	A Novel Functionalised Polyacrylamide (F-PAM)	The International Research and Symposium and Exposition (RISE)
5	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei	Silver award	Synergistic Effect of Polyacrylamide as Water Based Drilling Fluid	11th International Invention, Innovation & Design 2022 (INDES 2022)
6	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei	Silver award	Rheological Study of Water-Based Drilling Fluids	INOVAS 2022: Human Well-being & Sustainable Community

BIL	NAMA	ANUGERAH	TAJUK PENYELIDIKAN	PAMERAN/EKSPLO
7	Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei	Silver award	Our Devotion of Duty for a Better Nation	The MTE 2022: Sustainable Development Goals International Innovation Awards (SDGIIA)
8	Prof. Dr. Mohd Rafie Johan	Bronze award	A Kit for Detecting Multiple target DNA Species in Food	International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA 2022)
9	Prof. Madya Dr. Lee Hwei Voon	Gold medal	International Research and Innovation Symposium and Exposition (RISE) 2022	Antarabangsa
10	Prof. Madya Dr. Lee Hwei Voon	Gold award	The International Borneo Innovation, Exhibition & Competition (IBIEC)	Antarabangsa

5.10.7 KOMUNITI DAN KELESTARIAN

Berikut adalah antara aktiviti jalinan masyarakat dan pencapaian yang berkaitan di bawah tadbir urus NANOCAT bagi tahun 2022;

Terdapat lebih daripada 20 seminar telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2022 yang telah berlangsung secara atas talian dan juga fizikal. Seminar berkenaan telah melibatkan pelbagai agensi dan institusi dari dalam dan luar negara. Antaranya adalah seperti berikut:

GLA-UM Conclave 2022, 4th April 2022.

The poster for the GLA-UM Conclave 2022 is a vibrant blue and green design. It lists five speakers with their names, titles, and affiliations, each accompanied by a small portrait. The speakers are: A.P. Ir. Ts. Dr. Lai Chin Wei (NANOCAT, UM) on Application of titanium dioxide nanomaterials; A.P. Dr. Prabal Pratap Singh (Dept. Of Chemistry, GLA University) on Nanomaterials in sensors and organic molecule transformations; A.P. Dr. Nurhidayatullaily Muhd Julkapli (NANOCAT, UM) on Nanotechnology Fabrication Methods; Dr. Abhishek Srivastava (Dept. Of Chemistry, GLA University) on Kinetics and Mechanism of Ligand Substitution/Oxidation reactions and their applications in Drug/Heavy Metal Quantification; and Dr. Yasmin Abdul Wahab (NANOCAT, UM) on Selectivity Improvement in ECP Process for CMOs Technology. The event details include the date (4th April 2022), time (1:30 pm MYT / 11:00 am IST), and venue (Microsoft Team virtual room). It also mentions scientific discussion by expert speakers from NANOCAT, Research Centre, UM, Malaysia and GLA University, India, and provides a registration link and contact information. Logos for NANOCAT and University of Malaya are shown at the bottom.

Webinar on “The Palm Oil Industry in Malaysia: From Tropical Tree to Table”, 21st April 2022.



SATU Presidents’ Forum 2022 JRS Sustainability Webinar Series, 26th July 2022



Webinar on “Development of Nanocomposites for Water Treatment Applications” Speaker: Prof. Is Fatimah (Universitas Islam Indonesia), 15th August 2022



Online Forum on “Nanotechnology Development in Malaysia: Challenges and Future Prospect”
Speakers: AP.Dr. Ruslinda Abdul Rahim, Mr.Devandran Krishnan, and Prof. Mohd Rafie Johan, 16th August 2022.



Nanokebangsaan 2022, 6th until 9th September 2022



Distinguished lecture and book launching: "Additive Manufacturing for Chemical Sciences and Engineering" Speaker: Dist. Prof. Dr. Suresh K. Bhargava (RMIT, Australia), 29th September 2022



3.10.2 Publisiti dan visibiliti (Keterlihatan)

NANOCAT juga menjalankan publisiti dan visibiliti untuk mempromosikan servis teknikal dan juga beberapa produk keluaran NANOCAT.

3.10.3 Penerbitan jurnal

NANOCAT terus melaksanakan penerbitan jurnal pada tahun 2022 iaitu *Malaysian Catalysis-An International Journal (MCIJ)* dan *Malaysian NANO An International Journal (MNIJ)* bagi Volume 2.



BAHAGIAN

04 Hal Ehwal Pelajar



Secara amnya Jabatan Hal Ehwal Pelajar atau singkatannya JHEP berperanan untuk melahirkan graduan yang holistik dan dinamik melalui aktiviti/ program yang dianjurkan serta memberi perkhidmatan dari segi infrastruktur, kemudahan, nasihat kewangan dan kebajikan pelajar. Di universiti, Jabatan ini berfungsi menguatkuasakan Statut Universiti Malaya (Badan-Badan Pelajar) 1979 dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar- Pelajar) 1999 di samping beberapa peruntukan lain di bawah Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 yang berkaitan dengan pelajar.

Jabatan ini diketuai oleh Timbalan Naib Canselor dan dibantu oleh seorang Timbalan Pendaftar dalam hal ehwal pentadbiran, perkhidmatan, kebajikan pelajar dan 2 (dua) orang Pengarah yang menguruskan Pusat Kebolehpasaran Graduan dan Kerjaya dan Pusat Keusahawanan & Pembangunan Pelajar. Disamping itu, Timbalan Naib Canselor (HEP) juga dibantu oleh pegawai-pegawai kanan di Bahagian Khidmat Pengurusan Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Pengurusan Penginapan & Fasiliti, Bahagian Pengurusan Kewangan serta Pengurus Kolej-kolej Kediaman.

Untuk tahun 2022, Jabatan Hal Ehwal Pelajar meneruskan usaha mempertingkatkan urusan perkhidmatan, pembangunan, kebajikan dan program/aktiviti pelajar selepas pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara. Pelbagai aktiviti/program yang telah dirangka untuk mempertingkatkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu di peringkat HEP dan Kolej Kediaman diteruskan mengikut perancangan. Ini adalah bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi keperluan pelajar secara menyeluruh.

Berikut adalah antara pencapaian secara keseluruhan untuk JHEP bagi tahun 2022:

BIL.	PERKARA	PENCAPAIAN
1.	Kebolehpasaran graduan	Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan 1 (SKPG1) yang dijalankan semasa konvokesyen, kadar kebolehpasaran graduan tahun 2022 adalah 88.1%. (maklumat tidak rasmi pada 24 Februari 2023)
2.	Pelaksanaan Ko-Kurikulum JHEP	Seramai 5,061 orang pelajar telah mengambil kursus Ko-Kurikulum bagi Semester 2, Sesi 2021/2022 dan Semester 1, 2022/2023.
3.	Kebajikan pelajar Ijazah Dasar	Jumlah pelajar B40 yang menerima bantuan adalah seramai 2,512 orang daripada keseluruhan jumlah pelajar B40, 8,374 orang.
4.	Keterlibatan dalam komuniti	Sebanyak 134 projek luar terlibat dalam aktiviti melibatkan komuniti.
5.	Pengurusan Pelajar Luar Kampus	Pengurusan yang lebih teratur dan tersusun dalam membantu pelajar Luar Kampus.

4.1 PENGENALAN

4.1.1 Penganjuran Universiti Malaya *Week of Welcome* (UM- WOW)

Universiti Malaya *Week of Welcome* (UM-WOW) bagi Sesi Akademik 2022/2023 berlangsung sepenuhnya secara bersemuka bagi sesi akademik 2022/2023. Pelaksanaan UM-WOW terdiri daripada komponen berikut:

- Minggu Suai Kenal Pelajar Asasi
- Minggu Haluan Siswa
- Majlis Meraikan Calon Baharu Pascasiswazah

UM-WOW bermula dengan pendaftaran penginapan pelajar asasi melalui Minggu Suai Kenal Pelajar Asasi yang dilaksanakan pada 6 dan 7 Ogos 2022 dan diikuti dengan program pengisiannya pada 8 sehingga 10 Ogos 2022.

Manakala, pendaftaran penginapan pelajar bagi Minggu Haluan Siswa dilaksanakan pada 8 dan 9 Oktober 2022 diikuti dengan aktiviti-aktiviti pada 10 hingga 13 Oktober 2022.

Universiti Malaya Week of Welcome Postgraduate Welcoming Ceremony telah dilaksanakan pada kedua-dua semester iaitu pada 19 Oktober 2022 untuk Semester 1 dan sambutan kehadiran pelajar di Semester 2 Sesi 2022/2023 dilaksanakan pada 2 Mac 2023.



1. Gambar di sekitar Hari Pendaftaran UM-WOW: MHS Sesi Akademik 2022/2023
2. Ucapan Perasmian dari YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor UM-WOW: MHS Sesi Akademik 2022/2023
3. Gambar di sekitar acara sukan Karnival Aktiviti Pelajar - UM:WOW MHS Sesi Akademik 2022/2023
4. Gambar di sekitar Majlis Penutupan - UM:WOW MHS Sesi Akademik 2022/2023
5. Ucapan Perasmian dari YBhg. Professor Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor UM-WOW: PGWC Semester 2, Sesi Akademik 2022/2023
6. Gambar di sekitar UM-WOW: PGWC Semester 2, Sesi Akademik 2022/2023

4.1.2 Inisiatif Pemerksaan Pengurusan Pelajar

Bagi memastikan pengurusan pelajar diperkasakan, pengwujudan jawatan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) diperkenalkan mulai 1 Januari 2022 di semua PTJ akademik. Langkah ini diambil bagi memastikan urusan kebolehpasaran graduan, keusahawanan, *precision intervention*, aktiviti pembangunan pelajar dan kebajikan pelajar diselaraskan antara JHEP dan PTJ. Seramai 19 orang TD/TP HEP telah dilantik.

Selain itu, jawatan Pengurus Kolej Kediaman telah diwujudkan bermula pada 3 Januari 2022. Seramai 5 orang Pengurus Kolej Kediaman telah dilantik untuk Zon 1, 2, 3, 4 dan 5 bagi tempoh 3 tahun. Pengurus-pengurus kolej kediaman yang dilantik akan bekerjasama dengan TD/TP HEP dalam aktiviti pembangunan dan kebajikan pelajar.

Dengan pelantikan TD/TP (Hal Ehwal Pelajar) dan Pengurus Kolej Kediaman ini, urusan berkaitan kebolehpasaran graduan, keusahawanan, *precision intervention*, aktiviti kebajikan dan pembangunan pelajar dapat ditambah baik dengan berkesan.

4.2 Pembangunan Pelajar

4.2.1 Aktiviti Pelajar

Pilihanraya kampus

Untuk tahun 2022, tradisi pelaksanaan Pilihan Raya Kampus masih diuruskan sepenuhnya oleh pelajar. Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya (JPRKUM) atau lebih dikenali dengan UMCEC telah ditubuhkan dan diberikan autonomi untuk menganjurkan pilihan raya kampus tanpa sebarang campur tangan pihak pentadbiran atau pengurusan universiti. Pilihan raya kampus telah diadakan pada 26 Jun 2022.

Berikut adalah maklumat pilihanraya kampus bagi tahun 2022:



JPRKUM
JAWATANKUASA PILIHAN RAYA KAMPUS
UNIVERSITI MALAYA

NOTIS PENGISYTIHARAN

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYA TAHUN 2022

Mengikut Seksyen 57 Perlembagaan Universiti Malaya [P.U.(A) 444]

Dengan ini dimaklumkan bahawa pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya (MPPUM) bagi memilih sepuluh (10) orang wakil kawasan Umum dan dua (2) orang wakil setiap kawasan Akademi/Fakulti/Pusat untuk menjadi ahli MPPUM bagi tahun 2022 telah berlangsung dengan jayanya pada **17 Jun 2022 hingga 19 Jun 2022 (Jumaat hingga Ahad)** melalui Sistem e-Undi. Setelah tamat Sesi Bantahan dan Sesi Rayuan keputusan pemilihan menurut Perkara 35 dalam Buku Peraturan-peraturan dan Tatacara Pemilihan MPPUM, Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya (JPRKUM) secara rasminya mengisytiharkan keputusan Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya bagi tahun 2022:

1. KEPUTUSAN CALON-CALON KAWASAN AKADEMI/FAKULTI/PUSAT

FAKULTI FARMASI

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
ASHRAF HUZAIFAH BIN MOHAMED SUFFIAN	SUARA SISWA	MENANG TANPA BERTANDING
LIM ZHI XUAN	SUARA SISWA	MENANG TANPA BERTANDING

FAKULTI PERUBATAN

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
CARLOS SEBASTIEN JOHN	SUARA SISWA	379
TIONG CHIONG KIAN	SUARA SISWA	357
SITI HAJAR BADZLIN BINTI GHAZALI	ANGKATAN MAHASISWA	133

CALON BERJAYA: CARLOS SEBASTIEN JOHN, TIONG CHIONG KIAN

FAKULTI SAINS

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
THEN KAI YANG	SUARA SISWA	630
MUHAMMAD DANIAL HAFIZEE BIN MD. HAFIZULLAH	SUARA SISWA	557
MUHAMMAD SYAFIQ BIN SUNNYROSE	ANGKATAN MAHASISWA	490
BEE JIAN SIEN	ANGKATAN MAHASISWA	363
MUHAMMAD ZAHIN BIN HASHIM	NEO-SISWA	222

CALON BERJAYA: THEN KAI YANG, MUHAMMAD DANIAL HAFIZEE BIN MD. HAFIZULLAH

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
JASON WONG JACK	BEBAS	316
PHUAH EN YI	SUARA SISWA	311
MUHAMMAD FARIS BIN AHMAD FAIZ	SUARA SISWA	240
AMIRUL ASYRAF BIN ZAINAL ABIDIN	ANGKATAN MAHASISWA	142
MOHAMAD AIZAT BIN MOHD PAKHRUDDIN	MAHASISWA PROGRESIF	91

CALON BERJAYA: JASON WONG JACK, PHUAH EN YI

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
MUHAMMAD NAQIB EMIR BIN ABDULLAH	MAHASISWA PROGRESIF	226
MUHAMMAD ZAHIRUDDIN KHUZAIMI BIN BADRU'L HISHAM	MAHASISWA PROGRESIF	214
MUHAMMAD SYAMIR SYAZANI BIN SHAFIE	ANGKATAN MAHASISWA	207
AINUR AIN NAJIHA BINTI MOHD PAKRI	ANGKATAN MAHASISWA	133

CALON BERJAYA: MUHAMMAD NAQIB EMIR BIN ABDULLAH, MUHAMMAD ZAHIRUDDIN KHUZAIMI BIN BADRU'L HISHAM

FAKULTI ALAM BINA

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
HELEN HEE PEI ERN	SUARA SISWA	179
RUBEIN KUMAAR A/L J.JEYAKUMAR	MAHASISWA PROGRESIF	169
AMIRUL AIMAN BIN AMIRUL ISKANDAR	SUARA SISWA	146
SHARVINMENON A/L CHANDRAMENON	ANGKATAN MAHASISWA	128

CALON BERJAYA: HELEN HEE PEI ERN, RUBEIN KUMAAR A/L J.JEYAKUMAR

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
NOR ALLYSHA SHAHIRA BINTI ROSNAN	ANGKATAN MAHASISWA	234
NUR MALISSA NATASHA BT MUHAMAD REDZUAN	ANGKATAN MAHASISWA	161
SHARIENA AZWANY BINTI SHAMSUL AZHAR	SUARA SISWA	90
MUHAMMAD DZHAFTRY AIMAN BIN ZULKIFLI	MAHASISWA PROGRESIF	79

CALON BERJAYA: NOR ALLYSHA SHAHIRA BINTI ROSNAN, NUR MALISSA NATASHA BT MUHAMAD REDZUAN

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
MUHAMMAD SYAZANI BIN HAFIANG	MAHASISWA PROGRESIF	500
JUDITH BINTI BIMBO	MAHASISWA PROGRESIF	365
RICHARD FRANKIE ANAK NYELIPI	ANGKATAN MAHASISWA	354
NIK NUUR AZAM SHAH BIN MOHD SHAH @ NIK MOHD SHAH	ANGKATAN MAHASISWA	347

CALON BERJAYA: MUHAMMAD SYAZANI BIN HAFIANG, JUDITH BINTI BIMBO

FAKULTI SENI KREATIF

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
NUR FATIHAH MAISARAH BT JAFRI	SUARA SISWA	51
MUHAMMAD FAROZ ANAND BIN ROZLAN	ANGKATAN MAHASISWA	44
YANG YEE XUAN	MAHASISWA PROGRESIF	37
TAN YANG ZHEN	MAHASISWA PROGRESIF	34

CALON BERJAYA: NUR FATIHAH MAISARAH BT JAFRI, MUHAMMAD FAROZ ANAND BIN ROZLAN

FAKULTI PERGIGIAN

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
MOHAMMAD NABIL HAKIMI BIN FERDAUS	SUARA SISWA	MENANG TANPA BERTANDING
CHAN HUA EN	SUARA SISWA	MENANG TANPA BERTANDING

FAKULTI UNDANG-UNDANG

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
LAI YUE YI	SUARA SISWA	MENANG TANPA BERTANDING
SURREN A/L RAMACHANDRAN	SUARA SISWA	MENANG TANPA BERTANDING

PUSAT SUKAN DAN SAINS EKSESAIS

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
CAROLINE ANAK SAME	ANGKATAN MAHASISWA	MENANG TANPA BERTANDING
TAN SIEW ENG	ANGKATAN MAHASISWA	MENANG TANPA BERTANDING

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
MUHAMMAD AMIRUL SYAFIQ BIN MUHAMAD FADIL	NEO-SISWA	1085
KU SARAH BINTI KU ABD HAMID	NEO-SISWA	975
AFIFHADI BIN MARJOHAN	MAHASISWA PROGRESIF	251

CALON BERJAYA: MUHAMMAD AMIRUL SYAFIQ BIN MUHAMAD FADIL, KU SARAH BINTI KU ABD HAMID

FAKULTI KEJURUTERAAN

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
ROSHINAN A/L CHANDRAMOHAN	SUARA SISWA	589
TEN KANG YEAW	SUARA SISWA	532
KHAIRUN NAJWA BINTI ZULKIFLEE	NEO-SISWA	382
MUHAMMAD FIRDAUS BIN ANUAR	ANGKATAN MAHASISWA	377

CALON BERJAYA: ROSHINAN A/L CHANDRAMOHAN, TEN KANG YEAW

FAKULTI PENDIDIKAN

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
AMNI SAHIRA BINTI MUHAMMAD AZAM	NEO-SISWA	171
MUHAMMAD AIMAN MALIK CHAN BIN MUHAMMAD CHAN KUM TONG	ANGKATAN MAHASISWA	132
AHMAD SYAKIR BIN MOHD HALILI	NEO-SISWA	126
SITI SARAH ZULAIKHA ZAHARI	ANGKATAN MAHASISWA	108
NUR QISTHINA DIANA BINTI 'AFIF	SUARA SISWA	101

CALON BERJAYA: AMNI SAHIRA BINTI MUHAMMAD AZAM, MUHAMMAD AIMAN MALIK CHAN BIN MUHAMMAD CHAN KUM TONG

FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
GOH YAN TING	SUARA SISWA	645
LEE ZHAO LONG	SUARA SISWA	524
AMIRAH BINTI MOHAMAD	ANGKATAN MAHASISWA	451
AHMAD MUSS'AB BIN MOHAMMED SALLEH	MAHASISWA PROGRESIF	394

CALON BERJAYA: GOH YAN TING, LEE ZHAO LONG

FAKULTI KEJURUTERAAN

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
ROSHINAN A/L CHANDRAMOHAN	SUARA SISWA	589
TEN KANG YEAW	SUARA SISWA	532
KHAIRUN NAJWA BINTI ZULKIFLEE	NEO-SISWA	382
MUHAMMAD FIRDAUS BIN ANUAR	ANGKATAN MAHASISWA	377

CALON BERJAYA: ROSHINAN A/L CHANDRAMOHAN, TEN KANG YEAW

FAKULTI PENDIDIKAN

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
AMNI SAHIRA BINTI MUHAMMAD AZAM	NEO-SISWA	171
MUHAMMAD AIMAN MALIK CHAN BIN MUHAMMAD CHAN KUM TONG	ANGKATAN MAHASISWA	132
AHMAD SYAKIR BIN MOHD HALILI	NEO-SISWA	126
SITI SARAH ZULAIKHA ZAHARI	ANGKATAN MAHASISWA	108
NUR QISTHINA DIANA BINTI 'AFIF	SUARA SISWA	101

CALON BERJAYA: AMNI SAHIRA BINTI MUHAMMAD AZAM, MUHAMMAD AIMAN MALIK CHAN BIN MUHAMMAD CHAN KUM TONG

FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
GOH YAN TING	SUARA SISWA	645
LEE ZHAO LONG	SUARA SISWA	524
AMIRAH BINTI MOHAMAD	ANGKATAN MAHASISWA	451
AHMAD MUSS'AB BIN MOHAMMED SALLEH	MAHASISWA PROGRESIF	394

CALON BERJAYA: GOH YAN TING, LEE ZHAO LONG

2. KAWASAN UMUM

NAMA CALON	INDIVIDU/KUMPULAN	JUMLAH UNDIAN
NUR NAJWA HUREEN BINTI MD MAJID	SUARA SISWA	3864
OOI GUO SHEN	SUARA SISWA	3780
ARVINKUMAR A/L K.MOHAN	SUARA SISWA	3458
BO CHI CHIAN	SUARA SISWA	3405
ATHIRAH BINTI MUHAMMAD AMIN	SUARA SISWA	3278
AHMAD ZARFAN BIN ABU ZAKI	SUARA SISWA	3269
NAQIB AL HUSSAINI BIN NOR ANUAR	SUARA SISWA	2924
DHURGESSWARAN A/L VEERAN	SUARA SISWA	2678
MUHAMMAD NORAIMAN BIN ZULKIFLI	ANGKATAN MAHASISWA	2677
SUDAARSHAN A/L BASKAR	SUARA SISWA	2545
MUHAMMAD AQIL FIKRY BIN MOHD ANNUARY	NEO-SISWA	2464
NUR NAZIRAH BINTI ABDULLAH	ANGKATAN MAHASISWA	2297
MUHAMMAD ANAS FITRI BIN AHMAD FAUZI	NEO-SISWA	2228
MUHAMMAD AMIRUL AMIN BIN MOHD BASRI	ANGKATAN MAHASISWA	2192
SITI NUR NASYITAH BINTI HAFIDZAN	NEO-SISWA	2156
LEE CHIA LOKE	MAHASISWA PROGRESIF	2137
AHMAD ABRAR BIN MOHD RAHIM	NEO-SISWA	1937
OOI JIAYI	ANGKATAN MAHASISWA	1912
WAN AQIF HAQUIDDIN BIN WAN ABDUL HALIM	ANGKATAN MAHASISWA	1887
MUHAMMAD SAIFUL IZUAN BIN OSMAN	NEO-SISWA	1784
MUHAMMAD AMIRUL FAHMI BIN AHMAD WAHID	ANGKATAN MAHASISWA	1737
MUHAMMAD AZARUDDIN BIN AZMI	ANGKATAN MAHASISWA	1732

HIFZHAN HAFIY BIN MOHD. SHAFFIK	MAHASISWA PROGRESIF	1731
SITI LACITAN	ANGKATAN MAHASISWA	1728
SHARIFAH SHARMAINE BINTI SYED SHAHARUDDIN	MAHASISWA PROGRESIF	1718
NUWAIRAH BINTI MOHD NAZARUDDIN	MAHASISWA PROGRESIF	1705
JOHNSON A/L THOMAS	ANGKATAN MAHASISWA	1680
ILAVARASAN A/L TAMILCHELVAN	MAHASISWA PROGRESIF	1334
DHANEISH A/L KUMAR	MAHASISWA PROGRESIF	1029
MUHAMMAD HAZEEM HAZMAN HAIMAN BIN HAYAT	MAHASISWA PROGRESIF	917

CALON BERJAYA: NUR NAJWA HUREEN BINTI MD MAJID, OOI GUO SHEN, ARVINKUMAR A/L K.MOHAN, BO CHI CHIAN, ATHIRAH BINTI MUHAMMAD AMIN, AHMAD ZARFAN BIN ABU ZAKI, NAQIB AL HUSSAINI BIN NOR ANUAR, DHURGESWARAN A/L VEERAN, MUHAMMAD NORAIMAN BIN ZULKIFLI, SUDAARSHAN A/L BASKAR

3. PENGUMUMAN

- (1) Semua calon bertanggungjawab menyediakan laporan kewangan kempen berserta resit asal. Laporan kewangan kempen perlu diserahkan kepada JPRKUM selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas pengisytiharaan keputusan Pilihan Raya Kampus, iaitu pada **1 Julai 2022 (Jumaat), 9:00 malam** melalui e-mel rasmi JPRKUM, umcec@um.edu.my.
- (2) Semua maklumat dan keputusan pemilihan adalah diaudit oleh Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya dan **muktamad**.
- (3) Tempoh sah pelantikan ahli MPPUM adalah selama setahun atau dua semester. MPPUM akan terubur secara automatik setelah genap setahun daripada tarikh Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya tahun 2022 atau mengikut **bahagian XI** dalam **Buku Peraturan-peraturan dan Tatacara Pemilihan MPPUM**, iaitu **keadaan luar jangka (Force Majeure)**.
- (4) Semua calon diminta untuk **menyemak** maklumat sebelum menghantar borang pengembalian wang cagaran dan proses pengembalian wang cagaran akan dimaklumkan setelah kesemua perkara tersedia kelak.

Pihak JPRKUM juga ingin memaklumkan bahawa **peratusan turun mengundi** pada Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya tahun 2022 adalah sebanyak **57.84%**. Peratusan ini dikira setelah menambah kesemua peratusan turun mengundi bermula 17 Jun 2022 hingga 19 Jun 2022 (Jumaat hingga Ahad). JPRKUM merakamkan penghargaan tertinggi dan tahniah serta ribuan terima kasih kepada semua calon dan pengundi. Selamat maju jaya!

Disahkan oleh,



NURUL NADHIRAH BINTI MOHAMAD TAJUDIN

Presiden

Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya

Sesi 2021/2022



Tarikh: 24 Jun 2022

4.2.2 Program Keusahawanan

Program dan aktiviti keusahawanan pelajar di bawah pengurusan JHEP adalah disusun bagi menyokong aspirasi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 untuk melahirkan graduan yang kreatif, inovatif dan berdaya-saing. Semenjak negara memasuki fasa pemulihan daripada pandemik Covid-19 pada awal 2022, pendidikan dan program pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar UM telah mengambil pendekatan yang lebih praktikal serta menggabungkan kepakaran ahli akademik dan usahawan. Program dan aktiviti tersebut termasuklah memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat dengan aktiviti pemasaran dan jualan, perantisan dan bimbingan mentor, serta pertandingan yang berasaskan perniagaan.

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
1.	7 April – 24 November 2022	IdeaLab@HEP	Bilik IdeaLab@HEP	Program IdeaLab ialah sebuah program yang dirangka dengan matlamat utama untuk mendidik dan menggalakkan pelajar-pelajar Universiti Malaya terhadap pemikiran kreatif dan budaya menyelesaikan masalah.
2.	21 April – 3 Jun 2022	Agrobazaar	Gazebo KPS	Agrobazaar adalah sebuah program yang dijalankan pada hari Khamis dan Jumaat bagi Minggu Ke-6 dan ke-10 semester pertama dan kedua yang memfokuskan kepada jualan berbentuk produk makanan, hasil bumi serta produk buatan tempatan dan lain-lain.
3.	15 Ogos – 23 November 2022	<i>Digital Innovation Creativepreneur</i> (DICE)	Universiti Islam Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, Terengganu	<i>Program Digital Innovation Creativepreneur</i> (DICE) 2022 adalah sebuah program peringkat nasional dan ianya bertujuan untuk melatih, melahirkan dan memantau pelajar IPT yang akan menubuhkan syarikat dalam bidang inovasi dan teknologi berkonsepkan keusahawanan kreatif.
Pasukan Latihan Pegawai Simpanan atau lebih dikenali PALAPES ditubuhkan di Universiti Malaya pada 7 Februari 1980. Penubuhan PALAPES UM berakar umbi sejak 6 April 1965 dengan penubuhan Batalion Infantri Askar Wataniah Universiti Malaya. Pada peringkat awal, penyertaan batalion ini adalah seramai 30 orang mahasiswa dari pelbagai fakulti. Pada pertengahan tahun 2000, PALAPES Laut ditubuhkan di Universiti Malaya. Sehingga tahun 2023, PALAPES Darat UM telah melaksanakan pengambilan intake ke 43 dan PALAPES Laut UM pula telah berada pada pengambilan intake ke-22.

BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
1.	21 Februari hingga 7 Mac 2022	Eksesais <i>Leopard</i> Pegawai Kadet PALAPES UM	Kuala Kubu Bharu	<i>Ex Leopard</i> atau Latihan Kem Tahunan (LKT) merupakan kemuncak kepada latihan Pegawai Kadet PALAPES bagi tahun 2021 di mana semua Pegawai Kadet akan diuji dan dinilai tahap pengetahuan, kemahiran serta kecerdasan fizikal dan mental. Latihan ini juga merupakan latihan gabungan bersama dengan PALAPES UPSI yang melibatkan Pegawai Kadet Senior.
2.	10 hingga 13 Mac 22	Kursus Asas Pra-Tauliah Fasa I PALAPES Laut	Kompleks PALAPES Universiti Malaya	Kursus ini bertujuan menerapkan nilai ketenteraan serta membentuk sahsiah Pegawai Dalam Latihan (PDL) yang berdisiplin tinggi seiring dengan amalan dan mutu kerja yang berkualiti di dalam TLDM.
3.	27 Februari hingga 4 Mac 22	Kursus Asas Pra-Tauliah Fasa 6 PALAPES Laut	KDSI I Pangkalan TLDM Lumut	Kursus ini bertujuan melatih PDL dalam latihan asas yang dipelajari oleh anggota tetap. Selain itu, kursus ini menyeragamkan pengetahuan PDL melalui latihan praktikal dan teori dengan menggunakan fasiliti yang terdapat di pusat latihan
4.	22 April 2022	Iftar Jamaie PALAPES Laut Tahun 2022	Kompleks PALAPES Universiti Malaya	Majlis berbuka puasa PALAPES Laut Universiti Malaya melibatkan para Jurulatih dan Pegawai Kadet PALAPES Laut yang turut diserikan dengan Majlis Tilawah al-Quran oleh para Pegawai Kadet.
5.	24 April 2022	Majlis Berbuka Puasa Warga PALAPES UM	Kompleks PALAPES Universiti Malaya	Majlis berbuka puasa PALAPES Warga Kerja PALAPES Darat, PALAPES Laut dan Seksyen Badan Beruniform bersama dengan ahli keluarga.
6.	28 & 29 Mei 2022	Karnival Sukan KD Sri Klang	UiTM Shah Alam	Karnival Sukan PALAPES Laut yang melibatkan PALAPES-PALAPES Laut Universiti Awam di Kawasan Lembah Klang. Pasukan PALAPES Laut Universiti Malaya telah mencapai : (a) Naib Johan KSKDSK 2022 (b) Juara Keseluruhan Kategori Wanita KSKDSK 2022

BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
7.	24 Jun 2022	Lawatan Penanda Aras Stor Senjata PALAPES Universiti Malaya	Kompleks PALAPES Universiti Malaya	PALAPES UM telah menerima kunjungan pengurusan daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai satu daripada fasa pembinaan stor senjata Unit Badan Beruniform UMT.
8.	16 Julai 2022	Latihan Penembakan dan Keselamatan Senjata Kecil PALAPES Laut	Sirkuit Merentas Halangan Universiti Malaya	Latihan peningkatan kemahiran anggota tentang penggunaan dan keselamatan mengendalikan senjata kecil.
9.	20 hingga 26 Ogos 2022	Latihan Persediaan Pentauliahan PALAPES Darat	Kompleks PALAPES Universiti Malaya	Latihan ini merupakan latihan intensif untuk para Pegawai Kadet Tahun 3 PALAPES Darat yang bakal ditauliahkan di UKM, Bangi.
10.	20 hingga 26 Ogos 2022	Latihan Persediaan Pentauliahan PALAPES Laut	Kompleks PALAPES Universiti Malaya	Latihan ini merupakan latihan intensif untuk para Pegawai Kadet Tahun 3 PALAPES Laut yang bakal ditauliahkan di UKM, Bangi.
11	27 Ogos hingga 10 September 2022	Latihan dan Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam kali ke 40 Tahun 2022	UKM, Bangi	Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai-pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam ke Pangkat Leftenan Muda dalam Rejimen Askar Wataniah (PALAPES Darat), Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PALAPES Laut) dan Pasukan Simpanan Sukarela TUDM (PALAPES Darat). Jumlah Pegawai Kadet PALAPES UM yang ditauliahkan adalah seperti berikut : (a) PALAPES Darat - 76 orang (b) PALAPES Laut – 32 orang
12	20 September hingga 1 Oktober 2022	Latihan Berterusan	Kompleks PALAPES Universiti Malaya	Latihan melebihi 72 jam yang memberi penekanan kepada ulang-kaji dalam latihan-latihan tempatan yang telah dilaksanakan. Selain tu, Pasukan Promosi melaksanakan Demonstrasi untuk persembahan semasa UM Wow sesi 2022/2023.
13	8 dan 9 Oktober 22	Sesi Pengenalan PALAPES	DTC	Sesi Pengenalan PALAPES sempena UM Wow 2022/2023 untuk mempromosikan pengambilan intake baharu PALAPES Darat dan PALAPES Laut sesi Akademik 2022/2023. Demonstrasi Close Quarter Battle (CQB) turut dipertontonkan kepada pelajar baharu.
14.	15 Oktober 22 - 30 November 22	Sesi Pengambilan PALAPES Universiti Malaya	Kompleks PALAPES Universiti Malaya Pusat Perubatan Tentera Kem Wardieburn KD Sri Klang	Program pengambilan intake baharu pada setiap tahun yang terdiri daripada proses saringan berikut: (a) Sesi Ujian Kecergasan Asas (b) Pemeriksaan Kesihatan (c) Temuduga Akhir (d) Sesi Tapisan Keselamatan

BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM
15.	1 hingga 5 Disember 2022	Latihan, raptai dan Perbarisan Konvokesyen sempena Istiadat Konvokesyen UM ke-62	DTC	Seksyen Badan Beruniform selaku Jawatankuasa Induk Perbarisan Konvokesyen bertanggungjawab menjayakan perbarisan ini dengan kerjasama dan penglibatan jurulatih serta Pegawai-pegawai Kadet PALAPES Darat dan PALAPES Laut. Perbarisan ini merupakan suatu perbarisan Kawalan Kehormat yang dilaksanakan khas untuk DYMM Tuanku Canselor pada hari pertama konvokesyen setiap tahun.
16.	23 Disember 2022	Sambutan Hari Ulang Tahun PALAPES ke 57	Kompleks PALAPES Universiti Malaya	Majlis ini meraikan secara tradisi kegemilangan dan pencapaian PALAPES pada setiap tahun. Pada tahun ini, PALAPES turut menjemput kakitangan Fakulti Sukan dan Sains Ekseksis sebagai rakan strategik antara PTj. Majlis diadakan secara sederhana dengan program bacaan Yassin dan Qasidah.



4.5.3 Program/aktiviti pelajar di Kolej Kediaman

Selain aktiviti/program pelajar di HEP, Kolej Kediaman juga merancang pelbagai program/aktiviti pelajar untuk tahun 2022 meskipun masih berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19. Program/aktiviti yang dirancang meliputi aspek akademik, kemasyarakatan/kebijakan, sosial, sukan, keagamaan/kerohanian, latihan, kebudayaan/kesenian, keusahawanan dan hobi/rekreasi.

Berikut adalah antara program/aktiviti pelajar di kolej kediaman:


BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
1.	25th Grand Asian Chess Challenge (GACC)	KL Gateway, Kolej Kediaman Tuanku Bahiyah	<p>Tarikh: 14-16 Mei 2022, 20-22 Mei 2022</p> <p>GACC Ke-25 telah berjaya dijalankan dengan kerjasama KL Chess Association dan Malaysia Chess Federation. Pertandingan kali ini menarik 696 penyertaan daripada warga tempatan, Vietnam, Indonesia, India dan Singapura. Terdapat 3 kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Terbuka, Terbuka Berkumpulan dan <i>Classical</i>.</p> <p>Majlis Pembukaan pada 20 Mei 2022 telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Dr. Sabri Musa dan Majlis Penutup telah dirasmikan oleh YB Senator Jaziri Alkaf Abdillah Suffian. Kedua-dua majlis telah dimeriahkan lagi dengan beberapa persembahan daripada pasukan FESENI KK2 dan juga koir GACC.</p>	-
2.	Festival of Utopia (FESTOPIA)	Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah	<p>Tarikh: 2 - 15 Mei 2022</p> <p>Festival of Utopia ataupun lebih dikenali sebagai FESTOPIA adalah merupakan satu projek di bawah Jawatankuasa Kerja Perkembangan Sukan dan Rekreasi, Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah dengan kerjasama Moonton Student Leader. Projek ini menentang bakat E-sport seperti Mobile Legend Bang Bang dan PUBG.</p> <p>Pertandingan E-sport ini telah dijalankan bermula 2 hingga 15 Mei 2022 dengan penyertaan 119 orang peserta daripada pelbagai latar belakang dan kewarganegaraan.</p>	
3.	Program Mobiliti Kepimpinan Mahasiswa Kebangsaan 2022	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	<p>Tarikh: 25-27 Mac 2022</p> <p>Peserta: JTK KK4 dan Pemudahcara Mahasiswa KK4</p> <p>Anjuran: Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPKK), UMT</p> <p>Program Mobiliti Kepimpinan Mahasiswa Kebangsaan 2022 anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPKK) Universiti Malaysia Terengganu yang dilaksanakan pada 25 Mac hingga 27 Mac 2022 yang lalu telah melibatkan hampir 100 orang pelajar daripada 5 buah universiti awam iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).</p>	

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
			<p>Antara intipati yang dimuatkan dalam program ini termasuklah sesi suai kenal, aktiviti berunsurkan kepimpinan, aktiviti membersihkan kawasan pesisiran pantai dan mencari lokan di kawasan paya bakau serta mempelajari cara membuat sata ikan. Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam tersebut telah berjaya memupuk sifat kepimpinan dalam diri peserta selain meningkatkan kemahiran untuk bekerjasama dalam sesebuah organisasi dan berkomunikasi secara berkesan.</p> <p>Menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan, peserta turut mendapat pendedahan berkaitan adat dan budaya di negeri Terengganu serta dapat merasa sendiri kesusahan penduduk di sana untuk menjana pendapatan dengan proses mencari lokan dan kepah di kawasan paya bakau. Di samping itu, antara peristiwa yang tidak dapat dilupakan oleh peserta program ini adalah apabila kami dijamu oleh orang kampung dengan sajian bubur lambuk secara percuma selepas penat menjalankan pelbagai aktiviti di tengah terik matahari. Di sini, kami telah berpeluang untuk berbual dan berkenalan dengan orang kampung di sekitar kawasan Pantai Penarik, Terengganu. Pada hari terakhir program, diselitkan juga aktiviti santai di mana para peserta diberi peluang untuk mengunjungi Pasar Payang dan membeli buah tangan untuk dibawa pulang.</p> <p>Program ini diakhiri dengan sebuah majlis penutupan secara formal yang dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Hafiz Zakariya, Pengarah Kolej Kediaman Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Ts. Dr. Nik Aziz Nik Ali dan beberapa orang wakil daripada universiti awam yang terlibat. Majlis penutupan tersebut diadakan bertujuan untuk meraikan para peserta yang telah menunjukkan semangat yang tinggi dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang penganjuran program ini.</p> <p>Diharapkan agar program-program kepimpinan seperti ini dapat dilaksanakan dengan lebih banyak pada masa akan datang kerana ianya mampu memberikan impak yang besar terhadap pembentukan jati diri remaja yang merupakan tonggak kepada kemajuan negara.</p>	

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
4.	Temasya Pantun Kerabat Bestari (TEPAK Bestari)	Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	<p>Tarikh: 14 Mei - 5 Jun 2022</p> <p>Temasya Pantun Kerabat Bestari (TEPAK Bestari) merupakan projek anjuran Kolej Kediaman Bestari, Universiti Malaya bersama Dewan Bahasa dan Pustaka.</p> <p>Terdapat 5 program yang telah dijalankan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FORUM PANTUN 2.0: "BICARA GEMAWAN MERINTIK BAHASA, MELEBAT BUDAYA" (tontonan 2 ribu penonton secara dalam talian) 2. PERTANDINGAN PANTUN PERINGKAT SEKOLAH RENDAH: TUNAS PULUT SIDING (25 penyertaan) 3. PERTANDINGAN PANTUN PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH: MENGUNING MAHSURI (49 penyertaan) 4. PERTANDINGAN PANTUN PERINGKAT INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT): MENUAI MALINJA (42 penyertaan) 5. PERTANDINGAN PANTUN PERINGKAT ANTARABANGSA: SEMERAH SAGA 2.0 (109 penyertaan) <p>Program-program yang telah dijalankan tersebut turut melibatkan panel dan juri jemputan seperti Dato' Haji Chuari Selamat (Karyawan Negara), Encik Roslan Madun (Tokoh Bidang Puisi), Encik Sharizan Ahmad (Seniman) dan ramai lagi.</p>	
5.	Pidato Piala Tuanku Kurshiah (PPTK)	Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah	<p>Tarikh: 29 Mac - 14 Mei 2022</p> <p>Penyertaan: 77 orang</p> <p>Projek Piala Pidato Tuanku Kurshiah adalah satu projek anjuran Jawatankuasa Kerja Perkembangan Akademik dan Intelektual dengan kerjasama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Kelab Pidato Perdana Antarabangsa (KEPENTAS).</p> <p>Pendaftaran peserta telah mula dibuka dari 6 Mac sehingga 27 Mac 2022. Seramai 77 orang peserta telah mendaftar bagi menyertai pertandingan terdiri daripada penyertaan 36 buah sekolah merangkumi 10 buah negeri di seluruh Malaysia.</p> <p>Pertandingan ini dimenangi oleh Saudari Aiena Batrisyia binti Sulaiman dari Kolej Tunku Kurshiah, Seremban.</p>	

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
6.	Festival Buku Za'ba	Auditorium, Kompleks Perdanasiswa, UM	<p>Tarikh: 29 - 31 Mei 2022</p> <p>Festival Buku Za'ba merupakan sebuah program anjuran Jawatankuasa Kerja Perkembangan Akademik dan Intelektual (JKP ADIN) Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba). Program ini dianjurkan untuk membolehkan mahasiswa/i Universiti Malaya mendapatkan pelbagai jenis buku dengan harga yang berpatutan. Selain itu, projek ini juga bertujuan untuk meningkatkan minat membaca dikalangan warga Universiti Malaya.</p> <p>Festival Buku Za'ba telah membawakan 6 penerbit buku iaitu Patriots Publishing Sdn. Bhd., Iman Publication Sdn. Bhd., Kata-Pilar Books, Jejak Tarbiah, Nizamiyyah Institute dan The Biblio Press sepanjang 3 hari berlangsung. Festival Buku Za'ba turut menyediakan pelbagai jenis food truck dan gerai makanan seperti Tealive, Texas Chicken, churros dan waffle. Selain itu, cabutan bertuah turut diadakan untuk setiap pembelian buku berharga RM15.00 dan ke atas.</p> <p>Selain daripada warga Universiti Malaya, festival ini turut dihadiri oleh orang luar dan juga pelajar institusi pengajian lain.</p>	
7.	Gotong Royong Perangi Aedes	KK4, KK9 dan KK12	<p>Tarikh: 4 & 11 Jun 2022</p> <p>Anjuran: JK COMBI KK, OSHREC UM dan PKD Lembah Pantai</p> <p>Penglibatan: Pelajar dan staf KK</p> <p>Seramai 115 orang sukarelawan COMBI yang terdiri daripada staf dan pelajar kolej kediaman terlibat dalam menjayakan program pada kali ini.</p> <p>Sebelum bermulanya aktiviti gotong royong, para sukarelawan terlebih dahulu diberi taklimat berkenaan program yang dijalankan ini. Taklimat telah diberikan oleh wakil Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai, Puan Azimah dan Encik Airil. Sukarelawan telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan ditempatkan di setiap lokasi sekitar kolej kediaman yang merangkumi kawasan blok-blok penginapan pelajar, blok pentadbiran serta kawasan-kawasan umum seperti kafeteria, tempat letak motosikal dan dataran.</p> <p>Antara objektif program yang dapat dicapai melalui program ini ialah kawasan persekitaran sentiasa bersih dan bebas daripada kawasan pembiakan nyamuk Aedes, kawasan kediaman bebas Denggi dan mengeratkan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai dengan COMBI Universiti Malaya khususnya di kolej kediaman selain daripada memberi kesedaran kepada semua warga kolej kediaman tentang kepentingan kebersihan alam sekitar bagi menjamin kehidupan yang sihat dan bebas denggi.</p> <p>Secara keseluruhannya program yang telah dilaksanakan ini amat memberi manfaat kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu komuniti membentasi Aedes.</p>	

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPAT	SINOPSIS PROGRAM	PENCAPAIAN
8.	Makan Malam Amal oleh Republik Azerbaijan	Dewan Bestari, Kolej Kediaman Bestari	<p>Tarikh: 12 Disember 2022</p> <p>Anjuran: Pusat Dialog Peradaban dengan kerjasama KK4</p> <p>Pada 12 Disember 2022, satu Majlis Makan Malam Amal telah diadakan oleh pihak Kedutaan Republik Azerbaijan dengan kerjasama Pusat Dialog Peradaban & Kolej Kediaman Keempat.</p> <p>Majlis Makan Malam Amal ini adalah sempena Ulang Tahun ke-19 Kematian Pemimpin Kebangsaan Azerbaijan, Heydar Aliyev dan juga sebagai salah satu usaha kedutaan memperkenalkan Republik Azerbaijan kepada pelajar Universiti Malaya.</p> <p>Majlis dimulai dengan solat Maghrib berjemaah dan bacaan Yasin yang dipimpin oleh Saudara Muhammad Taftazany Abd Rahman, pelajar Kolej Kediaman Keempat, Majlis diteruskan dengan ucapan aluan oleh Timbalan Naib Canselor HEP dan ucapan khas oleh Duta Republik Azerbaijan ke Malaysia, H.E Irfan Davudov.</p> <p>Beliau juga turut memperkenalkan serba sedikit berkenaan sejarah dan latar belakang Republik Azerbaijan. Hadirin turut dihidangkan dengan iringan lagu dari Republik Azerbaijan sepanjang menjamu selera.</p> <p>H.E Irfan Davudov amat gembira kerana majlis ini berjalan dengan lancar dan berharap agar usaha sama seperti ini dapat diteruskan lagi di masa hadapan.</p>	.



UNIVERSITI
MALAYA



BAHAGIAN

05 Penciptaan Nilai dan Perusahaan



PUSAT INOVASI DAN PERUSAHAAN UM (UMCIE)

Pusat Inovasi & Perusahaan Universiti Malaya (UMCIE) bertanggungjawab untuk mengawal selia governan berkaitan inovasi, pengurusan harta intelek dan pengkomersialan di UM. UMCIE bertindak sebagai platform kepada perekacipta, warga akademik dan pelajar untuk merealisasikan cetusan idea, konsep dan *output* penyelidikan dibawa ke hadapan agar boleh dikomersilkan. UMCIE kekal komited dalam usaha melindungi harta intelek yang bernilai hasil daripada aktiviti penyelidikan dan pengajaran warga universiti serta penterjemahan harta intelek yang terlindung seterusnya menyumbang kepada impak sosioekonomi yang bermanfaat kepada masyarakat. Peningkatan kriteria nilai komersial dan potensi impak sosial yang digunakan serta pengurusan aset intelektual yang proaktif dapat membantu usaha pemulangan pelaburan hasil dana penyelidikan dalam menjamin kelestarian kitaran penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

Pada tahun 2022, dicatatkan sebanyak 60 paten Universiti Malaya bersijil (*granted*) dan 21 inovasi baru telah difailkan termasuk 3 pemfailan antarabangsa (PCT). Sejumlah 273 harta intelek yang turut didaftarkan berdasarkan kategori tertentu seperti 12 cap dagangan, 1 rekaan perindustrian dan 262 hakcipta. Selain daripada itu, sebanyak 17 perjanjian perlesenan yang termeterai bersama pihak industri luar dan pemindahan teknologi universiti bagi memulakan dan melaksanakan aktiviti pengkomersialan inovasi. Melalui kolaborasi ini, ia membuktikan kepercayaan pihak industri terhadap keberhasilan universiti sebagai pemangkin kepada pembangunan negara. Selain daripada itu, universiti berupaya membuka peluang seluas-luasnya kepada pelbagai pihak seperti industri dalam aktiviti pemindahan kepakaran dan teknologi yang akhirnya dapat memenuhi tuntutan serta keperluan semasa negara.

Jenis Harta Intelek	Tahun 2020	Tahun 2021	Tahun 2022
Bil. paten dianugerah (kebangsaan dan antarabangsa)	122	82	60
Bil. paten difail (kebangsaan)	37	19	18
Bil. paten PCT/ antarabangsa difail	4	7	3
Bil. harta intelek selain dari paten (tidak termasuk buku) seperti hak cipta, cap dagangan, reka bentuk industri dan petunjuk geografi)	244	261	275

Data Harta Intelek UM tahun 2022

Paten bersijil <i>Granted Patent</i>	60
Pemfailan paten <i>Filed patent</i>	18
Pemfailan paten PCT/ antarabangsa	3
Cap dagangan <i>Trademark</i>	12
Rekabentuk Perindustrian <i>Industrial Design</i>	1
Hakcipta <i>Copyrights</i>	262
Perlesenan dan <i>Know-How</i>	17

Senarai Paten bersijil (granted)

1	<i>A Method For Manufacturing A Three Dimensional Anatomical Structure</i>
2	<i>A Method For Synthesizing An Antigenic Recombinant Hypothetical Lipoprotein From Burkholderia Pseudomallei (New Title: An Antigenic Recombinant Hypothetical Lipoprotein From Burkholderia Pseudomallei And A Novel Method Thereof)</i>
3	<i>An Iron And Manganese Free Groundwater Treatment System</i>
4	<i>Reversible Data Hiding By Adaptive Modification Of Prediction Errors (New Title: Method Of Embedding External Data In A Digital Image)</i>
5	<i>Taqman Genotyping Assays For Malaysian Chinese Beta Thalassemia Mutations</i>
6	<i>A Method Of Producing Functionalized Graphene Nanofluid</i>
7	<i>A Method Of Lipid Content Quantification Using Magnetic Resonance Imaging (Mri)</i>
8	<i>A Method For Producing Biogas From Palm Oil Mill Effluent</i>
9	<i>Method Of Identifying Influential Nodes In A Network</i>
10	<i>Identification And Differentiation Of Burkholderia Pseudomallei From Other Closely Related Gram Negative Bacteria</i>
11	<i>A Method Of Depositing Gallium Nitride On A Substrate</i>
12	<i>Aggregating Device And Method For Search Engine-Based Data Mash-Up Of Medical Informatics Research Activity</i>
13	<i>Honeycomb Micro-Capillary Development (New Title;Method Of Forming A Microcapillary Structure From Capillary Tubes)</i>
14	<i>Coatings Of Sewage Concrete Pipes For Service Life Extension (New Title: A Reinforced Concrete Pipe And Method Thereof)</i>
15	<i>An Electrode Wire For Use In Wire Electrical Discharge Machining</i>
16	<i>Teleophthalmoscope For Point-Of-Care</i>
17	<i>Cloning, Overexpression & Purification Of A Recombinant Lectin Of A Tiger Milk Mushroom Lignosus Rhinocerus</i>
18	<i>Method To Fabricate Non-Polar A-Plane Gallium Nitride On R-Plane (1-102) Using 3 Step-Growth Technique By MOCVD (New Title: Method For Producing A Non-Polar A-Plane Gallium Nitride (GaN) Thin Film On An R-Plane Sapphire Substrate)</i>
19	<i>Method Of Growing Semipolar Gallium Nitride Film</i>
20	<i>An Atmospheric And Water Enable Pump In A Pico Hydro System For Use In Self-Generating Renewable Energy</i>
21	<i>A System For Administering A Sports Match</i>
22	<i>Solar Water Heat Regulator</i>
23	<i>Fretting Load Measuring Device For Rotating Bending Type Of Fretting Fatigue Test Machine</i>
24	<i>Sensor System For Determination Of Phosphate Species</i>
25	<i>Low Cost Powered Upper Limb Prosthesis</i>
26	<i>Transformerless Uninterruptible Power Supply System</i>
27	<i>Three Phase T-Type Inverter</i>
28	<i>Fiber Optic Displacement Sensor Scanning System For Imaging Of Dental Cavity</i>
29	<i>An Aqueous Emulsion Composition For Coating Paper</i>

30	<i>Core Rotary Rubber Damper</i>
31	<i>Ultrasonic Bending Fatigue Test Apparatus For Metals</i>
32	<i>Lantibiotic Encoding Nucleotide</i>
33	<i>Method And Apparatus For Detection And Characterization Of Concrete Cracks</i>
34	<i>Salicyclic Acid Loaded Lipid Nanoparticles With Prolong Release Property</i>
35	<i>Denture Base Composition</i>
36	<i>Methods Of Fabricating Dna Nano Structures And Systems Thereof (New Title: Method For Fabricating Nucleic Acid Nanostructures And Systems Thereof)</i>
37	<i>A Battery Separator</i>
38	<i>Malaysian Giant Freshwater Prawn Genomics On Chip -15 (New Title : A Method For Analysing Gene-Environment Interaction Of Macrobrachium Rosenbergii)</i>
39	<i>Method And System For Ultrasound Image Segmentation To Detect Osteoarthritis Using Active Contour Technique</i>
40	<i>Multilayer Core Optical Fiber As High Sensitive Radiation Dosimeter For Very Low Dose Application (New Title: Multilayer Core Optical Fiber As High Sensitive Radiation Dosimeter For Low Dose Applications)</i>
41	<i>Developmental Model Of Imitation Learning Through Self-Exploration (New Title: Robot Imitation Learning Through Self-Exploration)</i>
42	<i>A New Citation System That Depends On The Position Where The Reference Is Cited And Differentiate Between The Citation Of Review Papers From The Citation Of Research Papers (New Title: A Citation Assessment System And A Method Thereof)</i>
43	<i>Composite Flooring Using V-Shaped Shear Connector</i>
44	<i>Old Title: Synergistic Enhancement Of Antimicrobial Activity Of Imipenem And Compound F2 15-12-2012 Againts Multidrug Resistant Acinetobacter Baumannii (New Title: An Antimicrobial Composition Against Acinetobacter Baumannii)</i>
45	<i>A Method Of Immunization Against Multi-Drug Resistant Acinetobacter Baumannii</i>
46	<i>Method For Prevention Of Plant Nitrate Poisoning And Apparatus Thereof (New Title: "Method For Prevention Of Plant Nitrate Poisoning And Apparatus Thereof)</i>
47	<i>DNA Tetris / Dna Tetrominoes / Programmable Dna Tetris (New Title: A System For Fabricating Nucleic Acid Polyominoes And A Method Thereof</i>
48	<i>RNAI-Mediated Silencing Of The Cinnamate-4-Hydroxylase Gene Alters Amino Acid Metabolism And Reduces Flavonoid Levels In Boesenbergia Rotunda (New Title: A Method Of Altering Metabolite Levels In Boesenbergia Rotunda By Rna Interference-Mediated Silencing Of The Cinnamate-4-Hydroxylase Gene)</i>
49	<i>Construction Of Novel Ahl-Based Quorum Sensing Inhibitors Acting Against Short Chan N-Acyl Homoserine Lactone Synthase And The Method To Screen For Active Molecules (New Title: A Quorum Sensing Inhibitor Biosensor, Method And Use Thereof</i>
50	<i>Electronic Fingerprint Profiles Of Short Oligonucleotides (New Title : A Device For Profiling And Identifying An Oligonucleotide)</i>
51	<i>Multiplex Pcr Kit For The Detection Of Pig, Dog, Cat, Rat And Monkey Derived Materials For Halal Authentication</i>
52	<i>Primers For Detection Of Zika Viruses Using Single-Tube Reverse Transcription Loop-Mediated Isothermal Amplification (Rt-Lamp)</i>

53	<i>Dual Microwave Cavity Sensor System (New Title: A Multiphase Flow Metering System For Measuring Constituents In A Fluid Mixture)</i>
54	<i>LANTIBIOTIC ENCODING NUCLEOTIDE (Divisional Paten from PI 2016704508)</i>
55	<i>LANTIBIOTIC ENCODING NUCLEOTIDE (Divisional Paten from PI 2016704508)</i>
56	<i>LANTIBIOTIC ENCODING NUCLEOTIDE (Divisional Paten from PI 2016704508)</i>
57	<i>Auto Impact Device (AID) With Non-Synchronous Time Interval (New Title: Apparatus For Performing Modal Analysis On Object)</i>
58	<i>Thermo Activated Photon Wavelength Spectrometer</i>
59	<i>Rapid In-situ Detection Kit (risk) : Development Of Loop-mediated Isothermal Amplification (lamp) Assay For The Rapid Identification Of Selected Invasive Alien Fish Species In Malaysian Freshwaters. (New Title :A Method for Detecting Invasive Alien Fish Species)</i>
60	<i>Heptaplex PCR Kit For The Detection And Differentiation Of Cow, Buffalo, Chicken, Duck, Goat, Sheep And Pig Species In Food Products (New Title : A Kit For Detecting Multiple Targets In A Food)</i>

Senarai Paten Difailkan (filed)

1	<i>Method For Producing A Kit For Detection And Monitoring Shrimp Biohealth</i>
2	<i>A System And Method For Simulating And Controlling A Microbial Fuel Cell</i>
3	<i>Fiber Bragg Gratings For Measuring Biaxial Tilt</i>
4	<i>A Multi-Function Suture Removing Dental Device</i>
5	<i>A Pipeline Hydropower Generation System</i>
6	<i>A Microbubble Generator</i>
7	<i>A Method For Preparing A Core-Shell Fibre For Bone Tissue Scaffold</i>
8	<i>Hybrid Structural Health Monitoring Scheme With Damage Identification Through Modal Parameters And Artificial Intelligence Methods</i>
9	<i>Electrochemical Sensing Of Sweat For Detecting Biomarkers (New Title: An Apparatus For Detecting Biomakers From Biomolecule)</i>
10	<i>Antigenic Targets Of Acinetobacter Baumannii And Its Uses Thereof</i>
11	<i>Indolenine Comprising Antibiofilm Compounds And Uses Thereof (New Title: An Indolenine Derivative For Inhibiting Biofilm Formation By Staphylococcus Aureus)</i>
12	<i>Non-Corrosive Substituted 2,5-Dimercapto-1,3,4-Thiadiazole Compounds As Excellent Lubricant Additives (New Title: Non-Corrosive And Ashless Lubricant Additive, Lubricant Composition And Methods Thereof)</i>
13	<i>Bionanocomposite Coating Lacquer For Polymer Thermic Film (New Title: A Polymeric Thermal Film And A Bio-Based Nanocomposite Coating Lacquer Therefor)</i>
14	<i>Display Of Proteins On A Robust Bacterial Genetic Carrier Platform For The Stimulation Of Protective Immune Responses</i>
15	<i>A Method Of Producing Oxo-Biodegradable Natural Rubber (New Title: A Composition For An Oxo-Biodegradable Natural Rubber)</i>
16	<i>Method For Detecting, Grabbing, Picking, Releasing And Weighing Of Objects</i>
17	<i>Biofilm Disruption and Treatment with Polyelectrolyte-Coated Nano formulations (New Title: Pathogenic Bacterial Biofilm Disruption Composition)</i>
18	<i>A Rectifier</i>

Senarai PCT Difailkan (antarabangsa)

1	<i>A Process For Producing Pharmaceutical or Other Heterologous Protein via Agrobacterium-Mediated Transformation of Mucuna bracteata</i>
2	<i>An Electrochemical Biosensor Comprising Carboxylated Reduced Graphene Oxide-Titanium Dioxide Nanocomposite, A Method Of Producing And A Use Thereof</i>
3	<i>A Photoactive Fabric For Purifying Air And A Method Of Producing Thereof</i>

Senarai cap dagangan difailkan

1	Microcredentials@UM
2	MySmile
3	<i>Transforming Cognitive Frailty into Later-Life Self-Sufficiency (AGELESS)</i>
4	<i>Islamic Spiritual Support for Caregivers of Children with Cancer</i>
5	NANOCAT
6	<i>BE ACTIVE (also known as Built Environment & Active Living) Logo Design</i>
7	FLEKSOR
8	PENERBIT UNIVERSITI MALAYA ILMU PUNCHA KEMAJUAN & DEVICE
9	CBMTI
10	UMFit
11	PUSAT DIALOG PERADABAN CENTRE FOR CIVILISATIONAL DIALOGUE & DEVICE (UMCCD)
12	THE PANACEA

Bagi melengkapkan platform pengkomersialan, UM telah melangkah setapak ke hadapan dengan adanya Kompleks Inkubator yang dikenali sebagai UMXcelerate (UMX). Pusat Inovasi dan Perusahaan Universiti Malaya (UMCIE) telah dipertanggungjawabkan dengan pengurusan UMX melalui pelbagai fasiliti, ruang dan platform yang disediakan dalam membantu mewujudkan suasana *'entrepreneurial'* agar peluang dalam berkolaborasi mudah dilaksanakan di pelbagai peringkat. Penyewa ruang di UMX terdiri daripada 15 syarikat/ kumpulan penyelidik/usahawan seperti disenaraikan di Jadual 1.

Jadual 1: Senarai penghuni UMX.

Bil	Nama syarikat	Sektor	Hubungan
1	MOH Research Sdn Bhd	Kimia perubatan, Kesihatan	Pembeli harta intelek UM
2	Nanotechnology & Catalysis Research Centre (NANOCAT)	Teknologi Nano	COE UM
3	Xcess Pressure Sdn Bhd	Kejuruteraan	Syarikat terbitan UM
4	Reservoir Link Solution Sdn Bhd	Minyak & Gas	Rakan kolaborasi penyelidikan
5	Caya Primer Sains Sdn Bhd	Akuakultur	Pelesen harta intelek UM
6	CJ BIO (M) Sdn Bhd	Bioteknologi	Rakan kolaborasi penyelidikan
7	ROSE Foundation	Sains Hayat	Rakan kolaborasi

Bil	Nama syarikat	Sektor	Hubungan
8	Galaxy Tech Solutions (KL) Sdn Bhd	Alam persekitaran (air sisa)	Rakan kolaborasi penyelidikan
10	NanoSkunkWorkX Sdn Bhd	Perubatan (COVID-19)	Rakan kolaborasi penyelidikan
11	Unilah (Student Start up)	Pelajar	Tawaran pakej pelajar universiti
12	ACI Sciences (M) Sdn Bhd	Kimia	Servis makmal
13	Osiris Drones Sdn Bhd	Drone	Rakan kolaborasi penyelidikan
14	eProfiler	Sains	Syarikat terbitan UM
15	Cell101 Sdn Bhd	Sains (sel stem)	Rakan kolaborasi penyelidikan

Aktiviti

Sesi Perkongsian Ilmu melalui webinar

UMCIE menganjurkan siri webinar yang mengetengahkan maklumat berkenaan perlindungan harta intelek dan keusahawanan sepanjang tahun 2022 bersama pelbagai pihak seperti organisasi bukan kerajaan, agen paten dan ahli usahawan. Webinar bersiri ini berfokuskan kepada orang awam dan jemputan turut dihebahkan kepada semua pelajar UM agar ilmu perniagaan dalam bidang keusahawanan dapat dikongsikan. Objektif siri webinar ini adalah berkongsi idea dan tips ke arah menjadi usahawan yang kekal maju ke hadapan. Pengalaman dan ilmu yang dikongsikan merangkumi saat kegagalan dan kejayaan yang ditempuhi oleh para usahawan nasihat dan pengalaman oleh agen paten dari pelbagai bidang sejak bertahun-tahun lamanya.

Selain daripada itu, UMCIE turut menganjurkan siri webinar pengkomersialan di mana ia memfokuskan teknik, cabaran, isu penting dalam pengkomersilan produk dan perkhidmatan. Penceramah yang dijemput adalah terdiri dari kalangan agensi kerajaan dan swasta untuk berkongsi maklumat penting mengenai peluang pelaburan dan sumber dana termasuk peranan usahawanan dalam melonjakkan ekonomi negara. Di samping itu, penyelidik memperoleh ilmu perniagaan yang berpotensi untuk memberi hasil pulangan kepada Universiti yang telah banyak dilaburkan bagi penyelidikan dengan pembangunan prototaip dan produk yang berupaya menembusi pasaran dan dunia perniagaan. Sejumlah 15 sesi webinar telah dianjurkan sepanjang 2022 seperti di Jadual 2.

Impak daripada siri webinar sebegini menurut para usahawan dan pelajar yang telah hadir adalah amat dialu-alukan kerana maklumat yang diajar tidak boleh diperoleh dari dalam bilik darjah, melalui perkongsian usahawan yang telah menempuh pelbagai rintangan dan berjaya, ia memberi inspirasi dan memupuk sikap tidak berputus asa untuk bangkit semula setelah jatuh dalam membangunkan perniagaan baru. Kini UMCIE menerima jemputan sebagai panel penilai untuk program keusahawanan para pelajar.

Jadual 2: Webinar yang dilaksanakan

BIL.	TARIKH	PROGRAM
1	12 Januari 2022	What is Product Marketing Plan and how to do it?
2	25 Januari 2022	“Fundamentals Of Technology Commercialization” by Technology Park Malaysia
3	28 Januari 2022	“The Power of Dreams” by A Klasse Essentials Sdn Bhd
4	14 Februari 2022	“Out of the Lab, into the Real Life” with MRANTI
5	25 Februari 2022	“Aspire to Inspire” by Venture Capital in Malaysia
6	29 Mac 2022	“The Introduction To IP & The Path To A Patent”
7	22 April 2022	“A dialogue with Dr Jazemine, Start it right now!”
8	26 April 2022	“Keeping an eye on commercialization” by IPVOLUSI SDN BHD
9	27 April 2022	“Patent Drafting for Beginners” by Trademark2u
10	30 Mei 2022	“How to Conduct a Prior Art Search” by Mr. Ramakrishna Dhamadaran, Adipven
11	31 Mei 2022	“Understanding problems” by Mr Kevin Tan, Upsilon Holdings
12	6 Julai 2022	“Diagnostic & Therapeutic Opportunities with Aptamers” by Mr. Tang K.M., BioGenes Technologies
13	23 Ogos 2022	“CREATING AN ECOSYSTEM FOR ENTREPRENEURSHIP” oleh Jill Finlayson daripada “Edge in Tech” Initiative, UC Berkeley
14	23 Ogos 2022	“Shine with your invention – Learn about success stories with life science patents and IP trends” by Pintas IP Group
15	24 Ogos 2022	“Help Great Ideas take Shape – Learn about tips to patent your invention” by Pintas IP

Program Inovasi dan Keusahawanan

Satu program pemacu keusahawanan yang dimulakan sejak tahun 2019 dikenali sebagai Program UM Deep Tech (UMDT) adalah siri latihan intensif berdurasi 24 minggu yang membimbing dan mengasah kemahiran dan pemikiran keusahawanan dari kalangan warga UM melibatkan aktiviti pembangunan teknologi dan pemindahan teknologi untuk menceburi bidang pengkomersialan. Memasuki kohort kedua, siri latihan ini telah bermula pada Oktober 2021 sehingga Julai 2022 dan disambut baik sebagai inisiatif melahirkan penyelidik yang kreatif dan inovatif serta lebih berdaya maju dalam penghasilan produk terbaik untuk meneroka alam pengkomersialan. Program ini mempunyai bilangan peserta yang terhad dan hanya peserta yang terpilih saja dapat mengikuti program intensif ini secara fizikal.

Berbekalkan ilmu penghasilan pelan pemasaran yang strategik dan pelan perniagaan yang kompetitif, produk dan teknologi universiti disiapsiagakan agar mampu bersaing di dalam dunia perindustrian pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Di samping itu, program ini bukan sahaja meleraikan jurang kolaborasi di antara universiti dan industri, namun memberi manfaat dalam memperluaskan lagi perhubungan dan kenalan antara usahawan dan pelabur perniagaan dari luar. Inisiatif ini merupakan laluan pintas yang menyumbang ke arah usaha melahirkan usahawan cemerlang yang dijangka mampu mencipta nama dalam sektor perindustrian. Selain itu, inisiatif ini adalah salah satu strategi janaan pendapatan dan pemasaran produk serta berupaya meningkatkan penjualan dan penyampaian perkhidmatan.


Rata-rata berharap agar program sebegini diteruskan bagi memantapkan lagi aktiviti perniagaan dan keusahawanan yang memacu ke arah pengkomersialan idea, teknologi dan inovasi untuk dibawa ke sektor perindustrian. Pada akhir program, peserta telah bergraduasi melalui Hari *Demo Day* yang dianjurkan pada 17 Julai 2022.

Senarai projek di bawah Program UMDT Cohort 2.0

1	RIMBA - Recreational Information Management & Database Architecture - Prof. Dr. Amir Feisal Merican bin Aljunid Merican
2	Renewable Energy From Municipal Solid Waste – Dr. Muhammad Shakeel Ahmad
3	REO-Ge: A Solution For Semiconductor Processing - Assoc. Prof. Ir. Dr. Wong Yew Hoong
4	The Nature’s Way To Control Banana Plant Disease - Prof. Dr. Salmah Ismail
5	Kit To Detect Mixed Meat Species In Food - Dr. M. A. Motalib Hossain and Prof. Dr. Mohd Rafie Johan
6	Solar & Wind For Power Supply To Island Villages - Mr. Norhafizan Ahmad
7	Onsite Motor Health Monitoring Device For Preventive Maintenance - Dr. Che Hang Seng
8	Bio-based Mist To Prolong The Shelf Life Of Post Harvest Fruits And Vegetables - Assoc. Prof. Dr. Koshy Philip
9	MolDesign: Intelligent System For High-Performance Material Discovery - Assoc. Prof. Dr. Vannajan Sanghiran Lee
10	Supercapattery - Hybrid Energy Storage Device - Prof. Dr. Ramesh Subramanian and Assoc. Prof. Dr. Ramesh Kasi
11	Bacteriophage Cocktails As A Diagnostic And Therapy Product For Antibiotic-Resistant Pathogens In Aquaculture Farming - Dr. Tang Swee Seong

Senarai syarikat pemula daripada Program UMDT:

(a) Xcess Pressure Sdn Bhd



(b) Uniresearch and Innovation Sdn Bhd

UNIRESEARCH AND INNOVATION SDN BHD

Before

After

Developed after UMDT Programme

Title : A Method for Rapid Detection of Salmonella bacteria, method of Fabricating and Operating thereof

TRL : TRL 4

Patent No : PI 2018002651

Title : Electrochemical Biosensor Comprising Carboxylated Reduced Graphene Oxide Titanium Dioxide Nanocomposite, A Method of Producing and A Use Thereof

TRL : TRL 6

Patent No : PI 2021003864

(c) Vancoating Sdn Bhd

UNIVERSITI MALAYA

VAN COATING SDN BHD

Before

After

Developed after UMDT Programme

Title : A Process of Synthesizing an Anti Fog, Self- Cleaning and Water Repellent Coating onto a Glass Panel

TRL : TRL 4

Patent No : PI 2020002584

Title : A Process of Synthesizing an Anti Fog, Self- Cleaning and Water Repellent Coating onto a Glass Panel

TRL : TRL 7

Patent No : PI 2020002584

Idea pivoted to windscreen coating

(d) Essentinutrien Sdn Bhd

UNIVERSITI MALAYA

ESSENTINUTRIEN SDN BHD

Before



Developed after UMDT Programme

After



Title : Anti-Inflammatory Agent
TRL : TRL 5
Patent No : PI 2016703767


Title : Medicinal use of the Extract of Ligmosus Rhinocerotis
TRL : TRL 8
Patent No : MY-175662-A

(e) Biosight Sdn Bhd

UNIVERSITI MALAYA


BIOSIGHT SDN BHD

Before



Developed after UMDT Programme

After



Title : A Portable Scoliosis Assessment Device
TRL : TRL 4
Patent No : PI 2017703051

Title : An IOT scoliosis assessment system
TRL : TRL 5
Patent No : MY-175662-A

Idea pivoted incorporated with AI to monitor the patient management

(f) eProfiler Ltd

UNIVERSITI MALAYA **EPROFILER SOLUTIONS LTD**

Developed after UMDT Programme

<p>1) Title : Method and Apparatus for Profiling DNA Specimen TRL : Patent No : PI 2015703987</p>	<p>6) Title : A Biosensor For Detecting And Characterizing A Biological Material TRL : Patent No : PI 2020001608</p>
<p>2) Title : RNA Profiling Device and Method TRL : Patent No : PI 2017701978</p>	<p>7) Title : A Biosensor For Detecting And Characterizing A Biological Material TRL : Patent No : PCT/MY2020/050097</p>
<p>3) Title : RNA Profiling Device and Method TRL : Patent No : 16/618,768</p>	<p>8) Title : Method and Apparatus for Profiling Protein TRL : Patent No : PI 2018700511</p>
<p>4) Title : RNA Profiling Device and Method TRL : Patent No : 2019-566680</p>	<p>9) Title : Printed Circuit Board Based Biochemical Sensor For Biomaterials TRL : Patent No : PI 2020001607</p>
<p>5) Title : RNA Profiling Device and Method TRL : Patent No : GB1918971.1</p>	<p>10) Title : Printed Circuit Board Based Biochemical Sensor For Biomaterials TRL : Patent No : PCT/MY2020/050100</p>

Di atas sambutan yang menggalakkan pada pusingan pertama yang lalu, program pendek asas keusahawanan yang khususnya untuk para pelajar telah dilaksanakan dari 1 hingga 31 Julai selama 1 bulan dan dikenali sebagai Program UMICORN. Program UMICORN dikelola secara atas talian oleh Encik Andrew Choong, iaitu Pengasas E3Hubs, *South East Asia Division* di mana peserta telah didedahkan kepada asas perniagaan yang tercetus daripada sebuah idea berkembang menjadi sebuah syarikat pemula. Program ini telah disertai oleh 21 orang pelajar Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi.


Lain-lain aktiviti mempromosi teknologi

Roadshow UMCIE adalah sesi turun padang dan beramah mesra bersama wakil kakitangan UMCIE yang turut berkongsi ilmu pengetahuan, perkhidmatan dan juga penerangan fungsi semua unit UMCIE agar mudah berurusan dan lebih memahami perkara berkaitan pindahan teknologi. Antara PTj yang telah dilawati adalah Fakulti Sains, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Sastera & Sains Sosial.

Terdapat ekspo dan pameran penyelidikan dan teknologi yang turut disertai oleh UMCIE bersama-sama RMC untuk mengetengahkan ciptaan dan inovasi

Roadshow Selangor R&D and Innovation Expo (SRIE) 2022 pada 6 Oktober 2022	Pameran telah disertai oleh Dr. Lai Khin Wee, Dr. Iswadi Jauhari, Dr. Muhammad Syakeel dan Prof. Dr. Fatimah Ibrahim.	Prof. Dr. Fatimah Ibrahim memenangi tempat kedua dengan wang hadiah bernilai RM5,000 dalam bidang Kejuruteraan manakala Dr. Lai Khin Wee dalam bidang Sains Perubatan.
Festival of Ideas (FOI) pada 22 hingga 23 September 2022	UMCIE menyertai pameran FOI bertempat di KPT, Putrajaya sepanjang DUA hari.	Mempamerkan maklumat berkenaan UMDT dan startup dari UM.

<p>Sesi <i>Licensing Exchange Ceremony & Cradle Grant Award Ceremony</i> pada 9 Jun 2022. (UM-NONIVASI)</p>	<p>Program dianjurkan di Auditorium KPPI dan dihadiri oleh Ms. Amanda Soong – CEO Nonivasi Ms. Juliana Jan – Sr. VP Cradle Fund SB Prof. Dr. Shaliza Ibrahim Prof. Madya Dr. Ivy Chung Ir. Dr. Nasrul Anuar Abd. Razak - Ketua Jabatan Biomedik</p>	<p>Diadakan secara hybrid di Auditorium KPPI dan facebook. Dihadiri oleh 35 orang peserta.</p>
---	---	--





BAHAGIAN

06

Pentadbiran Organisasi dan Pengurusan Insan



Jabatan Pendaftar terus meneraju impian pemerkasaan kecemerlangan Universiti dalam meneraju agenda transformasi dan pembangunan modal insan serta pengurusan pentadbiran yang berdaya saing. Dasar serta proses pembaharuan dan penambahbaikan fungsi, keselarian produktiviti dan kejituan kecekapan menjadi pemangkin kepada impak holistik pencapaian dan potensi modal insan yang dimiliki. Penstrukturan strategi serta penggubalan sasaran dan parameter baharu berlunaskan nilai dan visi transformasi universiti menjadi nadi utama dalam membentuk haluan dan penanda aras futuristik untuk mencapai gagasan wadah baharu berpaksikan hasil kerja dan kejayaan bertaraf global.

Anjakan skop budaya kerja serta pemerkasaan bakat, modal insan dan penerapan konsep nilai dan prinsip daya saing tinggi menjadi pegangan dalam melakar sistem dan struktur yang konsisten, berkejuruan dan merencanakan sokongan bersepadu kepada tenaga kerja warga universiti untuk memberikan hasil yang terbaik demi kebanggaan universiti dan negara. Tahun 2021 merupakan tahun berimpak tinggi dalam menandakan permulaan lonjakan transformasi menyeluruh dalam menggembelng sepenuh usaha dan fokus bersasar yang melibatkan seluruh warga kampus untuk seiring dalam merealisasikan hasrat untuk mendokong nama dan prestij universiti yang membolehkan impak dicipta bagi spektrum progresif negara, dunia dan kemanusiaan. Antara pengenalan dasar strategik terbaharu termasuk pembangunan pengurusan dan tarikan modal insan dan bakat global, sistem penilaian produktiviti dan sasaran baharu, serta transformasi nilai kerja dan potensi bakat akademik dan bukan akademik di seluruh universiti.

6.1 Pembangunan Sumber Manusia

6.1.1 Perjawatan

Statistik keseluruhan staf UM pada tahun 2022 adalah seramai 5,863 orang manakala bagi tahun 2021 adalah seramai 5,842 orang. Bilangan ini meliputi 2,362 staf akademik dan 3,501 staf pentadbiran. Daripada jumlah keseluruhan staf pentadbiran, seramai 738 orang atau kira-kira 21% merupakan Staf Pengurusan dan Profesional dan selebihnya iaitu 2,763 orang (79%) merupakan Staf Pelaksana.

Jadual 6.1: Statistik Kakitangan Akademik Bagi Tahun 2022

Jawatan	Tetap	Kontrak	Jumlah	Peratus (%)
Profesor Ulung	-	3	3	0.1
Profesor Kehormat	-	101	101	4.3
Profesor	219	30	249	10.5
Profesor Madya	447	44	491	20.8
Pensyarah Universiti (Gred DS 45/51/52)	686	248	934	39.5
Pensyarah Perubatan (Gred DU 51/52/53/54)	165	16	181	7.7
Pensyarah Pergigian (Gred DUG 51/52/53/54)	41	10	51	2.2
Pensyarah Farmasi Gred DUF 41/51/52/53/54)	8	5	13	0.6
Pensyarah Pelatih	28	-	28	1.2

Jawatan	Tetap	Kontrak	Jumlah	Peratus (%)
Profesor Adjung	-	35	35	1.5
Felo Penyelidik Prinsipal	-	3	3	0.1
Felo Penyelidik Kanan	-	4	4	0.2
Felo Penyelidik	-	13	13	0.6
Felo Penyelidik Pasca Doktorat	-	62	62	2.6
Penyelidik Bersekutu	-	16	16	0.7
Pakar	-	8	8	0.3
Guru Bahasa	65	85	150	6.4
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	20	-	20	0.8
Jumlah Keseluruhan	1,679	683	2,362	100.0

* Kontrak termasuk Kontrak Lepas Bersara, Pelawat dan Sementara

Jadual 6.2: Statistik Kakitangan Pentadbiran Bagi Tahun 2022

Kumpulan Jawatan	Tetap	Kontrak	Jumlah	Peratus (%)
Pengurusan & Profesional	480	258	738	20
Pelaksana	2,555	208	2,763	79
Jumlah Keseluruhan	3,033	466	3,499	100

Jadual 6.3: Statistik Penamatan Perkhidmatan Staf Bagi Tahun 2022

Jenis Penamatan	Bilangan	Peratus (%)
Bersara Paksa	106	40
Bersara Pilihan	43	16
Bersara Atas Kesihatan	4	2
Peletakan Jawatan	102	39
Meninggal Dunia	7	3
Jumlah Keseluruhan	262	100

6.1.2 Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2022, UM telah meluluskan sebanyak 427 kenaikan pangkat meliputi Staf Akademik, Staf Pengurusan dan Profesional dan Staf Pelaksana.

Jadual 6.4: Bilangan Kenaikan Pangkat Mengikut Kumpulan Jawatan


Kumpulan Jawatan	Jumlah	Peratus (%)
Staf Akademik	149	32.74
Staf Pengurusan dan Profesional	56	12.31
Staf Pelaksana	250	54.95
Jumlah	455	100.0



Rajah 1: Bilangan Kenaikan Pangkat Mengikut Kumpulan Jawatan

Jadual 6.5: Bilangan Kenaikan Pangkat Staf Akademik Mengikut Jawatan


Kumpulan Jawatan	Jumlah	Peratus (%)
Profesor	50	33.56
Profesor Madya	67	44.97
Pensyarah Perubatan / Pensyarah Pergigian / Pensyarah Farmasi	25	16.78
Pensyarah Kanan	4	2.68
Guru Bahasa	3	2.01
Jumlah	149	100.00



Rajah 2: Kenaikan Pangkat Staf Akademik Mengikut Jawatan

Jadual 6.6: Bilangan Kenaikan Pangkat Staf Akademik Mengikut Disiplin

Disiplin	Jumlah	Peratus (%)
Sains	48	32.21
Sains Sosial	44	29.53
Klinikal	57	38.26
Jumlah	149	100.00



Rajah 1.3: Kenaikan Pangkat Staf Akademik Mengikut Disiplin

6.1.3 Latihan, Kursus dan Pembangunan Kakitangan

Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) merupakan satu program di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang diwujudkan untuk meningkatkan bilangan staf akademik berkelayakan Ijazah Kedoktoran (PhD) atau setaraf di Universiti Awam. Disamping itu, skim latihan ini juga membantu Universiti membuat perancangan bagi keperluan tenaga pengajar berdasarkan disiplin di Pusat Tanggungjawab dengan mengenalpasti calon-calon yang berkelayakan bagi ditawarkan *Fellowship*. Manakala Program Sub Kepakaran/ Pasca Kedoktoran bertujuan memberi peluang kepada staf akademik yang telah mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau setaraf untuk menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan yang berkaitan dengan pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan selaras dengan bidang pengajian/kepakaran masing-masing.

Di bawah SLAB/ SLAI terdapat 77 pelajar aktif sedang melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara. Manakala seramai 50 orang staf yang terdiri dari staf akademik dan bukan akademik sedang mengikuti pengajian di bawah program Cuti Belajar dan program Hadiah Latihan Cuti Belajar (HLCB).

Jadual 6.7: Statistik Staf/ Felo HLCB/ SLAB/ SLAI Sedang Dalam Pengajian

Bil	Kategori Hadiah Latihan	Jumlah
1	Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)	50
2	Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI)	27
3	Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa	37
4	Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa	13
Jumlah		127


Perancangan latihan dan pembangunan staf tahun 2022 menumpukan 3 aspek utama pembangunan iaitu *Knowledge, Skills & Attitude (KSA)* seperti kursus penyeliaan dan kepimpinan, pengurusan dan perancangan strategik, kemahiran teknologi maklumat (IT),

kemahiran bahasa, komunikasi, kreativiti dan inovasi, *work-life balance* / kerohanian dan beberapa kategori di bawah kumpulan kursus generik.

Peruntukan Latihan yang disalurkan kepada Bahagian Pembangunan Insan (HTD), Jabatan Sumber Manusia untuk menguruskan kursus bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM840,000.00. Melalui peruntukan tersebut, 121 kursus (seperti di Jadual 1) telah berjaya dilaksanakan dengan mengambil kira 33.9% adalah kursus fungsian dan 66.1% adalah kursus generik.

Dari jumlah keseluruhan kursus, hanya kursus Generik IT sahaja yang dijalankan secara dalam atas talian (online). Ini mengambil kira keperluan kemahiran IT secara berterusan dan penyertaan staf secara maksimum. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada jurulatih dalaman dan konsultan luar.

Selain kursus yang dianjurkan oleh pihak HTD, warga universiti diberi peluang untuk mengikuti kursus anjuran luar dan impaknya dapat menyumbang kepada peningkatan diri dan universiti. Tahun 2022, sebanyak 556 permohonan telah diluluskan bagi staf yang mengikuti kursus anjuran luar. Daripada keseluruhan 556 kursus anjuran luar, 84.7% adalah penyertaan dalam negara dan 15.3% adalah penyertaan antarabangsa. Pecahan penyertaan kursus anjuran luar di dalam dan luar negara dengan bantuan kewangan Peruntukan Latihan adalah sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Kos bagi kursus anjuran luar yang ditanggung oleh Universiti bagi tahun 2022 berjumlah hampir RM203,000.00.



Rajah 3 : Kursus Anjuran Luar Yang Diluluskan Di Peringkat Dalam dan Luar Negara 2022

Selain penganjuran kursus bagi peningkatan kerjaya staf, pihak HTD juga mengendalikan 4 siri Kursus Program Transformasi Minda (PTM) sebagai satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi. Kursus PTM pada tahun 2022 melibatkan **100** staf yang terdiri dari Kumpulan Akademik, Eksekutif dan Operasi.

HTD juga menguruskan 2 siri kursus Pra Persaraan kepada 83 staf Universiti yang bakal bersara bagi tahun 2022 dan 2023. Kursus Pra Persaraan ini melibatkan pihak UM sendiri iaitu

Bahagian Perkhidmatan Insan (HTS), Jabatan Sumber Manusia dan agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Amanah Raya Berhad, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK). Topik dalam kursus ini adalah berkenaan proses persaraan, penggajian dan perubatan termasuk faedah dan ganjaran persaraan, faedah terbitan, graduiti dan Gantian Cuti Rehat (GCR). Bakal pesara juga didedahkan kepada topik yang berkaitan dengan perancangan kewangan, perancangan pewarisan, pengurusan pembayaran pinjaman perumahan dan juga penjagaan kesihatan dan kecergasan.

Selaras dengan hasrat dan inisiatif Universiti dalam memperkasakan perkembangan ilmu bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan staf kepada pemegang taruh, Program Pemeraksanaan Staf telah dilaksanakan bermula Mac 2021 sehingga kini. Program ini memberi peluang kepada Staf Eksekutif (Gred 41 hingga 54) dan Operasi (Gred 29) mengikuti kursus Universiti sama ada di peringkat Sarjana Muda mahupun Pascasiswazah. Menerusi program ini, staf boleh memilih kursus Ijazah Dasar atau Ijazah Tinggi mengikut 4 kluster iaitu Pentadbiran dan Pengurusan, Kewangan, Teknikal dan Komunikasi dan Bahasa. Program Pemeraksanaan Staf tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kerana Universiti tidak mengenakan sebarang yuran pengajian kepada peserta yang terlibat.

Secara umumnya, kursus yang ditawarkan kepada semua peserta adalah tertakluk kepada penawaran kursus oleh PTJ bagi setiap semester dan sesi akademik. Setiap Ketua PTJ Akademik yang menawarkan program Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi dikehendaki meneliti dan memperakukan penawaran kursus sedia ada masing-masing (yang bersesuaian) bagi setiap semester untuk ditawarkan bagi pelaksanaan program ini.

Objektif :

- (1) Meningkatkan kompetensi staf dalam melaksanakan tugas.
- (2) Memperkasakan perkembangan ilmu di kalangan staf Eksekutif dan Operasi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan selaras dengan hasrat Universiti bagi mewujudkan 'knowledge organization'.
- (3) Memberi peluang kepada staf Eksekutif dan Operasi untuk mendapatkan kelayakan akademik yang lebih tinggi melalui program 'degree stacking'.
- (4) Menggalakkan pembelajaran berterusan di kalangan staf Eksekutif dan Operasi bagi peningkatan kompetensi.

Dengan pelaksanaan program ini, hasil yang diharapkan adalah:


- (1) Menambah nilai kepada aktiviti pembelajaran hasil dari perkongsian pengalaman pekerjaan staf.
- (2) Meningkatkan kompetensi dan soft skills staf yang menyertai program.
- (3) Menarik minat staf untuk mendapatkan kelayakan akademik yang lebih tinggi melalui program 'degree stacking'
- (4) Meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan ke arah mencapai 'knowledge organization'.

Jadual 2 : Penyertaan Staf Dalam Program Pemerksaan Staf

	Sesi 2021/2022	
	Eksekutif	Operasi
Sasaran KPI	472	30
Bilangan Staf - Semester 1	234	-
Bilangan Staf - Semester 2	223	31
Jumlah Penyertaan Staf	457	31
Peratus (%)	96.8	103.3

Selain menguruskan pelaksanaan kursus dalaman UM dan memproses kelulusan kursus anjuran luar, HTD juga mengadakan program kerjasama dengan pihak luar seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Jawatankuasa Sumber Manusia Universiti Awam (JKSMUA).

Universiti juga sentiasa memberi sokongan serta galakan kepada staf untuk menyertai secara aktif dalam aktiviti persidangan sama ada sebagai pembentang kertas kerja, penceramah jemputan, pengerusi sesi / ahli forum atau peserta. Penyertaan dalam persidangan adalah amat penting kerana aktiviti tersebut dapat menyumbang kepada kegiatan akademik seperti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan perundingan. Selain itu, aktiviti persidangan mampu meningkatkan tahap kompetensi, kepakaran dan profesionalisme staf dalam bidang tugas masing-masing di samping dapat menjalinkan rangkaian kepakaran di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.



Rajah 4 : Cuti Khas Persidangan Yang Diluluskan Di Peringkat Dalam dan Luar Negara 2022

Peruntukan Persidangan yang disalurkan kepada Bahagian Pembangunan Insan (HTD), Jabatan Sumber Manusia bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM800,000.00. Sebanyak 1,285 permohonan Cuti Khas Persidangan telah diluluskan pada tahun 2022 melibatkan penggunaan peruntukan persidangan, bantuan penyelidikan dan dengan tanpa bantuan (selain peruntukan persidangan dan bantuan penyelidikan). Daripada bilangan tersebut, 979 daripadanya adalah permohonan tanpa bantuan, 204 adalah permohonan menggunakan Peruntukan Persidangan melibatkan jumlah sebanyak RM629,165.67 dan 102 adalah permohonan dengan bantuan penyelidikan melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM339,793.72. Rajah 4 adalah pecahan permohonan Cuti Khas Persidangan bagi tahun 2022.

Pada tahun 2022, seramai lima (5) orang staf Universiti Malaya iaitu terdiri daripada empat (4) orang staf Kumpulan Akademik dan seorang staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) telah dipilih untuk mengikuti *CEO@Faculty Programme 2.0: Coached by the Pros (CFP 2.0)* iaitu yang merupakan sebuah program sangkutan industri di bawah kendalian Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPT, KPT).

CFP 2.0 merupakan program yang memberi tumpuan kepada penerapan unsur-unsur kepimpinan di peringkat Universiti di kalangan pensyarah muda (kelulusan PhD) dan Kumpulan P&P dalam mempersiapkan diri sebagai pemimpin yang akan menerajui pengurusan tertinggi dan jawatan-jawatan strategik Universiti pada masa hadapan. Staf yang terpilih telah ditempatkan di organisasi CEO selama enam (6) bulan bagi memberi peluang mengikuti dan mempelajari pengoperasian sesebuah syarikat/agensi serta mendalami ilmu kepemimpinan CEO.

Maklumat staf yang telah terpilih bagi mengikuti CFP 2.0 adalah seperti berikut:

Maklumat Staf	Agensi / Syarikat
(1) Prof. Madya Ir. Dr. Hazlee Azil Illias Jabatan Kejuruteraan Elektrik Fakulti Kejuruteraan (2) Dr. Mohd Shahril Nizam bin Shaharom Jabatan Kurikulum & Teknologi Pengajaran Fakulti Pendidikan	Keysight Technologies Malaysia Keysight Technologies, Bayan Lepas Free Industrial Zone Phase 3, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
(3) Dr. Syed Bahari Ramadan Syed Adnan Jabatan Fizik Fakulti Sains Timbalan Pengarah (Penyelidikan & Pembangunan) Pusat Asasi Sains Universiti Malaya(PASUM)	United Engineers Malaysia Berhad (UEM Group) UEM Group, Level 11, Jalan StesenSentral 5, 50470 Kuala Lumpur
(4) Profesor Madya Dr. Anna Azriati CheAzmi Jabatan Perakaunan Fakulti Perniagaan & Ekonomi (5) Dr. Bong Yii Bonn Pemangku Pengarah Pejabat Hubungan Industri UM	FutureReady Consulting Sdn Bhd FutureReady Consulting, 82, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur

Dalam memastikan pembangunan staf dipertingkatkan seiring arus peredaran masa, pihak Pengurusan UM telah menetapkan sasaran baharu selaras dengan pelan strategik UM. Justeru, berdasarkan perancangan latihan tahun 2022, HTD telah melaksanakan kursus berdasarkan

fungsi jawatan mengikut gred bagi meningkatkan kompetensi staf. Pelaksanaan ini turut selaras dengan hasrat universiti dalam memacu kecemerlangan seiring menjadi antara 100 universiti terbaik di dunia. Cabaran utama pembangunan modal insan adalah dengan menyediakan latihan yang mampu mentransformasikan staf sejajar dengan hala tuju organisasi seterusnya dapat meningkatkan kompetensi staf berdasarkan keupayaan sahsiah dan intelektualiti.

Jadual 1 : Kursus Dalaman Universiti Malaya 2022

Bil.	Kursus	Tarikh
1	Microsoft Excel 2016 Lanjutan	7 Januari 2022
2	Simulasi Pembelajaran Online: Socrative dan Mentimeter	14 Januari 2022
3	Kursus Pra Persaraan Siri 1/2022	19 - 20 Januari 2022
4	Pendekatan POISE Dari Perspektif Kerjaya	24 Januari 2022
5	Keperluan Menyeimbangkan Kerja dan Tekanan	25 Januari 2022
6	Program Transformasi Minda Siri 1/2022	24 - 27 Januari 2022
7	Infografik Menggunakan PowerPoint	28 Januari 2022
8	Pengurusan Bahan Kimia Berdasarkan Peraturan USECHH 2000 & Scheduled Waste Management: EQA 1974	7 & 8 Februari 2022
9	Penyelenggaraan Penyaman Udara Jenis Split	8 Februari 2022
10	Microsoft Word Popular Tools	9 Februari 2022
11	Microsoft Excel Popular Tools	10 Februari 2022
12	Webinar Sembang-Sembang ASNB "Labur Awal Elak Krisis Kewangan"	10 Februari 2022
13	Microsoft PowerPoint Popular Tools	11 Februari 2022
14	Penerapan POISE Dari Perspektif Penyeliaan Efektif	14 Februari 2022
15	Membina Kepintaran Emosi Di Tempat Kerja	15 Februari 2022
16	Asas GPS Untuk Tugas Pemanduan	16 Februari 2022
17	Pengenalan dan pengurusan LEV & GEV - How hygiene is your workplace?	16 & 17 Februari 2022
18	Kursus Pra Persaraan Siri 2/2022	16 - 17 Februari 2022
19	Program Transformasi Minda Siri 2/2022	21 - 24 Februari 2022
20	Webinar Sembang-Sembang ASNB "Fahami Pembiayaan ASB Sebagai Instrumen Perancangan Kewangan"	24 Februari 2022
21	Keselarian POISE Dari Perspektif Toleransi	28 Februari 2022
22	Webinar Sembang-Sembang ASNB "Wakaf ASNB : Urus Harta Untuk Bahagia Dunia & Akhirat"	28 Februari 2022
23	Pemeriksaan Polis Bantuan UM Siri 1/2022	2 & 3 Mac 2022
24	Pembentangan Berkesan Melalui Microsoft PowerPoint	11 Mac 2022
25	Analisis Data Dan Dashboard Menggunakan Pivot Table	14 Mac 2022
26	Penekanan POISE Dari Perspektif Kecemerlangan	14 Mac 2022
27	Membina Personaliti Hebat Di Tempat Kerja	16 Mac 2022
28	Microsoft Word 2016 Asas & Pertengahan	18 Mac 2022
29	Sterilisation and Disinfection In The Laboratory	22 Mac 2022
30	Kecergasan Asas	23 Mac 2022

Pentadbiran Organisasi dan Pengurusan Insan

Bil.	Kursus	Tarikh
31	Penggunaan Google Meet, Zoom dan Microsoft Teams	8 April 2022
32	Microsoft Office 2016 Tips And Tricks	11 April 2022
33	Pembinaan Newsletter Menggunakan Microsoft Publisher	12 April 2022
34	Gaya Hidup Sihat	12 April 2022
35	Kaunseling Silang Budaya	13 April 2022
36	Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja	13 April 2022
37	Manifestasi POISE Dari Perspektif Kerja Berpasukan	18 April 2022
38	Refleksi POISE Dari Perspektif Pemikiran	25 April 2022
39	Aplikasi Office 365 Web (Word, Excel, PowerPoint, Sway)	12 Mei 2022
40	Microsoft PowerPoint 2016 Asas-Pertengahan	13 Mei 2022
41	Microsoft Word 2016 Lanjutan	20 Mei 2022
42	Pelaksanaan POISE Dari Perspektif Kepimpinan	23 Mei 2022
43	Laboratory Biosafety dan Biosecurity: Are you & your work safe?	24 & 25 Mei 2022
44	Keselamatan Sinaran	25 Mei 2022
45	Chemical Safety - Another step forward with CHRA	26 & 27 Mei 2022
46	Pengamalan POISE Dari Perspektif Kualiti	30 Mei 2022
47	Date and Time Excel Formulas	3 Jun 2022
48	Adaptasi Terhadap Kepelbagaian Di Tempat Kerja	14 Jun 2022
49	Taklimat Kelestarian Pendidikan Dalam Melahirkan Generasi Yang Cemerlang – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	17 Jun 2022
50	Aplikasi Google Suite (Docs, Sheets, Slides dan Forms)	20 Jun 2022
51	Asas Seni Mempertahankan Diri (SMD) Siri 1/2022	21 & 22 Jun 2022
52	Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat	22 Jun 2022
53	Asas Penyelenggaraan Landskap	22 Jun 2022
54	Penyelenggaraan dan Pengukuhan Komputer	23 Jun 2022
55	Microsoft PowerPoint 2016 Lanjutan	24 Jun 2022
56	Kesedaran Keselamatan Siber	29 Jun 2022
57	Pembangunan & Pengurusan Laman Web Menggunakan Platform UMCMS	29 Jun 2022
58	Pengurusan Wang Pendahuluan Diri dan Tuntutan Melalui Portal UM	30 Jun 2022
59	Microsoft Excel 2016 Asas-Pertengahan	13 Julai 2022
60	Pembentangan Berkesan Melalui Microsoft PowerPoint	14 Julai 2022
61	Asas Pangkalan Data Menggunakan Microsoft Access	15 Julai 2022
62	Berfikir dan Bertindak Secara Agile	28 Julai 2022
63	Pengendalian Mesyuarat dan Penulisan Minit Mesyuarat	21 Julai 2022
64	Asas CPR dan Pertolongan Cemas	25 Julai 2022
65	Perkaitan POISE Dari Perspektif Inisiatif	25 Julai 2022
66	Asas Pencegahan Kebakaran Bangunan (Pasif) dan Keperluan Sijil Kebakaran BOMBA	28 Julai 2022

Bil.	Kursus	Tarikh
67	Program Transformasi Minda Siri 3/2022	1 - 4 Ogos 2022
68	Lookup Excel Formulas	9 Ogos 2022
69	Penggunaan Google Classroom	12 Ogos 2022
70	Asas Penyediaan Laporan Penilaian Tender	16 Ogos 2022
71	Pengurusan Mesyuarat Menggunakan Platform eMeeting	17 Ogos 2022
72	Pemanduan Berhemah dan Profesional	18 Ogos 2022
73	Asas Pengurusan Projek Menggunakan Microsoft Project	22 Ogos 2022
74	Penghayatan POISE Dari Perspektif Kompetensi	22 Ogos 2022
75	Analyzing Data with Power BI	16 & 17 Ogos 2022
76	Program Transformasi Minda Siri 4/2022	5 - 8 September 2022
77	Simulasi Pembelajaran Online: Socrative dan Mentimeter	12 September 2022
78	Practices for Hiring Smart - Competency Based Interview and Selection	12 & 13 September 2022
79	Infografik Menggunakan PowerPoint	13 September 2022
80	Microsoft Word 2016 Asas-Pertengahan	14 September 2022
81	Pemeriksaan Kesihatan Kendiri (D.I.Y)	14 September 2022
82	Asas Penyelenggaraan Sistem Elektrik	14 September 2022
83	Pembudayaan POISE Dari Perspektif Peningkatan Produktiviti	19 September 2022
84	Writing and Publishing Research Articles	21 September 2022
85	Pengurusan Wang Pendahuluan Diri dan Tuntutan Melalui Portal UM	28 September 2022
86	Pemeriksaan Polis Bantuan UM Siri 2/2022	29 & 30 September 2022
87	Ceramah Jenayah Scammer – Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	30 September 2022
88	Microsoft PowerPoint 2016 Asas-Pertengahan	5 Oktober 2022
89	Microsoft Excel 2016 Asas-Pertengahan	6 Oktober 2022
90	Microsoft Visio Asas-Pertengahan	7 Oktober 2022
91	Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal	12 Oktober 2022
92	How To Manage Your Boss	13 Oktober 2022
93	Kepimpinan Diri (Self-Leadership) Asas Tingkah Laku Cemerlang	20 Oktober 2022
94	Asas Seni Mempertahankan Diri (SMD) Siri 2/2022	20 & 21 Oktober 2022
95	Microsoft Office 2016 Tips And Tricks	21 Oktober 2022
96	Building Strategic Partnership and Relationships	26 Oktober 2022
97	Bahasa Mandarin Untuk Khidmat Pelanggan	26 & 27 Oktober 2022
98	Pemeriksaan POISE Dari Perspektif Merealisasikan Visi & Misi Universiti	31 Oktober 2022
99	Date and Time Excel Formulas	10 November 2022
100	Lookup Excel Formulas	11 November 2022
101	Penggunaan Google Meet, Zoom dan Microsoft Teams	14 November 2022
102	Pengurusan Kewangan Peribadi	15 November 2022
103	English For The Workplace	17 November 2022

Pentadbiran Organisasi dan Pengurusan Insan

Bil.	Kursus	Tarikh
104	Kesihatan Sinaran	22 November 2022
105	Meningkatkan Kemahiran Pengurusan Tugas Dengan Menggunakan Kecerdasan Emosi (EQ) dan Intelek (IQ)	23 November 2022
106	Pengurusan Masa Efektif	24 November 2022
107	Leading Strategic Decision Making at a Workplace	24 November 2022
108	Siri Syarahan Pendaftar Siri 9/2022 - Integriti Dalam Pengurusan Kewangan: Isu dan Cabaran	29 November 2022
109	Kreativiti Dalam Mengurus Tugas Di Tempat Kerja	14 Disember 2022
110	Microsoft Word Popular Tools	14 Disember 2022
111	Microsoft Excel Popular Tools	15 Disember 2022
112	Pengurusan Stres	15 Disember 2022
113	Microsoft PowerPoint Popular Tools	16 Disember 2022
114	Analyzing Data with Power BI	19 & 20 Disember 2022
115	Senaman Asas Harian	20 Disember 2022
116	Pembangunan Potensi Diri dan Motivasi Kerja	22 Disember 2022
117	Literasi Kesihatan Mental dan Teknik Mengubah Corak Pemikiran Tidak Rasional	22 Disember 2022
118	Pengurusan Emosi Melalui Terapi Seni	22 Disember 2022
119	Pertahanan dan Keselamatan Diri Untuk Wanita (Teori dan Praktikal)	23 Disember 2022
120	Keterampilan Diri dan Seni Komunikasi	23 Disember 2022
121	Labelling & Relabeling of Chemical (USECHH vs CLASS vs ICOP)	29 Disember 2022



CANSELERI

BAHAGIAN

07 Pusat Perubatan Universiti Malaya





**PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
MALAYA**

STATUT UNIVERSITI MALAYA (PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA) 2000

“Menubuhkan, mengendalikan dan membangunkan pusat perubatan yang bertaraf dan berkedudukan antarabangsa; dan bekerjasama dengan Fakulti dalam mengadakan kemudahan - kemudahan bagi pendidikan, latihan penyelidikan, pensiswazahan dan perundingan perubatan”

VISI

PPUM sebagai hospital pengajar yang terunggul dan bertaraf antarabangsa.

MISI


- **Memperkasakan modal insan yang berwibawa dan berkompetensi tinggi.**
- **Memacu kecemerlangan dalam penyelidikan klinikal.**
- **Melestarikan kedudukan kewangan yang mampan.**
- **Memartabatkan institusi melalui pengiktirafan dan akreditasi pendidikan dan penjagaan kesihatan.**

NILAI TERAS

- Kecemerlangan**
- Efisien**
- Empati**
- Etika**
- Berpusatkan pesakit**
- Kemesraan**

7.0 PELAN STRATEGIK PPUM

Pelan Strategik ini digubal bagi merealisasikan Misi dan Visi PPUM sebagai pusat perubatan bertaraf dunia yang menyediakan perkhidmatan pendidikan perubatan, penyelidikan dan penjagaan kesihatan. Pelan Strategik 12 mempunyai 5 Teras utama.



7.1 PETUNJUK PRESTASI UTAMA PPUM

Petunjuk Prestasi Utama	Standard	2021	2022
To achieve and sustain certifications and accreditations	Yearly / As per requirement	MS ISO 9001:2015 recertification	MS ISO 9001:2015 recertification
Achievement of hospital performance and quality indicator	≥ 80%	94.6%	96.7%
Hand hygiene compliance	≥ 75%	91.32%	86.90%
Incidence rate of MRSA	≤ 0.4%	0.12%	0.03%
Healthcare-associated infection rate (HAI)	<5%	4.66%	4.86%
Elective surgery cancellation rate	<10%	4.4%	5.00%
Patient satisfaction	≥ 80%	89.25%	75.80%
Discharge summary given to patient on discharge	100%	100%	100%
Percentage of audit queries where response or action had been taken	100%	100%	100%
Attainment of set standards for waiting time (WT) to consult doctor or specialist at selected clinics: WT ≤ 120 minutes for at least ≥ 80% of patients for Medicine, Surgery & Gynecology Clinics	90%	94.3%	91.90%
UMMC as partner in providing facilities for research activity	<i>Minimal 1 million per year</i>	<i>Total Grant:</i> 56,679,463.06	<i>Total Grant:</i> 42,400,825.15
Percentage of CME attendance for individual houseman comply to mandatory training requirement	100%	100%	100%

7.2 TERAS UTAMA PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA:



**PENGAJARAN
& PEMBELAJARAN**



PENYELIDIKAN



PERKHIDMATAN

7.3 PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

Fungsi utama Pusat Perubatan Universiti Malaya adalah sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran sepertimana yang telah dinyatakan dalam statut iaitu bekerjasama dengan Fakulti dalam mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pendidikan, latihan penyelidikan, pensiswazahan dan perundingan perubatan.

7.3.1 PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG DIJALANKAN DI PPUM



7.3.2 BILANGAN PELAJAR/ PELATIH YANG MENJALANI PROGRAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI PPUM

467 Jumlah Pelajar Kolej Sains Kesihatan

335 Jumlah Pelajar Menjalani Latihan Industri

2 Jumlah Pelajar Menjalani Program Sub -Kepakaran

42 Jumlah Pelatih Menjalani *Clinical Attachment (Observation)*

106 Jumlah Pelatih Menjalani *Clinical Attachment (Hands On)*

7 Jumlah Pelatih Menjalani *Fellowship*

* Tidak termasuk pelajar FPUM yang turut menjalani Latihan di PPUM dalam tempoh pengajian mereka

Terdapat pelbagai kategori pelajar yang menjalani program pengajaran dan pembelajaran di PPUM. Rajah di atas memperincikan bilangan pelajar yang menjalani program pengajaran dan pembelajaran di PPUM mengikut kategori masing-masing.

7.3.3 PROGRAM PENINGKATAN LATIHAN DAN KEMAHIRAN KLINIKAL PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS)



Pelbagai program telah dirancang dan dijalankan sepanjang tahun bagi meningkatkan kemahiran Pegawai Perubatan Siswazah (PPS).

7.3.4 KOLEJ SAINS KESIHATAN (KSK)

Kolej Sains Kesihatan (KSK) PPUM bertanggungjawab sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang tugas sains kesihatan dengan menyediakan program pendidikan yang cemerlang kepada pelajar dan staf PPUM serta organisasi luar. Program-program yang ditawarkan di KSK adalah program Diploma, Diploma Lanjutan dan Sijil.

Pada Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya ke-61, seramai 115 graduan PPUM telah berjaya menamatkan pengajian dan menerima anugerah Diploma Lanjutan Kejururawatan dan Diploma PPUM.



7.4 PENYELIDIKAN

Jabatan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (JPPI) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2019 khusus untuk menyokong dan memperkukuhkan bidang penyelidikan kesihatan yang merupakan teras utama PPUM. Jabatan ini mempunyai 3 bahagian/unit iaitu Bahagian Penyelidikan Klinikal (CIC), Bahagian Penyelidikan Kesihatan dan Casemix serta Unit Pengurusan Data.

Fungsi Utama Jabatan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi

Memperkukuhkan penyelidikan kesihatan dan penggunaan data yang terhasil dari perkhidmatan kesihatan yang dijalankan



Repositori data dan output penyelidikan



Aplikasi dalam perkhidmatan kesihatan

Bagi sebarang aktiviti penyelidikan yang ingin dijalankan di PPUM serta penggunaan sebarang data PPUM, semua permohonan hendaklah melalui Ketua JPPI untuk semakan sebelum membuat pengesyoran kelulusan kepada Pengarah PPUM.

Tanggungjawab JPPI


Memastikan data PPUM terpelihara selari dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Memastikan tatacara pengurusan data PPUM selaras dengan pematuhan terhadap undang-undang, etika dan tanggung profesional.


Memastikan PPUM perlu diiktiraf sebagai sumber data dalam setiap penyelidikan dan penggunaan data.

Menyediakan pangkalan data untuk penyimpanan rekod semua penyelidikan yang telah dijalankan di PPUM.

Permohonan penggunaan data yang telah diterima oleh JPPI sepanjang 2022 adalah sebanyak 106. Dari keseluruhan 106 permohonan, tujuan permohonan dipecahkan kepada 4 kategori seperti di bawah.



Senarai penyelidikan yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan Kesihatan dan Casemix yang telah diterbitkan sepanjang 2022 adalah seperti di bawah. Penyelidikan yang dilakukan ini dapat membantu penambahbaikan kos perawatan di samping meningkatkan efisiensi perkhidmatan klinikal PPUM.



Bahagian Penyelidikan Kesihatan dan Casemix juga telah menyertai persidangan di peringkat antarabangsa di mana beberapa kertas penyelidikan telah dibentangkan pada persidangan tersebut.




- 35th Patient Classification Systems International (PCSI) Iceland
- Asia Pacific Academic Consortium for Public Health (APACPH), Manila

Bahagian Penyelidikan Klinikal atau lebih dikenali sebagai *Clinical Investigation Centre* (CIC) bertanggungjawab mengendalikan perkhidmatan penyelidikan klinikal dan merupakan *one stop centre* bagi penyelidikan klinikal yang dijalankan di bawah Pusat Perubatan Universiti Malaya.

7.4.1 PEKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH CLINICAL INVESTIGATION CENTRE



Statistik pencapaian Bahagian Penyelidikan Klinikal (CIC) pada tahun 2022 adalah seperti pecahan di bawah.



*Bilangan kumulatif adalah dari 2001 sehingga 2022

7.4.2 BILANGAN PENYELIDIKAN INDUSTRY SPONSORED TRIALS (ISR) DAN INVESTIGATOR INITIATED RESEARCH (IIR) YANG DIJALANKAN MELALUI CIC

JENIS KAJIAN	2021	2022	PERBEZAAN
Investigator Initiated Research (IIR)	13	21	+61.5 %
Industry Sponsored Research (ISR)	62	52	-16.1 %
JUMLAH	75	73	+2.7 %


Bagi menghargai jasa semua yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan klinikal di PPUM, *CIC Appreciation Awards 2022* telah diadakan pada 17 Disember 2022. Pada majlis ini penghargaan telah diberikan kepada Ketua Penyelidik, Pembantu Penyelidik serta staf PPUM yang terlibat disamping mengeratkan hubungan sesama penyelidik.




Sebarang kajian penyelidikan kesihatan yang melibatkan subjek manusia (termasuk pesakit), rekod perubatan dan tisu perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC-PPUM). MREC-PPUM adalah Jawatankuasa Bebas yang dianggotai oleh 13 ahli meliputi ahli saintifik, ahli bukan saintifik, undang-undang serta wakil awam.

Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 427 kajian di mana 382 kajian *Investigator-initiated research (IIR)* dan 46 kajian *Industry-sponsored research/trial (ISR)* telah mendapat kelulusan MREC PPUM.

7.5 PERKHIDMATAN PERAWATAN PESAKIT



7.5.1 STATISTIK KEHADIRAN PESAKIT




Jumlah kehadiran pesakit ke PPUM pada tahun 2022 mula menunjukkan peningkatan berbanding 2020 dan 2021.



Peningkatan kehadiran pesakit ini berpunca dari peralihan fasa pandemik ke endemik Covid-19 yang telah diwartakan oleh kerajaan, di mana kuota janji temu pesakit luar di klinik-klinik pakar telah ditingkatkan semula secara berperingkat.

7.5.2 DEMOGRAFIK PESAKIT

Peratusan Kehadiran Pesakit Mengikut Kumpulan Umur



7.5.3 PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

Perkara	2021	2022	Perbezaan
Jumlah Kemasukan	39,552	44,292	+12%
Jumlah Kehadiran Pesakit di Jabatan Perubatan Kecemasan	67,246	77,156	+14.7%
Kadar Guna Katil (Bed Occupancy Rate, BOR)	63.1%	68.28%	+5.18%
Purata Tempoh Tinggal (Average Length of Stay, ALOS)	5.64 hari	5.09 hari	-0.55 hari
Peralihan Masa Katil Tidak Digunakan (Turnover Interval, TOI)	3.3 hari	2.3 hari	-1 hari
Jumlah Hari Katil	364,229	337,457	-7.4%


Jumlah kemasukan, jumlah kehadiran pesakit di Jabatan Perubatan Kecemasan, dan Kadar guna katil telah menunjukkan peningkatan pada 2022 berbanding 2021.

Average Length of Stay (ALOS) Mengikut Jabatan/ Unit		
Jabatan / Unit	2021	2022
Perubatan*	6.71	6.31
Otorinolaringologi	5.43	3.43
Oftalmologi	3.57	2.19
Surgeri*	5.96	5.02
Surgeri Ortopedik	6.62	6.85
Obstetrik & Ginekologi	2.89	2.66
Pediatrik	5.19	4.51
Intensive care Unit (ICU)	6.03	5.47
Perubatan Psikologi	7.58	6.94
Purata Tempoh Tinggal Keseluruhan	5.64	5.09

Bed Occupancy Rate (BOR) Mengikut Jabatan/ Unit		
Jabatan / Unit	2021	2022
Perubatan*	67.04%	85.53%
Otorinolaringologi	57.13%	47.59%
Oftalmologi	44.28%	35.96%
Surgeri*	63.68%	71.66%
Surgeri Ortopedik	66.98%	61.30%
Obstetrik & Ginekologi	60.45%	52.85%
Pediatrik	55.09%	54.66%
Intensive care Unit (ICU)	65.69%	81.59%
Perubatan Psikologi	56.18%	47.80%
Kadar Guna Katil Keseluruhan	63.10%	68.28%


*ALOS dan BOR Jabatan Perubatan Pemulihan dikira bersama Jabatan Perubatan manakala Jabatan Onkologi Klinikal dikira bersama Jabatan Surgeri

7.5.4 BILANGAN KATIL




7.5.5 5 SEBAB UTAMA KEMASUKAN DAN KEMATIAN DI PPUM SEPANJANG 2022

5 Sebab Utama Kemasukan (44,292 pesakit)



5 Sebab Utama Kematian (1,385 kematian)



7.5.6 KADAR KEMATIAN

Indikator	2021	2022
Nisbah Kematian Ibu (per 100,000 kelahiran hidup) ¹	30.44	58.68
Kadar Kematian Neonatal (per 1,000 kelahiran hidup) ¹	6.69	4.98
Kadar Kelahiran Mati (per 1,000 kelahiran) ¹	9.43	5.57

Nota:

- Pengumpulan data melibatkan Wad Bersalin sahaja

Nisbah mortality ibu bersalin (Maternal mortality ratio)
Merujuk kepada kematian yang disebabkan oleh kesulitan semasa hamil atau semasa melahirkan anak atau kematian dalam tempoh 42 hari selepas bersalin kepada setiap 100,000 kelahiran hidup.

Kadar mortality neonatal (Neonatal death rate)
Merujuk kepada kematian bayi yang berumur kurang daripada 28 hari kepada setiap 1,000 kelahiran hidup.

Kadar kelahiran mati (Stillbirths rate)
Merujuk kepada kelahiran selepas kehamilan 28 minggu atau lebih yang tiada tanda nyawa semasa dilahirkan kepada setiap 1,000 jumlah kelahiran.

7.5.7 KELAHIRAN

Mod Kelahiran	2021	2022
<i>Breech delivery</i>	4	7
<i>Elective caesarean section</i>	473	394
<i>Emergency caesarean section</i>	1041	1,142
<i>Assisted Forceps delivery</i>	39	12
<i>Spontaneous Vaginal Delivery (SVD)</i>	1540	1,604
<i>Assisted Vacuum delivery</i>	178	229
<i>Born before arrival</i>	7	7
<i>Born at home</i>	3	13
Jumlah Kelahiran (Hidup)	3,285	3,408
Purata kelahiran sehari	9	9

8.5.8 STATISTIK PEMBEDAHAN

Jenis Pembedahan	2021	2022	Peratus Perbezaan (%)
Pembedahan Elektif	10,417	11,948	+14.7%
Pembedahan Kecemasan	4,472	4,721	+5.6%
Jumlah Pembedahan	14,889	16,669	+12%

Pada tahun 2022, sebanyak 16,669 jumlah pembedahan telah dijalankan di PPUM dimana 71.7% adalah pembedahan elektif manakala baki 28.3% merupakan pembedahan kecemasan. Jumlah keseluruhan pembedahan ini meningkat sebanyak 12% berbanding 14,889 pembedahan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021.

7.5.9 PENDERMAAN DARAH

Jabatan Perubatan Transfusi mempunyai fungsi penting dalam menyediakan perkhidmatan transfusi yang selamat dan efektif, memastikan praktis transfusi klinikal adalah sejajar dengan polisi nasional dan antarabangsa serta memperluaskan skop perkhidmatan transfusi melalui penyelidikan dan latihan kepada anggota medikal, pra-medikal dan bukan medikal. Jabatan ini juga berfungsi sebagai pusat rujukan dan perundingan bagi masalah berhubung dengan perubatan transfusi.

Pusat Derma Darah Statik pertama di luar PPUM telah dirasmikan pada 23 September 2022 di Pusat Membeli Belah Sunway Pyramid bersama penyumbang utama Sunway Pyramid dan Roche Diagnostic (Malaysia) Sdn. Bhd. serta barisan penyumbang bersama iaitu Terumo Malaysia Sdn. Bhd., Biomed Global (M) Sdn. Bhd., Storyfrontier Sdn. Bhd. dan MRT Corporation.


Perasmian Pusat Derma Darah Statik PPUM di Sunway Pyramid




7.5.10 PERKHIDMATAN MAKMAL

Jabatan Mikrobiologi Perubatan menyediakan perkhidmatan diagnostik makmal untuk mengesan penyakit berjangkit disebabkan oleh bakteria, virus, fungi dan parasit untuk Pusat Perubatan Universiti Malaya.


Perkhidmatan diagnostik makmal yang disediakan merangkumi bidang – bidang berikut:



Bahagian Perubatan Makmal di bawah Jabatan Patologi memberikan perkhidmatan diagnostik seperti berikut:



Beberapa ujian dan kaedah ujian baru telah diperkenalkan oleh Bahagian Perubatan Makmal pada 2022.




Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik menyokong perkhidmatan makmal di Pusat Perubatan Universiti Malaya melalui pelarasan sistem informasi makmal, pengurusan dan penyelenggaraan aset, kawalan mutu, perkembangan perkhidmatan makmal, akreditasi dan keselamatan makmal.




7.5.11 BANTUAN KERJA SOSIAL KEPADA PESAKIT

PPUM melalui Jabatan Kerja Sosial Perubatan turut berperanan dalam memberikan perkhidmatan kerja sosial kepada pesakit.

Jabatan Kerja Sosial Perubatan turut mengelola dan mengendalikan sejumlah dana yang besar melalui Tabung PPUMCare. Dana ini digunakan bagi pesakit yang menghadapi masalah kewangan untuk membantu pesakit membiayai kos ubat-ubatan khas, rawatan, dan juga peralatan khas.



Jumlah Dana Bantuan Kewangan Yang Diperoleh




7.6 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA


7.6.1 Statistik Perjawatan

KUMPULAN PERKHIDMATAN	WARAN PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pengurusan Tertinggi	8	5 (62.5%)	3 (37.5%)
Pengurusan & Profesional	650	606 (93.2 %)	44 (6.8%)
Pelaksana	5,338	5,158 (96.6 %)	180 (3.4%)
Jumlah	5,996	5,769 (96.2%)	227 (3.8%)

*Statistik Perjawatan berakhir 31 Disember 2022



*Statistik Perjawatan berakhir 31 Disember 2022



Jumlah waran perjawatan pada 2022 meningkat sebanyak 1.7% berbanding tahun sebelumnya. Dari keseluruhan 5,996 waran pada 31 Disember 2022, sebanyak 96.2% telah diisi.


7.6.2 Kemajuan Kerjaya

Pada tahun 2022, peruntukan latihan sebanyak RM2,902,400 bagi tujuan latihan peningkatan kerjaya staf dikekalkan seperti tahun 2021. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak RM1,760,439.63 dari keseluruhan peruntukan telah berjaya dibelanjakan. Jumlah perbelanjaan ini meningkat 106.3% berbanding tahun 2021, kerana lebih banyak program latihan yang dapat dijalankan selaras dengan fasa peralihan ke endemik.




Sepanjang 2022, seramai 194 orang staf telah diluluskan untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang.

7.6.3 Meninggalkan / Tamat Perkhidmatan



Sepanjang 2022 sebanyak 269 orang staf telah meninggalkan atau tamat perkhidmatan dengan PPUUM atas pelbagai sebab yang dinyatakan seperti di atas.




Purata Pusing Ganti (*Turnover Rate*) juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.09% berbanding tahun 2021. Dari 197 orang staf yang telah meletak jawatan sepanjang 2022, 47.7% merupakan Jururawat pelbagai gred, diikuti oleh Pembantu Perawatan Kesihatan sebanyak 13.7%. Peningkatan perletakan jawatan ini adalah ekoran dari pembukaan banyak hospital baru termasuk hospital pengajar universiti.


7.6.4 KEBAJIKAN STAF

7.6.4.1 Kemudahan Perubatan

PPUM juga menyediakan kemudahan perubatan sebagai satu keistimewaan (bukan hak) yang diberi atas tujuan tertentu dengan syarat dan kelayakan berbeza kepada semua kakitangan lantikan PPUM.



Pada 2022 sebanyak RM8,726,955.37 telah dibelanjakan untuk kemudahan perubatan staf berbanding RM7,595,881.87 pada 2021 dengan peningkatan sebanyak 14.89%.




7.6.4.2 Bantuan Sumbangan Zakat MAIWP Menggunakan Kaedah Wakalah Tahun 2022

Wakalah merupakan konsep sistem agihan pengembalian wang zakat oleh MAIWP kepada entiti yang membayar zakat kepada Pusat Pungutan Zakat-MAIWP untuk diagihkan kepada kalangan asnaf yang layak. Dalam konteks PPUM, ianya melibatkan agihan zakat kepada staf, pelajar dan pesara PPUM yang layak, menepati kriteria dan tergolong dalam kategori asnaf seperti yang telah ditetapkan.



7.6.4.3 Bantuan Sumbangan Kepada Staf Bukan Beragama Islam Melalui Tabung Pemangkin



7.6.4.4 Agihan Bantuan Banjir kepada Staf

PPUM telah menyalurkan bantuan kewangan, sumbangan bukan tunai, keperluan asas, pakaian, penginapan sementara, pencucian rumah dan lain-lain bantuan yang diperlukan oleh staf PPUM yang telah terlibat dalam kejadian banjir pada awal tahun 2022.



Bantuan perkhidmatan pembersihan rumah turut dilakukan oleh Pasukan ERT dan Persatuan Pekerja-Pekerja Islam PPUM kepada staf yang terkesan dan pek bantuan telah diagihkan kepada mereka.

7.6.4.5 Program Quest2Fitt Training 2022

Bagi menyokong amalan gaya hidup sihat diamalkan oleh warga PPUM khususnya Pengurusan Tertinggi serta ketua-ketua jabatan/unit di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), program *Quest2Fitt Training* telah dilancarkan pada 26 Julai 2022.

Program ini melibatkan kolaborasi di antara Jabatan Perubatan Kesukanan serta Bahagian Latihan & Pembangunan Profesional, Jabatan Sumber Manusia.



7.6.4.6 Program Hari Kesihatan Warga PPUM

Program Hari Kesihatan Warga PPUM merupakan program kali pertama yang dianjurkan oleh Unit Kesihatan Staf Dan Pelajar pada 28 November 2022 dan akan dijadikan sebagai satu program rutin tahunan. Program ini dirancang untuk meningkatkan tahap *Health Literacy* di kalangan staf. Pelbagai pameran dan pemeriksaan kesihatan dilakukan dengan kerjasama beberapa Jabatan dan Agensi Luar.



7.6.4.7 Lokasi Baru Klinik Kesihatan Staf dan Pelajar

Unit Kesihatan Staf dan Pelajar telah mula beroperasi di Tingkat 1, Menara Utama pada 12 Disember 2022 dan dirasmikan oleh Pengarah PPUM, Prof Dr Nazirah binti Hasnan pada 29 Disember 2022.

Kerja- kerja pengubahsuaian kawasan baru telah dilakukan bersama Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kejururawatan. Lokasi baru ini lebih memudahkan urusan staf dan tanggungan menerima rawatan dengan persekitaran yang lebih kondusif dan selesa serta berdekatan dengan lokasi berkaitan seperti farmasi dan tempat prosedur.



7.6.4.8 Program Diet Sasuke

Jabatan Dietetik menganjurkan program Diet Sasuke 3.0 bertemakan “Pengawalan Diabetes Melalui Pemakanan” di kalangan staf PPUM. Program ini merupakan program secara intensif dengan memberikan pengajaran mengenai diet bagi pesakit diabetes secara teori dan praktikal.



7.6.4.9 Perkhidmatan Psikososial

Jabatan Pengurusan Psikologi dan Kaunseling menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada staf PPUM dan pelajar Kolej Sains Kesihatan PPUM melalui penekanan terhadap aspek pembangunan, pencegahan dan pemulihan untuk memastikan emosi dan kesihatan mental staf PPUM sentiasa berada dalam tahap yang optimum.



7.6.4.10 Perkhidmatan Sokongan Kerohanian dan Moral

Jabatan Hal Ehwal Islam menyediakan khidmat sokongan kerohanian dan moral kepada staf-staf yang memerlukan. Selain dari khidmat nasihat yang disediakan seperti di bawah, program ziarah turut dilakukan kepada staf yang dimasukkan ke wad dan pengurusan staf yang meninggal dunia.

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

SOKONGAN KEROHANIAN & MORAL

Khidmat Nasihat :

KEAGAMAAN DAN KEROHANIAN	IBADAH PESAKIT
ANAK SUSUAN/ TAHNIK	KEKELUARGAAN
PRA & PASCA PERKAHWINAN	MOTIVASI DIRI

Ustaz Mohd Shazni bin Abdullah | shazni@ummc.edu.my
Ustazah Sarah Aqilah binti Mazuki | sarah.marzuki@ummc.edu.my


IKUTI KAMI | Jabatan Hal Ehwal Islam PPUM 03-7949 2543 / 3901 012-6086840 HUBUNGI KAMI

7.6.4.11 Majlis Penghargaan Perkhidmatan


Pada 30 Jun 2022 telah belangsung Majlis Penghargaan Perkhidmatan (MPP) bertempat di Kristal Hall TM Convention Centre. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Dr Nazirah binti Hasnan, Pengarah PPUM. Majlis diadakan bagi tujuan memberi pengiktirafan kepada warga PPUM yang sentiasa menunjukkan prestasi cemerlang dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi di samping penglibatan secara aktif menerusi kegiatan yang bermanfaat kepada komuniti dan negara.



Seramai 468 orang staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2022 berbanding 460 penerima pada tahun 2021 dengan peningkatan sebanyak 1.74 % manakala 181 orang staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Setia 20 tahun dan 30 tahun.



Beberapa anugerah khas lain turut disampaikan pada majlis tersebut.



7.7 PERISTIWA-PERISTIWA PENTING 2022

7.7.1 GRAND ROUNDS BERSAMA YBHG. TAN SRI ZARINAH BINTI ANWAR, PENERUS LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI MALAYA



YBhg. Tan Sri Zarinah binti Anwar dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UM yang baharu berkuatkuasa mulai 13 Disember 2021, untuk tempoh tiga (3) tahun dan merupakan wanita pertama yang terpilih menyandang jawatan tersebut.

YBhg Tan Sri Zarinah binti Anwar telah mengadakan *Grand Rounds* ke PPUM pada 11 Januari 2022.

7.7.2 MAJLIS PERASMIAN PUSAT SUMBER KANSER PAYUDARA



Majlis Perasmian Pusat Sumber Kanser Payudara yang telah siap dinaiktaraf telah dilakukan pada 18 Februari.

Pusat Sumber ini mempunyai sebuah bilik rawatan, 2 buah bilik konsultasi, bilik rehat, bilik pantri, ruang kerja dan ruang simpanan yang lebih luas.

Pusat Sumber ini menyelaraskan perkhidmatan pelbagai disiplin seperti kaunseling pesakit dan keluarga pesakit, pendedahan berkaitan pemakanan dan senaman, pendidikan prostesis, bantuan dalam mendapatkan borang dan permohonan bayaran balik daripada agensi kerajaan, penyelidikan klinikal dan perkhidmatan sokongan rakan sebaya.

7.7.3 MAJLIS BICARA ASPIRASI PENGARAH 2022



Majlis Bicara Aspirasi tahun 2022 bersama Pengarah PPUM, YBhg. Prof. Dr. Nazirah binti Hasan telah diadakan pada 23 Februari 2022 secara *hybrid*. Dr. Khairul Azri bin Sabri, Ketua Jabatan Perkembangan dan Amalan Perubatan telah bertindak sebagai moderator pada majlis tersebut.

7.7.4 KEMPEN DERMA DARAH ANJURAN IPK SELANGOR



Selari dengan moto PDRM, “Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada”, satu kempen derma darah telah diadakan selama dua (2) hari iaitu pada 28 dan 29 Mac 2022 bertempat di Dewan Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor.

Penganjuran kempen ini adalah selaras dengan sambutan Hari Polis Ke-215, di mana sebanyak 220 bag bekalan darah telah berjaya dikumpulkan. Ketua Polis Selangor, Dato’ Arjunaidi bin Mohamed serta isteri, Datin Baidzura binti Su diiringi oleh barisan pegawai tertinggi IPK Selangor turut hadir melawat bagi melihat sendiri perjalanan program derma darah ini.

7.7.5 PROGRAM DERMA DARAH BERSAMA RTM



Program kempen derma darah dan pemeriksaan kesihatan kepada warga RTM telah diadakan dengan kerjasama *Traxx fm*. Program ini telah diadakan sebanyak 2 kali pada 2022 iaitu pada Mac dan November.

Beberapa pakar klinikal PPUM telah dijemput sebagai tetamu jemputan dalam rancangan radio *Traxx fm* sepanjang program tersebut.

7.7.6 GRAND ROUNDS BERSAMA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jafar, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi telah mengadakan sesi *Grand Rounds* ke PPUM serta diiringi oleh Mohd Azman bin Yacob, Pengarah Bahagian Amalan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia, Tuan Haji Kamaruzaman bin Mahmood, Setiausaha Bahagian Kewangan KPT dan Puan Azlinda binti Azman, Setiausaha Bahagian Pembangunan KPT.

7.7.7 GRAND ROUNDS BERSAMA PENERUSI LEMBAGA PENGURUS PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA



YBhg. Datuk Hjh Rosnah binti Hj Abd Rashid Shirlin dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengurus PPUM yang baharu berkuatkuasa mulai 13 Mei 2022. Sesi *Grand Rounds* bersama YBhg. Datuk Hjh Rosnah binti Hj Abd Rashid Shirlin pada bulan Mei dimulakan dengan penyampaian taklimat YBhg. Prof. Dr. Nazirah binti Hasnan, Pengarah PPUM diikuti dengan sesi lawatan ke beberapa lokasi yang telah ditetapkan.

7.7.8 PENGIKTIRAFAN OLEH *CLINICAL RESEARCH MALAYSIA (CRM)*



Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) telah dianugerahkan sebagai Tapak Penyelidikan Terbaik (Keseluruhan) di Malaysia, manakala pakar nefrologi perunding, Profesor Madya Dr. Lim Soo Kun menerima pengiktirafan Penyelidik Terbaik semasa Majlis Anugerah Penyelidikan Tajaan CRM (*CRM Sponsored Research Awards*) oleh YB Dato' Dr Haji Noor Azmi Bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I pada 20 Mei. Kedua-dua pengiktirafan ini merupakan kali kedua berturut-turut yang diterima oleh PPUM.

7.7.9 APPOINTMENT BASE CLINIC (ABC) DI KLINIK RUKA

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
TEMUJANJI SESI PAGI KLINIK RUKA

Buat Temujanji dengan 3 Langkah Mudah!

1. Muat turun Aplikasi WeHealth atau Layari www.umchtech.com
2. Daftar akaun baru sebelum log masuk
3. Buat Temujanji Klinik

Cara buat Temujanji Sesi Pagi Klinik RUKA

Muat turun Aplikasi WeHealth SEKARANG!!

Imbas kod QR untuk menonton video tutorial app atau www.umchtech.com

Imbas kod QR untuk muat turun**

Jika ada sebarang pertanyaan mengenai Aplikasi WeHealth atau laman web, sila email kepada support@umchtech.com ATAU WhatsApp +60182181328 (untuk Technical Support sahaja)

**Pengguna IOS boleh buat temujanji sesi pagi Klinik RUKA di www.umchtech.com

Apakah Temujanji sesi pagi Klinik RUKA
Temujanji sesi pagi Klinik RUKA memberikan kemudahan untuk pesakit membuat temujanji dari 9 pagi sehari sebelum waktu temujanji yang dikehendaki.

Kebajikan Temujanji sesi pagi Klinik RUKA

1. Sistem ini memberikan fleksibiliti kepada pesakit untuk membuat temujanji berjumpa dengan doktor pada masa yang paling sesuai untuk mereka
2. Memastikan kesesakan pesakit di klinik adalah terkawal

Dibawakan kepada anda oleh:
UMCH WeHealth Your Intelligent Health Monitoring Companion

Sistem ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengurusan PPUM pada Disember 2021 dan telah dilaksanakan secara rasmi di RUKA pada Jun 2022. Objektif *Appointment Base Clinic* (ABC) adalah untuk memberi kemudahan kepada pesakit disamping mengelakkan kesesakan di klinik. Pesakit boleh membuat tempahan temu janji mereka sebelum lawatan ke klinik RUKA menggunakan aplikasi *WeHealth* (untuk pengguna Android) atau laman web www.umchtech.com.

7.7.10 MAJLIS PELANCARAN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 DOS PENGGALAK KEDUA DAN PERASMIAN RUANG ISTIRAHAT STAF PPUM



Selaras dengan pengesyoran Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai pemberian Dos Tambahan dan Dos Penggalak Vaksin Covid-19 kepada individu berisiko tinggi berumur 18 hingga 59 tahun dan petugas kesihatan barisan hadapan, Pengurusan PPUM mengambil inisiatif membuka semula PPV bagi melaksanakan pemberian dos penggalak kepada petugas barisan hadapan PPUM dan FPUM Program ini dilaksanakan selama dua (2) minggu mulai daripada 20 Julai 2022 sehingga 5 Ogos 2022 dan terbuka kepada semua staf yang berminat secara sukarela.

Pada majlis sama ruang istirahat staf yang lebih selesa dan kondusif serta mempunyai kemudahan tambahan seperti akses Wifi, ruang makan santai dan perpustakaan mini telah dirasmikan. Kemudahan yang lebih kondusif ini diharap dapat memberikan manfaat dan kesejahteraan kepada semua staf di PPUM.

7.7.11 PEMBEDAHAN PEMINDAHAN BUAH PINGGANG KEPADA PESAKIT HIV YANG PERTAMA KALI DILAKUKAN DI MALAYSIA



Sejarah tercipta di Malaysia dan Pusat Perubatan Universiti Malaya apabila sekumpulan pakar multidisiplinari telah berjaya menjalankan pemindahan buah pinggang ke atas seorang lelaki yang menghidapi penyakit HIV. Selama ini, pemindahan buah pinggang bukan pilihan rawatan utama untuk pesakit buah pinggang yang mengidap HIV.

Antara faktor yang menyebabkan ia tidak menjadi pilihan adalah kerana kesukaran mendapatkan penderma, kekurangan pakar dan pengalaman di hospital, stigma masyarakat dan sebagainya. Kejayaan pembedahan ini membuka harapan kepada lebih ramai pesakit HIV di Malaysia.



7.7.12 MEMBERI KHIDMAT KEPAKARAN PERUBATAN SUKAN PADA ASEAN FOOTBALL FEDERATION (AFF)



PPUM memberikan perkhidmatan kepakaran Perubatan Sukan yang diwakili oleh Dr.Muhammad Rahmani Jaffar, Pakar Klinikal dari Jabatan Perubatan Kesukan dalam Pertandingan Asean Football Federation (AFF) U19 2022 di Jakarta, Indonesia pada Julai 2022.

7.7.13 PENGIKTIRAFAN ASIA PACIFIC SOCIETY OF INFECTION CONTROL (APUSIC)



PPUM telah menerima anugerah 'Asia Pacific Hand Hygiene Excellence Award (HHEA) 2021' dan *Apsic Surgical Site Infections Safe Surgery Award (SSI) 2019-2020* pada konferens Asia Pacific Society of Infection Control (APUSIC) 2022 yang telah diadakan pada 28 Julai di Singapura.

7.7.14 PEMASANGAN FLASH GLUCOSE MONITORING

Unit Penjagaan Diabetes telah memperkenalkan servis memasang sensor dan memuat turun data bagi 'flash glucose monitoring' bagi membolehkan pesakit diabetes mengawasi paras gula secara terperinci, terutamanya bagi pesakit yang berisiko tinggi untuk hipoglisemia dan *type 1* diabetes. PPUM merupakan antara hospital pertama yang memulakan servis ini di Malaysia

7.7.15 PERKHIDMATAN SLEEP CLINIC (ADULT)

Jabatan Otorinolaringologi, PPUM telah mewujudkan perkhidmatan baharu di Klinik ENT iaitu Sleep Clinic (*Adult*) bermula dari bulan Ogos 2022. Perkhidmatan yang disediakan adalah untuk membuat penilaian kepada pesakit yang layak untuk penggunaan mesin *continuous positive airway pressure (CPAP)*.

7.7.16 PPUMCARE RUN 2022



PPUMCare Run 2022 telah dilangsungkan pada 28 Ogos 2022 (Ahad) bertempat di Stadium Arena UM. Objektif utama penganjuran acara PPUMCare Run 2022 ini adalah bertujuan untuk mengumpul dana yang akan disalurkan kepada Tabung PPUMCare khusus untuk kegunaan

para pesakit yang kurang berkemampuan. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada orang awam tentang peranan PPUMCare dalam membantu perawatan pesakit serta sebagai medium promosi dan hebahan kepada masyarakat awam berkenaan PPUM sebagai “Peneraju Pengajaran Perubatan”.

7.7.17 PENGENALAN PERKHIDMATAN TAMBAH NILAI BAGI PESAKIT KURANG UPAYA PENDENGARAN



Jabatan Farmasi telah mula memperkenalkan label tambahan yang mengandungi QR kod bermula 1 Ogos kepada pesakit yang hadir ke Farmasi untuk pengambilan ubat. Kod tersebut membolehkan pesakit mengakses video tentang cara penggunaan ubat dalam Bahasa Isyarat Malaysia. Perkhidmatan ini mampu mengatasi masalah komunikasi di antara staf pendispensan dan pesakit.

7.7.18 LATIHAN PENDARATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA DI HELIPAD PPUM



Pasukan Bomba Airwing telah melakukan latihan pendaratan di Helipad PPUM serta menjalankan simulasi ringkas membawa masuk stretcher ke dalam helikopter yang diketuai oleh PgKB 1 Faizal Izani bin Azizan, Penguasa Kanan Bomba 1. Usaha ini adalah sebagai langkah siap siaga sekiranya berlaku sebarang kecemasan di masa akan datang.

7.7.19 MAJLIS PELANCARAN KHIDMAT LASER DI PPUM



Majlis pelancaran memperkenalkan perkhidmatan teknologi laser terbaharu di PPUM telah dianjurkan oleh Unit Dermatologi, Jabatan Perubatan PPUM pada 1 September 2022.

Unit Dermatologi telah berjaya memperoleh peruntukan sebanyak RM650,000 bagi tujuan pembelian sebuah mesin picolaser untuk melancarkan perkhidmatan laser untuk pesakit-pesakit Dermatologi. Dengan adanya mesin ini PPUM telah menjadi hospital awam pertama di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan picolaser.

7.7.20 PROJEK SMART TRACKING DI JABATAN PERUBATAN KECEMASAN



Jabatan Kejururawatan Perkhidmatan Perubatan Kecemasan telah menjalankan projek *Smart Tracking* di Jabatan Perubatan Kecemasan bermula 1 Oktober 2022.

Objektif pelaksanaan projek adalah untuk memastikan komunikasi 2 hala dapat dilaksanakan dengan baik secara amnya dan mengurangkan aduan mengenai servis di Jabatan Perubatan Kecemasan sekaligus dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pesakit dan waris.

Aplikasi QR Code boleh diakses oleh semua pelanggan dan maklumat status pesakit dapat dijana terus melalui aplikasi tersebut daripada Ketua Jururawat Perubatan Kecemasan. Poster QR Code telah diletakkan di hadapan pintu AMC, ruang menunggu kaunter pendaftaran dan laluan luar antara Zon Respi 1 dan Zon Respi 2.

7.7.21 MAJLIS APRESIASI 2022 ANJURAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI




Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 3 November menganjurkan Majlis Apresiasi 2022 bagi meraikan dan menyantuni pemegang taruh berkepentingan dalam ekosistem pendidikan tinggi Negara.

YBhg. Profesor Dr. Nazirah Hasnan, Pengarah PPUM yang juga merupakan Pengerusi Konsortium Hospital Universiti Awam Malaysia (KHUAM) bersama Pengarah-Pengarah Hospital Pengajar Universiti (HPU) yang lain di bawah KPT telah diundang ke majlis ini yang diadakan di The Katerina Hotel, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim.

Program-program yang telah dijayakan oleh PPUM dan rakan-rakan HPU seperti Pusat Pemberian Vaksinasi (PPV) IPT, Siri Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) merupakan antara program yang mendapat perhatian dan diberi penghargaan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.

7.7.22 PENGENALAN PERKHIDMATAN KAD IDENTIFIKASI *GLUCOSE-6-PHOSPHATE DEHYDROGENASE DEFICIENCY (G6PD)*

Perkhidmatan kad identifikasi G6PD-deficient bagi pesakit dengan masalah penyakit kekurangan enzim G6PD (*G6PD-deficiency*) telah diperkenalkan pada 4 November 2022. Kad ini mengandungi maklumat ringkas mengenai gejala yang perlu diberi perhatian, maklumat makanan atau produk yang perlu dielakkan serta peringatan yang berkaitan.



7.7.23 MAJLIS JALINAN MESRA STAF PPUM BERSAMA PRESIDEN *CUEPACS*



Majlis Jalinan Mesra Staf bersama Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (*CUEPACS*) telah diadakan pada 9 Disember 2022.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk membolehkan pihak *CUEPACS* memaklumkan kepada penjawat awam mengenai tuntutan-tuntutan yang telah dibuat dan dibawa kepada pihak kerajaan.

7.7.24 MAJLIS PERBARISAN PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA POLIS BANTUAN PPUM

Jabatan Keselamatan telah dikukuhkan dengan tertubuhnya Pasukan Polis Bantuan PPUM bermula tahun 2015. Dengan penubuhan pasukan ini, kawalan keselamatan di PPUM menjadi lebih mantap dan teratur selaras dengan pemberian kuasa Polis ke atas anggota.

Pada 16 Disember 2022 telah diadakan majlis perbarisan pemakaian pangkat Anggota Polis Bantuan PPUM. Majlis pemakaian pangkat yang julung kali diadakan telah disempurnakan oleh YBhg. Profesor Dr. Nazirah binti Hasnan, Pengarah PPUM diiringi oleh Yang Berusaha Inspektor Polis Bantuan Noor Azly bin Mohamed, Ketua Pegawai Keselamatan PPUM.

Pemakaian pangkat ini juga diharapkan bakal memantapkan lagi *command and control* dalam pelaksanaan tugas seharian serta melicinkan lagi pentadbiran Jabatan Keselamatan.



7.8 PROGRAM JALINAN MASYARAKAT (COMMUNITY ENGAGEMENT)

7.8.1 MISI BANTUAN KEMANUSIAAN BANJIR DI BALING, KEDAH

PPUM telah melancarkan tabung kutipan bantuan banjir yang berlaku di Baling Kedah pada 4 Julai 2022. Satu pasukan bantuan seramai 8 orang staf telah bergerak ke Baling pada 7 hingga 8 Julai 2022.

Antara bantuan yang disalurkan adalah bahan makanan, air mineral, dapur memasak, periuk nasi, peralatan pembersihan, tuala wanita, lampin pakai buang dan wang tunai.

Sebahagian sumbangan telah diserahkan untuk edaran oleh agensi bertugas di pusat pemindahan sementara di Sekolah Menengah Kebangsaan Jerai, Iboi, manakala sebahagian sumbangan lagi diserahkan terus kepada 3 orang staf PPUM yang terlibat dalam bencana banjir



7.8.3 PROGRAM KARNIVAL KESIHATAN ANJURAN PIHAK LUAR

PPUM juga turut terlibat dengan pelbagai program jalinan masyarakat sepanjang 2022 melalui pelbagai program anjuran pihak luar seperti Karnival Kesihatan, Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS), Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) dan Karnival KPT Keluarga Malaysia.

Melalui program ini pelbagai perkhidmatan saringan kesihatan serta demonstrasi kesihatan turut diadakan. Lawatan perawatan ke rumah penduduk setempat (*home visit*) turut dilakukan.



7.8.4 KL BERSIH BERSAMA 'UMMC PLOGGING WARRIORS'




Seramai 33 orang staf PPUM bersama SWCorp Wilayah Persekutuan dan Alam Flora berganding bahu bergotong royong membersihkan 5km jalan sekitar Bukit Bintang dalam program *Plogging Warriors* pada 23 Julai 2022. Disamping melakukan aktiviti *plogging*, peserta turut mempromosikan amalan gaya hidup bersih dan sihat kepada semua pengunjung dan gelandangan sekitar kawasan tersebut.

7.8.5 MEDICAL CAMP @ CHOW KIT KL

Program *Medical Camp @ Chow Kit KL* telah diadakan pada 30 Januari 2022 bertempat di Pusat Pembelajaran Komuniti, Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Staf yang terlibat dalam program ini adalah Pakar Klinikal dan Pegawai Perubatan dari Jabatan Otorinolaringologi. Objektif kem perubatan ini adalah untuk memberi perkhidmatan perubatan dan perkhidmatan asas ENT untuk penduduk di kawasan luar bandar.



7.9 PROGRAM MENGHIJAUKAN PPUM



7.10 PROJEK MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR

Sebanyak 12 projek telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Senarai projek yang terlibat adalah seperti di bawah:


(1) Bilik Galeri PPUM



(2) Menaiktaraf Bilik Pakar Menara Timur



(3) Merekabentuk, Membekal dan Memasang Bumbung Tambahan di Pintu Masuk Menara Timur



(4) Penggantian Peti Mayat, Jabatan Patologi Forensik



(5) Penggantian Lif di Bangunan Perubatan Kecemasan



(6) Penggantian Lif Servis Di Bangunan Menara Utama






(7) Penggantian Sistem PABX




(8) Penggantian Sistem Panel Kebakaran di KKWK



(9) Penggantian Sistem Pelindungan Kilat dan Pembumian



(10) Pembaikan Bumbung di Blok EE dan ES Asrama Jururawat



(11) Mengecat Bangunan Anjung Puteri dan KPSK



(12) Menaik taraf Bilik Isolasi Aras 11, Jabatan Pemulihan, Menara Selatan



7.11 PENJANAAN PENDAPATAN

PPUM melalui Jabatan Pembangunan Perniagaan turut menjana pendapatan sendiri dalam memperkasakan dana PPUM bagi memastikan kelestarian pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan kepada pesakit berjalan lancar. Pelbagai aktiviti seperti perkhidmatan sewaan ruang, penganjuran latihan komersial, perkhidmatan makmal, perkhidmatan CIGMIT dan 3T MRI serta perkhidmatan penginapan disediakan sebagai penjana hasil.

7.11.1 PERKHIDMATAN MAKMAL

PENGENALAN UJIAN MAKMAL BARU SEPERTI BERIKUT:




ORGANISASI BAHARU YANG MENDAPATKAN PERKHIDMATAN MAKMAL DI PPUM



7.11.2 PERKHIDMATAN PENGINAPAN

Jabatan Pembangunan Perniagaan juga menawarkan perkhidmatan penginapan atau dikenali sebagai Kompleks Penginapan PPUM.

Kategori Penginapan




BILANGAN PENGHUNI TAHUN 2022



7.11.3 PERKHIDMATAN LATIHAN

Sebanyak 78 program latihan komersial telah dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Perniagaan sepanjang 2022 di mana 6 program tersebut dilakukan dalam skala besar di mana penyertaan peserta melebihi 100 orang.



Prestasi jumlah program yang berjaya dilaksanakan mengikut tahun 2021 hingga 2022

TERDAPAT 6 PROGRAM BERSKALA BESAR (PESERTA MELEBIHI 100 ORANG)



Program bertaraf antarabangsa (Malaysia - Thailand) iaitu UMMC - SNMRI Rehabilitation Symposium 2022.

7.12 LAPORAN KEWANGAN BAGI PENYATA KEWANGAN PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (PPUM) BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022

7.12.1 PENDAHULUAN

Penyata Kewangan PPUM bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Malaya. Penyata Kewangan PPUM adalah merangkumi komponen seperti berikut :


- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Prestasi Kewangan
- Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti
- Penyata Aliran Tunai
- Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

PPUM telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan dengan menerima Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2021 bertarikh 19 Jun 2023.

7.12.2 PRESTASI DAN KEUPAYAAN KEWANGAN

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan PPUM bagi tahun berakhir 2022 merekodkan kurangan pendapatan bersih sebanyak RM43,089,120 berbanding tahun 2021 sebanyak RM33,439,285. Jumlah kurangan pendapatan bersih tahun 2022 telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM9,649,835 daripada kurangan pendapatan bersih tahun 2021.

Penelitian terhadap trend terimaan geran kerajaan, pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.13% daripada tahun 2021. Peningkatan ini adalah disebabkan terimaan tambahan geran kerajaan bagi menampung sebahagian operasi perbelanjaan PPUM. Geran kerajaan bagi tahun 2022 terdiri dari geran mengurus yang diluluskan berjumlah RM410,004,000 dan peruntukan tambahan iaitu Peruntukan Khas Elaun COVID-19 sebanyak RM1,400,400, Emolumen Kakitangan Kontrak (EKK) sebanyak RM8,000,000, Peruntukan Emolumen dan Kenaikan Pangkat (PEKP) sebanyak RM1,090,000, Peruntukan Program KPT Prihatin sebanyak RM1,840,000. Selain itu, terdapat peruntukan tambahan lain yang diterima pada tahun 2022 seperti Peruntukan Kumpulan Wang COVID-19 (PEMERKASA) berjumlah RM16,697,900, Peruntukan Pengendalian COVID-19 (Meningkatkan Kapasiti) sebanyak RM21,000,000, dan Peruntukan Pembelian Item Diluar Kontrak APPL sebanyak RM628,240.




Carta 1: Kedudukan terimaan Geran Mengurus Kerajaan bagi tahun 2017 hingga 2022

7.12.3 KEDUDUKAN KEWANGAN PPUM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

PPUM telah merekodkan peningkatan kurangan pendapatan bersih bagi tahun berakhir 2022 sebanyak RM43,089,120 berbanding kurangan pendapatan bersih tahun 2021 sebanyak RM33,439,285.

7.12.3.1 PENDAPATAN

Pendapatan keseluruhan PPUM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM649,455,330 berbanding RM634,316,272 pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM15,139,058 (2.39%).




Carta 2: Perbandingan Pendapatan PPUM bagi tahun 2022 dan 2021 (mengikut kategori)

Dari jumlah pendapatan keseluruhan, Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran bagi tahun 2022 ialah sebanyak RM513,330,060 yang terdiri dari pemberian geran mengurus kerajaan sebanyak RM460,660,540, manakala bagi geran modal dilunaskan adalah sebanyak RM52,669,520.



Carta 3: Urusniaga Bukan Pertukaran PPUM Bagi Tahun 2022

Sejumlah RM136,125,270 yang merupakan Hasil Urusniaga Pertukaran bagi tahun 2022 meningkat sebanyak RM14,029,640 (11.49%) berbanding pada tahun 2021 RM122,095,630. Bagi tahun 2022, Hasil Urusniaga Pertukaran terdiri daripada pendapatan pesakit sebanyak RM96,783,064 dan pendapatan bukan pesakit sebanyak 39,342,206. Hasil Urusniaga Pertukaran terdiri daripada caj rawatan pesakit, sewaan ruang niaga, keuntungan pelaburan bank dan akaun semasa, keuntungan daripada pinjaman kakitangan, dan pelbagai terimaan.



Carta 4: Urusniaga Pertukaran PPUM Bagi Tahun 2022

7.12.3.2 PERBELANJAAN

Perbelanjaan PPUM terdiri dari perbelanjaan emolumen kakitangan, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaaan faedah, perbelanjaan susutnilai dan lain-lain perbelanjaan. Perbelanjaan keseluruhan PPUM pada tahun 2022 ialah sebanyak RM692,544,450 berbanding RM667,755,557 pada tahun 2021. Ini menunjukkan peningkatan perbelanjaan sebanyak RM24,788,893 (3.71%).


Belanja Emolumen Kakitangan meningkat sebanyak RM8,285,279 pada tahun 2022 kepada RM368,607,960 berbanding RM360,322,681 pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan bayaran Gaji & Upahan dan bayaran insentif Gantian Cuti Rehat. Belanja Perkhidmatan dan Bekalan menunjukkan peningkatan sebanyak RM28,613,870 (11.64%) bagi tahun 2022 kepada RM274,436,479 berbanding RM245,822,609 bagi tahun 2021 disebabkan peningkatan

pembelian bekalan perubatan, perbelanjaan penyelenggaraan peralatan, pembaikan bangunan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, terdapat penurunan bagi lain-lain perbelanjaan seperti Pemberian dan Kenaan Faedah, Peruntukan Hutang Ragu, Kerugian atas Pelupusan dan Belanja Susutnilai melibatkan belanja sebanyak RM49,500,011 pada tahun 2022, berbanding RM 61,610,267 bagi tahun 2021.




Carta 5: Perbelanjaan PPUM (mengikut kategori) bagi tahun 2022



Carta 6: Perbandingan perbelanjaan PPUM bagi tahun 2021 dan 2022 (mengikut kategori)

7.12.3 PERBANDINGAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2022, kurangan pendapatan atas perbelanjaan adalah sebanyak RM43,089,120 iaitu meningkat sebanyak RM9,649,835(28.86%) berbanding kurangan pendapatan tahun 2021 sebanyak RM33,439,285. Hal ini berikutan peningkatan pendapatan pada tahun 2022 sebanyak RM15,139,058 (2.39%) berbanding peningkatan perbelanjaan sebanyak RM24,788,893(3.71%).



Carta 7: Perbandingan pendapatan & perbelanjaan PPUM Bagi tahun 2017 hingga 2022

7.12.4 ASET DAN LIABILITI

Jumlah Aset Semasa tahun 2022 adalah sebanyak RM571,983,222 berbanding RM487,981,672 pada tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak RM84,001,550 (17.21%). Jumlah Aset Bukan Semasa tahun 2022 adalah sebanyak RM826,524,159 berbanding dengan tahun 2021 RM851,248,862 iaitu penurunan sebanyak RM24,724,703 (2.90%). Ini menjadikan Jumlah Aset tahun 2022 sebanyak RM1,398,507,381.

Jumlah Liabiliti Semasa tahun 2022 adalah sebanyak RM33,646,790 berbanding RM8,091,188 pada tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak RM25,555,602 (315.84%). Jumlah Liabiliti Bukan Semasa tahun 2022 adalah sebanyak RM1,187,944,045 berbanding RM1,111,133,680 pada tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak RM76,810,365 (6.91%). Ini menjadikan jumlah Liabiliti pada tahun 2022 adalah sebanyak RM1,221,590,835.


Secara keseluruhannya, Aset Bersih PPUM pada tahun 2022 mencatatkan penurunan sebanyak RM43,089,120 (19.59%) berbanding tahun 2021. Nisbah kecairan Aset Semasa berbanding Liabiliti Semasa adalah 17:1 (571,983,222: 33,646,790).




Carta 8: Kedudukan Aset & Liabiliti PPUM bagi tahun 2021 dan 2022

7.12.5 EKUITI

Segala perbelanjaan operasi PPUM dibiayai oleh Kumpulan Wang yang berjumlah RM176,916,546 yang terdiri dari Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM173,416,546 dan Kumpulan Wang Pinjaman RM3,500,000. Kumpulan Wang PPUM tahun 2022 merekodkan penurunan sebanyak RM43,089,120 (19.59%) berbanding tahun 2021 berjumlah RM220,005,666.



Carta 9 : Pecahan Kumpulan Wang PPUM tahun 2022



Carta 10: Perbandingan Kumpulan Wang PPUM bagi tahun 2021 dan 2022



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta Perlembagaan Universiti Malaya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pusat Perubatan Universiti Malaya dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions

Penegasan Perkara

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perekodan Pembinaan Dalam Kemajuan dan Hartanah, Loji dan Peralatan. Pusat Perubatan Universiti Malaya tidak merekodkan Pembinaan Dalam Kemajuan ke dalam Hartanah, Loji dan Peralatan selepas penerimaan Sijil Perakuan Siap Kerja.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengurus, Pusat Perubatan Universiti Malaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengurus Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengurus bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawain Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta Perlembagaan Universiti Malaya. Lembaga Pengurus juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya, Lembaga Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan

munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pusat Perubatan Universiti Malaya;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengurus;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengurus dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pusat Perubatan Universiti Malaya sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Pusat Perubatan Universiti Malaya tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengurus telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengurus, Pusat Perubatan Universiti Malaya berdasarkan keperluan Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta Perlembagaan Universiti Malaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DR. ZAHARUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
19 JUN 2023



**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

PENYATA OLEH AHLI LEMBAGA PENGURUS

Kami, **DATO' MOHD ZAHIR BIN ZAHUR HUSSAIN** dan **PROFESOR DR. NAZIRAH BINTI HASNAN**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengurus **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurus, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA** pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengurus,




.....
DATO' MOHD ZAHIR BIN ZAHUR HUSSAIN

**PENGERUSI
LEMBAGA PENGURUS**

18 APR 2023

Kuala Lumpur



.....
PROFESOR DR. NAZIRAH BINTI HASNAN

**PENGARAH
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

18 APR 2023

Kuala Lumpur

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

Saya, **MAISARAH BINTI ABDUL RAHMAN** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, **MAISARAH BINTI ABDUL RAHMAN** di **PETALING JAYA** dalam Negeri **SELANGOR DARUL EHSAN** pada **9 APR 2023**

)
) *MaSarah Rahman*
)
) **MAISARAH BINTI ABDUL RAHMAN**

Di hadapan saya,



UNIT 310, LEVEL 3, BLOK A, PUSAT PERDAGANGAN PHILEC
DAMANSARA II, JALAN 16/11, OFF JALAN DAMANSARA
46350 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	Dinyatakan Semula 2021 RM
<u>ASET</u>			
ASET SEMASA			
Inventori	3	14,838,543	15,613,784
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	4	19,167,210	17,225,525
Lain-lain Belum Terima dan Deposit	5	44,046,461	45,875,665
Penghutang-Pinjaman Komputer	6	5,896	29,972
Penghutang-Pinjaman Kenderaan	7	47,288	88,964
Simpanan Tetap	8	472,660,000	386,960,000
Wang di Tangan dan di Bank	9	21,217,824	22,187,762
JUMLAH ASET SEMASA		571,983,222	487,981,672
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	10	801,093,190	781,455,986
Aset Tak Ketara	11	994,272	819,309
Pembinaan Dalam Kemajuan	12	22,976,563	67,426,443
Penghutang-Pinjaman Komputer	6	35,114	45,548
Penghutang-Pinjaman Kenderaan	7	1,425,020	1,501,576
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		826,524,159	851,248,862
JUMLAH ASET		1,398,507,381	1,339,230,534
<u>LIABILITI</u>			
LIABILITI SEMASA			
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	13	14,617,164	-
Lain-lain Belum Bayar	14	9,876,616	-
Cagaran dan Pertaruhan	15	8,004,377	7,085,552
Peruntukan Manfaat Pekerja	16	1,148,633	1,005,636
JUMLAH LIABILITI SEMASA		33,646,790	8,091,188
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan Manfaat Pekerja	16	13,657,613	12,763,733
Geran Tertunda	17	841,753,710	823,923,230
Tabung Amanah	18	332,532,722	274,446,717
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		1,187,944,045	1,111,133,680
JUMLAH LIABILITI		1,221,590,835	1,119,224,868
ASET BERSIH		176,916,546	220,005,666
<u>DIBIYAI OLEH:</u>			
Lebihan Berkumpul	19	173,416,546	216,505,666
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		3,000,000	3,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		500,000	500,000
JUMLAH ASET BERSIH		176,916,546	220,005,666

Penyata Kedudukan Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 8 hingga 36.

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	Nota	2022 RM	Dinyatakan semula 2021 RM
HASIL			
Urusniaga Bukan Pertukaran	20	513,330,060	512,220,642
Urusniaga Pertukaran:			
Pesakit	21	96,783,064	78,803,780
Bukan Pesakit	22	39,342,206	43,291,850
		136,125,270	122,095,630
JUMLAH HASIL		649,455,330	634,316,272
PERBELANJAAN			
Emolumen Kakitangan	23	368,607,960	360,322,681
Perkhidmatan dan Bekalan	24	274,436,479	245,822,609
Pemberian dan Kenaan Faedah	25	408,742	1,402,943
		643,453,181	607,548,233
Susutnilai - Hartanah, Loji dan Peralatan	10	45,236,363	51,038,219
- Aset Tak Ketara	11	853,146	270,819
Hutang Ragu	26	2,250,246	7,528,759
Kerugian atas Pelupusan	27	751,514	1,369,527
JUMLAH PERBELANJAAN		692,544,450	667,755,557
KURANGAN BAGI TAHUN DIPINDAHKAN KE LEBIHAN TERKUMPUL		(43,089,120)	(33,439,285)

Penyata Prestasi Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 8 hingga 36.

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH / EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Nota	Lebihan Terkumpul (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer (RM)	Jumlah Aset Bersih (RM)
Baki pada 1 Januari 2021	249,944,951	3,000,000	500,000	253,444,951
Kurangan Pendapatan Untuk Tahun Kewangan 2021	(33,441,219)	-	-	(33,441,219)
Baki pada 31 Disember 2021	216,503,732	3,000,000	500,000	220,003,732
- <i>Seperti yang Dinyatakan Terdahulu</i>				
Pelantaran Tahun Lepas	1,934	-	-	1,934
Baki pada 31 Disember 2021	216,505,666	3,000,000	500,000	220,005,666
- <i>Seperti yang Dinyatakan Semula</i>				
Baki pada 1 Januari 2022	216,505,666	3,000,000	500,000	220,005,666
- <i>Seperti yang Dinyatakan Terdahulu</i>				
Kurangan Pendapatan Untuk Tahun Kewangan 2022	(43,089,120)	-	-	(43,089,120)
Baki pada 31 Disember 2022	173,416,546	3,000,000	500,000	176,916,546

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	Dinyatakan semula 2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kurangan Hasil daripada Perbelanjaan		(43,089,120)	(33,439,285)
<i>Pelarasan Bukan Tunai:</i>			
Geran Tertunda dilunaskan	17	(52,669,520)	(52,151,892)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	10	45,236,363	51,038,219
Susutnilai Aset Tak Ketara	11	853,146	270,819
Terimaan Sumbangan Aset		(260,460)	(11,977,699)
Hasil daripada Faedah	22	(5,489,909)	(5,532,256)
Pelarasan Pembinaan Dalam Kemajuan		16,465,277	10,228,807
Peruntukan Hutang Ragu	26	2,250,246	7,528,759
Hapuskira Peruntukan Hutang Ragu		(6,600,410)	(7,246,373)
Hapuskira Lain-lain Belum Terima dan Deposit		412,583	1,038,503
Hapuskira Pinjaman Komputer		17,753	-
Hapuskira Pinjaman Kenderaan		6,261	-
Peruntukan Manfaat Pekerja		3,169,202	1,942,730
Kerugian atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		118,320	303,674
Aliran Tunai daripada Operasi sebelum perubahan dalam Modal Kerja		(39,580,268)	(37,995,994)
<i>Perubahan dalam Modal Kerja :</i>			
Pengurangan Inventori		775,241	2,914,612
Pengurangan Urusniaga Pertukaran Belum Terima		2,108,990	625,982
Pengurangan/(Pertambahan) Lain-lain Belum Terima dan Deposit		1,747,073	(7,201,098)
Pertambahan/(Pengurangan) Urusniaga Pertukaran Belum Bayar		14,617,164	(470,062)
Pertambahan Lain-lain Belum Bayar		9,876,616	-
Pertambahan Cagaran dan Pertaruhan		918,825	236,755
Bayaran peruntukan Manfaat Pekerja		(2,132,325)	(1,005,355)
		27,911,584	(4,899,166)
Penghasilan Tunai daripada Aktiviti Operasi		(11,668,684)	(42,895,160)
Faedah Pinjaman Komputer dan Kenderaan		60,818	79,068
Keuntungan Pelaburan Bank	22	5,429,831	6,025,051
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi		(6,178,035)	(36,791,041)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(1,761,494)	(2,861,625)
Terimaan daripada Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		196,597	27,350
Penambahan Kerja dalam Pembinaan	12	(36,210,036)	(35,443,422)
Bayaran Penghutang Pinjaman Komputer		(27,300)	(34,000)
Terimaan Bayaran Balik Penghutang Pinjaman Komputer		44,057	37,610
Bayaran Penghutang Pinjaman Kenderaan		(465,600)	(241,600)
Terimaan Bayaran Balik Penghutang Pinjaman Kenderaan		545,868	615,782
Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan		(37,677,908)	(37,899,905)

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2022 (*sambungan*)

	Nota	2022 RM	Dinyatakan semula 2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Terimaan Geran Tertunda		70,500,000	33,469,600
Terimaan Tabung Amanah		327,133,936	284,117,708
Pelunasan Tabung Amanah		(269,047,931)	(235,456,646)
Alliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan		<u>128,586,005</u>	<u>82,130,662</u>
Pertambahan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		84,730,062	7,439,716
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari		<u>409,147,762</u>	<u>401,708,046</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember	29	<u>493,877,824</u> =====	<u>409,147,762</u> =====

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. MAKLUMAT UMUM

(a) Status Perundangan

PPUM diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

PPUM adalah sebuah hospital pengajaran dan merupakan satu Pihak Berkuasa di bawah Universiti Malaya yang merupakan sebuah badan berkanun. PPUM ditubuhkan di bawah Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya.

(b) Kegiatan Utama

Kegiatan utama Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) ialah menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, latihan dan penyelidikan yang berkualiti tinggi dalam perkhidmatan perubatan tertiar, komuniti dan kebajikan pesakit.

Tiada perubahan yang ketara bagi kegiatan PPUM sepanjang tahun ini.

(c) Persembahan Matawang

Matawang yang dinyatakan di dalam Penyata Kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia dan jumlah dinyatakan di dalam Ringgit.

(d) Tarikh Kelulusan Penerbitan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah diluluskan oleh Lembaga Pengurus bertarikh 18 April 2023.

2. DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini disediakan mengikut kos asal, selain yang dinyatakan secara berasingan dan menepati Keperluan Pendedahan Am (*General Disclosure Requirements*) dan berdasarkan kepada prinsip-prinsip perakaunan di bawah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)*] yang diluluskan di Malaysia.

(b) Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah.

(b) Pengiktirafan Hasil (sambungan)

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan akan dilunaskan mengikut susutnilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dipermodalkan.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

(i) Pendapatan Dari Pesakit

Pendapatan dari pesakit diambil kira berasaskan akruan setelah ditolak pengenehan, pengurangan dan pelepasan terhadap Kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

(ii) Pendapatan Bukan Pesakit

Pendapatan bukan pesakit yang terdiri dari sewaan, faedah dari simpanan tetap dan lain-lain pendapatan diambil kira berasaskan akruan.

(c) Kemerostan Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda kemerostan. Jika wujud tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperolehi dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperolehi merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan.

Kerugian kemerostan dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperolehi diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerostan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerostan diiktirafkan sebelum ini.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

(i) Pengiktirafan dan ukuran

Kos sesuatu item bagi hartanah,loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam PPUM dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat.

Setiap unit hartanah, loji dan peralatan yang memenuhi kriteria-kriteria hartanah, loji dan peralatan dari segi kos dan usia guna melebihi satu tahun akan diambil kira sebagai aset tetap. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak memenuhi kriteria-kriteria hartanah, loji dan peralatan akan diambil kira sebagai perbelanjaan tahun kewangan semasa.

Projek dalam kemajuan adalah kerja-kerja pembinaan atau pembekalan aset yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada sijil bayaran kemajuan. Kos pembinaan atau pembekalan aset akan dipindahkan ke dalam hartanah, loji dan peralatan apabila sekurang-kurangnya Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan atau perakuan bekalan aset disempurnakan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun kewangan berkenaan.

(ii) Tanah dan Bangunan adalah tanah milik bebas atas Lot 1, Jalan Universiti, Seksyen 15 yang diduduki oleh PPUM dengan Universiti Malaya yang didaftarkan di bawah nama Federal Land Commissioner, Federation of Malaya.

(iii) Semua Hartanah, Loji dan Peralatan yang bernilai lebih daripada RM3,000 ke atas dipermudahkan dan disusutnilai mengikut kaedah garis lurus atas tempoh penggunaan yang dijangkakan bagi harta berkenaan.

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:-

Bangunan	2%
Kenderaan	10 – 25%
Peralatan pemprosesan data	20%
Perabot dan kelengkapan	5 – 50%
Peralatan dapur	10 – 20%
Peralatan pejabat	20 – 50%
Loji, peralatan, alat hawa dingin dan lain-lain	5 – 33.3%

(iv) Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada nilai kos dan ditolak susutnilai terkumpul.

(v) Keuntungan atau kerugian dari penjualan akan ditentukan secara perbandingan jumlah hasil jualan bersih dengan jumlah yang tercatat dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(e) Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara pada awalnya direkodkan pada kos. Kos Aset Tak Ketara yang dijana secara dalaman terdiri daripada belanja yang ditanggung dalam fasa pembangunan aset tersebut. Fasa pembangunan bermula apabila kebolehlaksanaan teknikal; keupayaan untuk menyiapkan aset tersebut; hasrat dan keupayaan untuk menjual atau menggunakan aset tersebut dapat didemonstrasikan; serta perbelanjaan pembangunan boleh diukur dengan pasti. Perbelanjaan yang ditanggung dalam fasa penyelidikan bagi Aset Tak Ketara yang dijana secara dalaman dibelanjakan apabila ia ditanggung. Jika fasa penyelidikan tidak dapat dibezakan daripada fasa pembangunan, perbelanjaan tersebut dibelanjakan apabila ia ditanggung.

Aset Tak Ketara dengan Usia Guna Dapat Ditentukan (contohnya perisian komputer) berikutnya dinyatakan pada kos ditolak dengan sebarang pelunasan dan kerugian penjejasan. Pelunasan dicaj kepada Penyata Prestasi Kewangan secara garis lurus sepanjang usia guna aset. Pada kebiasaannya, usia guna perisian komputer adalah lima tahun. Usia guna dan kaedah pelunasan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Aset Tak Ketara dengan Usia Guna Tidak Dapat Ditentukan (contohnya muhibah) tidak dilunaskan, tetapi diuji setiap tahun untuk penjejasan. Untung dan rugi daripada pelupusan Aset Tak Ketara diiktirafkan dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh urus niaga tersebut berlaku.

Aset Tak Ketara dengan Usia Guna Dapat Ditentukan dikaji semula setiap tahun untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk Penjejasan. Jika Amaun Boleh Pulih Aset Tak Ketara tersebut adalah kurang daripada Amaun Bawaan, ia dilaporkan pada Amaun Boleh Pulih dan Kerugian Penjejasan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(f) Pembinaan Dalam Kemajuan

Pembinaan Dalam Kemajuan terdiri daripada alat kelengkapan yang belum siap dipasang dan bangunan dalam pembinaan. Tiada peruntukan susutnilai dibuat dalam Penyata Kewangan ke atas Pembinaan Dalam Kemajuan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila memenuhi kriteria pengiktirafan hartanah, loji dan peralatan.

(g) Inventori

Inventori terdiri daripada bekalan farmaseutikal, bekalan surgikal, pembalut dan bekalan wad, bekalan makmal, tabung darah, kardiorespiratori, neurologi, perubatan nuklear, radiologi, anestetik dan dispensari, bekalan kejuruteraan, bahan membersih, dobi dan bahan makanan kering serta lain-lain barang.

Inventori terdiri daripada bahan atau bekalan yang akan digunakan dan diagihkan semasa menyediakan perkhidmatan dengan tujuan untuk menjalankan aktiviti utama PPUM.

(g) Inventori (sambungan)

Inventori dinyatakan pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai penggantian semasa ia dipegang untuk pengagihan dengan caj nominal. Kos bagi stok ditentukan dengan menggunakan formula Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD).

Inventori PPUM melebihi nilai Ringgit Malaysia Satu Juta setiap hujung tahun selama 3 tahun kebelakang berturut-turut, justeru itu Inventori PPUM dipermodalkan sebagai Aset Semasa.

(h) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada Tunai di Tangan dan di Bank serta pelaburan berkecailiran tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(i) Tabung Amanah

Tabung Amanah dan akaun khas

Tabung Amanah dan akaun khas merujuk kepada aktiviti yang dikhususkan untuk akaun amanah dan akaun khas lain

Kumpulan Wang Pinjaman

Kumpulan Wang Pinjaman merujuk kepada aktiviti pinjaman bagi pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan PPUM

(j) Cukai Pendapatan

PPUM telah mendapat pengecualian cukai atas pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

(k) Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

Pembentangan CBP

Pembentangan di dalam Penyata Kewangan, termasuk penyata-penyata yang berkenaan, dinyatakan sebagai transaksi "tidak termasuk CBP", kecuali lain-lain belum terima dan deposit dan lain-lain belum bayar, dinyatakan berdasarkan kepada asas "termasuk CBP". Di dalam keadaan CBP tidak boleh dituntut sebagai cukai input, maka ia diakaunkan sebagai sebahagian daripada aset atau belanja yang berkaitan.

Nilai bersih CBP yang dituntut daripada, atau dibayar kepada, Jabatan Kastam Diraja Malaysia diakaunkan sebagai sebahagian daripada lain-lain belum terima dan deposit dan lain-lain belum bayar di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Nilai bersih CBP dibayar kepada, atau diterima daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia, termasuk CBP berkaitan dengan aktiviti pelaburan diklasifikasikan sebagai operasi aliran tunai di dalam Penyata Aliran Tunai.

Komitmen dan Liabiliti Luar Jangka dinyatakan sebagai transaksi "tidak termasuk CBP".

(l) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Manfaat kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah dan elaun. Faedah tersebut diakru apabila terjadi dan dikira pada asas yang didiskaunkan. PPUM juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti Manfaat Pekerja Jangka Pendek.

(ii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Bayaran manfaat kakitangan yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bagi bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur sekurang-kurangnya 45 tahun dengan andaian seorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai maksima 160 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa tarikh persaraan telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut. Faedah tersebut diakru apabila terjadi dan dikira pada asas yang didiskaunkan

(iii) Faedah Selepas Perkhidmatan

(a) Pelan Sumbangan Ternyata

PPUM mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(b) Faedah Persaraan

PPUM memperuntukkan faedah persaraan tidak berdana kepada kakitangan yang layak. Peruntukan faedah persaraan dikira pada asas satu bulan gaji untuk setiap tahun perkhidmatan yang dilengkapkan.

(m) Instrumen Kewangan

Aset Kewangan

Aset Kewangan dikategorikan seperti berikut:

- Pinjaman dan Belum Terima;
- Sedia Untuk Dijual;
- Dipegang Hingga Matang; dan
- Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan.

(m) Instrumen Kewangan (sambungan)

Aset Kewangan

Kategori ini adalah merujuk kepada tujuan, dasar dan amalan untuk pengurusan Instrumen Kewangan tersebut, hubungan Instrumen Kewangan tersebut dengan instrumen lain serta kos dan manfaat yang berkaitan dengan setiap kategori. Kerugian maksima kerana kegagalan memenuhi obligasi mana-mana Aset Kewangan adalah bersamaan dengan Amaun Bawaan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pinjaman dan Belum Terima pada awalnya diiktiraf pada Nilai Saksama yang ditambah dengan Kos Urus Niaga dan kemudiannya diukur pada Kos Terlunas menggunakan kaedah Kadar Faedah Berkesan. Pinjaman dan Belum Terima yang dikeluarkan dengan tempoh kurang daripada dua belas bulan adalah diiktiraf pada nilai nominal, kecuali jika kesan pendiskaunan adalah material. Peruntukan untuk amaun yang dianggarkan tidak boleh pulih diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa Aset tersebut terjejas. Faedah dan Kerugian Penjejasan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Kewangan dipegang untuk dagangan dan Aset Kewangan yang dikategorikan sebagai Nilai Saksama melalui Lebihan atau Kurangan adalah direkodkan pada Nilai Saksama dengan Untung atau Rugi diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Kewangan dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan jika ia dimiliki dengan tujuan dagangan dalam jangka pendek. Aset Kewangan juga boleh ditetapkan dalam kategori ini jika pengolahan perakaunan menghasilkan maklumat yang lebih relevan kerana ia akan mengurangkan dengan signifikan ketidakpadanan perakaunan dengan Liabiliti yang berkaitan atau ia adalah sebahagian daripada kumpulan Aset Kewangan yang diuruskan dan dinilai menggunakan asas Nilai Saksama. Untung atau Rugi daripada faedah, tukaran asing dan pergerakan lain Nilai Saksama adalah dilaporkan secara berasingan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kos Urus Niaga akan dibelanjakan apabila ia ditanggung.

Aset Kewangan Sedia Dijual, pada awalnya dinyatakan pada Nilai Saksama ditambah dengan kos urus niaga. Pengukuran berikutnya bagi Instrumen Yang Tidak Disebut Harga dan Nilai Saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan dibawa pada kos. Kerugian Penjejasan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Pada penyahiktirafan, untung atau rugi Nilai Saksama kumulatif yang sebelum ini diiktiraf dalam Aset Bersih/Ekuiti akan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada Tunai di Bank, Akaun Semasa (termasuk Panjar) dan Deposit dan Tunai di Tangan (Tunai Runcit). Kebiasaannya, belian dan jualan bagi semua Aset Kewangan diakaunkan pada tarikh dagangan. Pada setiap tarikh akhir pelaporan, penilaian dibuat untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa Aset Kewangan atau kumpulan Aset Kewangan terjejas.

(m) Instrumen Kewangan (sambungan)

Jenis Aset Kewangan Utama	Designasi
Dagangan Dan Belum Terima Lain	Pinjaman Dan Belum Terima
Pinjaman Kepada Kakitangan	Pinjaman Dan Belum Terima

Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan Dipegang Untuk Dagangan dan Liabiliti Kewangan yang dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan adalah direkodkan pada Nilai Saksama dengan sebarang Untung atau Rugi diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Liabiliti Kewangan dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan jika ia dimiliki dengan tujuan dagangan dalam jangka pendek. Liabiliti Kewangan juga boleh ditetapkan dalam kategori ini jika pengolahan perakaunan menghasilkan maklumat yang lebih relevan kerana ia menghapuskan atau mengurangkan dengan signifikan ketidakpadanan perakaunan dengan Aset berkaitan atau merupakan sebahagian daripada sekumpulan Liabiliti Kewangan yang diuruskan dan dinilai menggunakan asas Nilai Saksama. Untung atau Rugi daripada faedah, tukaran asing dan pergerakan Nilai Saksama lain adalah dilaporkan secara berasingan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kos urusniaga dibelanjakan apabila ia ditanggung.

Liabiliti Kewangan lain diiktirafkan pada awalnya dengan Nilai Saksama ditolak dengan Kos Urus Niaga dan kemudiannya diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan. Liabiliti Kewangan yang mempunyai tempoh kurang daripada dua belas bulan adalah diiktiraf pada nilai nominalnya. Pelunasan bagi Item Monetari, Untung dan Rugi Tukaran Asing, diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai Untung atau Rugi apabila Liabiliti dinyahiktiraf.

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan PPUM adalah bertujuan memastikan PPUM memaksimumkan pulangan yang diterima di samping meminimumkan pendedahan kepada risiko atau kos yang berkaitan dengan aktiviti kewangan, pelaburan dan operasi PPUM.

Polisi pengurusan risiko kewangan PPUM bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi PPUM dengan lancar. PPUM membiayai operasi dengan sumbangan yang diterima dari Kerajaan dan dana dalaman. Oleh itu PPUM tidak terdedah kepada risiko kadar keuntungan daripada pinjaman bank. PPUM tidak melabur di dalam saham tersiar harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

(i) Risiko Kredit

Risiko Kredit, atau risiko pihak peniaga balas gagal melaksanakan urusan mengikut kontrak dikawal dengan pemantauan yang berterusan. Anggaran dibuat bagi hutang ragu setelah kajian semula ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(ii) Risiko Kadar Keuntungan

Pendapatan dan aliran tunai operasi PPUM adalah bergantung kepada perubahan dalam kadar keuntungan pasaran. Pendedahan dalam kadar keuntungan ini terbit daripada deposit PPUM. PPUM tidak menangani risiko kadar keuntungan ini.

(iii) Risiko Mudah Tunai

PPUM mengamalkan pengurusan Risiko Mudah Tunai yang berhemah untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan bersamaan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

(iv) Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan bersamaan tunai, pendapatan tertunggak, pelbagai dan lain-lain belum terima, pelbagai dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat tempoh instrumen kewangan yang pendek dan singkat.

(n) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Rosot nilai bagi Belum Terima

PPUM menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, PPUM menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar penghutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat Hartanah, Loji dan Peralatan dalam tempoh masa 5 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

3. INVENTORI	Nota	2022 RM	2021 RM
Dinyatakan pada kos:-			
Bekalan Farmaseutikal		11,086,883	11,846,577
Bekalan Surgikal, Pembalut dan Bekalan Wad		1,491,766	1,502,143
Bekalan Makmal, Tabung Darah, Kardiorespiratori, Neurologi, Perubatan Nuklear, Radiologi, Anestetik dan Dispensari		1,168,484	1,427,003
Bekalan Kejuruteraan, Bahan Membersih, Dobi dan Bahan Makanan Kering		836,888	555,794
Lain-lain bekalan		254,522	282,267
		<u>14,838,543</u> =====	<u>15,613,784</u> =====
4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA		2022 RM	2021 RM
Penghutang Pesakit		22,012,744	24,121,734
Peruntukan Hutang Ragu		(2,845,534)	(6,896,209)
		<u>19,167,210</u> =====	<u>17,225,525</u> =====
Peruntukan Hutang Ragu			
Baki Pada 1 Januari		6,896,209	6,323,441
Peruntukan Tahun Semasa	26	2,439,218	7,806,394
Tolak: Hapuskira pada Tahun Semasa		(6,489,893)	(7,233,626)
Baki Pada 31 Disember		<u>2,845,534</u> =====	<u>6,896,209</u> =====
Butiran mengenai aset Penghutang, Cagaran dan Prabayaran yang ditaksir sebagai hutang ragu dan pergerakan hutang ragu terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Peruntukan Hutang Ragu bagi PPUM setakat 31 Disember 2022 adalah ditunjukkan dalam Nota 33.			
5. LAIN-LAIN BELUM TERIMA DAN DEPOSIT		2022 RM	Dinyatakan semula 2021 RM
Pelbagai Penghutang		33,917,768	40,516,276
Peruntukan Hutang Ragu		(62,626)	(383,664)
		<u>33,855,142</u> -----	<u>40,132,612</u> -----
Keuntungan Pelaburan Bank		1,046,137	1,046,877
Penghutang Sewa		1,839,994	1,304,216
Penghutang Perkhidmatan UMSC		7,305,188	3,391,960
		<u>10,191,319</u> -----	<u>5,743,053</u> -----
		<u>44,046,461</u> =====	<u>45,875,665</u> =====

5. LAIN-LAIN BELUM TERIMA DAN DEPOSIT (sambungan)

	Nota	2022 RM	2021 RM
Peruntukan Hutang Ragu			
Baki Pada 1 Januari		383,664	674,046
Peruntukan Tahun Semasa	26	(210,521)	(277,635)
Tolak: Hapuskira pada Tahun Semasa		(110,517)	(12,747)
		<u>62,626</u>	<u>383,664</u>
Baki Pada 31 Disember		=====	=====

Butiran mengenai aset Penghutang, Cagaran dan Prabayaran yang ditaksir sebagai hutang ragu dan pergerakan hutang ragu terkumpul yang diakaunkan dalam Elaun Peruntukan Hutang Ragu bagi PPUM setakat 31 Disember 2022 adalah ditunjukkan dalam Nota 33.

6. PENGHUTANG PINJAMAN KOMPUTER

	2022 RM	2021 RM
Baki Pada 1 Januari	75,520	79,130
Pinjaman yang diberikan dalam tahun kewangan	27,300	34,000
	<u>102,820</u>	<u>113,130</u>
Tolak:		
Bayaran balik yang diterima dalam tahun kewangan	(44,057)	(37,610)
Hapuskira pada Tahun Semasa	(17,753)	-
	<u>41,010</u>	<u>75,520</u>
Baki pada 31 Disember	=====	=====

Dianalisa seperti berikut :

Kurang daripada 12 bulan	5,896	29,972
Lebih daripada 12 bulan	35,114	45,548
	<u>41,010</u>	<u>75,520</u>
	=====	=====

7. PENGHUTANG PINJAMAN KENDERAAN

	2022 RM	2021 RM
Baki pada 1 Januari	1,590,540	1,964,722
Pinjaman yang diberikan dalam tahun kewangan	465,600	241,600
	<u>2,056,140</u>	<u>2,206,322</u>
Tolak:		
Bayaran balik yang diterima dalam tahun kewangan	(545,868)	(615,782)
Hapuskira pada Tahun Semasa	(6,261)	-
	<u>1,504,011</u>	<u>1,590,540</u>
Baki pada 31 Disember	1,504,011	1,590,540
Peruntukan Hutang Ragu	(31,703)	-
	<u>1,472,308</u>	<u>1,590,540</u>
	=====	=====

Dianalisa seperti berikut :

Kurang daripada 12 bulan	47,288	88,964
Lebih daripada 12 bulan	1,425,020	1,501,576
	<u>1,472,308</u>	<u>1,590,540</u>
	=====	=====

7. PENGHUTANG PINJAMAN KENDERAAN (sambungan)

	Nota	2022 RM	2021 RM
Peruntukan Hutang Ragu			
Baki Pada 1 Januari		-	-
Peruntukan Tahun Semasa	26	31,703	-
		<u>31,703</u>	<u>-</u>
Baki Pada 31 Disember		<u>31,703</u>	<u>-</u>

8. SIMPANAN TETAP

	2022 RM	2021 RM
Bank berlesen	472,660,000	386,960,000
	<u>472,660,000</u>	<u>386,960,000</u>
Struktur Kematangan bagi Simpanan Tetap seperti mana berikut:		
Matang kurang daripada 3 bulan	189,000,000	139,000,000
Matang lebih daripada 3 bulan	283,660,000	247,960,000
	<u>472,660,000</u>	<u>386,960,000</u>

Tema-tema kredit dan kadar keuntungan berserta tempoh matang berkaitan adalah berikut:

Lingkungan kadar keuntungan (setahun) dan kematangan deposit pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

	2022 %	2021 %
Bank-bank Berlesen	1.65 - 4.00	1.60 - 2.35

Julat kematangan deposit-deposit pada tarikh imbalan adalah seperti berikut:

	2022 hari	2021 hari
Bank-bank Berlesen	11 - 365	5 - 365

Deposit adalah disimpan terutamanya dengan beberapa bank berlesen yang mempunyai taraf kredit yang baik. Deposit mempunyai kematangan masing-masing di antara lima (11) hari hingga tiga ratus enam puluh lima (365) hari. (2021: 5 hari hingga 365 hari). Baki di bank adalah deposit yang disimpan dan sedia ditunaikan di bank.

9. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

	2022 RM	Dinyatakan semula 2021 RM
Wang di Tangan	65,240	64,065
Wang di Bank	21,152,584	22,123,697
	<u>21,217,824</u>	<u>22,187,762</u>

10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

10.1 Perincian Hartanah, Loji dan Peralatan 2022

Jenis Aset Bukan Semasa	KOS						SUSUTNILAI					NILAI BUKU BERSIH 2022
	Baki Pada 1.1.2022	Pindahan/ Tambahan 2022	Pelarasan 2022	Penjualan/ Pelupusan 2022	Baki Pada 31.12.2022	Baki Pada 1.1.2022	Susutnilai Dalam Tahun 2022	Pelarasan 2022	Penjualan/ Pelupusan 2022	Baki Pada 31.12.2022	RM	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	886,655,617	23,173,561	-	-	909,829,178	206,899,746	18,133,390	-	-	225,033,136	684,796,042	
Kenderaan	7,472,613	-	-	(748,633)	6,723,980	6,341,262	374,446	-	(748,629)	5,967,079	756,901	
Peralatan Pemprosesan Data	64,210,187	2,170,241	-	(1,008,161)	65,372,267	60,414,810	2,063,835	-	(1,007,243)	61,491,402	3,890,865	
Perabot & Lengkapan	7,465,450	247,934	-	(299,538)	7,413,846	5,834,356	341,956	-	(228,470)	5,947,842	1,466,004	
Peralatan Dapur	505,795	-	-	(393,620)	112,275	505,777	-	-	(393,519)	112,258	17	
Peralatan Pejabat	4,496,395	73,060	-	(243,625)	4,325,830	4,038,097	125,800	-	(243,606)	3,920,291	405,539	
Loji Mesin, Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	104,349,680	10,279,742	-	(4,501,589)	110,127,833	74,767,602	5,219,281	-	(4,496,549)	75,490,334	34,637,499	
Peralatan Perubatan	412,356,243	29,243,943	-	(33,184,501)	408,415,685	347,254,344	18,957,655	4,013	(32,950,650)	333,265,362	75,150,323	
Jumlah:	1,487,511,980	65,188,481	-	(40,379,567)	1,512,320,894	706,055,994	45,236,363	4,013	(40,068,668)	711,227,704	801,093,190	

10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

10.2 Perincian Hartanah, Loji dan Peralatan 2021

Jenis Aset Bukan Semasa	KOS			SUSUTNILAI				NILAI BUKU BERSIH 2021
	Baki Pada 1.1.2021	Pindahan/ Tambahan 2021	Pelarasan 2021	Penjualan/ Pelupusan 2021	Baki Pada 31.12.2021	Susutnilai Dalam Tahun 2021	Penjualan/ Pelupusan 2021	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	796,123,383	90,532,234	-	-	886,655,617	21,354,655	-	206,899,746
Kenderaan	6,550,583	960,000	-	(37,970)	7,472,613	193,817	-	6,341,262
Peralatan Pemprosesan Data	70,847,721	106,776	-	(6,744,310)	64,210,187	1,558,159	-	60,414,810
Perabot & Lengkapan	7,277,140	196,810	-	(8,500)	7,465,450	406,722	-	5,834,356
Peralatan Dapur	573,795	-	-	(68,000)	505,795	-	-	505,777
Peralatan Pejabat	4,405,701	494,217	-	(403,523)	4,496,395	91,817	-	4,038,097
Loji Mesin, Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	101,336,056	9,829,914	-	(6,816,290)	104,349,680	4,267,420	-	74,767,602
Peralatan Perubatan	400,616,104	22,839,059	-	(11,098,920)	412,356,243	23,165,629	-	347,254,344
Jumlah:	1,387,730,483	124,959,010	-	(25,177,513)	1,487,511,980	51,038,219	-	706,055,994
								781,455,986

10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)**10.3 Perincian Hartanah, Loji dan Peralatan mencapai nilai buku bersih RM1**

Bilangan Hartanah, Loji dan Peralatan PPUM yang telah mencapai nilai buku bersih pada RM1 adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
NILAI SUSUTNILAI PENUH ASET		
Bangunan	54	54
Kenderaan	5,341,480	5,733,965
Peralatan Pemprosesan Data	56,359,598	67,812,394
Perabot & Lengkapan	4,389,197	3,044,155
Peralatan Dapur	112,275	505,795
Peralatan Pejabat	3,714,333	3,886,858
Loji Mesin, Alat Hawa Dingin dan Lain-lain	35,101,269	38,929,443
Peralatan Perubatan	258,515,054	243,332,109
Jumlah Keseluruhan	363,533,260	363,244,773
	=====	=====

12. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN**Pembinaan Dalam Kemajuan 2022**

Projek	Baki pada 1.1.2022	Tambahan Tahun 2022	Pelarasan Tahun 2022	Dipindah Ke Aset	Baki Pada 31.12.2022
Alat Kelengkapan	3,057,506	2,721,965	-	(1,946,358)	3,833,113
Ubahsuai & Renovasi Bangunan PPUM	5,860,732	771,307	(710,899)	(5,340,898)	580,242
Bangunan Perkhidmatan Pediatrik	3,690,340	-	(260,344)	(2,168,650)	1,271,346
Alat Kelengkapan Obstetrik/Pediatrik	39,464	-	(39,464)	-	-
Bangunan Baru Perubatan Pemulihan	8,203,334	-	(4,534,906)	(3,642,668)	25,760
Peralatan Menara Selatan	23,866,975	1,019,370	(1,587,787)	(23,298,558)	-
Ubahsuai Bangunan dan Kemudahan Hospital	4,877,606	-	(1,326,129)	(3,551,477)	-
Naik Taraf ICU	7,644,239	99,010	-	(7,743,249)	-
Naik Taraf Plaza	33,122	-	-	(33,122)	-
Naik Taraf Infrastruktur ICT	6,277,957	1,693,822	(205,766)	(7,665,235)	100,778
Linear Accelerator dan Naiktaraf Kanser Berpusat	918,829	299,879	(14,050)	(904,779)	299,879
Alat PET/CT Scan Dan Medical Cyclotron	256,128	-	(256,128)	-	-
Naiktaraf Aras 3 Menara Utama Kepada Wad High Dependency Unit (HDU)	-	120,919	(82,808)	-	38,111
Bangunan Pusat Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar dan Pakar	294,390	5,058,000	-	-	5,352,390
Naiktaraf Infrastruktur Kejuruteraan	1,923,736	385,251	(2,308,987)	-	-
Penggantian Pelaratan Perubatan Usang	-	10,846,949	(357,600)	(1,384,130)	9,105,219
Ubahsuai Dewan Bedah No 1 Bangunan Jabatan Perubatan Kecemasan	227,975	-	(227,975)	-	-
Naiktaraf Penggantian Sistem Kejuruteraan Usang	127,012	8,015,115	(1,633,052)	(4,595,465)	1,913,610
Kerja-kerja Penggantian Dan Naiktaraf Kejuruteraan	127,098	3,358,109	(2,919,382)	(160,050)	405,775
Penggantian Peralatan Perubatan RMK-12	-	1,770,000	-	(1,770,000)	-
Naiktaraf Infrastruktur Mesra OKU	-	50,340	-	-	50,340
JUMLAH KESELURUHAN	67,426,443	36,210,036	(16,465,277)	(64,194,639)	22,976,563

Nota : Pembinaan Dalam Kemajuan dipermodalkan

Diterima dan dipermodal dalam tahun semasa

9,484,777

Diterima dalam tahun sebelum dan dipermodal dalam tahun semasa

54,709,862

64,194,639

12. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN (sambungan)

Pembinaan Dalam Kemajuan 2021

Projek	Baki pada 1.1.2021	Tambahan Tahun 2021	Pelarasan Tahun 2021	Dipindah Ke Aset	Baki Pada 31.12.2021
Alat Kelengkapan	4,142,490	-	(651,020)	(433,964)	3,057,506
Ubahsuaikan Kemudahan Klinik	460,423	-	26,172	(486,595)	-
Ubahsuaikan 12 unit Dewan Bedah	32,960,810	2,046,381	-	(35,007,191)	-
Ubahsuaikan & Renovasi Bangunan PPUIM	465,025	6,222,063	(509,816)	(316,540)	5,860,732
Bangunan Perkhidmatan Pediatrik	3,690,340	-	-	-	3,690,340
Alat Kelengkapan Obstetrik/Pediatrik	393,396	-	(3,932)	(350,000)	39,464
Bangunan Baru Perubatan Pemulihan	16,447,555	109,613	(311,729)	(8,042,105)	8,203,334
Naik Taraf Sistem Komputer	-	30,000	(30,000)	-	-
Peralatan Menara Selatan	23,866,975	1,406,564	(1,380,687)	(25,877)	23,866,975
Ubahsuaikan Bangunan dan Kemudahan Hospital	5,575,955	-	(698,349)	-	4,877,606
Naik Taraf ICU	20,173,840	1,366,233	967,634	(14,863,468)	7,644,239
Naik Taraf Plaza	18,959,439	2,527,694	(968,592)	(20,485,419)	33,122
Naik Taraf Infrastruktur ICT	6,339,637	71,250	(119,330)	(13,600)	6,277,957
Linear Accelerator dan Naiktaraf Kanser Berpusat	5,001,718	234,260	(4,317,149)	-	918,829
Alat PET/CT Scan Dan Medical Cyclotron	5,873,206	409,269	-	(6,026,347)	256,128
Naiktaraf Dewan Kuliah Pulasari & Puspasari	1,176,299	-	(1,176,299)	-	-
Wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Tingkat 1 Bangunan Menara Utama	4,198,841	1,638,672	(411,445)	(5,426,068)	-
Naiktaraf Aras 3 Menara Utama Kepada Wad High Dependency Unit (HDU)	2,416,303	667,848	-	(3,084,151)	-
Bangunan Pusat Perkhidmatan Rawatan Pesakit Luar dan Pakar	244,263	50,127	-	-	294,390
Peralatan Perdispen & Pembungkus Table Berautomatik (Dose Machine)	-	75,885	(75,885)	-	-
Laluan Pejalan Kaki Dari Menara Timur Ke Surau Ad-Deeniah	-	190,900	(190,900)	-	-
Naiktaraf Infrastruktur Kejuruteraan	-	1,923,736	-	-	1,923,736
Penggantian Peralatan Perubatan Usang	-	7,874,162	(3,000)	(7,871,162)	-
Ubahsuaikan Dewan Bedah No 1 Bangunan Jabatan Perubatan Kecemasan	-	227,975	-	-	227,975
Naiktaraf Penggantian Sistem Kejuruteraan Usang	-	7,869,212	-	(7,742,200)	127,012
Kerja-kerja Penggantian Dan Naiktaraf Kejuruteraan	-	501,578	(374,480)	-	127,098
JUMLAH KESELURUHAN	152,386,515	35,443,422	(10,228,807)	(110,174,687)	67,426,443

Nota : Pembinaan Dalam Kemajuan dipermodalkan

Diterima dan dipermodal dalam tahun semasa

37,215,376

Diterima dalam tahun sebelum dan dipermodal dalam tahun semasa

72,959,311

110,174,687

13. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR	2022 RM	2021 RM
Pemiutang Bekalan dan Perkhidmatan	13,901,963	-
Pemiutang Kakitangan	327,021	-
Pemiutang Lain-lain	388,180	-
	<u>14,617,164</u>	<u>-</u>
	=====	=====
14. LAIN-LAIN BELUM BAYAR	2022 RM	2021 RM
Belanja Terakru	9,876,616	-
	<u>9,876,616</u>	<u>-</u>
	=====	=====
15. CAGARAN DAN PERTARUHAN	2022 RM	2021 RM
Cagaran Tawaran dan Keselamatan	1,513,956	1,532,417
Cagaran-cagaran Lain	5,807,175	4,944,882
Bayaran Balik Laporan Perubatan	683,246	608,253
	<u>8,004,377</u>	<u>7,085,552</u>
	=====	=====
16. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA	2022 RM	2021 RM
Baki Pada 1 Januari	13,769,369	12,831,994
Peruntukan Tahun Semasa	3,169,202	1,942,730
Tolak: Bayaran Tahun Semasa	(2,132,325)	(1,005,355)
	<u>14,806,246</u>	<u>13,769,369</u>
	=====	=====
Struktur Kematangan Peruntukan bagi Manfaat Pekerja seperti mana berikut:		
Matang Dalam Tempoh 12 Bulan	1,148,633	1,005,636
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 Bulan	13,657,613	12,763,733
	<u>14,806,246</u>	<u>13,769,369</u>
	=====	=====
17. GERAN TERTUNDA	2022 RM	2021 RM
Baki Pada 1 Januari	823,923,230	842,605,522
Terimaan Geran Tahun Semasa	70,500,000	33,469,600
Geran Dilunaskan	(52,669,520)	(52,151,892)
	<u>841,753,710</u>	<u>823,923,230</u>
	=====	=====

17. GERAN TERTUNDA (<i>sambungan</i>)	2022	2021
	RM	RM
Butiran bagi kumpulan wang adalah seperti berikut:		
HASIL		
Geran Modal Dilunas	52,669,520	52,151,892
Tolak: PERBELANJAAN		
Perkhidmatan dan Bekalan	16,346,156	11,439,710
Susut Nilai	36,323,364	40,712,182
LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN	-	-
	=====	=====
18. TABUNG AMANAH	2022	2021
	RM	RM
Tabung Amanah Khas		
Baki Pada 1 Januari	240,192,165	202,842,583
Terimaan Tahun Semasa	230,229,971	201,908,005
Tolak: Dilunaskan	(181,772,092)	(164,558,423)
Baki Pada 31 Disember	288,650,044	240,192,165
Tabung Amanah Penyelidikan		
Baki Pada 1 Januari	1,959,138	1,791,848
Terimaan Tahun Semasa	850,920	1,505,436
Tolak: Dilunaskan	(928,966)	(1,338,146)
Baki Pada 31 Disember	1,881,092	1,959,138
Tabung Amanah Kursus		
Baki Pada 1 Januari	209,144	206,365
Terimaan Tahun Semasa	266,901	43,546
Tolak: Dilunaskan	(139,122)	(40,767)
Baki Pada 31 Disember	336,923	209,144
Tabung Amanah Jabatan/Kursus		
Baki Pada 1 Januari	8,802,158	7,555,582
Terimaan Tahun Semasa	8,427,667	7,904,421
Tolak: Dilunaskan	(6,682,833)	(6,657,845)
Baki Pada 31 Disember	10,546,992	8,802,158
Tabung Amanah Geran Khas		
Baki Pada 1 Januari	23,284,112	13,389,277
Terimaan Tahun Semasa	87,358,477	72,756,300
Tolak: Dilunaskan	(79,524,918)	(62,861,465)
Baki Pada 31 Disember	31,117,671	23,284,112
JUMLAH KESELURUHAN	332,532,722	274,446,717
	=====	=====

19. LEBIHAN TERKUMPUL	2022	Dinyatakan semula
	RM	2021 RM
HASIL		
Urus niaga Bukan Pertukaran	513,330,060	512,220,642
Urus niaga Pertukaran		
Pesakit	96,783,064	78,803,780
Bukan Pesakit	39,342,206	43,291,850
	<u>649,455,330</u>	<u>634,316,272</u>
Tolak: PERBELANJAAN		
Emolumen Kakitangan	368,607,960	360,322,681
Perkhidmatan dan Bekalan	274,436,479	245,822,609
Pemberian dan Kenaan Faedah	408,742	1,402,943
Susutnilai - Hartanah, Loji dan Peralatan	45,236,363	51,038,219
- Aset Tak Ketara	853,146	270,819
Hutang Ragu:		
Pesakit	2,439,218	7,806,394
Bukan Pesakit	(220,675)	(277,635)
Pinjaman Kenderaan	31,703	-
Kerugian atas Pelupusan	751,514	1,369,527
	<u>692,544,450</u>	<u>667,755,557</u>
KURANGAN BERSIH BAGI TAHUN	<u>(43,089,120)</u>	<u>(33,439,285)</u>
BAKI PADA 1 JANUARI	<u>216,505,666</u>	<u>249,944,951</u>
BAKI PADA 31 DISEMBER	<u>173,416,546</u>	<u>216,505,666</u>
	=====	=====
20. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN	2022	2021
	RM	RM
Geran Tiada Syarat		
Pemberian Kerajaan	460,660,540	460,068,750
Geran Bersyarat		
Geran Modal Difunus	52,669,520	52,151,892
	<u>513,330,060</u>	<u>512,220,642</u>
	=====	=====
21. HASIL URUSNIAGA PERTUKARAN	2022	2021
- PESAKIT	RM	RM
Caj - Wad	38,529,809	36,249,138
- Pembedahan	14,769,453	7,341,155
- Obstetrik dan Ginekologi	2,955,986	2,958,524
- Pemeriksaan Radiologi dan Computerised Tomography	26,644,552	19,597,552
- Ujian Makmal	44,084,255	41,936,905
- Perubatan Pemulihan	4,621,969	2,363,701
- Electrocardiogram dan Electroencepharography	4,730,710	3,569,457
- Pemindahan sumsum tulang	1,973,000	1,914,000
	<u>138,309,734</u>	<u>115,930,432</u>

21. HASIL URUSNIAGA PERTUKARAN (sambungan)	2022	2021
- PESAKIT	RM	RM
Pengenehan dan Pengurangan Pelepasan untuk Kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan	(20,505,120)	(25,194,605)
	(67,362,015)	(53,957,675)
	<u>(87,867,135)</u>	<u>(79,152,280)</u>
Jumlah Pendapatan Bersih dari Pesakit yang Dibil	50,442,599	36,778,152
	=====	=====
Caj - Ubat	15,748,878	14,807,076
- Trauma dan Kecemasan	6,286,059	5,386,428
- Pesakit Luar	15,373,003	13,389,100
- Renal Dialysis	3,792,464	3,758,790
- Pelbagai Perubatan	5,140,061	4,684,234
	<u>46,340,465</u>	<u>42,025,628</u>
Jumlah Pendapatan Wang Tunai dari Pesakit	46,340,465	42,025,628
	<u>96,783,064</u>	<u>78,803,780</u>
Jumlah Hasil Bersih dari Pesakit	96,783,064	78,803,780
	=====	=====
22. HASIL URUSNIAGA PERTUKARAN	2022	2021
- BUKAN PESAKIT	RM	RM
Sewa Asrama Jururawat dan Doktor Perubatan Siswazah	403,921	149,064
Sewa Kedai, Ruang Niaga dan Sewa Pelbagai Keuntungan Pelaburan Bank	5,922,562	4,280,659
Keuntungan Pinjaman Komputer dan Kenderaan	5,429,091	5,453,188
Pelbagai terimaan (bukan perubatan)	60,818	79,068
	27,525,814	33,329,871
	<u>39,342,206</u>	<u>43,291,850</u>
Jumlah Hasil Bersih Bukan dari Pesakit	39,342,206	43,291,850
	=====	=====
23. EMOLUMEN KAKITANGAN	2022	2021
	RM	RM
Gaji dan upahan	223,152,809	213,670,842
Elaun tetap	79,906,649	77,614,443
Sumbangan KWSP	11,045,653	10,639,195
Sumbangan PERKESO	262,160	198,615
Sumbangan Pencen	28,614,159	27,463,799
Faedah kewangan lain	25,626,530	30,735,787
	<u>368,607,960</u>	<u>360,322,681</u>
Jumlah Emolumen Kakitangan	368,607,960	360,322,681
	=====	=====

24. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	Nota	Dinyatakan semula	
		2022 RM	2021 RM
Perjalanan dan Pengangkutan		170,140	40,872
Perhubungan dan Utiliti		37,222,147	29,670,244
Sewaan		198,125	515,054
Stok pada 1 Januari		15,613,784	18,528,396
Bahan-bahan Makanan dan Minuman		627,060	586,162
Bekalan dan Bahan-bahan Lain		125,612,016	114,776,734
		141,852,860	133,891,292
Baki stok pada 31 Disember		(14,838,543)	(15,613,784)
Jumlah Bekalan dan Bahan-bahan Lain		127,014,317	118,277,508
*Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli		56,773,272	50,247,303
Perkhidmatan Ikhtisas, Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti		53,058,478	47,071,628
Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan		274,436,479	245,822,609

* Termasuk dalam perbelanjaan pembaikan, penyelenggaraan dan kelengkapan adalah jumlah sebanyak RM3,025,395 berkaitan dengan pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan kurang daripada RM3,000 yang tidak dipermodakan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan.

25. PEMBERIAN DAN KENAAN FAEDAH	2022 RM	2021 RM
Biasiswa dan dermasiswa	408,742	1,402,943

26. HUTANG RAGU

		2022 RM	2021 RM
Pesakit	4	2,439,218	7,806,394
Bukan Pesakit	5	(220,675)	(277,635)
Pinjaman Kenderaan	7	31,703	-
		2,250,246	7,528,759

27. KERUGIAN ATAS PELUPUSAN

		2022 RM	2021 RM
Hapuskira Aset		314,917	331,024
Hapuskira Lain-lain		412,583	1,038,503
Hapuskira Pinjaman Komputer		17,753	-
Hapuskira Pinjaman Kenderaan		6,261	-
		751,514	1,369,527

28. KOMITMEN	2022 RM	2021 RM
Komitmen modal pada 31 Disember adalah:-		
Projek telah lulus dan dikontrakkan	9,936,066	183,530,573
Projek telah lulus dan belum dikontrakkan	451,790	13,165,499
	<u>10,387,856</u> =====	<u>196,696,072</u> =====
		Dinyatakan semula
29. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	2022 RM	2021 RM
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember adalah:-		
Wang di Tangan dan di Bank	21,217,824	22,187,762
Simpanan tetap matang kurang daripada 3 bulan	189,000,000	139,000,000
Simpanan tetap matang lebih daripada 3 bulan	283,660,000	247,960,000
	<u>493,877,824</u> =====	<u>409,147,762</u> =====
30. LIABILITI LUAR JANGKA	2022 RM	2021 RM
Kes yang telah selesai	<u>65,000</u>	<u>-</u>
Tuntutan dilindungi insurans	<u>2,100,000</u>	<u>2,100,000</u>
	2022 Bilangan	2021 Bilangan
Kes yang telah selesai	1	-
Kes yang telah selesai tanpa bayaran	-	-
Kes yang masih dalam proses tuntutan	7	5
Tuntutan dilindungi insurans	10	12
31. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN		
<i>Kakitangan Penting Pihak Pengurusan</i>		
Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ganjaran untuk ahli penting pihak pengurusan untuk tahun berkenaan adalah seperti berikut:		
	2022	2021
Jumlah Ganjaran	<u>RM425,708</u>	<u>RM427,735</u>
Jumlah Kakitangan	<u>11</u>	<u>11</u>
32. JUMLAH KAKITANGAN	2022 Bilangan	2021 Bilangan
Jumlah kakitangan pada 31 Disember adalah:-	<u>5,929</u>	<u>5,859</u>

33. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

33.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah menunjukkan kepada analisis instrumen kewangan mengikut kategori berikut:-

PPUM	2022		
	Nilai bawa (RM)	Pembiayaan dan Penghutang (RM)	Sedia untuk dijual (RM)
Aset Kewangan			
Simpanan Tetap	472,660,000	-	472,660,000
Pinjaman Komputer	5,896	5,896	-
Pinjaman Kenderaan	47,288	47,288	-
Baki di Tangan dan di Bank	21,217,824	21,217,824	-
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	19,167,210	19,167,210	-
Lain-lain Belum Terima dan Deposit	44,046,461	44,046,461	-
	557,144,679	84,484,679	472,660,000
Liabiliti Kewangan			
Cagaran dan Pertaruhan	8,004,377	8,004,377	-
	8,004,377	8,004,377	-
PPUM	2021		
	Nilai bawa (RM)	Pembiayaan dan Penghutang (RM)	Sedia untuk dijual (RM)
Aset Kewangan			
Simpanan Tetap	386,960,000	-	386,960,000
Pinjaman Komputer	29,972	29,972	-
Pinjaman Kenderaan	88,964	88,964	-
Baki di Tangan dan di Bank	22,187,762	22,187,762	-
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	17,225,525	17,225,525	-
Lain-lain Belum Terima dan Deposit	45,875,665	45,875,665	-
	472,367,888	85,407,888	386,960,000
Liabiliti Kewangan			
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	-	-	-
Cagaran dan Pertaruhan	7,085,552	7,085,552	-
	7,085,552	7,085,552	-

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

33.2 Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan

PPUM terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Polisi pengurusan risiko kewangan PPUM adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti operasi disamping menggunakan risiko kewangan, termasuk risiko kredit, kecairan dan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian disebabkan oleh ketidakmampuan pihak ketiga atau peminjam dalam memenuhi obligasi kewangannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada aktiviti pinjaman, perkhidmatan dan pelaburan. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Objektif pengurusan risiko kredit adalah untuk memastikan pendedahan risiko kredit berada dalam lingkungan penyataan tahap risiko PPUM dan memastikan pulangan pelaburan adalah setimpal dengan risiko yang diambil.

a) Kualiti Kredit

PPUM melabur di dalam instrumen jangka pendek iaitu sebahagian daripada sejagat yang telah diluluskan. Sejagat ini membantu proses penyediaan perkhidmatan dan memberikan jaminan kepada PPUM bahawa pendedahan terhadap kertas jangka pendek hanya dilaburkan kepada penerbit berkadaran.

PPUM melaksanakan semakan berkala terhadap kemampuan kredit pihak ketiga dan memantau pergerakan kadaran bagi memastikan kualiti kredit berada dalam lingkungan parameter pelaburan PPUM.

Klasifikasi Kualiti

i) Aset Kewangan Tidak Berkadaran

Merupakan aset kewangan seperti penghutang, deposit dan faedah terakru yang tidak mempunyai kadaran kredit luaran.

ii) Aset Kewangan Yang Dibuat Peruntukan Hutang Ragu

Pendedahan disemak secara individu untuk penentuan rugi terjejas.

Agihan aset kewangan kasar mengikut kualiti kredit setakat 31 Disember 2022 adalah sebagaimana berikut:

PPUM	Nota	2022	
		Hutang Ragu (RM)	Jumlah (RM)
Simpanan Tetap	8	-	472,660,000
Pinjaman Komputer	6	-	5,896
Pinjaman Kenderaan	7	31,703	47,288
Baki di Tangan dan di Bank	9	-	21,217,824
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	4	2,845,534	19,167,210
Lain-lain Belum Terima dan Deposit	5	62,626	44,046,461
		2,939,863	557,144,679

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)**33.2 Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan**

Agihan aset kewangan kasar mengikut kualiti kredit setakat 31 Disember 2021 adalah sebagaimana berikut:

PPUM	Nota	2021	
		Hutang Ragu (RM)	Jumlah (RM)
Simpanan Tetap	8	-	386,960,000
Pinjaman Komputer	6	-	29,972
Pinjaman Kenderaan	7	-	88,964
Baki di Tangan dan di Bank	9	-	22,187,762
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	4	6,896,209	17,225,525
Lain-lain Belum Terima dan Deposit	5	383,664	45,875,665
		7,279,873	472,367,888

b) Aset Kewangan Terdedah Kepada Risiko Kredit Disemak Secara Individu Sebagai Hutang Ragu

Analisa ke atas aset kewangan yang disemak secara individu sebagai hutang ragu dan pergerakan ke atas elaun rugi terjejas untuk tahun semasa adalah sebagaimana berikut:

2022	Urusniaga Pertukaran Belum Terima (RM)	Lain-lain Belum Terima dan Deposit (RM)	Penghutang Pinjaman Kenderaan (RM)
Baki Pada 1 Januari	6,896,209	383,664	-
Elaun bagi Tahun Semasa	2,439,218	(210,521)	31,703
Amaun Hapuskira	(6,489,893)	(110,517)	-
Baki Pada 31 Disember	2,845,534	62,626	31,703
2021	Urusniaga Pertukaran Belum Terima (RM)	Lain-lain Belum Terima dan Deposit (RM)	
Baki Pada 1 Januari	6,323,441	674,046	
Elaun bagi Tahun Semasa	7,806,394	(277,635)	
Amaun Hapuskira	(7,233,626)	(12,747)	
Baki Pada 31 Disember	6,896,209	383,664	

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Nota	2022 RM	2021 RM
<i>Kurang dari 12 Bulan</i>			
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	13	14,617,164	-
		14,617,164	-
		=====	=====

33. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

33.2 Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan

Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko kerugian di dalam dan luar Kedudukan Kewangan yang timbul dari pergerakan harga pasaran. Pendedahan kepada risiko pasaran PPUM terhasil sebahagian besarnya daripada risiko-risiko kadar faedah dan pertukaran wang asing.

Objektif pengurusan risiko pasaran adalah untuk memastikan pendedahan risiko yang diambil oleh PPUM berada dalam lingkungan tahap risiko. Ia dilaksanakan melalui semakan tahunan keatas pelbagai polisi, had risiko dan laporan berkala bagi memantau risiko pasaran untuk setiap kelas aset.

Risiko parameter kawalan ditubuh berdasarkan risiko yang boleh diterima, kecairan pasaran dan strategi perniagaan serta keadaan ekonomi makro. Parameter ini disemak sekurang-kurangnya sekali setahun.

Pengurusan Modal

Objektif utama pengurusan modal adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan, termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa PPUM kekal kukuh dari segi kewangan.

PPUM memantau modal dengan menggunakan nisbah keberhutangan, iaitu hutang bersih dibahagikan dengan jumlah aset bersih dan hutang bersih.

34. PELARASAN TAHUN LEPAS

	Nota	Seperti dinyatakan terdahulu RM	Pelarasan tahun lepas RM	Seperti dinyatakan semula RM
<u>Kesan atas Lebihan Terkumpul</u>				
Baki pada 31 Disember 2021		216,503,732	1,934	216,505,666
<u>Kesan atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (sebahagian)</u>				
Wang di Tangan dan di Bank	9	22,187,762	2,000	22,189,762
Lain-lain Belum Terima dan Deposit	5	45,875,731	(66)	45,875,665
<u>Kesan atas Penyata Prestasi Kewangan pada 31 Disember 2021 (sebahagian)</u>				
Perkhidmatan dan Bekalan	24	245,824,543	(1,934)	245,822,609



BAHAGIAN

08 Infrastruktur & Perkhidmatan Maklumat



Tahun 2022, tenaga kerja Pejabat Penolong Naib Canselor (Infrastruktur & Perkhidmatan Maklumat), (PNC (IPM)) terus cemerlang dipacu oleh kumpulan kerja efisien yang terdiri daripada Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB), Jabatan Teknologi Maklumat (JTM), Jabatan Kesarjanaan Digital dan Maklumat Semesta (DSIC), Pusat Sukan (PS) dan Bahagian Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE). Berteraskan kepada penyelesaian progresif untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan memperkukuhkan sistem sokongan perkhidmatan yang mampan serta ekosistem keseluruhan adalah teras utama kepada hala tuju pejabat PNC (IPM).

Tumpuan utama terus diberikan kepada strategi pembangunan, penyelenggaraan dan perkhidmatan untuk mengukuh serta mengekalkan Universiti Malaya selaku universiti premier secara amnya dan dalam usaha menangani cabaran semasa dan ketidaktentuan ekonomi dan sosial. Keupayaan pasukan dan sokongan penuh pentadbiran dalam melakukan penilaian jangka pendek dan panjang serta memperkasakan konsep keputusan berdasarkan fakta dan data membantu kepada keputusan yang tepat, signifikan dan efektif.

Pelbagai inisiatif dan projek telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 yang melibatkan aktiviti pembangunan, penyelenggaraan dan penyediaan perkhidmatan berteraskan keperluan warga kampus. Langkah identifikasi keperluan, penilaian, perancangan, sumber pembiayaan, pelaksanaan, operasi, pemuliharaan dan penilaian dijalankan sepanjang tahun bagi memastikan aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan aktiviti dapat berjalan dengan berkesan.

Portfolio PNC (IPM) memainkan peranan utama dalam menyediakan perancangan dan strategi bagi memperkasakan dan memperluaskan konsep keputusan berdasarkan fakta dan data. Bagi tujuan memperluaskan konsep keputusan berdasarkan fakta dan data, Unit Pengurusan Maklumat dan Projek telah dibentuk bagi mengawalselia pengurusan data universiti, terutama dalam menyediakan gudang data (*data warehouse*) dan papan muka (*dashboard*) berkenaan data dari pelbagai sumber termasuk sumber manusia, pelajar, penyelidikan, kewangan, fasiliti dan aset.

Antara lain, inisiatif meningkatkan capaian internet, perkakasan, isu keselamatan capaian serta akses, penambahbaikan perkhidmatan *Education Roaming* (EduRoam), program BYOD, naik taraf pelayan (server) telah dijalankan bagi memastikan meningkatkan kebolehpayaan dan sokongan ke atas seluruh sistem pendidikan di kampus. Turut diberi perhatian adalah hal berkaitan dengan keselamatan data peribadi yang mana JTM telah menjalinkan Kerjasama dengan Delegasi Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PDP) bagi tujuan penilaian data dan tahap operasi.

Sementara itu, pelbagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia (RMK) telah dijalankan seperti naik taraf bumbung usang dan rosak, pembinaan bangunan sisa kimia dan pepejal, naik taraf peralatan usang bagi sistem bekalan elektrik dan infrastruktur pusat Agrosains Pintar telah dijalankan. Naik taraf turut dijalankan di Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC), Bachok, Kelantan. Selain itu, naik taraf bilik kuliah bagi menyokong program *Remote Learning* juga telah dijalankan di 27 lokasi yang melibatkan 17 PTJ. Inisiatif penjimatan tenaga, penjana tenaga boleh baharu turut dilakukan bagi menyokong usaha dan dasar negara. Laluan pejalan kaki, kemudahan inklusif bagi Golongan Kelainan Upaya (OKU), memperkasakan *green metric* melalui penanaman pokok juga telah dilakukan disekitar Universiti Malaya.

Dalam usaha memacu perkhidmatan perpustakaan dan maklumat serta pusat sokongan berkelas dunia, DSIC menyediakan maklumat pemeliharaan khazanah intelek, akses yang lebih luas, ruang kondusif dan membekalkan perkhidmatan rujukan, sokongan pembelajaran dan penyelidikan yang terbaik kepada pemegang taruh. Fokus utama adalah kepada kompetensi staf, bahan sokongan, infrastruktur dan komunikasi yang diterjemahkan melalui 11 strategi dan 35 inisiatif. Peningkatan akses jurnal elektronik, penambahan judul buku, pendigitalan dokumen serta kolaborasi turut diusahakan bagi tujuan tersebut. Pameran oleh Muzium Seni Asia dan projek transliterasi bersama sasterawan negara turut dijalankan sepanjang tahun 2022.

Selain itu, hala tuju dan perancangan baharu sukan yang komprehensif, bersepadu dan kolektif juga dianjurkan oleh Pejabat PNC (IPM). Pelaksanaan program, aktiviti, penyelenggaraan fasiliti serta pembangunan turut diberi perhatian. Pelaksanaan kaedah *Request for Proposal* (RFP) dilaksanakan bagi mencari kaedah pembangunan yang terbaik, risiko minima dan memperolehi cadangan terbaik bagi pembangunan. Penglibatan pelajar dan staf dalam sukan seperti:

- (1) Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- (2) Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT)
- (3) Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM)

Selain dari penganjuran pelbagai aktiviti adalah antara usaha meningkat sokongan terhadap aktiviti sukan dan rekreasi di dalam kampus.

8.1 Pembangunan dan Penyelenggaraan Infrastruktur (JPPHB)

JPPHB menyediakan sokongan infrastruktur dan kejuruteraan, alam sekitar, perumahan, penyelenggaraan aset, perkhidmatan perundingan dan staf mahir untuk merekabentuk kerja-kerja pengubahsuaian/ peningkatan kemudahan, membina dan menyelenggara kemudahan Universiti Malaya dan memastikan semua infrastruktur utiliti dan prasarana berada dalam keadaan operasi yang baik dan selamat. Antara skop tugas utama adalah seperti berikut:

- (1) Struktur utama bangunan.
- (2) Sistem bekalan air pusat kampus (8 buah tangki utama berkapasiti 16.3 juta liter).
- (3) Sistem pembentungan dan rawatan kumbahan.
- (4) Penyelenggaraan infrastruktur seperti jalanraya (11 km jalan raya utama, 22km saliran utama, 1km laluan berbumbung, 14 buah perhentian bas), cerun dan sebagainya.
- (5) Perabot, kemasan dan kelengkapan ruang bangunan.
- (6) Kerja-kerja pengubahsuaian dan renovasi.
- (7) Penyelenggaraan sistem mekanikal dan elektrik infrastruktur Universiti
- (8) Penyelenggaraan prasarana Universiti

8.1.1 Penyelenggaraan Fizikal

8.1.1.1 Penyelenggaraan Infrastruktur Awam

Penyelenggaraan infrastruktur awam terbahagi kepada tiga kategori iaitu penyelenggaraan, pemuliharaan, penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kecemasan.

Di dalam suasana ekonomi yang tidak menentu, JPPHB telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kecil menggunakan khidmat Pembantu Kemahiran dan Pembantu Operasi. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah seperti membaiki paip bocor, mengecat garisan jalan, kerja pertukangan kayu dan banyak lagi. Ini termasuk juga kerja-kerja mengecat

lima buah blok bangunan di Ambang Asuhan Jepun yang dijalankan secara gotong royong melibatkan semua kakitangan Seksyen Kejuruteraan Awam.



Antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan secara *in-house*

Berikut adalah sebahagian daripada kerja - kerja penyelenggaraan dan projek yang dilakukan pada tahun 2022 oleh Seksyen Kejuruteraan Awam:

Projek Menggunakan Peruntukan Universiti.

- (1) Cadangan Kerja Kestabilan dan Pembaikan Cerun, Jalan dan Longkang di Bangunan Institut Pengajian Termaju (IAS).
- (2) Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Cerun Runtuh dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan di Jabatan Fizik Fakulti Sains dan Akademi Pengajian Melayu (APM).
- (3) Cadangan Kerja Kestabilan Dan Pembaikan Cerun, Longkang Dan Sungai Di Kolej Kediaman Ke - 4 Universiti Malaya.
- (4) Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Pondok Pengawal di Setiap Kolej dan Aras 2, Pejabat Keselamatan.
- (5) Cadangan Menaiktaraf Dan Membaikpulih Tandas Serta Bilik-bilik Dari Aras 1 Hingga Aras 4 di Kolej Kediaman 13, Blok Abu Bakar, Pusat Pembelajaran Universiti Malaya (Petaling Jaya).
- (6) Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan Di Sekitar Kampus Universiti Malaya Selama 1 Tahun.

Projek Menggunakan Peruntukan Rumah Kediaman Universiti.

- (1) Cadangan Kontrak Penyelenggaraan Selama 1 Tahun Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Infrastruktur Dan Bangunan Di Rumah Kediaman Universiti (RKU), Universiti Malaya.
- (2) Cadangan Kerja-Kerja Meyelenggara IMHOFF Tank dan Kerja-Kerja Membina Pagar Baru di Seksyen 16, Petaling Jaya.
- (3) Cadangan Kerja-kerja Membaikpulih Sistem Paip Dalaman Baru Di Kuarters Apartment Seksyen 16.
- (4) Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Di Pangsapuri Inderaloka, Pantai Dalam.

Projek Menggunakan Peruntukan Luaran

- (1) Cadangan Kerja-kerja Laluan Pejalan Kaki Berbumbung Taska Universiti Malaya (TASKUM), No. 3, Jalan 16/4A, Seksyen 16, Petaling Jaya.
- (2) Cadangan Menaiktaraf Infrastruktur Mesra OKU Di Jalan Llingkungan Budi Universiti Malaya.

8.1.1.2 Penyelenggaraan dan Naik Taraf Elektrikal

Sepanjang tahun 2022, untuk penyelenggaraan sistem pembahagian elektrik, JPPHB bertanggungjawab untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang melibatkan perkakasan dan pemasangan elektrik termasuklah membaik pulih kerosakan yang melibatkan pencawang-pencawang elektrik hingga ke litar akhir elektrik. Begitu juga dengan kerja-kerja telekomunikasi seperti kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan sistem *Private Automated Branch Exchange*, PABX yang ada, pengaktifan PABX baru di beberapa bangunan baru, penambahan dan pendawaian kabel-kabel melalui kerja-kerja renovasi dan naik taraf

Pada tahun 2022, terdapat beberapa projek penting yang sedang diurus dan telah siap sepenuhnya. Senarai projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

(1) Kerja-kerja Di Bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) RP4 Baharu 2020

- (a) Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Menjamin Selama Dua Belas (12) Bulan Sistem Elektrik Voltan Rendah Dan Voltan Tinggi, Universiti Malaya (Fasa 2)

(2) Kerja-kerja Di Bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) RP1 2021

- (a) Kerja Menaiktaraf Perkakasan Usang Untuk Sistem Bekalan Elektrik Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Universiti Malaya – Fasa 1

(3) Kerja-kerja yang dirancang dan sedang berjalan Di Bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), RP2 dan RP3

- (a) Kerja Menaiktaraf Perkakasan Usang Untuk Sistem Bekalan Elektrik Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Universiti Malaya – Fasa 2
- (b) Kerja Menaiktaraf Perkakasan Usang Untuk Sistem Bekalan Elektrik Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Universiti Malaya – Fasa 3

JPPHB juga telah melaksanakan beberapa aktiviti penjimatan tenaga elektrik di seluruh kampus Universiti Malaya. Secara tidak langsung, aktiviti yang dijalankan ini dapat mewujudkan budaya penjimatan tenaga elektrik di kalangan komuniti kampus dengan menyokong serta menguatkan dasar penjimatan elektrik secara berkesan oleh semua PTj/ Fakulti. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah:

- (1) Memantau penggunaan tenaga elektrik di peringkat PTj / Fakulti berdasarkan kepada bacaan meter-meter elektrik yang ada dalam kampus universiti dan juga bil-bil utiliti dari Tenaga Nasional Berhad (TNB).
- (2) Menjalankan kerja-kerja pengujian dan pelarasan semula terhadap perkakasan-perkakasan elektrik dan juga pada sistem mekanikal seperti sistem penyaman udara.
- (3) Melaporkan jumlah penggunaan tenaga elektrik kepada PTj / Fakulti dan warga kampus dari semasa ke semasa.
- (4) Melanggan program *Green Electricity Tariff* (GET) dari TNB sebagai langkah sokongan berterusan terhadap pertumbuhan sumber tenaga boleh diperbaharui (*Renewable Energy*) kampus UM.

Penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2022 telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2021 memandangkan operasi UM dan kehadiran staf adalah secara sepenuhnya sepanjang tahun 2022. Jadual 8.1 menunjukkan perbandingan penggunaan tenaga elektrik dan caj semasa bagi tahun 2021, 2022 dan *Baseline*.

Jadual 8.1: Perbandingan penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2021, 2022 dan Baseline

	Tahun		
	Baseline	2021	2022
Penggunaan Tenaga, kWh	85,800,00	52,920,621	67,533,428
Kehendak Maksima, kW	246,00	155,033	210,810
Bil TNB, RM	36,000,000.00	21,115,725.00	30,493,943.00

Berdasarkan maklumat tersebut, penggunaan tenaga Universiti Malaya telah meningkat sebanyak 14,612,807 kWh (27.61%) bersamaan dengan RM 9,378,218.00 (44.41%). Namun yang demikian, masih terdapat penjimatan penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2022 berbanding *Baseline*. Jadual penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2022 berbanding *Baseline* adalah seperti berikut:

Jadual 8.2: Perbandingan penggunaan tenaga elektrik bagi tahun 2022 dengan Baseline

	Tahun		Penjimatan	
	Baseline	2022	%	Jumlah Penjimatan
Penggunaan Tenaga, kWh	85,800,00	67,533,428	-21.29	18,266,572
Kehendak Maksima, kW	246,00	210,810	-14.30	35,190
Bil TNB, RM	36,000,000.00	30,493,943.00	-15.29	5,506,057.00

Pada keseluruhannya, JPPHB telah berjaya mencapai objektif dan membantu pihak universiti dalam menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan oleh warga Universiti Malaya.

8.1.1.3 Projek Pembangunan dan Naik Taraf Sistem Mekanikal

Pada tahun 2022, terdapat beberapa projek pembangunan dan naik taraf sistem mekanikal yang telah ditadbir urus dengan efektif seperti berikut:

- (1) Kerja-kerja Di Bawah Peruntukan RMKe-12 (RP1 2021, RP2 2022 & RP2 (Sedia Ada) 2022) Di bawah peruntukan RMKe-12 yang diterima, terdapat 3 skop kerja penggantian dan naiktaraf sistem mekanikal yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 iaitu satu (1) skop kerja adalah sambungan dari tahun 2021 di bawah RP1 Baru 2021, satu (1) skop kerja di bawah RP2 2022 dan satu (1) skop kerja di bawah RP2 (Sedia Ada) 2022. Senarai kerja terlibat adalah seperti berikut:
 - RMK 12 Rolling Plan 1 2021:
Kerja Menaik Taraf, Penambahbaikan Termasuk Pemasangan Baru Serta Menjamin Bagi Tempoh 12 Bulan Sistem Pencegah Kebakaran & Kerja-Kerja Berkaitan Bagi Pematuhan Notis Perakuan BOMBA (Fire Certificate- Phase 1) Untuk Pelbagai PTj Di UM.
 - RMK 12 Rolling Plan 2 2022:
Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menjamin Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan Sistem Lif Penumpang Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Blok B & C

Jabatan Fizik, Blok J08 Jabatan Kimia, Fakulti Sains, Blok Lama Perpustakaan Utama, Akademi Pengajian Melayu Dan Blok D Institut Pengajian Termaju, Universiti Malaya.

- RMK 12 Rolling Plan 2 (Sedia Ada) 2022:

Kerja Menaiktaraf Dan Penambahbaikan Serta Menjamin Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan Sistem Pencegah Kebakaran & Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Tujuan Pematuhan Notis Perakuan Bomba (*Fire Certificate – Phase 2*) Di Pelbagai Ptj Dan Kolej - Kolej Kediaman, Universiti Malaya.

(2) Kerja-kerja Projek *One-Off* DAA Asrama

Di bawah peruntukan *One-Off* DAA Asrama, terdapat 1 skop kerja yang telah dilaksanakan bagi menaiktaraf sistem mekanikal seperti berikut:

- (a) Kerja-Kerja Pemasangan Baru, Menaiktaraf, Penambahbaikan Dan Menjamin Bagi Tempoh (12) Bulan Sistem Pencegahan Kebakaran & Kerja-Kerja Berkaitan Bagi Pematuhan Notis Perakuan BOMBA (*Fire Certificate*) Di Seluruh Kolej Kediaman, Universiti Malaya.

(3) Kerja-kerja Projek Renovasi

Di bawah skop kerja-kerja Projek Renovasi, terdapat 2 skop kerja yang sedang dilaksanakan berkaitan sistem mekanikal bagi tujuan renovasi seperti berikut:

- (a) Kerja-Kerja Renovasi Bangunan LAKIM (Kolej Ke-13)
- (b) Kerja-Kerja Renovasi Bangunan Madinatul Ilmi, Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST), Bachok Kelantan
- (c) Cadangan Kerja-Kerja Menggantikan Pagar Dari Simpang Jalan Dato Abu Bakar Ke Simpang Kuarters Seksyen 16, Kerja-Kerja Mengecat Tangki Air Dan Rumah Pam Sedia Ada, Menaik Taraf Dan Penambahbaikan Sistem Kawalan Pam Air, Pemasangan Paip Bekalan Baru, Pemasangan Sistem Bacaan Flowmeter, Serta Kerja-Kerja Lain Berkaitan Di Universiti Malaya.
- (d) Kerja-Kerja Pemasangan Baru, Menaiktaraf, Penambahbaikan Dan Menjamin Bagi Tempoh (12) Bulan Bagi Sistem-Sistem Mekanikal & Kerja- Kerja Berkaitan Di Makmal-Makmal Usang Fakulti Sains, Universiti Malaya
- (e) Kerja-Kerja Menaiktaraf Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 2, Bangunan Canseleri Blok A04 Termasuk Mekanikal Dan Elektrikal Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Universiti Malaya
- (f) Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Pondok Pengawal Di Setiap Kolej Dan Aras 2, Pejabat Keselamatan.
- (g) Kerja-Kerja Menggantikan Bumbung Sedia Ada Dan Juga Menaiktaraf Bilik Pensyarah Termasuk Kerja Mekanikal, Elektrikal, ICT Serta Kerja Berkaitan Di Blok H10, Aras 1 (Bangunan Pentadbiran), Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Universiti Malaya
- (h) Cadangan Renovasi Ruang Di Aras 1, Blok J10, Bangunan ISains Kepada Bilik Pensyarah Jabatan Fizik Fakulti Sains Universiti Malaya, Merangkumi Kerja Elektrik, Mekanikal Dan Kerja Lain Berkaitan
- (i) Cadangan Menaiktaraf Dapur Kafe Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Aras Bawah, Blok H12 (Bangunan Pascasiswazah), Fakulti Perniagaan Dan Ekonomi, Universiti Malaya.
- (j) Kerja-Kerja Naiktaraf Blok I, Fakulti Perubatan
- (k) Kerja-kerja Renovasi Aras 5 Galeri Kepada Pejabat PNC (Strategi Korporat)

8.1.1.4 Pengurusan Pengoperasian dan Perkhidmatan Pengangkutan JPPHB

Setelah negara mengalami beberapa sesi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2021, Seksyen Pengangkutan JPPHB telah meneruskan operasi perkhidmatan rutin bas 'shuttle' warga pelajar dan kampus bagi sesi akademik 2021/2022 setelah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membenarkan pembelajaran dibuat secara bersemuka seiring dengan kemasukan pelajar secara berperingkat ke semua universiti awam.

Selain daripada skop operasi dan pengurusan pengangkutan hakiki sedia ada, Seksyen Pengangkutan juga telah diberi mandat untuk menguruskan penyelenggaraan dan servis secara berpusat ke atas kesemua kenderaan rasmi jabatan berkuatkuasa 2 Januari 2021. Penyelenggaraan kenderaan-kenderaan rasmi ini adalah berdasarkan semakan bagi servis berjadual (*scheduled service*) atau kerosakan pada kenderaan.

Skop operasi berjadual yang berjalan sepanjang tahun 2022 merangkumi penyediaan sokongan pengangkutan bagi urusan-urusan sekitar kampus yang berkaitan dengan pengutipan sampah kering dan basah, kerja-kerja pencucian dan pembersihan, urusan 'fogging' berkala dan haiwan perosak, penghantaran bekalan air kepada kolej-kolej kediaman yang terjejas apabila kampus mengalami masalah bekalan air, urusan penyelenggaraan fasiliti dalam kampus (seperti penggunaan lori 'skylift' bagi pemotongan pokok dan pembaikan lampu jalan) dan urusan pelupusan perabot serta penyediaan perkhidmatan 'tow truck' bagi pengalihan kenderaan terbiar.

Sebahagian besar daripada skop hakiki perkhidmatan pengangkutan JPPHB juga membantu menjana pendapatan melalui tempahan-tempahan yang diterima daripada para pelajar dan warga kerja UM atas urusan aktiviti kokurikulum pengajian, pentadbiran dan pengurusan universiti di mana caj bagi tempahan kenderaan adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Rasmi Jabatan 2019.

Jumlah perbelanjaan pengisian bahan api bagi pengangkutan bas 'shuttle' sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak **RM205,295.16** berbanding dengan penggunaan sebanyak RM140,361.46 pada tahun 2021; iaitu dengan peningkatan perbelanjaan sebanyak **46.26%**. Manakala, perbelanjaan bagi keseluruhan perkhidmatan kenderaan lain yang diberikan adalah sebanyak **RM117,773.90** pada tahun 2022 berbanding RM99,623.81 pada tahun 2021; iaitu dengan sedikit peningkatan perbelanjaan sebanyak **18.22%**.

Perbezaan ini dapat dilihat pada Jadual 8.3 seperti terlampir:

Jadual 8.3 Perbandingan Penggunaan Bahan Api dan Touch n GO 2022

Deskripsi Penggunaan	Perbelanjaan Bahan Api (Bas 'Shuttle') (RM)	Perbelanjaan Bahan Api (Kenderaan Lain ²) (RM)	Penggunaan Kad Touch n Go (RM)
Tahun 2021	140,361.46	99,623.81	2,273.29
Tahun 2022	205,295.16	117,773.90	4,128.84

Perbandingan penggunaan bahan api bagi perkhidmatan bas 'shuttle' dan kenderaan-kenderaan lain beserta penggunaan kad Touch & Go JPPHB menunjukkan peningkatan yang agak ketara disebabkan oleh urusan operasi pengangkutan yang aktif sepanjang tempoh endemik 2022 berbanding dengan fasa pandemik yang dilalui pada tahun 2021. Skop Operasi Dan Pengurusan Perkhidmatan Pengangkutan JPPHB 2022:

- (1) Operasi Rutin Harian Bas 'Shuttle' Pelajar
- (2) Perkhidmatan Penyelenggaraan Kenderaan Rasmi Berpusat
- (3) Perkhidmatan Sokongan Seksyen Prasarana dan Bahagian Keselamatan



Skop operasi Dan
Pengurusan Perkhidmatan
Pengangkutan JPPHB 2021

8.1.2 Pengurusan Projek

8.1.2.1 Seksyen Penyelarasan Projek

Fungsi seksyen ini adalah bertanggungjawab menyelaras, memantau dan mengawal selia projek-projek di bawah peruntukan Rancangan Malaysia (RMK), *One-Off* dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau Kementerian Kewangan (MOF). Seksyen ini juga berperanan sebagai urusetia bagi dua jawatankuasa yang melibatkan pembangunan universiti dan penilaian perunding.

Secara umumnya skop kerja Seksyen Penyelarasan Projek adalah seperti berikut:

- (a) Penyediaan kertas kerja bagi permohonan peruntukan RMK dan *One-Off* selaras dengan keperluan universiti.
- (b) Penyediaan kertas kerja bagi pembentangan kepada KPT, MOF dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).
- (c) Penyediaan laporan pemantauan projek bagi Mesyuarat Pemantauan Projek Universiti Awam (MPPUA) dan Majlis Tindakan Pemantauan Kementerian (MTPK).
- (d) Pemantauan projek pembangunan RMK melalui sistem MyProjek dan SPPII yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM bagi pelaporan kepada YB Menteri Pengajian Tinggi dan Ketua Setiausaha (KSU) KPT.
- (e) Pegawai perantara yang melibatkan agensi luar seperti KPT, EPU, ICU dan Jabatan Kerja Raya (JKR).
- (f) Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Universiti Malaya (JKPPUM), Jawatankuasa Penilaian Perunding Universiti Malaya (JPPUM)
- (g) Menguruskan panggilan Mesyuarat Pemantauan CCC/CF, Mesyuarat Pemantauan RMK.

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) - Rolling Plan 1 2021

Pelaksanaan projek RMKe-12 bagi tahun 2021-2025 telah bermula menerusi *Rolling Plan 1* (RP1) tahun 2021 dan *Rolling Plan 2* (RP2) tahun 2022. Sebanyak dua (2) projek telah diluluskan masing-masing pada RP1 dan RP2 menerusi peruntukan *Direct Expenditure* (DE) kepada Universiti Malaya (UM).

Siling peruntukan yang telah diluluskan bagi membiayai RP2 RMKe-12 kepada UM adalah sebanyak RM25.0 juta. Penyaluran peruntukan adalah sebanyak RM3.5 juta bagi tahun 2022 bersama dua (2) projek sambungan RP2 RMKe-12 sebanyak RM11 juta yang telah diluluskan dari RP1 2021 RMKe-12.

Berdasarkan Laporan Sistem Pengesanan Projek Pembangunan Yang Disatukan (SETIA) yang dilaporkan secara bulanan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengikut projek sehingga 31 Disember 2022, jumlah perbelanjaan projek baharu RP2 RMKe-12 adalah sebanyak RM2.389 juta bersamaan 68.26%. Manakala bagi projek sambungan RP2 RMKe-12 telah dibelanjakan sebanyak RM9.675 juta bersamaan 87.96%.



Rajah 1: Perbelanjaan RP2 Sambungan RMKe-12

Bil.	Nama Projek	Peruntukan 2021 (RM)
1	UM - Menaik Taraf Sistem Pencegahan Kebakaran Dan Pentauliahan Bangunan Dengan Sijil Perakuan Bomba (FC) Bagi Mematuhi Keperluan Akta Bomba - 341 Di Universiti Malaya	6,000,000.00
2	UM - Menaik Taraf Perkakasan Usang Untuk Sistem Bekalan Elektrik Di Universiti Malaya	5,000,000.00
Jumlah		11,000,000.00



Gambar kerja-kerja penambahbaikan sistem pencegahan kebakaran di pelbagai PTj.




1. Gambar kerja-kerja kabel HT Pencawang Elektrik Fakulti Farmasi dan pemasangan *High Mast Light* di KL Gate, UM.
2. Gambar kerja-kerja naiktaraf feeder pillar di Kawasan Dewan Tunku Canselor



Rajah 2: Perbelanjaan RP2 Baharu RMKe-12

Bil	Nama Projek	Peruntukan 2022 (RM)
1	UM - Menaik Taraf Infrastruktur ICT Di Universiti Malaya	2,000,000.00
2	UM - Penggantian Sistem Lif Di Universiti Malaya	1,500,000.00
Jumlah		3,500,000.00



1. Gambar kerja-kerja pemasangan kabel dan *Access Point* untuk WIFI
2. Gambar kerja-kerja pemasangan lif di Blok B, Jabatan Fizik, Fakulti Sains

Baik Pulih Infrastruktur Dan Peralatan Usang Serta Mesra OKU - Peruntukan *One-Off*

Melalui Pembentangan Bajet 2021, sejumlah RM50 juta telah diluluskan bagi pembangunan Universiti Awam (UA) di bawah kategori infrastruktur dan peralatan usang. UM telah diluluskan keseluruhan peruntukan sebanyak RM7 juta.

Sejumlah RM2 juta telah diluluskan bagi Fasa 1 pada tahun 2021 dan sejumlah RM1 juta telah diluluskan bagi Fasa 2 pada tahun 2022. Jumlah perbelanjaan Fasa 2 tahun 2022 sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM996.383 ribu bersamaan 99.64%.

Manakala bagi peruntukan Mesra OKU, UM telah diluluskan sejumlah RM1 juta bagi tahun 2022. Jumlah perbelanjaan sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM320.32 ribu bersamaan 32.03%. Baki perbelanjaan akan dibelanjakan bagi perancangan tahun 2023.

8.1.2.2 Seksyen Senibina

Fungsi Seksyen ini adalah bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan dan memberi sokongan dalam bidang perancangan dan senibina kepada Universiti Malaya khasnya warga kampus dan orang awam. Seksyen ini juga bertanggungjawab mengurus pelaksanaan projek-projek pembangunan Universiti bermula dari perancangan sehingga penyerahan projek.


- (1) Projek-Projek Fizikal Yang Telah Siap Tahun 2022 (Jumlah Kos RM2,516,923.00)
 - (a) Cadangan Menaiktaraf Aras 5 Untuk Pejabat Penolong Naib Canselor (Strategi Korporat) Di Bangunan Canseleri Universiti Malaya – RM151,999.00

Skop Projek	Menaiktaraf ruang sedia ada menjadi Pejabat PNC Strategi Korporat melibatkan penyediaan infrastruktur asas seperti kelengkapan elektrik dan lain-lain.
Kontraktor	A.H Sinar Bina
Tarikh Mula	11 Oktober 2022
Tarikh Siap	Disember 2022

Gambar Sebelum



Gambar Selepas



- (b) Cadangan menaiktaraf permukaan fasad dan kerja-kerja berkaitan di Blok D (CSU) Fakulti Perubatan – RM753,580.00

Skop Projek	Naiktaraf permukaan fasad sedia ada
Kontraktor	MN Power Services
Tarikh Mula	1 Ogos 2022
Tarikh Siap	27 Disember 2022

Gambar Sebelum



Gambar Selepas



- (c) Cadangan Renovasi Ruang Di Aras 1, Blok J10, Bangunan iSains Kepada Bilik Pensyarah Jabatan Fizik Fakulti Sains Universiti Malaya, Merangkumi kerja Elektrik, Mekanikal dan kerja lain berkaitan RM188,384.00

Skop Projek	Menaiktaraf ruang pejabat sedia ada menjadi bilik pensyarah
Kontraktor	Jalinan Dimensi Enterprise
Tarikh Mula	26 Jun 2022
Tarikh Siap	20 September 2022

Gambar Sebelum



Gambar Selepas



- (d) Cadangan Kerja – Kerja Menaiktaraf Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 2, Bangunan Canseleri Blok A04 Termasuk Mekanikal Dan Elektrikal Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Universiti Malaya - RM88,780.00

Skop Projek	<ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf bilik mesyuarat Pejabat Bendahari dengan menambah ruang sediada. • Membekal dan memasang perabot yang baru • Kerja - kerja pendawaian elektrik dan pemasangan lampu • Kerja – kerja mekanikal termasuk pengubahsuaian sistem penghawa dingin dan sistem pencegahan kebakaran.
Kontraktor	Syarikat Maz
Tarikh Mula	29 Mac 2021
Tarikh Siap	24 Mei 2022

Gambar Sebelum



Gambar Selepas



- (e) Cadangan Menaiktaraf Bilik Pensyarah Aras 1, Blok H10, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran – RM720,000.00

Skop Projek	Kerja-Kerja Menaiktaraf Bilik Pensyarah Yang Telah Usang Dengan Mengganti Pintu, Dinding, Kemas Lantai, Kemas Siling Dan Pendawaian Baru Elektrik
Kontraktor	SQS BUILDERS SDN. BHD.
Tarikh Mula	25 Oktober 2021
Tarikh Siap	24 Februari 2022 (kontrak asal) 22 April 2022 ((EOT no.1) 04 Julai 2022 (EOT no.2) - Siap 30 Jun 2022

Gambar Sebelum



Gambar Selepas



- (f) Cadangan Memasang Bumbung Baru, Menukar Kemas Lantai Dan Mengecat Keseluruhan Aras 3 Di Blok D Fakulti Perubatan – RM614,180.00

Skop Projek	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Mengecat Ruang CSU Di Aras 3 Dan Kerja-Kerja Menukar Bumbung Sedia Ada
Kontraktor	MN Power Services
Tarikh Mula	20 September 2021
Tarikh Siap	Januari 2022

- (2) Projek-Projek Fizikal Yang Sedang Berjalan Tahun 2022 (Jumlah Kos RM541,288.00)

- (a) Cadangan Ubahsuai 2 Buah Bilik Seminar Menjadi 1 Buah Makmal Komputer Dan 2 Buah Bilik Seminar, Di Aras 2, Blok I 16, Untuk Citra Di Bawah Peruntukan Tabung Kursus Kokurikulum – RM278,989.00

Skop Projek	Cadangan Ubahsuai 2 Buah Bilik Seminar Menjadi 1 Buah Makmal Komputer Dan 2 Buah Bilik Seminar, Di Aras 2, Blok I 16, Untuk Citra Di Bawah Peruntukan Tabung Kursus Kokurikulum
Kontraktor	Aspirasi As Enterprise
Tarikh Mula	23 Disember 2020
Tarikh Siap	14 April 2021 (kontrak asal) 07 November 2021 (EOT no.1) 19 Januari 2023 (EOT no.2)

Gambar Sebelum



Gambar Selepas



- (b) Cadangan Renovasi Kedai Buku Halaman Penerbit Universiti Malaya di Aras Bawah Bangunan Rukafe UM Halaman di RU - RM262,299

Skop Projek	Cadangan Renovasi Kedai Buku Halaman Penerbit Universiti Malaya di Aras Bawah Bangunan Rukafe UM
Kontraktor	SQS Project Solution
Tarikh Mula	19 Disember 2022
Tarikh Siap	7 Mac 2023 (LAD – 8 hari)

Gambar Sebelum



Gambar Selepas



- (3) Projek-Projek Fizikal Dalam Perancangan Tahun 2022 (Jumlah Kos RM9,606,061.00)

- (a) Cadangan menaiktaraf ruang sedia ada menjadi *Collaborative Learning Area* (CoLA) di Pusat Asasi Sains, Fakulti Undang-undang dan Akademi Pengajian Islam – RM 3,200,000.00

- Cadangan mengubahsuai ruang perpustakaan menjadi *collaborative learning area* (CoLA) termasuk kerja mekanikal, elektrik, ict dan kerja-kerja berkaitan di;
- (i) Aras 3, blok D04, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
 - (ii) Aras bawah, blok C02, perpustakaan Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya
 - (iii) Makmal Kimia 5 di Blok B19, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya
- (b) Cadangan menaiktaraf ruang sedia ada menjadi sebuah Dewan Pameran di Aras 2 Perpustakaan Utama – RM200,000.00. Kerja menaiktaraf ruang sedia ada menjadi semua Dewan Pameran untuk kegunaan pihak Galeri Universiti Malaya.
- (c) Cadangan menaiktaraf aras bawah tanah, mengecat keseluruhan bangunan, membekal tangki air di Blok H10 Fakulti Perniagaan dan Ekonomi – RM285,000.00
- (i) Kerja menaiktaraf ruang aras bawah tanah
 - (ii) Kerja mengecat keseluruhan
 - (iii) Kerja membekal tangki air
- (d) Cadangan menaiktaraf TADIKUM & TASKUM – RM100,000.00
- (i) Kerja-kerja menaiktaraf Tadikum dan Taskum sedia ada merangkumi menaiktaraf tandas, mengecat, dan lain-lain.
- (e) Cadangan Menaiktaraf Aras Bawah dan Aras 2, Blok Blok F (Blok A11), Kompleks Perdana Siswa bagi Menempatkan Kaunter Perkhidmatan Visa dan Pejabat Bahagian Pentadbiran & Perkhidmatan Akademik (AASD) – RM4,000,000.00
- (i) Kerja memindahkan pejabat AASD dan kaunter perkhidmatan untuk urusan Visa dari Bangunan Dewan Peperiksaan ke Kompleks Perdanasiswa.
 - (ii) Kerja meroboh dinding sediaada dan membuka kemasan lantai, siling sediaada.
 - (iii) Kerja penggantian lantai
 - (iv) Kerja pembekalan perabot/kaunter perkhidmatan
- (f) Cadangan Ubahsuai Makmal Komputer di Perpustakaan Utama menjadi Ruang Belajar 24 Jam – RM 450,000.00
- (i) Kerja menukar fungsi ruang dari makmal komputer kepada ruang belajar 24 Jam.
 - (ii) Kerja penggantian lantai dan Siling
 - (iii) Kerja pembekalan perabot
- (g) Cadangan menaiktaraf bilik serbaguna Sri Inai & Sri Tanjung di Fakulti Perubatan – RM187,646.00
- Kerja-kerja menaiktaraf bilik serbaguna Sri Tanjung dan Sri Inai di Jabatan Parasitologi, aras 5, Blok F15 (O) Fakulti Perubatan.
- (h) Cadangan Menaiktaraf Ruang Rehat Pelajar yang terdiri daripada:
- (i) *Student Experiential Learning Center* kepada *Centralized Student Lounge* di Aras 1 Blok A11 (Blok F), Kompleks Perdana Siswa.
 - (ii) Ruang Rehat Pelajar di Blok P01 (Blok A) sebagai *Centralized Student Lounge*, Pusat Sukan dan Sains Eksesais.

(iii) *Student Lounge* kepada The Research Centre di Aras Bawah Blok R06 (Blok D), Institusi Pengajian Termaju.

Termasuk Kerja-karya Mekanikal, Elektrikal, ICT dan Lain-lain kerja berkaitan di Universiti Malaya. - RM980,000.00

- Kerja menaiktaraf ruang sedia untuk dijadikan ruang rehat pelajar
- Kerja penggantian lantai dan siling
- Kerja pembekalan perabot

(i) Cadangan pembinaan *selfie spot* – RM90,000

(i) Cadangan membina dan menyiapkan papan tanda Tasik Varsiti di hadapan Tasik Varsiti.

- Cadangan membina '*selfie-spot*' di dataran Kompleks Perdanasiswa.

(j) Cadangan pembinaan *Alumni Lounge* – RM113,415

(i) Kerja mengubahsuai ruang bersebelahan bilik wawasan, Aras 1, Bangunan RU-Kafeteria kepada *Alumni Lounge* di Universiti Malaya.

8.1.2.3 Seksyen Ukur Bahan

Fungsi seksyen ini adalah bertanggungjawab bagi perkara berikut:

- (a) Pengawasan dan penyediaan anggaran kos bagi rekabentuk ke arah fasiliti yang kondusif dan memastikan "*value for money*".
- (b) Pengurusan pra dan pasca kontrak tender/sebutharga secara efisien dengan dokumen yang lengkap dan memastikan segala prosedur perolehan, arahan dan pekeliling terkini dipatuhi.
- (c) Pengawasan dan pengurusan dokumen dan rekod projek yang berkaitan kontrak pembinaan dapat dikumpul sebagai sumber rujukan perancangan projek akan datang.
- (d) Memberi khidmat nasihat dan pandangan kepada JPPHB dan PTj berkaitan pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak.

Pengurusan Tender dan Kontrak

Pada 2022, sebanyak 7 sebutharga dan 2 tender kerja dan bekalan telah dipanggil oleh Seksyen Ukur Bahan, JPPHB yang berjumlah RM3.65 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada peruntukan JPPHB dan PTj lain di UM. Antara skop utama yang terlibat adalah kerja-kerja membaikpulih, renovasi dalaman, menaiktaraf kemudahan infrastruktur awam dan pembekalan perabot di dalam UM.

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Tender	2,020,000.00
2.	Sebutharga	1,627,173.00
	Jumlah Kos Projek	3,647,173.00

8.1.3 Prasarana Kampus

Pengurusan Buangan Terjadual (BT) & Sanitari

Pengurusan BT terbahagi kepada dua (2) proses kerja yang utama iaitu buangan kimia dan buangan klinikal. Pelaksanaan bagi pelupusan BT kimia telah dijalankan untuk tempoh setiap satu (1) hingga tiga (3) bulan bergantung kepada jenis buangan kimia yang dijana di pelbagai PTj manakala BT klinikal dilupuskan pada setiap minggu iaitu setiap hari Khamis. Di antara buangan kimia dan klinikal yang dijana di PTj seterusnya dilupuskan oleh JPPHB adalah seperti berikut:

- (1) Buangan yang mengandungi raksa/merkuri atau sebatianannya (SW109)
- (2) Asid tidak organik terpakai (SW206)
- (3) Buangan yang mengandungi *formaldehid* (SW320)
- (4) Buangan pelarut organik bukan terhalogen (SW322)
- (5) Bekas, beg atau botol tercemar dengan buangan terjadual (SW409)
- (6) Bahan kimia yang terbuang atau tidak mengikut spesifikasi (SW429)
- (7) Buangan patogenik, buangan klinikal atau bahan dikuarantinkan (SW404)

Aktiviti pelupusan BT dijalankan secara meluas di seluruh kawasan kampus utama serta turut melibatkan kampus cawangan seperti di Kampus UM Bachok, Kelantan dan Pusat Penyelidikan Bioteknologi Glami Lemi (Kampus UM Jelebu).



Aktiviti Kerja BT Kimia dan BT Klinikal

Skop kerja pengurusan pelupusan BT dan sanitari merangkumi:


- (a) Perancangan jadual penafsiran, pengutipan dan pelupusan BT (kimia dan klinikal) seluruh UM;
- (b) Pemeriksaan berkala ke tapak stor penyimpanan sementara BT (kimia dan klinikal) di PTj;
- (c) Pemantauan kerja-kerja penafsiran, pengutipan dan pelupusan BT (kimia dan klinikal) di seluruh UM;
- (d) Memastikan BT yang dijadualkan untuk pengutipan dan pelupusan mematuhi keperluan Akta Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan tidak dilupuskan secara haram;
- (e) Merekod dan mengemaskini dokumen berkaitan pengurusan BT (kimia dan klinikal) dengan Jabatan Alam Sekitar, Malaysia melalui platform e-SWIS;
- (f) Penyediaan kontrak bagi pelupusan BT (kimia dan klinikal) dan sanitari;
- (g) Pemeriksaan berkala bagi stor penyimpanan BT (bunker berpusat sementara) untuk memastikan faktor keselamatan sentiasa diutamakan;
- (h) Pemantauan kutipan dan pelupusan sisa sanitari di seluruh UM.

Peruntukan OCAR telah digunakan untuk perkhidmatan pelupusan BT kimia dan BT klinikal. Pada tahun 2022, sebanyak RM142,569.27 dan RM246,100.67 telah digunakan masing-masing untuk pelupusan BT kimia dan BT klinikal. Analisa bagi tahun 2022 menunjukkan berlaku pertambahan jumlah pelupusan BT kimia sebanyak 31.78% berbanding tahun 2021. Kenaikan ini disebabkan aktiviti pengajaran dan penyelidikan telah dijalankan semula secara total pada tahun 2022 selepas daripada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/ Pelan Pemulihan Negara (PPN) berfasa yang telah dilaksanakan pada tahun 2021.

Manakala analisa bagi jumlah pelupusan BT klinikal didapati mengalami penurunan disebabkan operasi yang dijalankan oleh JPPHB adalah tertumpu kepada pelupusan BT klinikal hanya yang dijana oleh PTJ hasil daripada aktiviti pengajaran dan aktiviti penyelidikan sahaja, dan tidak berlaku pertambahan untuk aktiviti-aktiviti luar jangka seperti yang berlaku pada tahun 2021 kesan daripada penganjuran program Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di UM. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pengurangan pelupusan BT klinikal secara berterusan jika dibandingkan dengan tahun 2021 sebanyak 23.70%. Bagi aktiviti pelupusan sanitari, sebanyak RM43,640.00 telah dibelanjakan pada tahun 2022. Perbelanjaan ini adalah jumlah yang optimum mengikut kepada tawaran kontrak kerja yang ditawarkan kepada pihak kontraktor. Dapat dirumuskan bahawa sebanyak RM432,309.94 telah digunakan untuk tujuan pelupusan BT (kimia dan klinikal) serta sanitari pada tahun 2022.

Jadual 8.4 Perbelanjaan bagi pelupusan buangan terjadual dan sanitari

PERKARA	2022 (RM)	2021 (RM)	KENAIKAN / PENURUNAN (%)
Pelupusan Buangan Terjadual (kimia)	142,569.27	108,186.54	+31.78
Pelupusan Buangan Terjadual (klinikal)	246,100.67	322,836.39	-23.70
Pelupusan sanitari	43,640.00	24,902.50	+75.24
JUMLAH	432,309.94	455,925.43	-5.18



Rajah 3: Perbelanjaan bagi pelupusan buangan terjadual dan sanitari.

Zero Waste Campaign (ZWC)


Pada tahun 2022 sejumlah 61,842.10 kg sisa dapat dikumpulkan untuk dikompos dan dikitar semula. Sisa kitar semula terbahagi kepada beberapa kategori iaitu sisa makanan yang dikompos, sisa makanan yang dicerna, sisa tanaman yang dikompos, sisa tekstil yang dikitar semula, sisa kayu untuk penjana tenaga dan barangan lain yang boleh dikitar semula

Pembersihan Dalam Dan Luar Bangunan

Pada tahun 2022, terdapat tiga belas (13) zon pembersihan yang berada di bawah pemantauan JPPHB. Walau bagaimanapun, daripada jumlah 13 zon ini, JPPHB telah menggabungkan beberapa zon kecil untuk menjadikan jumlah kepada hanya 6 zon sahaja. Sepanjang tahun 2022, tiga (3) zon baharu telah dikemaskinikan dan diproses untuk pelawaan tender baharu iaitu zon 2, zon 3 dan zon 4. Semua tender zon baharu ini hanya bermula pada bulan Februari 2023.

Nilai peruntukan tender dan sebutharga yang telah digunakan untuk OCAR 2022 adalah sebanyak **RM8,692,561.60** yang melibatkan pengurusan pembersihan dalam dan luar bangunan di kawasan kampus Universiti Malaya. Rajah 5.3 menunjukkan perbelanjaan bulanan bagi pengurusan pembersihan menggunakan OCAR 2022

JUMLAH PERBELANJAAN OCAR 2022 RM8,692,561.60




Rajah 4: Perbelanjaan bagi pengurusan pembersihan

Kerja-Kerja Sanitasi Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2022

Ruang pejabat dan bilik staf yang bergejala dan dijangkiti virus Covid-19 akan disanitasi menggunakan mesin cecair semburan asap dan semburan cecair pembasmi kuman. Kerja-kerja sanitasi dilakukan sepenuhnya oleh staf pencucian JPPHB dan pekerja kontrak pencucian. Semua kerja-kerja sanitasi yang dibuat di PTj dan TADIKUM akan diselaraskan bersama pihak OSHE/UM.



Aktiviti Kerja-kerja Sanitasi Yang Dijalankan



Rajah 5: Sanitasi sekitar kampus 2022

Penyelenggaraan Lanskap

Dari aspek pengurusan landskap Universiti Malaya, gerak kerja operasi meliputi skop aktiviti pembersihan kawasan, penyelenggaraan pokok teduhan, penyelenggaraan pokok renek, perkhidmatan menyelenggara kawasan berumput, penyediaan hiasan pentas majlis rasmi Universiti, penyelenggaraan Tasik Varsiti, pengawalan makhluk perosak, semburan nyamuk seluruh kampus, penyelenggaraan longkang *monsoon drain*, pemasangan *bunting/banner*, pengawalan anai-anai, pengurusan sisa domestik (sisa makanan), sisa landskap dan sisa pejabat.

Penyelenggaraan ini meliputi penggunaan peruntukan OCAR tahunan bagi Pelupusan Sampah sebanyak RM594,000.00, Perkhidmatan Penyelenggara Kawasan Berumput RM564,000.00, Penyelenggaraan Pokok Teduhan RM140,000.00 dan Perkhidmatan Membekal Tenaga Kerja (Pekerja Am) sebanyak RM1,254,728.00.

Berikut adalah kadar penjimatan perbelanjaan bagi tahun 2022 seperti berikut

Jadual 8.5 Penjimatan bagi pembersihan pokok tumbang akibat cuaca buruk oleh staf dalaman JPPHB

PEMBERSIHAN POKOK TUMBANG AKIBAT CUACA BURUK OLEH STAF DALAMAN JPPHB			
		Anggaran Kadar Harga Kontraktor	Staf JPPHB
Pokok Saiz diameter batang 10 inci ke bawah	31 nos	RM1,500.00/pokok = RM46,500.00	RM500/pokok = RM15,500.00
Pokok Saiz Diameter batang 25 inci ke atas	9 nos	RM3,500.00/pokok = RM31,500.00	RM1,200.00/pokok = RM10,800.00
		RM 78,000.00	(B)RM26,300.00
PENJIMATAN		– (B)	RM51,700.00

Aktiviti Pembersihan Kawasan

Seksyen Landskap, Bahagian Penyelenggaraan Prasarana JPPHB melaksanakan perkhidmatan pembersihan kawasan seperti membersihkan *trap* longkang, *blower* dan pembersihan longkang daripada daun kering di sekitar Universiti Malaya.



Aktiviti pembersihan kawasan

Aktiviti Penyelenggaraan Pokok Teduhan


Seksyen Landskap, Bahagian Penyelenggaraan Prasarana JPPHB melaksanakan perkhidmatan selenggara pokok-pokok teduhan secara berkala seperti cantasan dan pemangkasan pokok dan pemotongan pokok berisiko tumbang di sekitar Universiti Malaya dalam memastikan keadaan pokok sihat dan selamat untuk warga kampus.



Aktiviti penyelenggaraan pokok

Aktiviti Penyelenggaraan Pokok Renek


Seksyen Landskap, Bahagian Penyelenggaraan Prasarana JPPHB melaksanakan perkhidmatan selenggara pokok-pokok renek seperti pemangkasan, menggembur tanah, pembersihan rumput liar, siraman, meracun, membaja dan penggantian pokok mati. Penyelenggaraan dilaksanakan secara bulanan untuk kawasan tumpuan dan secara berkala untuk sekitar di sekitar Universiti Malaya.



Aktiviti penyelenggaraan pokok renek

Aktiviti Perkhidmatan Menyelenggara Kawasan Berumput

Seksyen Landskap, Bahagian Penyelenggaraan Prasarana JPPHB melaksanakan perkhidmatan selenggara kawasan berumput secara bulanan. Penyelenggaraan dilaksanakan satu bulan 2 kali untuk kawasan tumpuan di jalan Lingkungan Budi seperti Dewan Tunku Canselor, Kompleks Perdanasiswa, Gate KL, Gate PJ, kawasan hadapan perpustakaan utama, Canseleri dan TADIKUM. Selain dari kawasan tumpuan penyelenggaraan dilaksanakan satu bulan sekali di kawasan Kolej, PTJ dan sekitar Universiti Malaya.



Aktiviti Penyediaan Hiasan Pentas Majlis Rasmi Universiti

Seksyen Landskap, Bahagian Penyelenggaraan Prasarana JPPHB melaksanakan perkhidmatan membekal, menghantar dan menghias pokok hiasan pentas bagi majlis dan acara rasmi bagi Universiti Malaya dan acara perwakilan pelajar.




Aktiviti Pengawalan Makhluk Perosak

Pada tahun 2022, Seksyen Landskap Bahagian Penyelenggaraan Prasarana JPPHB telah menerima sebanyak empat ratus tujuh belas (417) aduan pengawalan makhluk perosak. Semburan nyamuk juga dilakukan sebanyak dua (2) kali sebulan di seluruh kawasan asrama dan TADIKUM, satu

(1) kali sebulan di seluruh fakulti dan Rumah Kediaman Universiti bagi pengawalan denggi. Kesemua tangkapan haiwan lindungan ini telah diserahkan kepada PERHILITAN.

Jadual 8.6 Jumlah tangkapan makhluk perosak

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Ular	6 ekor
2	Tikus	438 ekor
3	Kera / Monyet	14 ekor
JUMLAH TANGKAPAN		458 ekor



Aktiviti kerja pengawalan makhluk perosak

Pada tahun 2022 juga, Seksyen Landskap Bahagian Penyelenggaraan Prasarana JPPHB telah terlibat dalam **Program Menanam Gutta Percha di Universiti Malaya** hasil sumbangan daripada Yayasan TM. Universiti Malaya bersama Seksyen Landskap dan Water Warriors telah menanam sebanyak 250 pokok *Gutta percha* sebagai sebahagian daripada 5,017 *Gutta percha* yang ditanam di pelbagai lokasi di Malaysia yang menerima pengiktirafan **‘Pokok Gutta Percha Paling Banyak Ditanam Dalam 24 Jam’** oleh **Malaysia Book of Records**.




Keraian

Seksyen Keraian, Bahagian Penyelenggaraan Prasarana JPPHB menyediakan perkhidmatan sewaan peralatan dan perkhidmatan tempahan untuk penganjuran program yang dijalankan di dalam kampus dan juga di luar Universiti Malaya. Tempahan bagi penganjuran majlis-majlis ini boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori:

- (a) Tempahan Majlis Rasmi
- (b) Tempahan Majlis Bukan Rasmi

Pada tahun 2022, sejumlah **dua ratus sembilan puluh satu (291)** tempahan telah diterima, dan daripada jumlah tersebut, **satu ratus lapan puluh (180)** adalah tempahan untuk majlis **rasmi** dan bagi majlis **bukan rasmi** sebanyak **satu ratus sebelas (111)**. Pecahan untuk jumlah tempahan peralatan bagi penganjuran program ditunjukkan seperti Rajah 6.



Rajah 6 Jumlah tempahan peralatan Majlis Rasmi dan Majlis Bukan Rasmi

Sebagai maklumat berdasarkan perkhidmatan tempahan yang disediakan oleh Unit Perkhidmatan Keraian pada tahun 2022, disenaraikan beberapa majlis yang telah dijalankan seperti di dalam Jadual 8.7.

Jadual 8.7 Tempahan perkhidmatan keraian bagi penganjuran Majlis/Program

BIL	MAJLIS/ PROGRAM	ANJURAN
1.	COURTESY VISIT FROM EMBASSY JAPAN	SASTERA & SAINS SOSIAL
2.	PELANCARAN BUKU PILIHANRAYA DEMOKRASI MALAYSIA	PEJABAT KOMUNIKASI KORPORAT
3.	SAMBUTAN KE 50 FAKULTI BAHASA & LINGUISTIK	FAKULTI BAHASA & LINGUISTIK
4.	UM CIVIL CONVENTION 22	LOGISTIC DEPARTMENT, ENGINEERING
5.	DIALOGS ON ASIAN UNIVERSITIES	PEJABAT VC
6.	PROGRAM UM STRATEGIC LEADERSHIP TRANSFORMATION CONFERENCE 2022	JABATAN PENDAFTAR
7.	PROGRAM PENYELIDIKAN 2022: EUREKA RESEARCH TALK TOWARDS STEM EMPOWERMENT AND SUSTAINABILITY	FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT
8.	PERKONGSIAN PENGALAMAN UNIVERSITI-UNIVERSITI PENYELIDIKAN MALAYSIA BERHUBUNG PENGLIBATAN DALAM QUACQUARELLI SYMONDS WORLD UNIVERSITY RANKINGS	TNC (PENYELIDIKAN & INOVASI)
9.	MAJLIS A NIGHT WITH DIN & TONICS UNIVERSITI HARVARD	PUSAT KOMUNITI & KELESTARIAN UMcARES
10.	KONVENSyen KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT UNIVERSITI MALAYA	JABATAN PENDAFTAR UM

Penjanaan pendapatan dari sewaan peralatan, Seksyen Keraian telah menerima hasil berjumlah RM172,491.50, seperti di Rajah 7.



Rajah 7: Hasil sewaan thun 2021



Penyediaan perkhidmatan unit keraian.

8.1.4 Pengurusan Harta Dan Pelupusan Aset

Dari segi pengurusan pelupusan aset/harta Universiti Malaya, nilai harta Universiti yang telah dilupuskan pada tahun 2022 adalah sejumlah RM634,834,553.54. Jadual 8.8 menunjukkan perincian pelupusan aset/harta, manakala Jadual 8.9 menunjukkan jualan aset/ inventori lupus pada tahun 2022.

Jadual 8.8: Pelupusan aset/harta bagi tahun 2022

Bil.	Perkara	Kuantiti	Jumlah (RM)
1	Pelupusan aset alih universiti (bukan penyelidikan)	29,426	596,918,425.15
2	Pelupusan aset alih universiti (penyelidikan)	307	11,145,432.61
	Pelupusan aset tak alih universiti	59	26,770,695.78
Jumlah		29,792	634,834,553.54

Jadual 8.9: Jualan aset/ inventori lupus bagi tahun 2022

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1	Secara buangan terjadual (e-waste)	43,604.70
2	Secara jualan sisa (sisa logam)	180,600.00
3	Secara Sebutharga (staf)	59,593.55
Jumlah		283,798.25


JPPHB turut menjana pendapatan Universiti Malaya melalui penyewaan tapak/ ruang kepada pihak luar Universiti bagi tahun 2022 yang dinyatakan dalam Jadual 8.10 .

Jadual 8.10: Penyewaan tapak/ ruang bagi tahun 2022

Bil.	Perkara	Jumlah Sewa/Tahun (RM)
1	Telekomunikasi	1,116,346.00
2	Mesin Layan Diri	170,970.00
3	Bank / Mesin ATM	217,346.00
4	Papan Iklan	436,500.00
5	Bangunan dan Kiosk	2,569,710.00
6	Premis Makanan	288,042.00
7	Pejabat Operasi & Pentadbiran	301,600.00
8	Tapak Kosong	600,720.00
9	Perkhidmatan Fotokopi	59,830.00
Jumlah Keseluruhan		Jumlah Keseluruhan


8.2 Pembangunan Infrastruktur ICT (JTM)

Tahun 2022 era pasca pandemik, Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) terus komited dalam menggerakkan pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik ICT Universiti Malaya 2020-2030. Aktiviti operasi dan pembangunan JTM pada dasarnya secara konsisten sedang bergerak ke arah menyediakan prasarana ICT yang mampan, responsif dan terkehadapan bagi mendukung pembentukan Kampus Lestari Pintar (*Smart Sustainable Campus*).



Rajah8: Penyelarasan projek-projek ICT dengan Pelan Strategik Universiti Malaya

Usaha tersebut turut selari dengan perkara-perkara yang dicadangkan dalam Pelan Transformasi Universiti Malaya 2030; Tema 6 Penambahbaikan Proses Pembelajaran dan Persekitaran Kerja.



Rajah 9: Tema 6 Penambahbaikan Proses Pembelajaran dan Persekitaran Kerja (Pelan Transformasi Universiti Malaya 2030)



Rajah 10 Kluster Utama Pembentukan Kampus Lestari Pintar

Proses penambahbaikan berterusan dalam aktiviti operasi semasa sentiasa diberi perhatian dan diambil tindakan berlandaskan justifikasi penganalisan punca. Usaha tersebut adalah bagi memastikan produktiviti, kualiti dan kebolehpercayaan perkhidmatan yang dihasilkan menepati tahap yang dijanjikan dan seterusnya membolehkan proses kerja sentiasa dapat dinilai secara objektif.

Dalam masa yang sama, JTM sedang berusaha meneroka konsep 'future-ready' bagi membantu organisasi UM bergerak pantas ke arah pembentukan Kampus Lestari Pintar. Antara persediaan yang diambil kira adalah:

- (a) Tahap aspirasi kematangan operasi jangka pendek (3 tahun akan datang).
- (b) Perbandingan dengan rakan-rakan dalam industri yang sama.
- (c) Pengenalpastian dan penambahbaikan berterusan operasi semasa merangkumi pelbagai peringkat proses kerja, tahap kebolehan dan budaya kerja serta cara berfikir bagi tujuan perancangan dan tindakan yang lebih realistik.

Dengan erti kata lain, JTM kini dalam proses mencari penyelesaian yang lebih berkesan dan efektif bagi tujuan menjamin kelestarian operasi jangka panjang.

8.2.1 Pencapaian Utama

Sasaran dan pencapaian aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh JTM sepanjang tahun 2022 adalah berdasarkan peringkat penilaian prestasi tahunan atau KPI dibawah portfolio Penolong Naib Canselor (Infrastruktur dan Pengurusan Maklumat) seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 8.11: Pencapaian KPI JTM tahun 2022

Ref	KPI Portfolio (Tier 3)	Target	Achievement (Q3) *till 30.9.2022*	Achievement (till 30.10.2022)	Achievement (Q4) (till 31.12.2022)	Total Achievement (2022)
T3-IIS-01	Number of activities in setting up Integrated Surveillance facility	3	1	3	3	100%
T3-IIS-02	Number of new ICT Projects (Service & Infra)	50	17	63	63	126.00%
T3-IIS-03	Number of application systems (New)	32	55	216	216	248.28%
T3-IIS-04	Number of application systems (Enhancement)	17	9	65	65	382.35%
T3-IIS-05	Number of activities to achieve Security Index level 4	4	2	6	6	150.00%
T3-IIS-06	Number of activities related to Information Security governance	33	25	33	33	100.00%
T3-IIS-07	Number ICT Culturalisation activities (training/webinar)	35	22	38	38	109%
T3-IIS-08	Number of Application Commercialized	3	2	4	4	133.33%
T3-IIS-09	Number of Activities to optimise the WiFi operation	3	4	11	11	157.14%
T3-IIS-10	Number of ICT Staff involve in UPskilling - (Rotation, Attachment/Sharing)	23	14	17	17	73.91%
T3-IIS-11	Number of Project Fund Applications (RMK, JTK, others)	8	7	8	8	100.00%




Aktiviti JTM diklasifikasikan dibawah 11 kategori utama dan setiap satu kategori adalah merangkumi sub-kategori yang pelbagai. Jumlah sasaran yang dibuat adalah bertujuan memberi gambaran sebenar tentang pemetaan taburan sumber manusia dengan jumlah aktiviti yang dilaksanakan oleh JTM bagi memastikan UM berada pada landasan proses transformasi digital yang dirancang.

8.2.2 Aktiviti-Aktiviti Utama Yang Telah Dijayakan

Secara ringkasnya berdasarkan 11 pencapaian KPI tahun 2022 dalam Jadual 1 di atas, terdapat sejumlah 464 aktiviti-aktiviti utama ICT yang telah dilaksanakan oleh JTM dalam tahun 2022. Berikut adalah contoh sebahagian dari aktiviti-aktiviti tersebut:

8.2.2.1 Pelbagai Jenis Perkhidmatan

Jumlah aktiviti yang dirancang pada awal tahun 2022 meliputi urusan perkhidmatan ICT dan pengurusan infrastruktur ICT adalah sebanyak 50 jenis inisiatif. Pencapaian sebenar pada akhir tahun adalah sebanyak 63 inisiatif telah berjaya digerakkan.

 <p>Perkhidmatan Rangkaian</p>	 <p>Fasiliti Storan</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan Multimedia, Remote Learning (RL) Classroom • Fasiliti Storan, Server Storan, Virtual Machine • Server Monitoring • Penyelenggaraan dan naik taraf Wifi Kampus • Perisian Pengajaran & Pembelajaran • Garis Panduan Perkakasan <i>Remote Learning</i> (RL) • Penyewaan Komputer Berpusat • Garis Panduan BYOD 2.0 & 3.0 	 <p>Perkhidmatan Multimedia</p>

Rajah 11: Pelbagai perkhidmatan ditawarkan oleh JTM


8.2.2.2 Aktiviti Pembudayaan Literasi Digital

35 aktiviti latihan dan pembudayaan telah disasarkan pada tahun 2022 dan jumlah pencapaian sebenar pada akhir tahun adalah sebanyak 38 aktiviti meliputi pelbagai aspek penggunaan, pemantauan dan juga polisi yang berkaitan.

	<ol style="list-style-type: none"> i. Network Authentication Training ii. Unified Authentication Project Success Team workshop iii. eMeeting Clinic (1 & 2) iv. UM Helpdesk Clinic (1 & 2) v. UM CMS Platform for website vi. Portal FR - Face Recognition vii. Portal QMEC for Auditors viii. Overview of UM Network Topology, Level 1 Network Troubleshooting, Overview of CCTV policy, Storage Policy ix. UMFleet Management x. UAT- user acceptance test eHR dan FIR\$T xi. Cyber Security Awareness, Incident handling xii. Digital Marketing & Entrepreneur mind xiii. ISMS & Risk Assessment
	

8.2.2.3 Perancangan Naik Taraf keseluruhan Infrastruktur Rangkaian UM 2023-2026

- (1) Perancangan naik taraf 1GB to 10GB
- (2) Perancangan naik taraf kabel Cat 5
- (3) Perancangan naik taraf Switch 100MB ke 1GB
- (4) Perancangan naik taraf Bilik Rangkaian PTj
- (5) Perancangan naik taraf Zone Core dan Super Core
- (6) Perancangan naik taraf AP Wifi PTj
- (7) Perancangan naik taraf AP Kolej Kediaman



Rajah 12: Perancangan Menaiktaraf Infrastruktur Rangkaian UM 2023-2026

8.2.2.4 Projek Naik taraf Pengesahan Bersatu Rangkaian UM


Platform Pengesahan Bersatu sistem Rangkaian UM merupakan salah satu inisiatif Kampus Lestari Pintar yang telah bermula sejak dari tahun 2005. Projek tersebut bermula dengan pembangunan projek *Single Sign ON* (CAMS) yang pada asalnya fokus kepada mempermudah pengurusan kata nama dan laluan pengguna untuk akses ke pelbagai jenis sistem aplikasi. Inisiatif tersebut kemudiannya di kembangkan untuk pelbagai tujuan bersesuaian dengan perkembangan semasa.



Rajah 13: Kronologi inisiatif pembangunan sistem pengesahan

Projek tersebut dirancang khusus untuk menyediakan salah satu mekanisme bagi memantapkan proses pemantauan, aktiviti pengesanan dan identifikasi keselamatan siber dalam persekitaran penggunaan kemudahan ICT Universiti Malaya.

- (i) 1: Meliputi pengesanan perkhidmatan Rangkaian tanpa wayar kampus telah selesai dilaksanakan pada 2016.
- (ii) Fasa 2: Meliputi pengesanan untuk perkhidmatan tanpa wayar dan berwayar telah bermula pada 2022.
- (iii) Proses naik taraf sistem pengesanan tanpa wayar seluruh kampus telah selesai dilaksanakan pada Disember 2022. Proses pelaksanaan pengesanan meliputi rangkaian berwayar akan dilaksana dalam tahun 2023.



Rajah 14: Framework Pengesanan Bersatu atau Unified Authentication




Rajah 15: Impak pelaksanaan Pengesanan Bersatu



Rajah 16: Penyeragaman dan penyelarasan kategori identifikasi pengguna dan persekitaran pengguna

2022- SELEPAS Naik taraf Sistem Pengesahan Bersatu (Unified Authentication) mulai Oktober 2022



Rajah 17: Statistik sebelum dan selepas pelaksanaan Pengesahan Bersatu



Nota: Projek Pengesahan Bersatu adalah salah satu mekanisme yang membantu memantapkan proses pengesanan bagi aktiviti pemantauan keselamatan siber UM.

8.2.2.5 Pembangunan dan naik taraf pelbagai sistem aplikasi bagi tujuan penyampaian perkhidmatan

Bilangan aktiviti yang telah dirancang pada awal tahun 2022 adalah 87 modul baharu dan 17 modul dinaiktaraf. Pencapaian sebenar pada akhir tahun adalah sebanyak 216 (peningkatan pencapaian sebanyak 248%) modul baharu telah diselesaikan manakala 65 (peningkatan pencapaian 382%) modul dari sistem aplikasi sedia ada telah dinaiktaraf.




1. Notifikasi Banjir-UM Touch (iSCADA)
2. SCALE
3. UMFLEET
4. IPACs
5. UM Online Course
6. ACUM
7. Budget@ FIR\$T
8. UMEExpert V3
9. Sistem Maklumat Pelajar
 - i. Penaiktarafan modul *Progress Report (Submission, Approval & Recommendation)*
 - ii. Penaiktarafan modul *Thesis Management (Submission, Approval & Acceptance)*
 - iii. Penaiktarafan modul *Internal & External Examiner (Nomination & Appointment)*
- v. Pelaksanaan modul Progression & Awards program ijazah tinggi klinikal perubatan & pergisian



8.2.2.6 Aktiviti peningkatan keupayaan dalam usaha menangani isu keselamatan siber

Projek baru berkaitan aktiviti keselamatan siber yang telah dilaksana pada tahun 2022 merangkumi:


- (1) Pengimplementasian perkakasan *Network Packet Broker (RMK12 RP2)*.
- (2) Analisa jurang (*Gap Analysis*) – *Security Operation Centre*.
- (3) Pemusatan pengurusan Firewall (*Centralised Firewall Management*).
- (4) Naik taraf pengurusan dan analisa log berpusat (*Log Analysis- Central Log*).



Rajah 18: Peningkatan infrastruktur bagi menangani isu keselamatan siber

Era pasca pandemik kini menyaksikan peningkatan ancaman keselamatan siber yang seterusnya menekankan kepada perlunya perhatian diberikan kepada potensi risiko yang berkaitan. Risiko keselamatan siber kini menjadi agenda utama yang perlu ditangani oleh setiap organisasi. Risiko tersebut merujuk kepada potensi kerugian organisasi dari aspek kewangan, reputasi, operasi, produktiviti, prestasi, kebocoran data, keperluan perundangan dan peraturan.

Kaedah menentukan tindakan efektif ke atas fokus tertentu dalam mempertimbangkan isu antara risiko dan ancaman keselamatan siber memerlukan penelitian ke atas konteks operasi yang holistik bagi memastikan tindakan yang diambil tersebut benar-benar memberi impak yang positif kepada organisasi.



Rajah 19: Statistik pemantauan insiden keselamatan maklumat tahun 2022

Berdasarkan keperluan yang dinyatakan di atas, aktiviti pemantauan keselamatan siber JTM kini memfokus kepada pemantauan aspek risiko ancaman:

- (a) Ketersediaan dalam menghadapi isu kerahsiaan maklumat.
- (b) Ketersediaan dalam menghadapi isu integriti maklumat.
- (c) Ketersediaan isu proses kerja yang holistik dan mencukupi.
- (d) Ketersediaan teknologi/infrastruktur yang menyokong penyampaian perkhidmatan.

Di pihak JTM, tindakan susulan yang diambil meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) Penambahbaikan kawalan capaian pada peringkat aplikasi dan rangkaian.
- (b) Pemantapan proses naik taraf dan konfigurasi sistem aplikasi dan rangkaian.
- (c) Penambahbaikan perancangan proses migrasi data dengan fokus mengurangkan gangguan perkhidmatan yang dijadualkan.
- (d) Pengaktifan ciri-ciri keselamatan pada switch rangkaian.
- (e) Pemantapan proses pemantauan dan pengurusan *alert* untuk perkakasan kritikal.
- (f) Mengadakan perbincangan dengan pihak Pengurusan Harta Benda berkaitan kaedah penyelesaian terhadap bekalan elektrik kepada perkakasan rangkaian di Pusat Data dan Bilik Server PTj.
- (g) Menambah baik dan memantapkan lagi proses identifikasi dan analisa risiko mengambil kita kitaran PDCA (Plan-Do-Check-Action).

JTM turut melaksana aktiviti pengukuran ke atas prestasi proses kerja meliputi penganalisan proses maklum balas. Proses penilaian ini dilaksana bagi mengenal pasti punca-punca asas proses kerja yang perlu diperbaiki (seperti kelewatan dalam mendapatkan pasukan penyelenggaraan untuk bertindak balas terhadap henti tugas yang tidak dirancang) dan mencadangkan penyelesaian yang sesuai (seperti aliran maklumat yang cekap berdasarkan pemberitahuan kegagalan piawai untuk memicu proses penambahbaikan).

1. Tadbir Urus ICT Universiti Malaya merangkumi beberapa jawatankuasa utama iaitu:

- (i) Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC), Jawatankuasa Teknikal ICT (JKICT), Jawatankuasa Penilaian Sistem Aplikasi (JPSA) dan Jawatankuasa Pengguna ICT (JKPICT);
- (ii) Statistik permohonan yg di proses oleh JKICT dan JPSA untuk tahun 2022 adalah seperti berikut:

Jawatankuasa	Bilangan Mesyuarat	Bilangan Permohonan di proses tahun 2022
Jawatankuasa Penilaian Sistem Aplikasi (JPSA)	13	13
Jawatankuasa Teknikal ICT (JKICT)	11	331

- (iii) JPSA juga telah melaksana semakan ke atas semua sistem aplikasi yang dibangunkan oleh PTJ selaras dengan kelulusan pelaksanaan pemusatan skim F dibawah JTM oktober 2022, semakan adalah bertujuan untuk:
 - (a) Mengurangkan risiko ancaman keselamatan siber.
 - (b) Membuat penilaian untuk menutup dan mengkonsolidasi dengan sistem pusat bagi tujuan pengoptimalan sumber.
 - (c) Mengurangkan pergantungan kepada individu yang boleh menimbulkan risiko kesinambungan operasi.
- (iv) Penambahbaikan proses JKICT telah dilaksana melalui desentralisasi kelulusan teknikal ICT oleh JKICT Kecil PTJ bagi membantu mempercepatkan proses kelulusan
 - (a) 2 PTj iaitu Fakulti Sains Komputer dan juga Fakulti Kejuruteraan telah dipilih untuk melaksana JKICT kecil untuk tempoh percubaan 1 tahun bagi perolehan ICT sehingga RM20 ribu.
 - (b) bagi perolehan ICT menggunakan dana penyelidikan diserahkan kepada pihak IPPP.

2. Analisa Aduan ICT


Analisa kecapaian/ketidakcapaian objektif kualiti iaitu “Memastikan 80% aduan yang didaftarkan ke dalam Sistem Helpdesk ICT diselesaikan dalam masa 4 hari bekerja (tidak termasuk aduan pengaturcaraan)”.

- (i) Penambahbaikan Sistem Helpdesk bagi menyokong penambahbaikan pengurusan aduan UM secara keseluruhan. Sistem baru tersebut mula di lancarkan pada 10 Jan 2022 dan di kawal selia oleh Bahagian Pengurusan Operasi dan Governan (BPOG).



Rajah 20: Sistem Helpdesk

(ii) Berikut adalah laporan analisa aduan ICT berdasarkan format terbaru.



Rajah 21: Bilangan Aduan Mengikut Kategori Masalah

(iii) Analisa bilangan aduan mengikut kategori masalah sepanjang tahun

Berdasarkan rajah di atas, tiga (3) kategori aduan tertinggi telah dipilih untuk dianalisa iaitu Sistem aplikasi, Rangkaian dan Perisian. Penyelesaian jangka pendek telah pun dilaksana pada ketika itu sementara penyelesaian jangka panjang telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan sebelum proses akan datang bermula.


(a) Sistem Aplikasi - MAYA Enrollment.

Jumlah maklumbalas untuk tahun 2022 adalah 4673, purata maklumbalas sebulan: 389; Purata maklumbalas sebulan: 13;

Kategori maklum balas yang diterima: 1.Aduan: 3240 2.Pertanyaan: 1337 3.Cadangan: 86 4.Pujian: 10	5 punca utama maklum balas: • <i>Module verify selection</i> : 419 • <i>Module add/drop</i> : 285 • <i>Module registration</i> : 221 • <i>Fees Invoice Generation</i> : 93 • <i>Module Register Checking</i> : 56
---	--


Rancangan Penambahbaikan	Jangkaan pelaksanaan
<p>1. Pelan mengatasi masalah Module Verify Selection, Add & Drop dan Fee Generation</p> <p>Pembangunan sebuah Modul Jadual Waktu baharu di Maya bagi melancarkan proses semakan Module Clashing dan Class Capacity</p> <p>(a) Tambahbaik skrin dan pembedulan ralat pada Modul Add & Drop</p> <p>(b) Tambahbaik proses penjana inbois yuran</p>	Jangkaan tempoh pelaksanaan Oktober-Disember 2023
<p>2. Pelan mengatasi masalah Module Registration</p> <p>Meningkatkan kefahaman dikalangan pelajar di semua tahap pengajian berkenaan proses pendaftaran. Awareness akan dilaksanakan oleh JTM dengan bantuan pihak fakulti secara hebahan di social media (Telegram, FaceBook, Twitter, Instagram, Youtube), Siswamail dan juga kaunter fizikal.</p>	Jangkaan pelaksanaan sepanjang tahun

c. Rangkaian




Rajah 22: Aduan bagi rangkaian ICT

No.	Rancangan Penambahbaikan	Jangkaan pelaksanaan
1.	<p>Pelan mengatasi masalah Access Point (AP) rosak dan coverage (Signal Lost)</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembelian 331 unit AP baharu bagi menggantikan AP yang bermasalah di PTJ yang telah di kenalpasti. (a) Pembelian 1506 unit AP baharu bagi pemasangan di setiap bilik asrama pelajar di KK 5 dan KK 12. 	<p>April - Jun 2023 Jun - Okt 2023</p>
2.	<p>Pelan mengatasi masalah Power Trip dan Configuration lost pada perkakasan switch.</p> <p>Cadangan kepada JPPHB agar perkakasan rangkaian network komputer mempunyai Distribution Board (DB) elektrik yang berasingan. Perkara dalam pertimbangan pihak JPPHB.</p>	2022
3.	<p>Rancangan mengatasi masalah panahan petir</p> <ul style="list-style-type: none"> Cadangan kepada JPPHB memastikan Lightning Rester dipasang dan berfungsi. (a) Menyediakan bilangan stok gantian switch bagi membolehkan penggantian segera. 	<p>2023 semakan stok berkala</p>



Rajah 23: Aduan bagi Perkhidmatan SPECTRUM

d. Sistem Aplikasi : UMEXPERT



Rajah 24: Aduan bagi Perkhidmatan UMEXPERT

No.	Rancangan Penambahbaikan	Jangkaan pelaksanaan
1.	Cadangan kepada CPO dan Perpustakaan Utama agar meneruskan dan meningkatkan aktiviti hebahan dan penerangan kepada pensyarah berkaitan penyediaan maklumat untuk KPI	Berkala sepanjang tahun
2.	Pelan mengatasi masalah pengiraan markah KPI pensyarah. <ul style="list-style-type: none"> • Tambah baik kepada formula pengiraan markah KPI UMexpert. 	September 2023

8.2.3 Analisa Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian kepuasan pelanggan dilaksana secara berkala oleh JTM untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan serta mendapatkan maklum balas dan cadangan yang bernas bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan ICT kampus.

Tempoh kajian dijalankan selama 5 minggu (8.11.2022-15.12.2022).

- (i) kajian bagi tahun 2022 adalah berdasarkan pengalaman pelanggan menggunakan perkhidmatan ICT kampus sejak September 2021 hingga Disember 2022. Kajian kepada Pelajar bagi perkhidmatan *Network (Fixed Line)* dan *Network (WiFi)* tidak dijalankan pada tahun 2022 dengan mengambil kira keberadaan pelajar di kampus.

(ii) Dapatan dan Analisa diringkaskan dalam Jadual 8.12.

Jadual 8.12: Peratusan perkhidmatan-perkhidmatan ICT utama PTM berdasarkan penilaian *Satisfactory* hingga *Excellent*

No.	Perkhidmatan ICT Utama	Pelajar		Staf	
		Jumlah	%	Jumlah	%
1	Network (Fixed Line)	*		235	97.92
2	Network (WiFi)			186	77.50
3	SiswaMail/UMMail	647	96.28	234	97.50
4	Student portal (https://myum.um.edu.my/)/UM Portal	636	94.64	232	96.67
5	Student portal academic (Maya)	615	91.52	Tidak Bekenaan	
6	UM Touch	609	90.63	236	98.33
7	UM Event			235	97.92
8	Informations/Messages/Tips/Announcement/ New Updates (via Portal/Telegram/Twitter/ Instagram/Facebook/ etc.)	607	90.33	Tidak Bekenaan	
9	Response towards helpdesk reports logged via https://helpdesk.um.edu.my	567	84.38	227	94.58
10	Software and Video Conferencing Apps (Zoom/Microsoft Teams/Google Meet/etc.) for learning/research/other student activities	625	93.01	228	95.00
Overall ICT services provided by DoIT		564	83.93	233	97.08

(iii) Tahap kepuasan responden (Pelajar dan Staf) terhadap keseluruhan perkhidmatan dapat dilihat melalui *Overall ICT services provided by Department of Information Technology* dengan peratusan Pelajar 84% dan Staf 97%.

(iv) Dua perkhidmatan yang dinilai oleh Pelajar dan Staf yang memperoleh penilaian terendah adalah:

Maklumbalas dan tindakan ke atas laporan yang dibuat dalam sistem *helpdesk* <https://helpdesk.um.edu.my> (84.38% oleh pelajar);

Network (WiFi) (77.50% oleh staf).

(v) JTM telah mengenal pasti punca-punca yang menyumbang kepada penilaian terendah tersebut beserta cadangan tindakan yang diperlukan bagi mengatasinya.

a. Isu 3(a) - Maklumbalas dan tindakan terhadap aduan

No.	Punca	Tindakan Penambahbaikan
1.	Polisi penyelesaian aduan yang tidak seragam di seluruh kampus.	Mempercepatkan pemakaian arahan kerja dari Bahagian Pengurusan Organisasi dan Governans (BPOG) untuk perhatian dan tindakan.
2.	Saluran pengaduan masalah oleh pelajar yang pelbagai.	Penyeragaman saluran penyelesaian aduan hendaklah diselaraskan hanya di sistem Helpdesk.
3.	Keutamaan penyelesaian aduan di platform selain sistem Helpdesk	

Berdasarkan penilaian dan pengamatan JTM dari aspek jangka masa/tempoh yang diambil oleh staf dalam menyelesaikan sesuatu aduan yang menjelaskan punca kelewatan berlaku ada kaitan dengan perkara -perkara di bawah:

- (1) Kemahiran pegawai yang menyelesaikan aduan;
- (2) Tempoh/masa diambil staf menyelesaikan aduan (rujuk laporan analisa *helpdesk*);
- (3) Polisi penyelesaian aduan yang tidak seragam di seluruh kampus. Pada masa ini hanya JTM dan JPPHB sahaja yang tertakluk kepada objektif kualiti (rujuk QMEC dan BPOG).
 - (a) Isu 3(b) - Perkhidmatan WiFi

No.	Punca	Tindakan Penambahbaikan
1.	Kawasan tiada liputan access point berdekatan.	Tambahan AP di lokasi yang dikenalpasti. Jangkaan pelaksanaan April 2023.
2.	Isu Login page WIFI baru.	Telah diselesaikan pada Disember 2022.
3.	Wireless access point lama berteknologi 802.11ac.	Akan diganti dengan model baru 802.11ax yang boleh menampung lebih ramai pengguna dan bandwidth lebih tinggi. Penggantian akan bermula April 2023 mengikut lokasi.
4.	Wireless access point rosak.	Akan mula digantik April 2023 apabila stok sampai
5.	Network switch yang rosak menyebabkan akses ke wireless internet tergendala.	Proses penggantian akan bermula April 2023.


8.2.4 Laporan Kewangan

Perkhidmatan ICT yang disediakan dan diselenggara oleh JTM meliputi perkara-perkara yang digambarkan dalam rajah di bawah:



Rajah 25: Perkhidmatan-perkhidmatan ditawarkan oleh JTM

Pelaksanaan aktiviti JTM adalah gabungan pelaksanaan aktiviti operasi menggunakan bajet mengurus (BM, OCAR, Tabung, JTK) dan projek-projek baru (RMK).



Rajah 26: Nilai projek-projek ICT mengikut jenis peruntukan

Ringkasan pecahan kos operasi pengurusan ICT menggunakan bajet mengurus operasi OCAR tahun 2022 adalah seperti berikut :

Jadual 8.13: Ringkasan Pecahan Kos Operasi ICT 2022

Jenis Perolehan/ Perbelanjaan	Mengurus (RM)	Peruntukan Tambahan (RM)
Internet Kampus Utama	240,592.86	
Internet Kampus Cawangan	415,057.37	
Penyenggaraan perkakasan Rangkaian	683,851.37	685,008.07
Lesen Perkakasan Rangkaian	487,762.09	
Penyelenggaraan Warranti Pusat Data	1,364,559.56	961,132.43
Keselamatan ICT (Lesen Subscription)	643,202.88	
Lesen Perisian T&L	1,004,534.82	
Lesen multimedia	18,837.58	
Aplikasi Utiliti (Digital Sign & WOS)	94,669.99	
Alat ganti PC	9,899.90	65,105.00
Penggantian CCTV		50,000.00
Selenggara Unified Authentication	29,850.00	
Video Surveillance	22,558.00	
Lesen platform Sistem Maklumat Pelajar	622,093.13	215,561.61
Tenaga Teknikal Tambahan		1,502,929.08
Jumlah Mengikut Peruntukan	5,637,469.55	3,479,736.19
Jumlah keseluruhan		9,117,205.74
Peratus perbelanjaan dari jumlah peruntukan dalaman	61.83	38.17

8.2.5 Sumbangan Sosial Organisasi

JTM kerap menjadi pilihan sebagai tempat untuk melengkapkan salah satu keperluan pengajian pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada dari UM sendiri mahupun pelajar IPT lain di Malaysia.

Berbekalkan pengetahuan, kemahiran insaniah dan praktikal sahaja belum melengkapkan kebolehpasaran seseorang bakal graduan. Melalui pengalaman yang diperolehi sepanjang tempoh latihan industri di PTM, bakal graduan diberi pendedahan kepada dunia sebenar pekerjaan.

Skop latihan yang diberi memfokuskan kepada penyelesaian efektif melalui teknologi terkini bertepatan dengan keperluan jangka pendek dan jangka panjang di PTM.

Taburan penempatan pelajar-pelajar yang mengikuti latihan industri di PTM dalam tahun 2022 dapat dirumuskan seperti dalam Jadual 8.14

Jadual 8.14: Taburan penempatan pelajar latihan industri di JTM tahun 2022

Institusi Pengajian	Jumlah	Bahagian
1. Mara-Japan Industrial Ins. (Mjii)	1	Infrastruktur ICT (Rangkaian)
2. UniKL	2	Penyelesaian Strategik (Multimedia)
3. FSKTM, Universiti Malaya	5	Pengurusan Sistem Enterprise
4. Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang	2	Penyelesaian Strategik (Laman web)
5. Politeknik Muadzam Shah, Pahang	1	Penyelesaian Strategik (Laman web)
6. Uniten	1	Keselamatan Siber
7. UITM Shah Alam	7	1. Infrastruktur ICT (Rangkaian) 2. Pengurusan Sistem Enterprise
8. UITM Kuala Terengganu	1	Penyelesaian Strategik (Laman web)
9. UITM, Perlis	2	Pengurusan Sistem Enterprise
10. UITM, Terengganu	1	Penyelesaian Strategik (Laman web)
11. Intec Education College	1	Keselamatan Siber
Jumlah Keseluruhan	24	

Senarai Institusi Pengajian & Jumlah Pelajar Latihan Industri di Jabatan Teknologi Maklumat pada tahun 2022


PTM akan terus melaksanakan tanggungjawab sosial ini bagi merapatkan jaringan antara pihak IPT dengan industri disamping mencungkil bakat-bakat pelajar IPT dalam dunia teknologi maklumat khususnya.

8.3 OSHE

Bahagian Keselamatan & Kesihatan Pekerja dan Alam Sekitar (OSHE) Universiti Malaya berperanan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kakitangan, pelajar dan orang berkepentingan dalam kampus. Selain itu OSHE juga menguatkuasakan aspek perundangan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan Alam Sekitar (KKPAS) dengan menjalankan fungsi dalam perancangan, pemantauan, pemeriksaan dan pelaksanaan aktiviti berkaitan KKPAS di UM. OSHE juga berusaha ke arah pemantapan pematuhan kepada Akta-Akta yang terpakai termasuk Akta Keselamatan dan Kesihatan (AKKP) (Pindaan 2022). Bagi memastikan objektif tercapai, OSHE telah menjalankan pelbagai program sepanjang tahun 2022. Program yang dijalankan adalah seperti berikut :

- (1) Pematuhan kepada Perundangan
 - (a) OSHE sentiasa berusaha untuk mematuhi keperluan perundangan di bawah aspek KKPAS di Universiti Malaya dan setiap aktiviti dan kerja yang dijalankan berlandaskan peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Tahap pematuhan kepada perundangan seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan lain-lain akta yang berkaitan dengan KKPAS menunjukkan peningkatan yang positif dari tahun 2019 hingga 2022
 - (b) Status pematuhan perundangan keseluruhan Akta KKPAS bagi tahun 2022 ialah sebanyak 65.3% iaitu peningkatan sebanyak 53% berbanding tahun 2019. Pecahan

mengikut akta menunjukkan bahawa Akta KKP 1994 meningkat sebanyak 16.9 %, Akta AKAS meningkat sebanyak 27 % dan lain-lain akta meningkat sebanyak 11.6 %.



Rajah 27: Peratusan Pematuhan KKPAS UM

(2) Kursus/Latihan dan kompetensi yang dijalankan

Untuk memastikan staf terlatih dan kompeten dalam aspek KKPAS dan yang berkaitan, OSHE telah menganjurkan beberapa siri latihan dan kompetensi seperti di bawah:

Bil	Tajuk Kursus	Kumpulan Sasar
1.	OSH – Coordinator	Setiausaha dan ahli Jawatankuasa KKP PTj
2.	Keselamatan Pengendalian Bahan Kimia	Kakitangan makmal yang mengendalikan bahan kimia
3.	5 S (Sisih , Susun , Sapu, Seragam , Sentiasa Amal)	Ahli Jawatankuasa KKP PTj
4.	Siasatan Kemalangan	Ahli JKKP PTj
5.	Organisasi Keselamatan Kebakaran	Pasukan Tindakan Kecemasan PTj
6.	Pemeriksaan Premis Makanan	Ahli Jawatankuasa Premis Makanan PTj
7.	Kesedaran Ergonomik	Kakitangan dalam persekitaran kerja pejabat
8.	Basic Occupational Diseases	Ahli JKKP PTj
9.	Kesedaran Akta Kualiti Udara Alam Sekeliling 1974	Ahli JKKP PTj
10.	Log Out Tag Out (LOTO)	Kakitangan Skim Kejuruteraan



Latihan yang dianjurkan oleh OSHE

(3) Penaksiran dan Pengujian

Bagi memastikan staf dapat bekerja dalam keadaan selamat di makmal maka Chemical Health and Risk Assessment (CHRA) telah dilaksanakan melibatkan 34 makmal di 6 PTJ. CHRA kali ini telah berjaya membuat penaksiran sebanyak 1,929 bahan kimia. Laporan dan perancangan tindakan telah dikemukakan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Kuala Lumpur. Selain itu, Chemical Exposure Monitoring (CEM) telah dijalankan melibatkan 3 makmal, 8 jenis bahan kimia dan 15 orang kakitangan . Bagi pentaksiran Indoor Air Quality (IAQ), penaksiran telah dijalankan di 3 lokasi iaitu Balai Ungku Aziz (Fak Pergigian), Panggung Eksperimen dan Dewan Tunku Canselor. Tindakan pembetulan sedang dilaksanakan yang dikoordinasikan oleh OSHE.

Pelaksanaan Pendaftaran Bertulis Cerobong WN/WD telah dijalankan untuk memastikan cerobong yang digunakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan *Guideline on Document for Fuel Burning Equipment and Air pollution Control System*. Kerja yang dijalankan termasuk mengubahsuai cerobong, menjalankan pemantauan pelepasan pencemaran udara dan menghantar dokumen kepada JAS

Jadual 8.15: Kos Kerja-kerja Penaksiran dan Pengujian yang dijalankan oleh OSHE pada tahun 2022

No	Nama Penaksiran dan Pengujian	Kos (RM)
1	Chemical Health and Risk Assessment (CHRA)	136,000.00
2	Chemical Exposure Monitoring (CEM)	19,875 .00
3	Indoor Air Quality (IAQ)	15,158 .00
4	Written Notification & Written Declaration (WN/WD) Chimney	45,000.00



Chemical Health and Risk Assessment (CHRA)



Chemical Exposure Monitoring (CEM)



Indoor Air Quality (IAQ)



Written Notification & Written Declaration (WN/WD) Chimney

(4) Penguatkuasaan dan Pemantauan

OSHE telah melaksanakan Audit KKPAS di 6 PTJ bertujuan untuk memeriksa, menilai serta memperolehi gambaran keseluruhan pelaksanaan pengurusan KKP di PTJ. Sesi audit ini dijalankan oleh Auditor yang terlatih dalam kalangan pegawai daripada OSHE. Setiap sesi audit yang dijalankan memakan masa selama 3 ke 5 hari bekerja bagi menjalankan audit dokumen, audit fizikal dan sesi temu bual. Sesi Audit KKPAS yang dijalankan adalah seperti berikut :

No	Tarikh	PTJ / Jabatan
1	21 – 22 Jan 2022	Fakulti Seni Kreatif (FSK)
2	21 – 25 Feb 2022	Fakulti Kejuruteraan (FKUM)
3	21 -22 Jun 2022	Jabatan Pengurusan dan Perkhidmatan Akademik (AASD)
4	15 – 17 Ogos 2022	Pusat Asasi Sains (PASUM)
5	19 – 20 Oktober 2022	Fakulti Farmasi
6	1 – 2 Dis 2022	Akademi Pengajian Islam (APIUM)



Sesi Audit yang dijalankan pada tahun 2022

OSHE telah melaksanakan Pematuhan Keselamatan (Safety Compliance, SC) bagi memastikan segala arahan dan peraturan berkaitan dengan KKPAS dipatuhi . Perkara ini amat penting untuk mengelakkan pelanggaran peraturan yang akan mengundang kepada kemalangan. SC juga boleh dijalankan di PTj masing-masing oleh Ahli JKKP Pusat yang mempunyai kad kuasa.

(5) Keterlibatan dan Jaringan

OSHE telah menjalan 6 sesi Hari Bertemu Pelanggan (HBP) yang melibatkan 21 PTj/ Jabatan. Keunikan HBP ini adalah kerana OSHE telah pergi ke setiap PTj untuk menawarkan perkhidmatan melalui interaksi , perhubungan dan khidmat nasihat terus kepada pelanggan yang terdiri daripada kakitangan, pelajar dan pihak yang berkepentingan. Maklumbalas daripada HBP ini amat menggalakkan dan lebih 90% isu yang dibawa dalam program ini berjaya diselesaikan . Kebanyakan isu yang dibincangkan adalah berbentuk khidmat nasihat dan pandangan dalam menjalankan aktiviti KKPAS di PTj. Sesi yang dijalankan adalah seperti berikut.

Sesi	Tarikh	PTj Terlibat
1	5 & 6 April 2022	TNC (P&I), APIUM , FSK, FSSE, TNC (HEP), Zon 4 (KK11 & KK12)
2	17 – 18 Mei 2022	Fak Pergigian, Fak Farmasi , Zon 1 (KK1, KK2 & KK 6) , PNC (IPM)
3	28 -29 Jun 2022	Fak Kejuruteraan, FAB, FPE, F Pendidikan , FSSS, TNC (Akademik & Antarabangsa)
4	2 – 3 Ogos 2022	F Sains, APM, PASUM, KK Zon 2 (KK3, KK4 & KK7), PNC (JG)
5	5 – 7 Okt 2022	FSKTM, Zon 3 (KK8 & KK10 & KK5), Zon 5 (KK9, International House, Apartment Jepun), Zon 6 (KK 13), TNC (PNP), Pej Naib Canselor
6	15 – 16 Nov 2022	Institut Asia Eropah (AEI), UMCCED, Pendaftar, Bendahari, PNC (SK)



Sesi Hari Bertemu Pelanggan tahun 2022

OSHE juga telah melaksanakan program Student Safety Ambassador (SSA) yang melantik pelajar sebagai duta KKPAS dalam kampus. Sebanyak 58 orang pelajar dilantik menerusi Pengurusan PTJ masing-masing yang terdiri daripada 32 orang dari PTJ Akademik dan 26 orang dari Kolej Kediaman. Program yang melibatkan SSA termasuklah latihan dan kompetensi, Audit KKPAS, Mesyuarat JKKP dan Hari Bertemu Pelanggan.

OSHE sentiasa bekerjasama erat dan menganjurkan aktiviti secara berkala dengan agensi penguatkuasa seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), JKKP, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Agensi ini berperanan dalam aspek memberikan latihan, pelaporan serta pengurusan sesuatu insiden dan kecemasan.

(6) Pengurusan COVID-19

OSHE merupakan seketeriat kepada Jawatankuasa Pengurusan COVID-19 Universiti Malaya. Selain itu, OSHE telah berjaya menghebah, membangun dan mengemaskini dari semasa ke semasa prosedur dan borang pengurusan COVID-19 dari Majlis Keselamatan Negara (MKN), KKM dan KPT yang digunapakai untuk seluruh warga UM. Antara prosedur yang dibangunkan ialah SOP Fasa Peralihan ke Endemik Universiti Malaya. OSHE juga berperanan dalam menguruskan data, statistik kes positif dan kontak rapat serta membuat pelaporan kepada KPT secara berkala seperti yang ditetapkan. OSHE juga mengkoordinasikan kerja disinfeksi di ruang yang tercemar akibat dihadiri oleh individu positif Covid-19.

8.4 Kesarjanaan Digital dan Maklumat Semesta (DSIC)

Pada tahun 2022 perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan dibuka sepenuhnya kepada pengguna. Beberapa inisiatif dan aktiviti yang melibatkan pengguna turut diadakan bagi mendukung pelaksanaan Pelan Strategik Perpustakaan yang berfokus kepada (1) memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar, (2) memperkasakan kerjasama penyelidikan untuk manfaat sejagat, (3) berkembang sebagai organisasi pembelajaran yang memupuk dan memperkasakan bakat, (4) enhance equitable environment for education, engagement & inspiration our place: nationally & globally, dan (5) meningkatkan perkongsian strategik & penglibatan komuniti.

8.4.1 Perkhidmatan Pertanyaan dan Rujukan


Bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran, perpustakaan telah melaksanakan perkhidmatan rujukan dan pertanyaan secara maya menggunakan aplikasi LiveChat. Sepanjang tempoh Januari sehingga Disember 2022, sebanyak 12,736 pertanyaan secara langsung (*live chat*) dan 2,522 pertanyaan secara *offline (tickets)* telah direkodkan. Perkhidmatan ini telah ditambahbaik dengan memperkenalkan aplikasi perkhidmatan *chatbot* pada September 2022 di mana semua persoalan berkaitan perkhidmatan perpustakaan dijawab terus walaupun di luar waktu pejabat, dan sepanjang tempoh 4 bulan, *chatbot* telah mencatatkan sejumlah 4,984 pertanyaan.

Jadual 8.16: Statistik Pertanyaan dan Rujukan Melalui LiveChat 2022

MONTH	CHATS	TICKETS	TICKETS & CHATS
JANUARY	1,278	446	1,724
FEBRUARY	724	202	926
MARCH	1,212	278	1,490
APRIL	1,087	288	1,375
MAY	815	215	1030
JUNE	1193	250	1,443
JULY	852	188	1,040
AUGUST	883	154	1,037
SEPTEMBER	1019	123	1,142
OCTOBER	1040	135	1,175
NOVEMBER	1346	120	1,466
DECEMBER	1287	123	1,410
TOTAL	12,736	2,522	15,258

8.4.2 Perkhidmatan Pendidikan Perpustakaan

Terdapat tiga (3) kursus yang ditawarkan dan dijalankan serentak sepanjang tahun ini iaitu Kursus Literasi Maklumat (GIG1004) merupakan kursus wajib Universiti bagi pelajar Tahun Satu Ijazah Dasar, Kursus Literasi Maklumat (GIG1010) iaitu kursus wajib Universiti bagi pelajar Sarjana Muda Jurisprudens sahaja dan Kursus Pencarian Maklumat, Penulisan dan Penerbitan Ilmiah (GBX0009) kursus elektif Universiti bagi pelajar Ijazah Dasar. Ketiga-tiga kursus ini dilaksanakan secara maya sepenuhnya untuk menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan pelajar Ijazah Dasar dengan menggunakan aplikasi MS Teams dan Google Meet. Jumlah kumpulan kelas dan bilangan pelajar bagi kursus-kursus tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 8.17.



Carta 1: Koleksi Perpustakaan pada 31 Disember 2022

Jadual 8.17. Jumlah kumpulan kelas dan bilangan pelajar kursus Ijazah Dasar

Kod Kursus	Semester 2, Sesi 2021/2022		Semester 1, Sesi 2022/2023		Penggal Sesi 2022/2023
	GIG1004	GBX0009	GIG1004	GBX0009	GIG1010
Tajuk Kursus	Kursus Literasi Maklumat	Kursus Pencarian Maklumat, Penulisan dan Penerbitan Ilmiah	Kursus Literasi Maklumat	Kursus Pencarian Maklumat, Penulisan dan Penerbitan Ilmiah	Kursus Literasi Maklumat (khas untuk pelajar Sarjana Muda Jurisprudens)
Bilangan Kumpulan Kelas	14	4	17	4	1
Bilangan Pelajar	410	240	700	198	79

Selain daripada kelas untuk pelajar Ijazah Dasar, Perpustakaan turut telah melaksanakan secara maya dan fizikal sejumlah 242 Bengkel/Latihan/Bimbingan/Sesi Kemahiran Maklumat untuk penyelidikan.

Perpustakaan juga menerima jemputan untuk mengendalikan *Module 2: Introduction to UM Library's Scholarly Resource and Creating your Researcher Profile (Briefing on Researcher ID, Scopus ID & Orcid)* dalam Program *Emerald Research And Supervision*. Program ini adalah anjuran ADeC untuk pensyarah UM dan dihadiri oleh 15 orang peserta secara fizikal.

8.4.3 Pembangunan Koleksi Perpustakaan

Koleksi perpustakaan ditambah sebanyak 4,615 naskhah. Carta 1 menunjukkan pecahan koleksi Perpustakaan yang terkini. Pertambahan koleksi disumbangkan terutamanya oleh bahan bercetak dan bahan digital. Koleksi bahan bercetak terdiri daripada buku, jurnal, kertas persidangan, buletin, tesis, piawaian dan lain-lain. Bahan bukan bercetak merupakan mikrofilm, mikrofilem, foto, kaset, piring hitam, multimedia dan lain-lain. Manakala bahan digital merangkumi cakera padat audio, cakera padat video, buku elektronik, *digital library* dan jurnal elektronik. Jumlah pertambahan koleksi pada tahun 2022 beserta kumulatif hingga berakhir 31 Disember 2022 bagi pecahan bahan bercetak, bahan bukan bercetak dan bahan digital adalah seperti yang dipaparkan di Jadual 8.18.

Lebih daripada 8.66 juta (RM8,660,203) telah dibelanjakan bagi menampung kos langganan pangkalan data (RM8,317,349) dan perolehan buku (RM342,853) untuk tahun 2022.

Jadual 8.18: Kumulatif Koleksi Bercetak, Bukan Bercetak dan Bahan Digital sehingga Tahun 2022 dan jumlah pertambahan daripada tahun 2021


Bercetak		Bukan Bercetak		Digital	
Pertambahan 2022	Kumulatif hingga 2022	Pertambahan 2022	Kumulatif hingga 2022	Pertambahan 2022	Kumulatif hingga 2022
3,967	1,498,939	8	472,825	11,285	293,904

Repositori institusi yang dibangun dan diselenggara oleh Perpustakaan terdiri daripada UM Research Repository, Students Repository, Common Repository dan UM Memory menambah 5,920 objek digital pada tahun 2022. Sehingga kini, terdapat 61,501 objek digital berbanding 55,499 objek digital pada tahun 2021 (kenaikan sebanyak 9.8%). Jadual 8.19 menunjukkan bilangan objek digital mengikut repositori. *Research Repository* mengandungi karya penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik Universiti Malaya. *Student's Repository* mengarkib hasil karya pelajar seperti tesis, disertasi dan kertas projek, manakala *Common Repository* menyimpan salinan digital bahan lama seperti warta kerajaan, majalah dan buku yang memudahkan capaian dan aksesibiliti manakala UM Memory menyimpan gambar bersejarah Universiti Malaya. Capaian kepada Student Repository mencatatkan jumlah 50,819 berbanding 53,362 pada tahun 2021 manakala Research Repository merekodkan capaian 28,525 berbanding 14,641 pada tahun lepas.

Jadual 8.19: Statistik penambahan objek digital ke Repositori Institusi Perpustakaan pada 31 Disember 2022

Repositori Institusi	Pertambahan 2022	Kumulatif hingga 2022
UM Research Repository	4,337	25,040
Students Repository	613	11,903
Common Repository	536	12,589
UM Memory	434	11,969
JUMLAH	5,920	61,501

Perpustakaan telah menggunakan OpenAthens sebagai sistem autentikasi mulai 23 Jun 2022 yang diintegrasikan dengan Single Sign On Universiti Malaya. Bagi tempoh Jun sehingga Disember 2022, sejumlah 211,644 autentikasi telah direkodkan.



8.4.4 Kunjungan ke Perpustakaan

Sepanjang tahun 2022, sejumlah 598,567 telah hadir ke Perpustakaan secara fizikal. Selain kunjungan fizikal, Perpustakaan turut merekodkan kunjungan maya iaitu kunjungan pengguna ke laman sesawang Perpustakaan, akses pangkalan data repositori institusi dan lain-lain sumber maklumat digital. Aplikasi LibKey dan BrowZine yang menawarkan pelbagai kemudahan akses e-jurnal, mobile, fungsi personalization, *current awareness service* dan lain-lain juga telah dilanggan oleh Perpustakaan. Jadual 8.20 menunjukkan jumlah statistik kunjungan maya mengikut sumber akses.

Jadual 8.20. Statistik Kunjungan ke Perpustakaan Mengikut Sumber Akses 2022

Sumber Maklumat Digital 2022	Kunjungan (Total Visits)	Visitors
Research Repository	28,525	14,753
Student Repository	50,819	30,265
Common Repository	2,111	1,235
Laman Sesawang (English)	543,248	115,780
Laman Sesawang (Bahasa Malaysia)	17,513	5,676
Pendeta Discovery	692,652	52,848
A-Z Online Database	432,232	-
LibGuides	433,866 (views)	-
Browzine & LibKey	21,392 (TOC Views)	-

8.4.5 Program / Aktiviti Perpustakaan

Program Sejarah Lisan: Mantan Naib Canselor dan Profesor Emeritus Universiti Malaya

Perpustakaan melalui Pasukan Sejarah Lisan telah meneruskan Program Sejarah Lisan dengan aktiviti temubual, transkripsi dan penghasilan video. Ianya bertujuan untuk mengumpul maklumat dan *tacit knowledge* daripada tokoh Universiti Malaya yang telah bersara. Sesi temu bual telah diadakan pada:

- (1) Tan Sri Dato Prof Dr Mohd Amin Jalaludin pada 13 Jun 2022.
- (2) Prof Dr Rahimah Abdul Kadir pada 28 April 2022.
- (3) Profesor Emeritus Datuk Abu Bakar Abdul Hamid pada 23 Jun 2022.

Program Human Library dan Pameran

Seperti yang telah dirancang di dalam Pelan Strategik Perpustakaan, program *human library* mula dijalankan pada tahun 2022 untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan penggunaan ruang perpustakaan sebagai tempat yang memberi inspirasi selain daripada memenuhi keperluan maklumat. Berikut adalah antara aktiviti yang telah dijalankan:

- (1) Webinar Kehidupan Sebagai Manusia Bugis oleh En Alwi Daud pada 8 September 2022.
- (2) Launching of sketches of peace and hope: Journey of Humanitarian healthcare workers (Exhibition and dialogue) oleh Sister Mathina Ghulam Mydin pada 27 Oktober 2022.
- (3) A Lifelong Love Affair With Textiles oleh Pn Rosidah Abdullah pada 8 Disember 2022.
- (4) Pameran tekstil di Perpustakaan Utama pada 5 – 12 Disember 2022.
- (5) Library Clients' Day pada 12 Disember 2022
- (6) Little Bad Wolf - Book Charity Giveaway pada 21 – 23 Disember 2022
- (7) A work life balance: Don't forget to play oleh Dr Mohazmi Mohamed pada 23 Disember 2022.
- (8) Creating a safe workplace oleh Encik Mohamad A'azizan Mustafa pada 29 Disember 2022.

8.5 Muzium Seni Asia (MSA)

8.5.1 Program aktiviti sepanjang tahun 2022


Pada tahun 2022 Muzium Seni Asia telah mengadakan beberapa aktiviti yang berimpak tinggi serta jalinan dan kolaborasi yang baik dengan pelbagai industri. Muzium Seni Asia sentiasa menitikberatkan kualiti dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan bagi menjamin kecemerlangan institusi permuziuman serta keperluan nasional dan antarabangsa. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang tahun 2022 ialah:

- (i) Pameran The Great Ming Dinasti telah dilaksanakan pada 28 Januari hingga 28 April 2022 yang mempamerkan sejumlah 284 artifak dari Dinasti Ming yang berkonsepkan “Blue & White” dari pemerintahan Maharaja Xuenda dan hasil-hasil koleksi dari Admiral Cheng Ho (Zheng He) yang telah mengadakan perjalanan dan perolehan bahan-bahan *cobalt blue* di negara-negara Asia Barat. Selain itu, MSA turut mempamerkan koleksi peribadi oleh Kurator Kehormat dan belum pernah dipamerkan di Muzium-muzium lain.
- (ii) Pameran *A Rare Collections from Southeast Asia* berlangsung pada 30 Mei 2022 hingga 29 Julai 2022. Pameran ini mempunyai keunikan tersendiri yang terdapat pada motif, warna, bentuk dan fungsi. Antara koleksi yang dipamerkan ialah tembikar Ban Chiang, Topeng atau Hudo daripada Orang Kenyah dan Kayan, hadiah daripada pengumpul bernama Nelson dari Kuching. Selain itu, sejumlah arca Orang Asli dari suku kaum Jah Hut di Jerantut, Pahang turut dipamerkan. Kain Limar dan kain Cindai – koleksi tekstil *double tie* dari Ahmadabad India dan Terengganu juga diketengahkan pada pameran ini. Koleksi tembikar batu Rajasthan, koleksi Terracota dari Assam, India. Tembikar batu Majapahit dalam glasir warna caramel / gula hangus dan ukiran tradisional Melayu juga memberikan impak yang tinggi apabila dipamerkan.





- (iii) Hari Muzium Antarabangsa yang disambut oleh setiap muzium di seluruh dunia pada 18 Mei setiap tahun adalah hasil resolusi Persidangan Majlis Muzium Antarabangsa ke 12 oleh ICOM (*International Council of Museums*) pada tahun 1977. Tahun 2022, Muzium Negeri Kelantan dilantik menjadi tuan rumah dan HMA diadakan mulai 19 Jun 2022 hingga 25 Jun 2022 dengan tema *The Power of Museums*. MSA telah mempamerkan koleksi tetap iaitu THE SUKHOTAI AND SAWANKHALOK COLLECTION dari era Thai Sawankhalok abad ke 15. Dari aspek perkembangan seni seramik komersial di Asia, produk Sukothai Sawankhalok adalah dari wilayah Si Satchanai, Thailand mempunyai sejarah penting selepas artifak Ban Chiang yang berasaskan tembikar tanah hingga ke batu. Pada HMA 2022, MSA telah memenangi tempat ketiga acara *Booth Pameran Menepati Tema*.
- (iv) MSA telah menjalin kolaborasi bersama Japan Foundation Kuala Lumpur untuk mengadakan Pameran Yakisheme – *Earth Metamorphosis Ceramic* yang dilaksanakan pada 17 Oktober 2022 hingga 25 November 2022. Yakisheme digambarkan sebagai cara paling asas untuk menghasilkan seramik dengan membakar seramik pada suhu tinggi. Pameran ini memaparkan seramik sebagai sebahagian daripada budaya tradisional Jepun. Yakisheme bermula pada akhir abad ke 12 di Bizen, Tokoname, Shigaraki dan seramik berdasarkan tradisi seramik yang bermula pada abad ke 4 atau ke 5.
- Pada zaman Momoyama (1568 – 1615) Yakisheme adalah seramik yang berharga. Hari ini, pengkarya seramik menghasilkan objek *d’art* bentuk fungsional dan estetika yang telah menjadi gaya seramik mampan di Jepun. Sepanjang pameran berlangsung, Muzium Seni Asia turut mengadakan Program Bicara Khas Muzium bertajuk “Dasar Pandang ke Timur: Terasnya Apa?” yang dikongsikan oleh Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Disamping itu, Muzium Seni Asia bertukar idea baru dengan industri luar yang dikongsikan oleh Edaran Otomobil Nasional Berhad di dalam Bicara Khas Muzium: *Integrating Japanese Culture into My Company*.
- (v) Galeri Seni turut mengambil bahagian dalam melaksanakan pameran di Muzium Seni Asia. Pameran Koleksi Karya Seni telah berlangsung pada 13 Disember 2022 hingga 16 Januari 2023. Pameran bertajuk Warisan ini adalah koleksi lukisan terawal dimiliki



pada tahun 1955 hingga tahun 1978. Sebahagian karya seni yang di pameran adalah sumbangan yang diterima daripada Canselor Universiti Malaya yang pertama Tuan Yang Terutama Malcom Mac Donald. Di samping itu, karya pelukis tempatan juga diketengahkan untuk menggambarkan naratif pembangunan seni Malaysia yang matang.

- (vi) Pada 7 September 2022 hingga 7 Oktober 2022, MSA telah menyertai menyertai Galeri Penyelidikan Universiti Malaya yang dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan Institut Penyelidikan dan Perkhidmatan Penyelidikan. Konsep yang diketengahkan oleh MSA adalah Mah Meri *Unmasked*.

8.5.2 Pelajar Latihan Industri di MSA

Pada tahun 2022, MSA telah menerima empat (4) orang pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan untuk menjalani Latihan Industri dan perlu melengkapkan 8 jam kredit mengikut program pengajian.

8.5.3 Penyelidikan

Penyelidikan Muzium Seni Asia (yang sedang berjalan)


Bil.	Penyelidikan	Status
1.	Penyelidikan Martaban bersama Jabatan Muzium Malaysia (2019 – sehingga kini)	
2.	Penyelidikan Jumpaan Kawasan Pulau Melaka dan Shahbandar (2021 – sehingga kini)	

8.5.4 Kolaborasi Antarabangsa

MSA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dengan Universiti Durham pada 1 November 2022 dan sempena lawatan oleh pihak Universiti Durham ke Universiti Malaya, MSA telah mempamerkan Koleksi Malcom Mac Donald untuk memperagakan kepada delegasi yang diketuai oleh Profesor Claire O'Malley, *PVC – Global* dan Dr. Joe Mulhern, *International Partnership Manager*.

8.5.5 Kunjungan Pelawat ke MSA

Setiap tahun MSA menerima pelawat dari pelbagai organisasi. MSA sering dijadikan tempat wajib untuk dilawati oleh Sekolah-sekolah di seluruh negeri di dalam Malaysia. Disamping itu organisasi lain juga, tidak melepaskan peluang untuk membuat lawatan ke MSA. Senarai lawatan yang melawat ke MSA bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:



Lawatan (Dalam Negeri)

No.	Nama Sekolah
1.	Sekolah Sri Langat, Selangor
2.	Sekolah Tahfiz dan Anak yatim (Stay), Angkatan Tentera Malaysia, Kem Perdana Sungai Besi, KL
3.	Sekolah Menengah Sultan Abdul Jalil, Kluang, Johor
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Putra Perlis
5.	Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Rengam, Kluang
6.	Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Lipis, Pahang
7.	Sekolah Menengah Kueh Cheng, KL

Lawatan (Antarabangsa)

No.	Nama Sekolah
1.	Universiti Thammasat, Thailand
2.	Universitas Negeri Malang, Indonesia
3.	Villa International High School Maldives
4.	Universitas Indonesia

8.6 Pusat Sukan

8.6.1 Pencapaian Sukan & Rekreasi Sepanjang tahun 2022

Program sukan dan rekreasi di kampus Universiti Malaya kembali rancak setelah negara membuka semua sektor kembali aktif seperti sedia kala selepas pandemik Covid-19. Tidak terkecuali adalah sektor sukan terutama di Institusi Pengajian Tinggi. Kemeriahan dan keterlibatan semua pihak kembali merencanakan lagi warna-warni program dan aktiviti di kampus.

Sepanjang tahun 2022, beberapa program dalaman telah dilaksanakan kepada warga kampus secara keseluruhannya. Antaranya adalah:

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1	Klinik Olahraga	8 – 10 Februari	Stadium Arena UM
2	Klinik Dart	22 – 24 Februari	Dewan Serbaguna Arena
3	Klinik Bola Tampar	8 – 10 Mac	Dewan Serbaguna PS
4	Klinik Lawn Bowls	2 April	Turf Varsiti
5	Interzone Staf	16 -31 Mei & 1-17 Jun	Seluruh Kampus
6	Ekspedisi Tasik Kenyir	22-24 Julai	Tasik Kenyir, Terengganu
7	Kejohanan Dart Tertutup Staf	23 Julai	Dewan Serbaguna Arena
8	Kejohanan Tenpin Bowling UM	13 Ogos	Endah Parade, Bukit Jalil
9	Program Belia IPT Jelajah Desa	8-12 September	Pulau Pangkor, Perak
10	Kejohanan Karom Terbuka UM	10 September	Dewan Semarak, APM
11	Kejohanan Dart Terbuka UM	1 Oktober	Dewan Semarak, APM
12	Kursus Kemahiran Aktiviti Luar	27-30 Oktober	Kuala Trong, Perak
13	Kejohanan Petanque Terbuka UM	28-30 Oktober	Pudu Ulu, WPKL
14	Program Belia IPT Jelajah Desa	3-6 November	Kg. Titi, Mersing
15	Anugerah Sukan Universiti Malaya (ASUM)	15 Disember	PAUM

Selain itu, Universiti Malaya juga turut menyertai beberapa siri sukan yang dianjurkan secara maya oleh pihak-pihak berkaitan, antaranya :

BIL	NAMA KEJOHANAN/ PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	PENCAPAIAN
1	KEJOHANAN PETANQUE KPT 2022	KOLEJ KOMUNITI (KUALA LANGAT)	16-20 MAC 2022	1 PERAK
2	KARNIVAL SUKAN MASUM FASA 1 (4 ACARA)	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)	23-27 MAC 2022	3 EMAS 4 PERAK 1 GANGSA
3	FUTSAL LIGA IPT 2022 (FASA 1)	USM, P.PINANG	25 - 29 MAC 2022	PERINGKAT KUMPULAN
4	KEJOHANAN BOLA TAMPAR MFBJ YOUTH CHAMP	CENTRE COURT PAROI, NEGERI SEMBILAN	28 MEI 2022	SUKU AKHIR
5	SUKAN RAKET IPT 2022 (4 ACARA)	UKM , UM	26-29 MEI 2022	1 EMAS 5 PERAK 5 GANGSA
6	LAWN BOWL IPT 2022	SEREMBAN 2	26-29 MEI 2022	
7	SEPAK TAKRAW IPT 2022	UITM SHAH ALAM	26-29 MEI 2022	
8	KEJOHANAN OLAMHRAGA IPT SIRKIT 2	STADIUM KANGAR PERLIS	19-23 MEI 2022	1 EMAS 1 PERAK 4 GANGSA

BIL	NAMA KEJOHANAN/ PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	PENCAPAIAN
9	FUTSAL LIGA IPT 2022 (FASA 2 & 3)	UIAM, KUANTAN, FASA 2 / UMT, UNISZA, FASA 3	27 - 30 MEI / 10 - 13 JUN 2022	TEMPAT KE 5
10	KEJ. TAEKWONDO NATIONAL VARSITY CHAMPIONSHIP 2022	DWN POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN PERLIS	3 - 5 JUN 2022	5 EMAS, 1 GANGSA
11	KEJ. BOLA BALING TERBUKA PIALA MPAJ 2022	SPORT PLANET AMPANG	4 - 6 JUN 2022	PUSINGAN KEDUA
12	KEJ. KABADDI INTERVARSITI KALAM 2.0	KOMPLEKS SUKAN MINDEN, USM	12 Jun 2022	JOHAN (L/W)
13	KEJ. RAGBI PIALA MPAJ 2022	PADANG MSN KERAMAT	18 Jun 2022	SUKU AKHIR
14	KEJ. SPORT SYNERGY 2022	UM/UIAM/UTM/ UPNM	18 - 26 JUN 2022	KATEGORI PELAJAR: BADMINTON: JOHAN BOLA TAMPAR : JOHAN BOLA JARING : TEMPAT KE-3 BOLA SEPAK : NAIB JOHAN TENPIN BOLING : LELAKI TEMPAT KE-3 : WANITA JOHAN KATEGORI STAF: BADMINTON : JOHAN BOLA TAMPAR : JOHAN BOLA JARING : NAIB JOHAN BOLA SEPAK : NAIB JOHAN TENPIN BOLING : LELAKI & WANITA JOHAN
15	SUKAN BADAN BERKANUN VIRTUAL EDITION	ESI SPACERUBIC PUCHONG	21-24 JUN 2022	PUSINGAN KE-16
16	FUTSAL IPT 2022 (KARNIVAL WANITA)	UMT & UNISZA, TERENGGANU	16 - 20 JUN 2022	NAIB JOHAN
17	MAKSWIP SEPAKTAKRAW	STADIUM TITIWANGSA, KUALA LUMPUR	2 - 5 JUN 2022	JOHAN (VETERAN)
18	KEJOHANAN MENEMBAK 10M	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MAYLSIA (UPNM)	29 JUN - 3 JULAI 2022	TEMPAT KE-4
19	KEJOHANAN SUKIPT 2022 (23 ACARA)	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)	11 - 21 OGOS 2022	TEMPAT KE-4 KESELURUHAN (15 EMAS , 13 PERAK, 12 GANGSA)
20	KEJOHANAN SUKUM 2022 (20 ACARA)	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)	16-24 SEPTEMBER 2022	TEMPAT KE-5 KESELURUHAN (10 EMAS, 10 PERAK, 13 GANGSA)

BIL	NAMA KEJOHANAN/ PROGRAM	TEMPAT	TARIKH	PENCAPAIAN
21	KEJOHANAN OLAHRAGA IPT SIRKIT 4	STADIUM SULTAN MIZA, TERANGGANU (UMT)	11-13 NOVEMBER 2022	1 PERAK, 4 GANGSA, 2 GANGSA TEMPAT KE-4
22	KL LEAGUE 2022	LEMBAH KLANG	JULAI - NOVEMBER	1st game lawan ukm fc menang 3-0 2nd vs Putera Bandar FC 1-1 3rd vs Estaletta FC 1-1 4th vs Gerakan KL FC kalah 0-2 5th vs HKL FC kalah 1-6 6th vs KL City Boys menang 1-0 7th vs Titiwangsa FC kalah 2-4 8th vs Bomba FC kalah 2-4 9th vs CCFC kalah 3-5
23	LIGA BOLA SEPAK IPT DIVISYEN 2, 2022	UNIMAP, PERLIS	DISEMBER	Tempat ke-3
24	GRAND FINAL OLAHRAGA IPT			2 EMAS, 2 GANGSA, 2 PERAK

Perbelanjaan keseluruhan bagi penyertaan elit oleh pasukan elit Universiti Malaya pelajar dan staf serta penganjuran program sukan dalaman ini berjumlah keseluruhan RM 571,220.85 daripada peruntukan OCAR Sukan.

Sertai Kami
KURSUS KEMAHIRAN AKTIVITI LOAR (REKREASI)

Bahagian Kemudahan & Perkhidmatan Sukan (BKPS) Universiti Malaya.

Tarikh : 27-30 Oktober 2022
Tempat : Hutan Simpan Bubu Trang & Kuala Trang

Yuran kursus adalah seperti berikut:

1. Pelajar RM 30.00
2. Staf RM 50.00

Untuk pendaftaran sila scan code di bawah:

TAHNIAH!!!
KEJAHATAN OLIMPIADA IPT, SINGKAP 4 ZON TERBUK
9-13 NOVEMBER 2022
STADIUM RAJAH TENGGU MUHAMMAD ISMAIL, KUALA TERENGGANU

TAHNIAH
10 10 13
KEPADA ATLET STAF UM ATAS KEJAYAAN YANG CEMERLANG DI SUKUM 2022

KURSUS BOLA BASKET
12-13 NOVEMBER 2022

SERAK TAKRAW BADMINTON BOLA TAMPAR

ANUGERAH SUKAN UNIVERSITI MALAYA 2022

TAHNIAH! DICAPKAN KEPADA PARA PENERIMA ANUGERAH

TAHNIAH! KONTINJEN UM SUKIPT-2022

8.6.2 BKPS - Baik Pulih Fasilitas Kemudahan Sukan

Bagi tahun 2022, kerja baik pulih dan penyelenggaraan fasiliti sukan di kampus dijalankan mengikut jadual dan perancangan yang telah ditetapkan. Berikut antara kerja-kerja yang dilaksanakan iaitu:

- (1) Kerja penggantian jubin di hadapan pejabat BKPS.
- (2) Pembaikan Pintu Kaca Utama Blok A, Pusat Sukan & Penggantian Lampu Limbah Dewan Serbaguna Pusat Sukan
- (3) Pembaikan dinding board di Studio Sukan 2, Blok A
- (4) Pembaikan dinding Kompleks Skuasy UM
- (5) Penyelenggaraan Lampu Limbah Gelanggang Serbaguna Varsiti



1. Kerja penggantian jubin di hadapan pejabat BKPS.
2. Pembaikan Pintu Kaca Utama Blok A, Pusat Sukan & Penggantian Lampu Limbah Dewan Serbaguna Pusat Sukan
3. Pembaikan dinding board di Studio Sukan 2, Blok A
4. Pembaikan dinding Kompleks Skuasy UM
5. Penyelenggaraan Lampu Limbah Gelanggang Serbaguna Varsiti



BAHAGIAN

09 Pengantarabangsaan dan Jaringan Global



Pengantarabangsaan pendidikan tinggi digambarkan sebagai proses mengintegrasikan hubungan antara individu, budaya, institusi dan negara ke dalam matlamat atau sistem sesebuah universiti di peringkat global.

Dengan mengambil kira senario semasa dan perubahan landskap pendidikan tinggi dunia, Universiti Malaya melalui Pelan Strategik Antarabangsa Universiti Malaya 2021-2025 yang berteraskan Pelan Strategik Universiti Malaya 2021-2025 dan Pelan Transformasi Universiti Malaya 2021-2030 dijadikan panduan dalam mencapai visi universiti iaitu 'A Global University Impacting the World'.

Melalui Pelan Strategik Antarabangsa Universiti Malaya 2021-2025, program pengantarabangsaan dapat dilaksanakan dengan strategik dan komprehensif dan seterusnya



memartabatkan UM ke arah institusi pendidikan tinggi bertaraf dunia. Selain dari itu, strategi pengantarabangsaan yang baharu dapat diterokai dengan penglibatan dan pendedahan warga UM di arena global.

Dalam usaha penyeragaman tadbir urus setiap entiti, struktur pengantarabangsaan yang lebih teratur dan sistematik telah dikemaskini dengan Nomenklatur bagi Portfolio Penolong Naib Canselor (Jaringan Global) yang baharu sepertimana carta organisasi berikut:



Melalui struktur dan nomenklatur baharu yang berkuatkuasa mulai 12 Ogos 2022, antara entiti yang terlibat ialah Pusat Hubungan Antarabangsa, Bahagian Pengayaan Global dan Mobiliti dan Bahagian Pengambilan dan Pemasaran. Selaras dengan nomenklatur jawatan pentadbiran bukan akademik ini, Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat ialah Bahagian Pengayaan Global dan Mobiliti dan Bahagian Pengambilan dan Pemasaran seperti di Jadual 9.1.

Jadual 9.1: Struktur dan nomenklatur baharu PTj yang terlibat dalam Portfolio PNC(JG)

Bil	Entiti (Bahasa Melayu)	Entiti (Bahasa Inggeris)	Nomenklatur Jawatan Pentadbiran (Bahasa Malaysia)	Nomenklatur Jawatan Pentadbiran (Bahasa Inggeris)
1	Pusat Hubungan Antarabangsa	<i>International Relations Centre</i>	Pengarah	<i>Director</i>
2	Bahagian Pengayaan Global dan Mobiliti	<i>Global Enrichment and Mobility Division</i>	Ketua	<i>Head</i>
3	Bahagian Pemasaran dan Pengambilan	<i>Marketing and Recruitment Division</i>	Ketua	<i>Head</i>

9.1 Jaringan Kolaborasi Dan Hubungan Luar

Dalam usaha meningkatkan visibiliti UM di peringkat antarabangsa, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan dan mengukuhkan lagi jaringan kolaborasi dan hubungan kerjasama dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa melalui Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) serta lain-lain dokumen perjanjian.

Secara perbandingan, UM telah menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 17.7% melalui memorandum persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) di peringkat tempatan dan antarabangsa yang telah ditandatangani pada tahun 2022 berbanding 2021 iaitu daripada 270 kepada 226.

Jadual 9.1: Perjanjian yang telah ditandatangani dengan pelbagai institut dan industri di peringkat tempatan dan antarabangsa pada tahun 2021 dan 2022

Kategori Dokumen	2021		2022	
	Tempatan	Antarabangsa	Tempatan	Antarabangsa
Memorandum Persefahaman (MoU)	46 (17.0%)	81 (30.0%)	41 (18.1%)	64 (28.3%)
Memorandum Perjanjian (MoA)	42 (15.6%)	96 (35.6%)	35 (15.5%)	78 (34.5%)
Lain-lain	1 (0.4%)	4 (1.5%)	5 (2.2%)	3 (1.3%)
JUMLAH	270		226	



1. MAJLIS MENANDATANGANI MOU DI ANTARA UM DAN BOND PRICING AGENCY MALAYSIA SDN BHD (BPAM) (23 November 2022)
2. MAJLIS MENANDATANGANI MoU DI ANTARA UNIVERSITI MALAYA DAN DURHAM UNIVERSITY, UNITED KINGDOM (1 November 2022)
3. MAJLIS MENANDATANGANI MOU DI ANTARA UM DENGAN MALAYSIAN GREEN TECHNOLOGY AND CLIMATE CHANGE CENTRE (MGTC) (13 Oktober 2022)
4. MAJLIS MENANDATANGANI MoU DI ANTARA UM DAN UNIVERSITI ACHMAD YANI GENERAL (UNJANI), INDONESIA (1 September 2022)
5. MAJLIS MENANDATANGANI MoU DI ANTARA UNIVERSITI MALAYA DAN TURKISH AEROSPACE INC., TURKIYE (15 Ogos 2022)
6. MAJLIS MENANDATANGANI MoU DI ANTARA UM DAN WESTERN DIGITAL (29 Jun 2022)
7. MAJLIS MENANDATANGANI MoU DI ANTARA UM DAN MALAYSIAN RESEARCH AND EDUCATION FOUNDATION (MYREF) (23 Jun 2022)
8. MAJLIS PENYERAHAN MOA PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK IJAZAH BERGANDA (EURO ASIAN MBA-MSC) DI ANTARA UM DAN UNIVERSITY OF GLASGOW (UOG), UK (20 Jun 2022)

9.1.1 Adaptasi Norma Baharu

Daripada jumlah keseluruhan lawatan dan mesyuarat atas talian yang telah diadakan, sebanyak 23 lawatan adalah bersempena dengan majlis menandatangani dokumen kerjasama (MoU/MoA) dengan UM di Malaysia secara bersemuka mahupun secara atas talian. Delegasi adalah terdiri daripada ahli Pengurusan Universiti/organisasi korporat, Pengarah/Dekan, Pegawai dan wakil daripada kedutaan luar negara di Malaysia. Sebanyak 162 lawatan serta mesyuarat atas talian dari delegasi luar telah direkodkan sepanjang tahun 2022.

Jadual 9.2: Lawatan secara bersemuka (sehingga Disember 2022) dan mesyuarat atas talian bersama delegasi antarabangsa dengan UM

Rantau	Bilangan Lawatan/Mesyuarat atas Talian mengikut Bilangan Tertinggi	Bilangan Lawatan bagi Majlis Menandatangani MoU/MoA Secara Bersemuka dan Atas Talian
Asia Tenggara (termasuk Malaysia)	36	17
Eropah	33	2
Asia Timur	30	1
Timur Tengah	17	2
Asia Tengah	6	-
Oceania	5	-
Amerika	5	-
Asia Selatan	4	-
Afrika	3	-
Lain-lain	-	1
JUMLAH	139	23



1. Lawatan daripada Liverpool John Moores University (LJMU), England untuk membincangkan peluang kerjasama baharu susulan lawatan rasmi Dato VC ke LJMU pada 27 April 2022. (15 Disember 2022)
2. Kunjungan Hormat dari Duta Besar serta wakil kedutaan Latin Amerika dan Sepanyol di Malaysia. (14 November 2022)



1. Kunjungan Hormat dari Dr. Aniko Farkas Charge d' Affaires Kedutaan Hungary di Malaysia . (2 November 2022)
2. Kunjungan Hormat dari Chargé D'affaires, Kedutaan Kingdom of Bahrain di Malaysia. (3 Oktober 2022)
3. Kunjungan Hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi India Ke Malaysia. (24 Ogos 2022)
4. Lawatan Timbalan Menteri Pendidikan Taiwan, En. Lio, Mon-Chi. (18 Ogos 2022)
5. Lawatan rasmi daripada King's College London. (18 Julai 2022)
6. Kunjungan Hormat dari Duta Besar Romania di Malaysia. (20 Jun 2022)
7. Lawatan dari Duta Azerbaijan di Kuala Lumpur, H.E. Irfan Davudov. (4 April 2022)
8. Lawatan dari Duta Turkmenistan di Kuala Lumpur, H.E. Muhammetnyaz Mashalov. (24 Mac 2022)

9.1.2 Penglibatan UM di Peringkat Global

THE Campus Live Southeast Asia, Singapura

(8 - 9 Disember 2022)

Naib Canselor telah diundang sebagai ahli panel bagi tiga (3) sesi berbeza di dalam forum antarabangsa yang diadakan selama dua (2) hari di Singapura ini. Forum yang bertemakan *Innovation, Inclusion, Growth: The Role of Universities in a 21st century Asia* ini menghimpunkan para pemimpin, ahli akademik, pentadbir dan pembuat dasar dan memberikan peluang mereka berkumpul bagi bertukar pandangan mengenai kejayaan, pencapaian dan cabaran berkisar inovasi, inklusi dan pertumbuhan di Asia Tenggara.



The Association of Commonwealth Universities (ACU) Council Meeting, United Kingdom

(23 - 24 November 2022)

Lanjutan daripada pelantikan Naib Canselor UM sebagai ahli ACU Council baharu yang akan berkhidmat untuk tempoh tiga tahun dari Julai 2022 sehingga Ogos 2025, beliau telah dijemput menghadiri mesyuarat ACU Council bertempat di Woburn House, London. Tujuan utama mesyuarat diadakan adalah untuk mengutamakan pendidikan tinggi dengan mengukuhkan universiti dalam keahliannya melalui kerjasama dan persefahaman antarabangsa dan bekerjasama dengan ahli untuk mempromosikan pendidikan tinggi yang cemerlang di semua negara Komanwel.



Asian Universities Alliance (AUA) Executives' Meeting, Emiriah Arab Bersatu

[7 - 11 November 2022]

Pada 7-11 November 2022, Mesyuarat Eksekutif AUA kali ke - 6 telah dihoskan oleh Universiti Emiriah Arab Bersatu (UAEU). Semua peserta berkongsi pengalaman mereka dan membincangkan peluang untuk pembangunan masa depan untuk memperdalam hubungan pelbagai hala yang kukuh dalam era pasca-pandemik dan terus maju dengan inisiatif baharu.



16th International Association of Universities (IAU) General Conference di Dublin, Ireland

[25 - 28 Oktober 2022]

Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Dato' Ir. Dr Mohd. Hamdi Abd. Shukor telah menghadiri Persidangan Agung Persatuan Universiti Antarabangsa (IAU) ke-16 dengan tema "*Relevance and Value of Universities to Future Society*" yang dihoskan oleh University College Dublin (UCD), Ireland dan beliau juga telah dilantik sebagai IAU Administrative Board 2022- 2026 mewakili wilayah Asia Pasifik.



The 13th Asean University Network (AUN) Rectors' Meeting dan The 37th AUN Board of Trustees Meeting, Laos

[27 - 28 September 2022]

Naib Canselor Universiti Malaya dan Prof. Dr. Yahaya Ahmad, Pengarah Eksekutif *AUN Disability and Public Policy Network* (AUN-DPPnet) telah menghadiri mesyuarat yang diadakan selama dua (2) hari berturut-turut yang dihoskan oleh National University of Laos di Vientiane, Laos. Naib Canselor UM merupakan salah seorang ahli Board of Trustee di AUN. Mesyuarat tahunan

ini menghimpunkan semua Presiden dan Naib Canselor universiti ahli AUN di seluruh Asia Tenggara.



3rd IMT-GT University Network (UNINET) Council Meeting, Malaysia

[29 - 30 Ogos 2022]


Tujuan utama bagi menganjurkan Mesyuarat Majlis UNINET ialah untuk menilai program yang telah dilaksanakan dan sedang berjalan di bawah Pelan Tindakan Strategik UNINET (USAP) 2022-2026, dan membincangkan isu-isu berkaitan bagi meningkatkan kerjasama UNINET. USAP yang kedua ini menyediakan rangka kerja strategik yang membentuk arah baru bagi UNINET untuk mencapai matlamatnya dalam mengadaptasikan paradigma baru dan memulihkan cara kerja selama lima (5) tahun ke depan.



Asea-Uninet Plenary Meeting 2022 di Johannes Kepler University Linz (JKU), Austria

[25 – 29 Julai 2022]

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan bersama ahli bagi memperkukuhkan kerjasama dalam rangkaian, penyampaian Anugerah Bernd Rode 2020/21 dan Pemenang bagi tahun 2022 serta pemilihan Eksekutif Baharu (2022-2023). Dr. Patricia dari Fakulti Bahasa dan Linguistik telah dicalonkan sebagai *University Coordinator* (Universiti Malaya) dan *Country Coordinator* (Malaysia) dalam Eksekutif ASEA-UNINET.



Mesyuarat President APRU Ke-26, Singapura

[6 - 9 Julai 2022]

Mesyuarat ini telah diadakan pada 6-9 Julai 2022 yang bertempat di Nanyang Technological University, Singapura. Naib Canselor Universiti Malaya telah menjadi moderator sesi 3, “Responses to Crisis in a Diverse Region II” dan juga sesi “Lunch with Address”.



AUN TEPL 3rd Symposium

[25 Mei 2022]

Universiti Malaya telah menghoskan AUN TEPL 3rd Symposium bersama rakan kongsi, Singapore Management University dan Mahidol University (Thailand) pada 25 Mei 2022 bertempat di Kuala Lumpur. AUN TEPL atau *AUN Technology Enhanced Personalised Learning (AUN-TEPL) Network* adalah salah satu daripada 17 jaringan tematik di bawah ASEAN University Network.



9.1.3 Webinar Antarabangsa

Selain itu, Pusat Hubungan Antarabangsa telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan sebanyak tiga (3) webinar antarabangsa dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang lain di UM dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).



1. Siri 1: 'Future Leadership Higher Education: Leading Beyond the Pandemic' (24 Ogos 2022)
2. Siri 2: 'Empowerment of Women in Higher Education: The Hand that Rocks the Cradle' (5 Oktober 2022)
3. Worldwide Teach-In on Climate and Justice 2022 (30 Mac 2022)

9.2 Mobiliti Pelajar

Program mobiliti pelajar merupakan antara inisiatif pengantarabangsaan yang giat dijalankan oleh Universiti Malaya dalam usaha memperluaskan hubungan antarabangsa melalui pertukaran idea dan pengalaman di kalangan pelajar-pelajar tempatan atau luar negara.

9.2.1 Program Mobiliti Inbound

Secara keseluruhan, UM menerima sejumlah 5,965 jumlah pelajar program mobiliti *inbound* bagi tahun 2022 dan negara yang berjumlah tertinggi ialah Indonesia. Terdapat penurunan kecil sebanyak 27.5% pada tahun 2022 berbanding 2021 di mana penyertaan pelajar lebih menfokuskan kepada penyertaan secara fizikal pada tahun 2022. Berdasarkan Jadual 9.3, sebanyak 80.2% (4,786) pelajar telah menyertai program mobiliti yang dijalankan secara atas talian bagi program berbentuk jangka pendek dan jangka panjang, berbanding penyertaan pelajar menerusi program mobiliti secara fizikal iaitu 19.8% (1,179).

Jadual 9.3: Bilangan Pelajar Mobiliti Inbound Mengikut Kategori Program Pada Tahun 2022

Kategori	Mod Pelaksanaan		Bilangan Pelajar
	Secara Fizikal	Secara Atas Talian	
Program Mobiliti Jangka Pendek <i>*tempoh minima empat (4) jam / satu (1) hari hingga tiga (3) bulan</i>	458	4,694	5,152
Program Mobiliti Jangka Panjang (Satu Semester) <i>*program melebihi tiga (3) bulan hingga 12 bulan</i>	621	90	711
Program Sangkutan Penyelidikan	45	2	47
Latihan Industri	12		12
Penempatan Klinikal	43		43
Jumlah Keseluruhan	1,179	4,786	5,965



9.2.2 Program Mobiliti Outbound

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan terhadap bilangan pelajar yang menyertai Program Mobiliti Outbound bagi tahun 2022 berbanding 2021 iaitu 2,880 pelajar kepada 4,261 pelajar. Berdasarkan Jadual 9.4, sebanyak 75.9% (3,168) pelajar telah menyertai program mobiliti yang dijalankan secara atas talian sama ada bagi program berbentuk jangka pendek dan jangka panjang, berbanding penyertaan pelajar menerusi program mobiliti secara fizikal iaitu 24.2% (1,035) dan sebanyak 1.3% (58) pelajar telah mengikuti program jangka pendek secara hybrid. Peningkatan bilangan biasiswa atau penaja bagi program outbound seperti Jadual 9.5 telah membuka peluang kepada pelajar dalam menyertai program ini dan secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan jumlah pelajar mobiliti *Outbound* pada tahun 2022.

Jadual 9.4 : Bilangan Pelajar Mobiliti Outbound Mengikut Kategori Program Pada tahun 2022

Kategori	Mod Pelaksanaan			Bilangan Pelajar
	Secara Fizikal	Secara Atas Talian	Hibrid	
Program Mobiliti Jangka Pendek	547	3,165	58	3,770
Program Mobiliti Jangka Panjang satu semester	308	3	0	311
Penempatan Elektif atau Klinikal	96			96
Lain-Lain	84	0	0	84
Jumlah Keseluruhan	1,035	3,168	58	4,261



Jadual 9.5 : Senarai Biasiswa bagi Program Outbound 2022

Bil	Penaja	Bilangan Pelajar Menerima Tajaan	Bil	Penaja	Bilangan Pelajar Menerima Tajaan
1	Free Accomodation	100	13	AUA Youth Forum 2020 (held in 2022 due to Covid)	3
2	AIMS	28	14	Temasik Foundation Leadership Enrichment and Regional Networking (TF LEaRN) Programme @ NUS 2022	3
3	Global Maritime and Ocean Science Invitation Program (GMOS)	20	15	Soka University Exchange Scholarship	2
4	Global Korean Scholarship (GKS)	17	16	JASSO	2
5	ERASMUS+ Scholarship	17	17	Richard Muller	2
6	POSCO TJ Park Foundation	15	18	Ernst Mach Grant	2
7	Universitas Islam Indonesia Global Sustainable Program	11	19	ASEAN in Today's World 2022	2
8	TMU Global Discussion Camp	5	20	Temasik Foundation Leadership Enrichment and Regional Networking (TF LEaRN) Programme @ NTU 2022	1
9	NUS Enterprise Summer Program	4	21	Heiwa Nakajima	1
10	La Rioja Foundation	4	22	WJC Scholarship	1
11	University of Seoul	3	23	CommTech Camp Highlight 2022	1
12	AUN Award	3			
Jumlah Bilangan Pelajar:					247

9.2.3 Program Mobiliti Jangka Pendek

AUA Youth Forum 2022 [21 Mac – 25 Mac 2022]

Program ini berfungsi sebagai platform untuk para peserta meningkatkan pemahaman antara budaya mereka tentang bahasa, budaya, sejarah dan isu global tamadun Asia. Ini adalah acara perendaman budaya serta refleksi mendalam tentang kepelbagaian budaya Asia, kedaerahan, kepelbagaian budaya, dan kuasa belia dalam pemulihan budaya.

Seramai 45 peserta dari universiti di bawah rangkaian *Asian Universities Alliance* (AUA) menyertai program ini dan mereka juga telah berpeluang berinteraksi dengan UM Global Buddies kami yang membantu dalam menjalankan program tersebut.




ACU Commonwealth Virtual Exchange [3 Oktober – 30 November 2022]

Seramai 50 pelajar dari pelbagai universiti di bawah rangkaian *The Association Commonwealth Universities* (ACU) telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam program pembelajaran 8 minggu yang dijalankan secara atas talian untuk membangunkan kebolehpasaran dan kemahiran kepimpinan pelajar.

Program 8 minggu ini merangkumi:

- Kerja projek kumpulan yang menarik dan mencabar
- Peluang rangkaian
- Sesi antara budaya
- Ceramah oleh pakar akademik
- Pembangunan kecekapan antara budaya dan kemahiran keusahawanan

Program ini dibangunkan oleh Universiti Malaya, Manipal of Higher Education, India, dan ACU dengan bantuan universiti lain di bawah rangkaian ACU. Institusi ACU yang mengambil bahagian dalam program ini termasuk ahli di Australia, Hong Kong, India, Malaysia dan United Kingdom (UK).



MY-THAI Cultural Exchange Programme [25 September – 14 Oktober 2022]

Seramai 120 orang pelajar (60 orang pelajar UM dan 60 orang pelajar PSU) telah menyertai program ini dijalankan secara hibrid bersama Prince of Songkla University (PSU). Minggu yang pertama telah diadakan secara fizikal di PSU, Trang Campus. Antara program yang telah dijalankan adalah *ASEAN Harmony 2022*, *Language Exchange*, *Thai Dance*, *Muay Thai*, dan *Cultural Exchange Day*. Minggu kedua diadakan secara atas talian dan dijalankan oleh UM. Antara program yang telah dijalankan adalah *Opening Ceremony*, sesi bersama Prof. Madya Dr. Vishalache yang bertajuk '*Multicultural Approach: An International Perspective*', sesi bersama Dr Ponmalar yang bertajuk '*Cross-cultural Psychology*', beberapa sesi perbincangan kumpulan, dan juga pembentangan projek semasa majlis penutup.



ASEAN Korea Youth Summit 2022 [9 Ogos – 12 Ogos 2022]

Kementerian Kesaksamaan Gender dan Keluarga (MOGEF), Republik Korea dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Pertubuhan Belia di Korea (NCYOK), Persatuan Psikologi Pendidikan Korea (KEPA), dan Rangkaian Universiti ASEAN (AUN) menganjurkan ASEAN 2022 Korea Youth Summit (AKYS) di bawah tema "Carbon Neutrality and ASEAN-Korea Youth". Sidang ini menghimpunkan 110 wakil pelajar dari Negara Anggota ASEAN dan Republik Korea untuk membincangkan dasar, mekanisme dan instrumen kerjasama ASEAN-Korea. Seramai 6 pelajar dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menghadiri program ini secara fizikal di UM. Dalam masa yang sama, program ini juga dihadiri secara atas talian untuk bertemu dengan peserta lain di luar UM secara maya.



APRU SDG for Global Citizenship [1 November 2022 – 24 Mac 2023]

Seramai 40 pelajar telah menyertai program ini, termasuk 4 orang pelajar UM. Program ini merupakan program antara budaya, transdisiplin dan interaktif yang bertujuan untuk memupuk kewarganegaraan global dalam kalangan pelajar dari 60 universiti di seluruh *Pacific Rim*.

Program ini dilaksanakan bersama oleh 6 universiti dengan kerjasama United Nations (UN). Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang isu global dalam kalangan pelajar, melalui pembelajaran tentang *Sustainable Development Goals* (SDG) dan perkongsian amalan SDG dalam konteks budaya dan sosial yang pelbagai.



Exploring Asia Programme [22 Disember 2022 – 18 Januari 2023]

Pada 22 Disember 2022, GEMD menerima seramai 17 pelajar dari Universiti Daejin, Korea ke Universiti Malaya untuk program mobiliti jangka pendek, Exploring Asia Programme 2022. Program ini telah diadakan dari 22 Disember 2022 hingga 18 Januari 2023 dengan penganjuran oleh Bahagian Pengayaan Global dan Mobiliti (GEM) dengan kerjasama Fakulti Bahasa dan Linguistik. Antara aktiviti yang disertai pelajar ialah kelas Bahasa Inggeris, *Campus Tour*, *KL Tour*, *Lion Dance Show*, *Christmas Dinner*, Sambutan Ambang Tahun Baru, *Melaka Field Trip*, Sambutan Tahun Baru Cina, dan aktiviti lain yang dianjurkan oleh UM Global Buddies.



9.2.4 Program Sepanjang Tahun

Universiti Malaya Week of Welcome

(UM WOW-Exchange) Semester 2, 2021/2022
(6-9 Mac 2022)

Orientasi Semester 2, 2021/2022 telah diadakan pada 6 – 9 Mac 2022 yang mana permulaan semula untuk Universiti Malaya (UM) menerima pelajar mobiliti secara fizikal semenjak pandemik Covid-19. UM WOW-Exchange ini telah diadakan telah dirasmikan oleh Prof. Dr Yong Zulina Zubairi, Penolong Naib Canselor (Jaringan Global) dan Puan Vigneshree King, Ketua Bahagian Penggayaan Global dan Mobiliti (GEM) di Auditorium Kompleks Perdanasiswa, UM



IISMA Wake KL

(1 April 2022)

Indonesia International Student Mobility Awards (IISMA) merupakan biasiswa oleh Kerajaan Indonesia kepada pelajar-pelajar Indonesia bagi mengikuti program mobiliti di luar negara bermula tahun 2022. Julung kalinya, UM menerima tiga (3) pelajar di bawah tajaan IISMA untuk mengikuti program mobiliti jangka panjang. Sebagai penerima IISMA, pelajar Indonesia diberi tugas untuk menganjurkan program sosial bagi mempromosikan kebudayaan dan tradisi Indonesia dengan yang ditetapkan oleh pihak IISMA iaitu memperkenalkan tokoh wanita dalam sejarah negara Indonesia, iaitu Kartini.



JOM IFTAR 2022

(20 April 2022)

Jom Iftar 2022 merupakan program tahunan bagi Bahagian Pengayaan Global dan Mobiliti (GEM) dengan penglibatan pelajar antarabangsa dalam program mobiliti Semester 2, 2021/2022.

Sejajar dengan kelonggaran yang diberikan semasa tempoh pemulihan dari Covid-19, program ini berjaya dilaksanakan dengan mengikut peraturan dan pematuhan terhadap Covid-19 dan telah diadakan di Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) pada 20 April 2022. Melalui program ini, para pelajar mobiliti dapat berkumpul dan berpengalaman dengan konsep berbuka puasa di Malaysia.



UNIVERSITI MALAYA WEEK OF WELCOME (UM WOW-EXCHANGE) Semester 1, 2022/2023

(14 Oktober 2022)

Dengan kerjasama *Universiti Malaya Global Buddies* (UMGB), UM WOW-Exchange telah diadakan di Auditorium Kompleks Perdanasiswa dan dirasmikan oleh Prof. Dr Yong Zulina Zubairi, Penolong Naib Canselor (Jaringan Global) dan Puan Vigneshree King, Ketua Bahagian GEM. Universiti Malaya (UM) telah mengalu-alukan kehadiran lebih 400 pelajar mobiliti dari 28 negara dan 166 institusi yang berbeza. Para pelajar mobiliti telah mempamerkan bakat dan budaya masing-masing menerusi segmen persembahan. Antara negara yang terlibat adalah China, Jepun, Perancis, Uzbekistan, Korea Selatan, Indonesia, Thailand, Filipina dan banyak lagi.



IISMA Gatotkaca

(28 Oktober 2022)

Pada Semester 1, 2022/2023, Universiti Malaya telah menerima 20 orang pelajar penerima anugerah IISMA (Anugerah Mobiliti Pelajar Antarabangsa Indonesia) untuk mengikuti program mobiliti jangka panjang. Pada kali ini, pelajar berkenaan telah melaksanakan acara bagi memperingati Hari Pahlawan Negara, iaitu pada setiap 10 November dengan tema **“Gatot Kaca: Getting You Introduced and Connected to Indonesia’s Chevaliers.”** Acara ini berlangsung secara hibrid antara Malaysia dan Indonesia, disertai oleh Dr. Eng. Ir. R. Rachmat A. Sriwijaya, S.T., M.T., D.Eng, IPM., ASEAN Eng., Arida Susysetina, Dianti Resti Risanti, Tamat Santoso, Firda, dan Tedy S.



KZIUM-GEM WINTER SOLSTICE CELEBRATION (20 Disember 2022)

KZIUM-GEM *Winter Solstice Celebration* adalah program kerjasama antara Bahagian Pengayaan Global dan Mobiliti (GEM) bersama Institut Kong Zi Universiti Malaya (KZIUM). Program ini berfokus mempromosi budaya Cina di Malaysia dalam menyambut perayaan *Winter Solstice*. Pelbagai aktiviti disediakan sepanjang program berlangsung termasuk sesi membuat dumpling dan merasai makanan tradisional, berpakaian tradisional Cina, upacara minum teh serta banyak lagi.




9.3 Aktiviti Pemasaran dan Pengambilan Pelajar

Bagi mencapai objektif dan misi pemasaran yang telah ditetapkan untuk memperkukuhkan keterlihatan UM, Bahagian Pemasaran & Pengambilan (MRD) telah menyertai dan merangka beberapa program dan aktiviti dalam usaha untuk merekrut pelajar yang terdiri daripada pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa. Antara inisiatif baharu yang turut diketengahkan oleh pihak MRD sepanjang tahun 2022 adalah kerjasama bersama pihak Fakulti/Akademi/Institusi untuk menjalankan aktiviti pemasaran berfokus untuk mempromosi program akademik tertentu.

9.3.1 Pameran Pendidikan (Tempatan & Antarabangsa)

Bahagian Pemasaran & Pengambilan (MRD) telah mengambil bahagian dalam beberapa acara pameran pendidikan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antaranya ialah peningkatan jangkauan dan keterlihatan Universiti Malaya di peringkat antarabangsa, meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa dan juga meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kelebihan dan keunikan Universiti Malaya.



Melalui penyertaan pameran pendidikan di peringkat antarabangsa, pihak MRD telah berjaya menarik pelajar antarabangsa untuk memilih Universiti Malaya sebagai destinasi pengajian mereka di peringkat pengajian tinggi.

Selain penyertaan dalam acara pameran pendidikan antarabangsa, pihak MRD juga turut mengambil bahagian dalam acara-acara pameran pendidikan tempatan seperti *Mega Career & Study Fair 2022* dan *Karnival Pendidikan dan Haluan Kerjaya Putrajaya 2022* bagi menarik lebih ramai pelajar tempatan dan memberi kesedaran tentang kelebihan dan keunikan setiap program yang ditawarkan.

9.3.2 Jom Masuk IPT

Program Jom Masuk IPT (JMIPT) adalah satu program promosi anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang melibatkan semua Universiti Awam (UA) dan beberapa

Universiti Swasta yang lain di Malaysia. Mulai tahun 2022, program ini telah kembali berlangsung secara fizikal sepenuhnya.

Karnival ini telah dibahagikan kepada dua (2) fasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Fasa 1 memfokuskan kepada pelajar lepasan SPM dan setaraf manakala Fasa 2 pula memfokuskan kepada pelajar lepasan Asasi/Matrikulasi/STPM/Diploma dan setaraf. Menerusi platform yang digunakan ini, program ini telah berjaya menarik hampir 10,000 orang pengunjung secara keseluruhannya. Antara lokasi yang telah dikunjungi sepanjang siri program JMIPT ini adalah di Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan, Johor, Sabah dan Sarawak.



9.3.3 Karnival Pendidikan dan Kerjaya Kolej Matrikulasi / Kolej Matrikulasi Kejuruteraan

Untuk itu, pihak MRD tidak melepaskan peluang untuk menyertai Karnival Pendidikan dan Kerjaya Kolej Matrikulasi / Kolej Matrikulasi Kejuruteraan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebagai salah satu aktiviti tahunan bagi tujuan merekrut pelajar tempatan.

Berikutan isu pandemik yang melanda dunia, karnival ini telah dijalankan secara berfasa. Di fasa pertama iaitu di awal tahun 2022, program ini dijalankan secara dalam talian. Manakala di fasa kedua pula, program ini telah dijalankan secara fizikal sepenuhnya. Kolej Matrikulasi / Kolej Matrikulasi Kejuruteraan yang telah dilawati adalah Kolej Matrikulasi Kelantan, Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Kolej Matrikulasi Kedah, Kolej Matrikulasi Perlis, Kolej Matrikulasi Labuan, Kolej Matrikulasi Perak, Kolej Matrikulasi Selangor, Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kolej Matrikulasi Kedah, Kolej Matrikulasi Perak, Kolej Matrikulasi Perlis, Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang dan Kolej Matrikulasi Melaka.

9.3.4 Program Outreach

Sepanjang tahun 2022, pihak MRD turut terlibat dalam program promosi pendidikan yang dikenali sebagai Program *Outreach*. Program ini lebih bersasar dan memfokuskan kepada pelajar di luar bandar dan juga Orang Asli. Program *Outreach* ini adalah program anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama beberapa institusi/ organisasi tertentu yang dipilih. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai pengajian di peringkat tinggi kepada rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan pedalaman. Antara Program *Outreach* yang telah disertai adalah Program Outreach Anjuran JPT dan UMK, Kelantan, Karnival KPT Keluarga Malaysia, Program Outreach Sekolah di Johor, Program Outreach JMIPT 2022, Baling Kedah, Program UPU2U 2022 dan Karnival Pengajian Tinggi Keluarga Malaysia di Johor.

9.3.5 Promosi Kempen Berbayar Media Sosial

Penggunaan media sosial seperti Instagram, TikTok, dan Facebook telah membantu aktiviti promosi Universiti Malaya secara tempatan dan antarabangsa. Pihak MRD telah memanfaatkan platform ini untuk memperkenalkan dan mempromosikan program-program akademik di Universiti Malaya kepada kumpulan masyarakat yang tepat. Melalui penggunaan media sosial, Universiti Malaya dapat mencapai penonton yang lebih luas dan dapat memberikan informasi

terkini tentang program akademik yang terdapat di universiti dalam menarik lebih banyak pelajar tempatan dan antarabangsa untuk mendaftar dan dapat menjadi sebahagian daripada komuniti Universiti yang dinamik dan inovatif.

Selain itu, pihak MRD melakukan promosi melalui kempen berbayar di *Instagram*. Kempen ini terbukti berkesan dalam membantu pihak Universiti untuk mencapai audiens dan sasaran yang tepat dalam aktiviti promosi. Dalam usaha untuk memperluaskan lagi jangkauan dan pengaruh promosi, pihak MRD juga memanfaatkan platform media sosial lain seperti *TikTok* dan *Facebook*.

9.3.6 Exclusive Webinar Series 2022

Exclusive Webinar Series 2022 merupakan salah satu program pemasaran yang dijalankan oleh pihak MRD untuk mempromosi Universiti Malaya dan program akademik yang ditawarkan. Program ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat mengenai kemasukan program-program yang ditawarkan di Universiti Malaya pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran kepada calon pelajar warganegara dan bukan warganegara. Siri webinar ini dirancang secara terperinci, dari penghasilan bahan promosi, pengiklanan, pendaftaran peserta, hingga pengumpulan maklumat balas penyertaan dan analisis terhadap maklumat calon pelajar yang berjaya dikumpul.



Siri webinar ini telah dijalankan dengan kerjasama Pusat Tanggungjawab Akademik di Universiti Malaya dan telah berjaya menarik lebih dari 2,500 calon pelajar dari seluruh dunia. Program ini membolehkan pihak MRD memahami trend permohonan program akademik dan menghasilkan aktiviti pemasaran yang lebih baik pada masa akan datang.

9.4 Aktiviti Sepanjang Tahun Institut Kong Zi (IKZ)

9.4.1 Pengajaran Bahasa Mandarin

Pada tahun 2022, Institut Kong Zi telah mengajar seramai 14,169 pelajar yang terdiri daripada pelajar di universiti, sekolah, staf di agensi kerajaan dan swasta serta komuniti, dan pengajaran bahasa Mandarin ini telah dijalankan di seluruh Malaysia. Terdapat sedikit penurunan bilangan pelajar pada tahun 2022 sebanyak 0.36% berbanding dengan tahun 2021 iaitu daripada 14,221 pelajar kepada 14,169 pelajar.

Institut Kong Zi telah bekerjasama dengan Kedutaan China pada tahun 2022 yang lepas bagi mengadakan Kelas Bahasa Mandarin untuk agensi kerajaan Malaysia seperti Majlis Belia Malaysia, Polis Diraja Malaysia, dan juga Jabatan Imigresen Malaysia. Kelas Bahasa Mandarin yang telah diadakan di Majlis Belia Malaysia ialah pada November 2022 sehingga Januari 2023

dan seramai 41 orang belia telah menghadiri kelas tersebut. Kelas Bahasa Mandarin untuk Jabatan Imigrasi Malaysia dijalankan pada Ogos 2022 sehingga Disember 2022 dan telah dihadiri oleh 46 orang kakitangan dan seterusnya, Kelas Bahasa Mandarin untuk Polis Diraja Malaysia 2.0 diadakan pada 17 Disember 2022 sehingga 1 April 2023, di mana 25 pegawai polis menghadiri kelas tersebut.

Selain daripada pengajaran bahasa Mandarin, Institut Kong Zi turut mengadakan program kebudayaan, latihan dan juga akademik antara pihak industri dan akademik di China. Berikut merupakan sorotan program sepanjang tahun 2022:

9.4.2 Webinar

Sinology Talk: Classical Chinese Canons and Living the Modern Life

Webinar sinology mengenai Kanun Cina Klasik dan menjalani kehidupan moden merupakan webinar pertama berkenaan tajuk tersebut yang pernah dianjurkan oleh IKZ. Profesor Madya Dr. Zhao Dong dari Jabatan Bahasa Inggeris, Beijing Foreign Studies University, China merupakan penceramah jemputan untuk webinar yang berlangsung selama dua jam ini dan telah dihadiri seramai 70 peserta. Webinar ini memfokuskan kepada kebijaksanaan I Ching, Perubatan Klasik Dalam *Yellow Emperor*, Tao Te Ching, Analek, Sutra Berlian, dan lain-lain lagi ke dalam cara kita menjalani kehidupan seharian, makna yang kita perolehi daripadanya, dan bagaimana menangani dilema yang dihadapi oleh kehidupan moden.



Aspects of Chinese Business Culture

Budaya perniagaan Cina banyak dipengaruhi oleh Konfusianisme. Oleh itu, konsep Confucian Guanxi terutamanya membayangkan bahawa rangkaian perhubungan adalah penting dan berdasarkan nilai perpaduan, kesetiaan, kesopanan/ kesederhanaan dan budi bahasa. Dr. Ma Qin dari Beijing Foreign Studies University, China telah dijemput untuk memberi ceramah secara dalam talian mengenai Aspek Budaya Perniagaan Cina. Seramai 80 peserta telah menghadiri webinar tersebut dengan matlamat webinar ini adalah untuk membantu para pelajar dan golongan profesional di dalam perniagaan dengan memahami asas tentang budaya Cina dan kesannya terhadap hubungan perniagaan. Ia juga bertujuan untuk membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran untuk berinteraksi dengan orang Cina dalam konteks sosial dan perniagaan yang mudah, serta pemahaman tentang protokol dan etika perniagaan Cina.



Sun Tzu Art of War & 36 Strategies

Seni Peperangan masih relevan sehingga hari ini dan ia telah memberi banyak inspirasi kepada pemimpin tentera, politik dan perniagaan di seluruh dunia dengan strategi cemerlangnya untuk mengatasi pihak lawan. Dalam webinar ini, para peserta telah mempelajari mengenai pemahaman asas tentang falsafah Sun Tzu, prinsip kepimpinan dan strategi yang baik yang akan memberi manfaat besar kepada kehidupan



peribadi dan kerjaya. Dr. Ma Qin dari Beijing Foreign Studies University, China telah dijemput untuk memberi ceramah mengenai tajuk tersebut. Lebih dari 200 peserta telah menghadiri webinar tersebut. Terdapat beberapa elemen yang telah dikupas sepanjang sesi webinar ini seperti asas falsafah *The Art of War: Confucianism & Daoism*, 13 bab *The Art of War*, 36 strategi, dan juga Seni Peperangan pada zaman moden.

9.4.3 Kong Zi Open Day 2022

Institut Kong Zi telah menganjurkan *Kong Zi Open Day* selama dua hari iaitu pada 25 dan 26 November 2022 bersempena sambutan Hari Institut Confucius 2022. Terdapat lebih 300 peserta telah menyertai acara tersebut. Terdapat beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang hari terbuka Institut Kong Zi ini seperti *Treasure Hunt*, *Jian Zi challenge*, *Chinese Culture experience*, *China Movie Showcase*, dan lain-lain lagi.



9.4.4 Introduction on Cultural Heritage: Malaysia-China Shadow Play (HYBRID)

Institut Kong Zi dengan kerjasama *Global Enrichment & Mobility Centre Division* telah berjaya menjalankan program *Introduction on Cultural Heritage: Malaysia-China Shadow Play* dengan lebih 130 peserta menghadiri program itu secara fizikal dan secara dalam talian, dengan penyertaan seramai 100 peserta adalah pelajar asing dari lebih 10 negara.



Penceramah jemputan untuk program ini ialah Cik Zhu Yuxin, pewaris generasi kelapan Taishan Shadow Play Cina, dan Adiguru Pak Nasir, profesor dari Akademi Seni Budaya dan Warisan

Kebangsaan (ASWARA). Kedua-dua penceramah tersebut telah memperkenalkan sejarah perkembangan dan juga situasi semasa wayang kulit dimainkan di kedua-dua negara. Tujuan program ini diadakan untuk membolehkan para peserta memahami dan menikmati keindahan permainan wayang kulit.

9.4.5 Anugerah Pusat Peperiksaan HSK Cemerlang 2022 / 2022 Outstanding HSK Test Center Award

Institut Kong Zi merupakan salah satu pusat peperiksaan HSK (*Chinese Proficiency Test*) di Malaysia dari tahun 2011 sehingga sekarang. Terdapat seramai 8,737 calon telah menduduki peperiksaan HSK di Institut Kong Zi dari tahun 2011 sehingga 2022. Pada tahun 2022, The Center for Language Education and Cooperation (CLEC), Beijing telah menganugerahkan Institut Kong Zi '2022 Outstanding HSK Test Center Award'.

BAHAGIAN

10 Laporan Kewangan



10.1 Pendahuluan

Penyata Kewangan Universiti bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022, adalah merupakan penyata kewangan yang disediakan menggunakan *Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)*. Penyata Kewangan Universiti juga telah disediakan selaras dengan keperluan yang dinyatakan melalui PA 3.2 Garis Panduan untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun. Penyata Kewangan UM adalah penyatuan dua entiti iaitu UM dan UM Holding Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat milik penuh UM.




10.2 Kajian Kedudukan Kewangan UM bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Universiti Malaya telah merekodkan akaun bagi tahun berakhir 2022 dengan lebih bersih sebanyak RM49,204,041 berbanding lebih bersih sebanyak RM51,924,293 yang direkodkan pada tahun 2021. Jumlah lebih bersih ini telah menunjukkan pengurangan sebanyak RM2,720,252 (5.2%) daripada lebih bersih pada tahun sebelumnya. Dengan mengambil kira beberapa faktor yang memberi kesan kepada operasi Universiti sepanjang tahun 2022, kebolehan Universiti mengekalkan lebih pendapatan merupakan satu pencapaian yang amat baik.

10.2.1 Pendapatan


Universiti menyedari akan kepentingan kepelbagaian sumber kewangan yang lestari bagi memastikan agenda universiti dapat dijalankan seperti yang dirancang. UM kini bergerak aktif dan kreatif dalam meneroka sumber pendapatan baru demi kelangsungan operasi universiti. Projek penjanaan pendapatan tambahan ini dijangka dapat mengurangkan kebergantungan UM kepada geran Kerajaan serta secara langsung dapat memastikan peningkatan jumlah pendapatan universiti selain dapat meningkatkan lagi nama UM di mata masyarakat.

Bagi tahun 2022 universiti telah merekodkan pendapatan sebanyak RM1,315,163,246 berbanding RM1,172,460,853 bagi tahun 2021. Ini menunjukkan telah berlaku peningkatan sebanyak RM142,702,393 (12.2%) pada hasil yang diperolehi oleh UM pada tahun 2022. Sumber pendapatan yang diperolehi UM termasuk geran kerajaan, pelaburan, hasil yuran, perkhidmatan perubatan dan juga pendapatan lain. Peratusan terbesar pendapatan yang diterima UM adalah daripada geran kerajaan iaitu sebanyak RM644,685,130 (49.0%) daripada jumlah keseluruhan pendapatan yang direkodkan. Kebergantungan pendapatan daripada geran kerajaan pada tahun 2022 telah menunjukkan penurunan berbanding RM617,203,916 (52.6%) daripada jumlah keseluruhan pendapatan pada tahun 2021.



CARTA 1: Pendapatan UM pada tahun 2022 (mengikut kategori)


Bagi pendapatan Urusniaga Bukan Pertukaran yang direkodkan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM785,507,031 dan telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM36,422,691 (4.9%) berbanding hanya RM749,084,340 pada tahun 2021. Pendapatan bagi Urusniaga Pertukaran telah direkodkan sebanyak RM527,626,321 pada tahun 2022 dan telah merekodkan peningkatan sebanyak RM110,458,336 (26.5%) berbanding RM417,167,985 pada tahun 2021. Manakala bagi Lain-Lain Pendapatan jumlah yang direkodkan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM2,029,894 dan telah merekodkan penyusutan sebanyak RM4,178,634 (67.3%) berbanding RM6,208,528 pada tahun 2021.



CARTA 2: Perbandingan pendapatan UM (mengikut kategori) bagi tahun 2021 dan 2022

Universiti Malaya merupakan salah satu Universiti Penyelidikan yang hanya menerima Geran Kerajaan bagi menampung Gaji dan Elaun. Lain-lain perbelanjaan operasi perlu ditampung menggunakan Sumber Dalam Universiti. Rekod terimaan Geran Kerajaan bagi Perbelanjaan Mengurus tahun 2022 mengalami peningkatan sebanyak RM22,634,158 (4.4%) berbanding tahun 2021. Peningkatan Geran Kerajaan tahun 2021 memecahkan trend menaik sejak tahun 2017.

Dengan rekod penerimaan Geran Kerajaan yang terhad, belanjawan Universiti dirangka supaya penjana dana daripada sumber dalaman dapat menjadi keutamaan bagi urusan perbelanjaan selain Gaji dan Elaun. Universiti menjangkakan berlaku penurunan kebergantungan terhadap Geran Kerajaan dalam jangka masa panjang.




CARTA 3: Kedudukan terimaan Geran Kerajaan daripada tahun 2017 hingga 2022

10.2.2 Perbelanjaan


Amalan perbelanjaan yang berhemah dan pengurusan kewangan yang baik telah diteruskan dengan penggunaan sumber yang cermat bagi memastikan pembaziran dapat dielakkan dan aset yang sedia ada dapat digunakan secara optimum tanpa menjejaskan aktiviti dan operasi universiti.

Sebanyak RM1,260,349,506 telah dibelanjakan oleh UM tidak termasuk cukai, agihan syarikat bersekutu dan kepentingan bukan kawalan pada tahun 2022 berbanding RM1,114,370,299 pada tahun 2021 di mana peningkatan sebanyak RM145,979,207 (13.1%) telah direkodkan.




CARTA 4: Perbelanjaan UM pada tahun 2022 (mengikut kategori)

Perbelanjaan tertinggi bagi tahun 2022 ialah Gaji dan Elaun iaitu sebanyak RM571,335,227 (45.3%) diikuti dengan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM366,922,230 (29.1%). Selain itu, sebanyak RM69,952,566 (5.6%) telah dibelanjakan bagi urusan Penyelenggaraan dan Pembaikan manakala RM55,940,145 (4.4%) dibelanjakan untuk urusan Perjalanan dan Perhubungan. Susutnilai dan lain-lain perbelanjaan seperti manfaat pekerja, pemberian dan bayaran tetap, sewaan, kerugian rosot nilai, hutang lapuk, kerugian nilai saksama dan kerugian atas penjualan/pelupusan hartanah, loji dan peralatan serta kerugian daripada pelaburan melibatkan belanja sebanyak RM196,199,338 (15.6%). Secara keseluruhan, perbelanjaan pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak RM145,979,207 (13.1%) berbanding tahun 2021.



CARTA 5: Perbandingan perbelanjaan UM (mengikut kategori) bagi tahun 2021 dan 2022

Lebih pendapatan bersih pada tahun 2022 direkodkan sebanyak RM49,204,041 dan telah menunjukkan penurunan sebanyak RM2,720,252 (5.2%) berbanding RM51,924,293 pada tahun 2021. Peningkatan pendapatan sebanyak RM142,702,393 (12.2%) yang seiring dengan peningkatan perbelanjaan sebanyak RM145,979,207 (13.1%) berbanding tahun 2021 masih memberikan hasil keseluruhan yang positif kepada prestasi kewangan UM pada tahun 2022.




CARTA 6: Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UM daripada tahun 2017 hingga 2022

10.2.3 Aset dan Liabiliti

Jumlah Aset Semasa tahun 2022 adalah sebanyak RM1,704,025,388 berbanding dengan RM1,617,040,098 pada tahun 2021, peningkatan sebanyak RM86,985,290 (5.4%). Jumlah Aset Bukan Semasa tahun 2022 adalah sebanyak RM1,264,166,044 berbanding dengan RM1,308,201,714 iaitu penurunan sebanyak RM44,035,670 (3.4%) berbanding 2021. Ini menjadikan Jumlah Aset tahun 2022 sebanyak RM2,968,191,432.

Jumlah Liabiliti Semasa tahun 2022 adalah sebanyak RM428,967,265 berbanding dengan RM396,430,509 pada tahun 2021, peningkatan sebanyak RM32,536,756 (8.2%). Jumlah Liabiliti Jangka Panjang tahun 2022 adalah sebanyak RM46,716,976 berbanding dengan RM34,661,600 pada tahun 2021, peningkatan sebanyak RM12,055,376 (34.8%). Ini menjadikan Jumlah Liabiliti sebanyak RM475,684,241 pada tahun 2022.

Secara keseluruhannya, Aset Bersih Universiti pada tahun 2022 mencatatkan penurunan sebanyak RM1,642,512 (0.07%) berbanding 2021.




CARTA 7: Kedudukan Aset & Liabiliti UM bagi tahun 2021 dan 2022

10.2.4 Ekuiti

Segala perbelanjaan operasi UM dibiayai oleh Kumpulanwang yang berjumlah RM2,493,274,469. Tahun 2022 merekodkan penurunan sebanyak RM1,857,313 (0.07%) berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM2,495,131,782.

Terdapat 10 Kumpulanwang yang mempunyai fungsi tertentu yang terdiri daripada Kumpulanwang Mengurus, Pembangunan Modal, Pinjaman, Biasiswa dan Hadiah, Bantuan Terus, Bangunan, Derma, Penyelidikan Asrama dan Amanah seperti di Carta 8.



CARTA 8: Pecahan Kumpulanwang UM pada tahun 2022

Terdapat 5 Kumpulanwang yang mengalami peningkatan pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 iaitu KW Mengurus (RM6,314,914 (48.5%)), KW Pinjaman (RM491,243 (0.7%)), KW Derma (RM5,083,376 (8.6%)), KW Penyelidikan (RM22,877,159 (23.0%)), dan KW Amanah (RM29,348,256 (3.3%)). KW Pembangunan Modal mengalami penurunan terbesar berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak RM49,140,423 (4.9%). Kumpulanwang lain yang mengalami penurunan ialah KW Biasiswa dan Hadiah (RM1,998,874 (33.0%)), KW Bantuan Terus (RM4,679,183 (2.6%)), KW Bangunan (RM8,345,366 (2.3%)), dan KW Asrama (RM1,808,415 (22.2%)). KW Penyelidikan mengalami defisit pada tahun 2022 berjumlah -RM76,739,387 iaitu menurun sebanyak RM22,877,159 berbanding defisit sebanyak -RM99,616,546 pada tahun 2021.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaya. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Universiti Malaya dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan antara Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 54.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti Malaya 1961, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaya dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Malaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti Malaya 1961, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaya dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaya dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaya atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaya atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas usniaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti Malaya 1961, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaya, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaya berdasarkan keperluan Akta Universiti Malaya 1961, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] serta Perlembagaan Universiti Malaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DR. NOR HAIZA BINTI ABD AZIZ @ JUNED)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA

25 MEI 2023





**CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL
ON THE FINANCIAL STATEMENTS OF
UNIVERSITY OF MALAYA
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2022**

Certificate on the Audit of the Financial Statements

Opinion

I have authorised a private audit firm pursuant to subsection 7(3) of the Audit Act 1957 [Act 62] to undertake an audit of the Financial Statements of the University of Malaya. The financial statements comprise the Statements of Financial Position as at 31 December 2022 of the Group and of the University of Malaya and the Statements of Financial Performance, Statements of Changes in Net Assets, Cash Flows Statements and Statements of Comparison between Budget and Actual Amount of the Group and of the University of Malaya for the year then ended, and notes to the financial statements, including a summary of significant accounting policies, as set out on pages 1 to 54.

In my opinion, the accompanying financial statements give a true and fair view of the financial position of the Group and of the University of Malaya as at 31 December 2022, and of their financial performance and their cash flows for the year then ended in accordance with the Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) and the University of Malaya Act 1961, Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30] and University of Malaya Constitution requirements.

Basis for Opinion

The audit was conducted in accordance with the Audit Act 1957 and the International Standards of Supreme Audit Institutions. My responsibilities under those standards are further described in the Auditor's Responsibilities for the Audit of the Financial Statements section of my certificate. I believe that the audit evidence I have obtained is sufficient and appropriate to provide a basis for my opinion.

Independence and Other Ethical Responsibilities

I am independent of the Group and of the University of Malaya and I have fulfilled my other ethical responsibilities in accordance with the International Standards of Supreme Audit Institutions.

Information Other than the Financial Statements and Auditor's Certificate Thereon

The Board of Directors of the University of Malaya is responsible for the other information in the Annual Report. My opinion on the Financial Statements of the Group and of the University of Malaya does not cover the other information than the financial statements and Auditor's Certificate thereon and I do not express any form of assurance conclusion thereon.

Responsibilities of the Board for the Financial Statements

